



# TUJUH HARI PANJANG

## Saga Sheraton

Editor

Muhamad Takiyuddin Ismail • Suffian Mansor

# TUJUH HARI PANJANG

## Saga Sheraton

Buku ini didedikasikan untuk:

Mereka Yang Berjanji

# TUJUH HARI PANJANG Saga Sheraton

Editor

Muhamad Takiyuddin Ismail • Suffian Mansor



KUALA LUMPUR • 2020

Diterbitkan oleh  
**Penerbit Universiti Malaya**

Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
www.umpress.com.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT NO AR 2760

DOI: 10.14425/9789674881603

Ahli Pengasas Persatuan Penerbit Buku Malaysia (*MABOPA*) No. 196906  
Ahli Pengasas Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Muhamad Takiyuddin Ismail dan Suffian Mansor, (ed.) 2020

Semua hak terpelihara.  
Tiada mana-mana bahagian jua  
daripada penerbitan ini  
boleh diterbitkan semula atau disimpan  
dalam bentuk yang boleh diperoleh semula  
atau disiarkan dalam sebarang bentuk  
dengan apa cara sekali pun  
termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi,  
rakaman atau lain-lain tanpa  
mendapat izin daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Muhamad Takiyuddin Ismail,  
TUJUH HARI PANJANG : Saga Sheraton / Editor: Muhamad Takiyuddin Ismail,  
Suffian Mansor.  
ISBN 978-967-488-160-3  
1. Malaysia—Politics and government.  
2. Political culture—Malaysia.  
3. Political leadership—Malaysia.  
4. Government publications—Malaysia.  
I. Muhamad Takiyuddin Ismail.  
II. Suffian Mansor.  
320.9595

Dicetak oleh  
**Penerbit Universiti Malaya**  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur

# KANDUNGAN

<i>Senarai Jadual</i>	<i>vii</i>
<i>Prakata</i>	<i>ix</i>
<i>Senarai Singkatan</i>	<i>xii</i>
1 Editorial: Saga Sheraton <i>Muhamad Takiyuddin Ismail &amp; Suffian Mansor</i>	1
2 Mencari “Keyser Soze” dalam Krisis Sheraton <i>Muhamad Takiyuddin Ismail</i>	19
3 Dari Simpanan Tetap kepada <i>Kingmaker</i> : Sarawak dan Sabah dalam Langkah Sheraton <i>Suffian Mansor</i>	47
4 Ops Sheraton dan Implikasinya Terhadap Konsep Politik dan Perundungan Malaysia <i>Muhamad Nadzri Mohamed Noor</i>	71
5 Peranan Yang Di-Pertuan Agong Serta Institusi Raja dalam Menyelesaikan Krisis Politik Tujuh Hari <i>Mohd Samsudin</i>	93
6 Pelantikan Perdana Menteri Interim dalam Krisis Sheraton: Sah atau Tidak? <i>Siti Daud &amp; Faridah Jalil</i>	117

- 7 Bagaimana DAP Membuka Jalan kepada Langkah Sheraton? 139  
*Muhamad Takiyuddin Ismail*
- 8 Media Sohor Kini sebagai Penyelesai Teka-teki Politik 163  
Tujuh Hari Panjang  
*Mohd Shazwan Mokhtar*
- 9 Muafakat Nasional dalam Langkah Sheraton: Sebelum, 185  
Semasa dan Selepas  
*Shah Mohd Akmal & Ashraf Ahmad Hadi*
- 10 Dari Petaling Jaya ke Putrajaya: ‘Langkah Sheraton’ dan Reaksi 211  
Mahasiswa Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia  
*Mohd Irwan Syazli Saidin*
- 11 Krisis COVID-19 Selamatkan Muhyiddin Yassin dan 245  
Perikatan Nasional?  
*Muhammad Rabimi Hasan*
- Indeks 271

# SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Jumlah Kerusi dimenangi oleh Parti Bertanding di Sarawak dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 dan Ke-14	48
Jadual 3.2	Perubahan Jumlah Kerusi Selepas PRU-14 (Sarawak)	49
Jadual 3.3	Jumlah Kerusi dimenangi oleh Parti Bertanding di Sabah dalam PRU-13 dan PRU-14	50
Jadual 3.4	Perubahan Jumlah Kerusi Selepas PRU-14 (Sabah)	51
Jadual 3.5	Jumlah Sokongan Ahli Parlimen Sarawak kepada PN dan PH	59
Jadual 3.6	Jumlah Sokongan Ahli Parlimen Sabah (termasuk Labuan) kepada PN dan PH	64
Jadual 8.1	Perbandingan Trend Carian ‘Mahathir’, ‘Pakatan Harapan’ ‘Anwar Ibrahim’ dan ‘Azmin Ali’ di Malaysia	171
Jadual 8.2	Perbandingan Trend Carian ‘Azmin Ali’, ‘Muhyiddin Yassin’, ‘Mahathir’, ‘Islam’ dan ‘Melayu’ di Malaysia	173
Jadual 8.3	Perbandingan Trend Carian Parti Politik di Malaysia	174
Jadual 9.1	Senarai Menteri Kabinet Perikatan Nasional	200
Jadual 9.2	Senarai Timbalan Menteri Kabinet Perikatan Nasional	202
Jadual 10.1	Kronologi Krisis Peralihan Kuasa Mac 2020	219

Jadual 10.2	Sumber Maklumat berhubung peristiwa ‘Langkah Sheraton’	221
Jadual 10.3	Persepsi Responden bahawa ‘Langkah Sheraton’ merupakan rancangan sulit beberapa Ahli Parlimen dan Parti Politik untuk Menjatuhkan Kepimpinan Pakatan Harapan	223
Jadual 10.4	Persepsi Responden bahawa ‘Langkah Sheraton’ merupakan rancangan sulit beberapa Ahli Parlimen dan Parti Politik untuk Menggagalkan Usaha Peralihan Kuasa Perdana Menteri daripada Mahathir kepada Anwar	223
Jadual 10.5	Ulasan Bertulis Responden berhubung idea konspirasi di sebalik ‘Langkah Sheraton’	224
Jadual 10.6	Persepsi Responden bahawa ‘Langkah Sheraton’ merupakan manifestasi bahawa politik adalah ‘seni serba mungkin’ sebagaimana yang difahami dalam Sains Politik	228
Jadual 10.7	Persepsi Responden berhubung kewajaran ‘Langkah Sheraton’ dalam konteks amalan Demokrasi Berparlimen di Malaysia	231
Jadual 10.8	Reaksi Responden terhadap kenyataan beberapa Ahli Politik bahawa penubuhan Kerajaan Perikatan Nasional adalah Pengkhianatan Terhadap Mandat Rakyat semasa PRU-14	231
Jadual 10.9	Ulasan Bertulis Responden berhubung kritikan terhadap kewajaran ‘Langkah Sheraton’ dan Isu Pengkhianatan Mandat oleh Kerajaan Perikatan Nasional	232
Jadual 10.10	Pandangan Responden terhadap solusi terbaik untuk menamatkan Kemelut ‘Langkah Sheraton’ sebelum pembentukan Perikatan Nasional	236
Jadual 10.11	Reaksi Responden terhadap keberkesanan Peranan YDP Agong dalam menamatkan krisis ‘Langkah Sheraton’	238

# PRAKATA

**S**yukur pada Tuhan, buku ini berjaya diterbitkan. Projek buku ini merupakan inisiatif Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Di tengah-tengah kehangatan krisis penjajaran semula politik Malaysia yang bermula pada 23 Februari 2020, kami memutuskan untuk mendokumentasikan peristiwa penting tersebut sebagai satu rujukan masa hadapan. Justeru, Kumpulan Kajian Politik serta Kajian Sejarah telah bersama-sama berganding bahu dalam menyumbang kepakaran mereka menganalisis peristiwa tersebut dari pelbagai sudut. Beberapa pelajar siswazah juga turut dijemput bagi menyumbang idea mereka. Gabungan idea dari sarjana kanan dan sarjana muda seperti ini diharap dapat memberi sudut pandang yang lebih pelbagai dalam memperkatakan satu detik kontroversi dalam politik Malaysia. Kami melahirkan setinggi-tinggi penghargaan atas komitmen yang ditunjukkan semua penulis. Pertama, kerana sanggup meluang masa untuk menjayakan penulisan buku yang berbentuk “mengejut” ini. Dalam mana kesemua mereka mempunyai komitmen lain untuk dilaksanakan tetapi ini tidak menghalang mereka untuk terlibat dalam projek ini. Kedua, kerana ketekunan menyiapkan projek ini dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan kerajaan bermula pada 18 Mac 2020. Keupayaan semua penulis menyiapkan artikel masing-masing dalam tempoh PKP merupakan tugas yang benar-benar mencabar.

Dalam menyiapkan buku ini, hampir semua penulis telah menemu bual beberapa aktor yang mempunyai pengetahuan langsung atau mempunyai kepakaran mengenai krisis yang berlaku. Temu bual ini adalah bagi menambah pandang dalaman mengenai sesuatu topik yang

disentuh. Usaha mendapat input daripada informan ini menempuh pelbagai limitasi tersendiri kerana kesibukan pihak informan dengan aktiviti mereka. Malah, ada sesetengah informan yang sukar memberi komitmen kerana kekangan topik-topik sensitif memerlukan informan berhati-hati terhadap inputnya agar tidak membuka salah tafsir daripada pihak tertentu. Kebijaksanaan para penulis mendekati informan ini membolehkan beberapa input cukup penting diketengahkan dalam menambah maklumat yang sebahagiannya tidak dipaparkan oleh mananya media massa. Kerjasama dan keterbukaan informan-informan ini dalam berkongsi input amatlah kami hargai. Penulis-penulis buku juga diberi kebebasan untuk menentukan pendekatan yang ingin diambil dalam melihat sesuatu isu. Justeru, ada penulis yang menggunakan pendekatan akademik sepenuhnya dan ada yang menggunakan semi akademik iaitu gabungan unsur akademik dan juga penulisan popular. Melalui kaedah tersebut, kami berharap buku ini dapat menembusi khalayak pembaca yang lebih besar tanpa mengabaikan nilai akademiknya. Usaha ini juga akan dapat memberi pandangan dan gambaran suasana politik Malaysia yang penuh warna-warni kepada pembaca awam yang perlu mendapat maklumat jelas mengenai mandat yang mereka berikan kepada parti-parti politik dan individu bergelar wakil rakyat. Penghasilan buku ini juga akan menjadi salah satu sumber sejarah yang akan memberi ruang lebih besar kepada pengkaji seterusnya meneroka dan membuat analisis jelas tentang pola-pola politik Malaysia masa depan.

Akhir kata, kami melahirkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak-pihak yang terlibat dalam penerbitan buku ini; Sidang Editorial Penerbit Universiti Malaya khususnya Encik Shaaban Mustapa dan Encik Hanafi Hasbullah, seorang pewasit luar yang telah menilai kandungan buku ini dan pihak UKM yang membantu penyiapan buku ini menerusi geran GGPM 2018-022.

Muhamad Takiyuddin Ismail  
Suffian Mansor

# SENARAI SINGKATAN

1MDB	1 Malaysia Development Berhad
ADR	Ahli Dewan Rakyat
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
APEC	Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BERSATU	Parti Pribumi Bersatu
BERSIH	Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil
BN	Barisan Nasional
BPN	Bantuan Prihatin Nasional
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DOJ	Jabatan Keadilan Amerika Syarikat
DUN	Dewan Undangan Negeri
ERC	Jawatankuasa Reformasi Pilihan Raya
GBS	Gabungan Bersatu Sabah
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan / <i>Government Linked Companies</i>
GPS	Gabungan Parti Sarawak
GST	Cukai Barang dan Perkhidmatan
ICERD	<i>International Convention on Elimination of All Forms of Racial Discrimination</i>
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar

KMM	Kongres Maruah Melayu
KSN	Ketua Setiausaha Negara
KUTAR	Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman
LDP	<i>Liberal Democratic Party</i>
LTTE	<i>Liberation Tigers of Tamil Elam</i>
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MIC	<i>Malaysian Indian Congress</i>
MN	Muafakat Nasional
MoU	Memorandum Persefahaman
MPKKP	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan
MRR	Majlis Raja-Raja
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PBB	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
PBRS	Parti Bersatu Rakyat Sabah
PBS	Parti Bersatu Sabah
PDP	<i>Progressive Democratic Party</i>
PH	Pakatan Harapan
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PM	Perdana Menteri
PN	Perikatan Nasional
PRIHATIN	Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat
PRK	Pilihan Raya Kecil
PRN	Pilihan Raya Negeri
PRS	Parti Rakyat Sarawak
PRU	Pilihan Raya Umum
PSB	Parti Sarawak Bersatu
PSM	Parti Sosialis Malaysia
PTPTN	Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional
SD	Akuan Bersumpah
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SST	Cukai Jualan dan Perkhidmatan
STAR	Parti Solidariti Tanah Airku
SUPP	<i>Sarawak United People's Party</i>

TIBAI	Tolak Individu Bernama Anwar Ibrahim
TPM	Timbalan Perdana Menteri
TTKM	Tentera Troll Kebangsaan Malaysia
UEC	<i>Unified Examination Certificate</i>
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UITM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMNO	<i>United Malays National Organisation</i>
UM	Universiti Malaya
UniMAP	Universiti Malaysia Perlis
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UPKO	<i>United Progressive Kinabalu Organisation</i>
UPM	Universiti Putra Malaysia
WARISAN	Parti Warisan Sabah
WHO	<i>World Health Organisation</i>
YDPA	Yang di-Pertuan Agong

# 01

## EDITORIAL

### SAGA SHERATON

MUHAMAD TAKIYUDDIN ISMAIL<sup>1</sup> & SUFFIAN MANSOR<sup>2</sup>

#### Pengenalan

Dalam sejarah politik Malaysia, hanya ada beberapa peristiwa yang membabitkan pertanyaan “di manakah anda berada?” dan “apakah yang sedang anda lakukan?” pada ketika sesuatu peristiwa itu berlaku. Antara peristiwa-peristiwa tersebut termasuklah Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, tragedi 13 Mei 1969, kembalinya Tun Razak ke rahmatullah pada 14 Januari 1976, kegawatan Politik 1987-1988, pemecatan Anwar Ibrahim pada 2 September 1998 yang mencetuskan gerakan Reformasi selepasnya dan juga Pilihan Raya Umum Ke-12 pada 2008. Bagi yang berkesempatan menyaksikan dan mengikuti sesuatu peristiwa, mereka dapat dianggap bernasib baik kerana turut serta menyaksikan pembikinan sejarah yang sedang mengambil tempatnya. Jika diamati juga, peristiwa-peristiwa bersejarah dan tidak

<sup>1</sup> Muhamad Takiyuddin Ismail (PhD) merupakan Profesor Madya di Program Sains Politik, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau boleh dihubungi di taki@ukm.edu.my

<sup>2</sup> Suffian Mansor (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau boleh dihubungi di smansor@ukm.edu.my

terjangka seperti ini berlaku dalam selang waktu yang lama. Seolah-olah pada setiap dekad, akan berlakunya suatu peristiwa penting atau teori kitaran sepuluh tahun seperti yang banyak diutarakan penggemar “teori kebetulan” (seperti teori R.A.H.M.A.N yang menggambarkan urutan kepimpinan Perdana Menteri (PM) Malaysia).

Namun teori kitaran ini seakan-akan terhenti bermula pada 2018. Rakyat Malaysia tidak menunggu lama untuk menyaksikan tiga peristiwa penting yang berlaku hanya dalam tempoh tiga tahun. Dua daripadanya berlaku secara berturutan iaitu pada tahun 2020; tahun angka magis dan sering kali diangangkan akan menjadi penanda aras kepada Malaysia yang telah berubah dari segala aspek; pembangunan, budaya, sikap dan negara bangsa. Namun 2020 dibuka dengan “langkah kiri”. Rakyat Malaysia terpaksa menahan nafas selama seminggu menyaksikan peristiwa yang kini dikenali dengan pelbagai nama; “penajaran semula politik Malaysia”, “Langkah Sheraton”, “Krisis Sheraton” ataupun “Kudeta Sheraton”. Ramai rakyat terpinga-pinga dengan apa yang sebenarnya berlaku dan mencari jawapan menerusi pelbagai media masa sama ada bercetak, elektronik dan maya. Pelbagai andaian dan tanggapan timbul dalam kalangan pemerhati dan penganalisis politik namun kesemuanya tidak dapat memberi satu jawapan yang memuaskan berikutnya kepantasannya perubahan pendirian aktor-aktor politik yang terlibat. Paparan media sosial bertali arus dengan andaian dan ramalan yang bertukar setiap minit. Penularan berita palsu juga merebak sebagai medium propaganda sesetengah parti politik. Dalam tempoh tujuh hari, kawan bertukar menjadi lawan dan sebaliknya. Kolumnis terkenal, Joceline Tan menyifatkan plot Langkah Sheraton sebagai “*crazy chain of events*” (2020). Sarjana *Malaysianist* yang berpangkalan di Wisconsin, Craig Lockard turut melihat; “*Wow. The roller coast ride continues with every turn. Trying to follow and understand all of this chaos from Wisconsin causes a bad case of vertigo. No novelist or filmmaker could imagine a plot this byzantine.*”<sup>3</sup> Belum pun kehangatan dan bahang krisis tersebut dapat diredukan, Malaysia terus dihadapkan dengan satu lagi ujian penting iaitu krisis wabak Covid-19 yang telah memakan korban yang tinggi di seluruh dunia sehingga kini. Kesannya, kerajaan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020. Dalam tempoh sebulan, Malaysia bukan sahaja berubah sekilip mata dari aspek politik tetapi juga dari aspek kebebasan dan gaya hidup.

<sup>3</sup> Komen Craig Lockard ini ditemui dalam sebuah laman *Facebook*. Begitu pun, penulis terlupa untuk mencatatkan nama pemilik akaun tersebut.

## Dari 9 Mei 2018 ke Pilihan Raya Kecil Kimanis Januari 2020

Pada pagi 9 Mei 2018, rakyat Malaysia menyaksikan tumbangnya kerajaan Barisan Nasional (BN) kepada Pakatan Harapan (PH) yang dipimpin oleh bekas PM, Mahathir Mohamad. Hotel Sheraton Petaling Jaya yang menjadi tempat berlangsungnya sidang media PH pada pagi itu menyaksikan suasana yang penuh emosional dan keterujaan. Lazimnya, sesuatu keputusan PRU akan dapat diketahui pada tengah malam. Dalam PRU-14, banyak keputusan rasmi tidak diumumkan walaupun sudah diketahui siapa pemenangnya. Hanya dalam sidang media PH pada pagi itu, keputusan semakin jelas bahawa perubahan telah berlaku. Kejatuhan sebuah rejim yang telah memerintah selama 60 tahun itu merupakan kejutan yang disamakan dengan kemenangan Presiden Donald Trump dalam Pilihan Raya Amerika Syarikat dan juga peristiwa Brexit. Hampir tidak ada penganalisis atau badan pungutan suara yang meramalkan bahawa PH boleh menewaskan satu daripada dua parti dominan utama di dunia itu. Sejak sebelum Merdeka, segala bentuk gabungan kepembangkangan gagal untuk menghalang dominasi kuasa Perikatan/BN. Bermula dari Onn Jaafar dengan Parti Negara dalam PRU 1955 dan diteruskan dengan Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah, Barisan Alternatif hingga ke Pakatan Rakyat dalam PRU-13 dalam 2013, BN yang diterajui UMNO hanya berjaya diimbangi tetapi gagal diturunkan dari koridor kuasa persekutuan.

Hegemoni BN runtuh apabila PRU-14 menyaksikan rakyat mengundi PH di pantai barat Semenanjung Malaysia. Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah. Manakala PAS pula membawa gelombang hijau di pantai timur dengan melebarkan penguasaannya dari Kelantan ke Terengganu. Parti Warisan Sabah (WARISAN) yang hanya ditubuhkan beberapa tahun lalu juga berjaya menawan Sabah dari BN. Sarawak pula menyaksikan beberapa kerusi tradisi yang dianggap kubu kuat BN jatuh. BN lebih berasih baik di Sarawak kerana Dewan Undangan Negeri (DUN) tidak dipertandingkan dalam PRU-14. Ramalan bahawa pertukaran kuasa di Malaysia hanya akan dapat berlaku menerusi protes jalan raya seperti yang disuarakan beberapa aktivis meleset hanya pada semalam. Bukan sahaja ia banyak menafikan tesis bahawa sistem pilihan raya di Malaysia tidak mampu menawarkan penggiliran kuasa di peringkat nasional, tetapi juga

turut membuktikan kematangan rakyat Malaysia yang menggunakan kuasa mereka secara bijaksana. Tidak ada sebarang pertumpahan darah menyusuli tarikh 9 Mei 2018. Tanggal 13 Mei 1969 yang sering kali menjadi “angka menakutkan” telah diganti dengan tarikh ikon baharu. Malaysia kemudiannya diuar-uarkan telah memasuki satu era yang dikenali sebagai “Malaysia Baharu”; simbol harapan besar rakyat Malaysia untuk melihat perubahan besar dalam pemerintahan PH menerusi manifestonya.

Namun tidak sampai setahun, pakatan yang tidak pernah teruji di peringkat nasional dan tidak teruji dari segi kesepaduan ideologi khususnya antara Parti Pribumi Bersatu (BERSATU) dan juga Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Amanah Negara (AMANAH) mula dihadapkan dengan sindrom badi kuasa. PH mula dilihat terputus dengan rakyat terbanyak dan reformasi struktural dan institusi yang dijalankan menjadikan masyarakat luar bandar sebagai sasaran yang paling terkesan. Menteri-menteri kabinet pula menjengkelkan masyarakat dengan cadangan yang dilihat tidak masuk akal dan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menjadi bahan lelucon. Dari projek kereta terbang hinggaalah isu menteri tisu, pihak pembangkang dan netizen tidak menang tangan untuk melemparkan *troll* tanpa henti. Jika sebelum PRU-14, PH dikenali kerana keupayaan menghantar mesej dan komunikasi yang berkesan, kemahiran ini seakan-akan tidak lagi dijadikan sandaran. Mereka umumnya tewas dengan hujah-hujah pembangkang dan tidak menampakkan minat untuk membala kecaman yang dilontarkan. Templat yang banyak digunakan hanyalah menyalahkan BN-UMNO atas segala kebejatan yang timbul dalam pentadbiran mereka. Keangkuhan dan sikap “mengepak” terserlah jelas tanpa dapat disembunyikan. Kisah-kisah “blue tick” bukan sahaja meluas kedengaran dalam kalangan menteri tapi juga aktivis-aktivis “keras dan melawan” yang telah berada di koridor kuasa. Seperti yang turut diakui oleh Penasihat Ekonomi Negara, Daim Zainuddin: “*Several of them became arrogant and could not care less about the people, a far cry from the last time when they were so friendly and approachable... They stopped replying to queries, claiming to be too busy to meet the people* (dipetik daripada Lai 2020). Jauh dari memberi keutamaan kepada politik perut, masyarakat juga mula melihat PH lebih banyak membuang masa dengan polemik peralihan kuasa antara Mahathir dengan Anwar Ibrahim. Memburukkan keadaan ialah ketegangan dan perbalahan yang

tidak berkesudahan antara faksi Anwar dan Azmin Ali di dalam PKR. Rumusannya, jika sebelum ini ketika menjadi pembangkang, PH sering bersandar dengan mantera “rakyat bukan bodoh” dan sering berpesan pada BN agar “jangan memperbodohkan rakyat” – seperti dalam isu sayur kangkung, ayam seringgit dan masak sendiri apabila kos hidup melambung - maka tibalah giliran BN untuk memulangkan semula paku buah keras kepada PH.

Memasuki tahun kedua, sindrom sentimen kehilangan keyakinan mula dirasakan di mana-mana dan “kerinduan” terhadap BN tidak dapat disembunyikan oleh mereka yang membantu PH untuk ditabah sebagai kerajaan. Bekas PM, Najib Razak yang menjadi punca fokal kejatuhan BN dalam PRU-14 berikutan skandal 1MDB kini menjadi komoditi buruan menerusi slogan *“Malu Apa Bossku”*. Hashtag #kerajaansepenggal dan #pbkencing dipaut di merata siaran media sosial. BN kini dilihat sebagai alternatif terbaik bagi pengundi untuk menunjukkan protes mereka kepada PH. Lanjutan dari sentimen tersebut, PH kecundang dalam lima siri pilihan raya kecil (PRK). Begitu pun, dua kekalahan pertama di Cameron Highlands dan Semenyih tidak menjadi iktibar untuk PH untuk membaiki prestasinya. Kesannya, PH terus dihukum pengundi dalam PRK Semenyih yang merupakan salah satu kerusi yang mereka menangi dalam PRU-14. PRK Semenyih menunjukkan pusat-pusat mengundi yang sebelum ini menyokong PH telah memberi undi kepada BN (Saravananmuttu 2019). Menyusuli Semenyih ialah kekalahan PH dalam PRK Rantau sebelum PH akhirnya “disembelih” dalam PRK Tanjung Piai pada November 2019. Dalam PRK tersebut, PH tewas di tangan BN dengan majoriti undi 15,086 berbanding kemenangan mereka dalam PRU-14 dengan majoriti 524. Turut menambah kontengan arang di muka PH ialah peralihan undi Cina yang signifikan dalam PRK tersebut (Khairil Anwar Mohd Amin 2019).

Pada Disember 2019, seorang sarjana Jepun yang mengkaji mengenai politik Malaysia membentangkan kertas kerja di sebuah persidangan antarabangsa berprestij dengan tajuk “Adakah PH akan mengikuti jejak langkah parti DPJ di Jepun?” (Tsukasa 2019). DPJ merujuk kepada parti Democratic Party of Japan (DPJ) yang berjaya mengalahkan parti dominan, Liberal Democratic Party (LDP) dalam Pilihan Raya Jepun 2009 namun disingkir semula oleh rakyat Jepun dalam pilihan raya 2012 berikutan kegagalan menunaikan manifesto,

percakaran dalaman juga ketidakcekapan dalam menguruskan isu-isu nasional dan antarabangsa.

Protes terhadap PH tidak terhenti di Semenanjung tetapi turut menyeberangi Laut China Selatan ke Bumi Di bawah Bayu dalam PRK Kimanis selepasnya. Walaupun Ketua Menteri, Shafie Apdal pernah menyatakan bahawa Kimanis adalah berbeza dengan Tanjung Piai (Mohd Izham 2020) dan sememangnya wujud isu tempatan yang menyebabkan kekalahan PH, namun penganalisis mula melihat bahawa kekalahan di Kimanis menunjukkan isu yang berlaku di Semenanjung Malaysia mula merebak ke Sabah berikutan kegagalan PH menuaikan perkara-perkara yang dekat dengan rakyat dalam manifesto mereka (Mohd. Hafiz Ismail 2020). UMNO dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang merupakan dua pesaing utama politik Malaysia sejak sekian lama akhirnya “bercium mulut” menerusi gabungan Muafakat Nasional. Formula Muafakat Nasional ini menjadi wadah baharu untuk melawan PH. Permuafakatan mereka menarik parti pembangkang di Sabah untuk bersatu dalam pakatan lebih besar dengan formula Muafakat Rakyat Sabah. Ini kerana konsep Muafakat Nasional tidak sesuai di Sabah tetapi perlu disusun semula megikut keperluan lokal. Sokongan daripada PAS menerusi pemimpin nombor satunya iaitu Abdul Hadi Awang menunjukkan kesepaduan pembangkang untuk melawan kerajaan PH. Malah Abdul Hadi diberi ruang untuk berucap dalam kempen BN di Kimanis (Kow Gah Chie 2020). Rakyat Sabah di Kimanis nampaknya mula merenggangkan isu campur tangan orang Malaya dan isu agama dalam permuafakatan ini. Selepas kemenangan BN di Kimanis, wujudnya uar-uar bahawa Parti Bersatu Sabah (PBS) akan kembali ke pangkuhan BN (Mohd Izham 2020b).

Membentangkan perkembangan sebelum Langkah Sheraton diaktifkan pada 23 Februari 2020 menyarankan bahawa PH telah pun berada dalam mod kemusnahan kendiri (*self-destruction*). Namun hasrat pengundi yang merasakan mandat mereka dikhianati oleh PH dan ingin memberi pengajaran kepada gabungan tersebut dalam PRU-15 dipenuhi lebih awal. Hayat PH selama dua puluh dua bulan berakhir pada penghujung Februari 2020 menerusi penyekutuan gabungan baharu yang dikenali sebagai Perikatan Nasional (PN); gabungan yang diterajui oleh faksi BERSATU yang diketuai oleh Presidennya, Muhyiddin Yassin. PN turut didukung oleh faksi yang berada dalam kem Timbalan

Presiden PKR, Azmin Ali, gabungan Muafakat Nasional (UMNO, PAS, Persatuan Cina Malaysia/MCA dan Kongres India Malaysia/ MIC) dan juga Gabungan Parti Sarawak (GPS) serta beberapa parti kecil di Sabah. Tanpa sebuah pilihan raya baharu yang dijangka menelan belanja RM800 juta, Malaysia menyaksikan gabungan politik ketiga diangkat sebagai kerajaan selepas pemerintahan BN dan PH.

## Realpolitik dan Demokrasi

Biarpun khabar mengenai pengambilalihan kerajaan menerusi gabungan politik baharu telah berterbangan semenjak suku keempat 2019, Langkah Sheraton yang diaktifkan di hotel sama yang menabalkan mereka sebagai kerajaan tidak menyaksikan sebuah plot yang lurus dan menepati skrip asal. Pembelokan plot bermula apabila Mahathir meletakkan jawatan pada 24 Februari 2020 dan dengan itu turut meruntuhkan kerajaan PH secara automatik. Dengan kata lain, Mahathir yang mengambil keputusan untuk tidak lagi mengaktifkan kerajaannya sendiri. Ironinya, Mahathir seolah-olah dilihat hanya melakukan apa yang diminta oleh pendesak peralihan kuasa iaitu meletakkan jawatan (setelah Anwar dibebaskan menerusi pengampunan DiRaja, Mahathir mengulas bahawa: “Dahulu mereka kata saya penjarakan beliau, kini saya tolong bebaskanlah”).

Pelantikan Muhyiddin yang bukan merupakan calon pilihan berbanding Mahathir, Anwar Ibrahim mahupun Azmin Ali menjadikan beliau sebagai PM pertama yang tidak melalui proses peralihan kuasa secara teratur seperti tujuh PM sebelumnya. Daripada seorang pemimpin yang tidak banyak diperkatakan berikutnya sakit kanser yang dihidapinya, Muhyiddin seolah-olah mendapat rezeki terpijak seperti pendahulunya, PM Keempat, Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009); tokoh yang juga tidak diberi harapan untuk dilantik sebagai PM, namun menongkah ramalan berikutnya pemecatan Anwar Ibrahim pada 1998. Chandra Muzaffar menyifatkan:

Sebagai ahli sains politik saya nampak walaupun politik dianggap sebagai sains, ada banyak perkara dalam politik itu yang kita tidak boleh ramal. Sesuatu itu mungkin berlaku kerana takdir. Walaupun ada banyak nama yang disebut sebagai bakal PM, tak ramai menyebut nama Muhyiddin. Tetapi akhirnya Muhyiddin yang dipilih menjadi PM. Itulah takdir. (Chandra Muzaffar 2020)

Kejatuhan PH turut memberikan kesan domino. Empat kerajaan negeri yang diterajui BERSATU sebelumnya iaitu Johor, Melaka, Perak dan Kedah tumbang. Sehingga artikel ini ditulis, khabar telah kedengaran bahawa Sabah yang diterajui WARISAN turut berada dalam ketidaktentuan. Sudah tentu di atas kertas, keadaan adalah berbeza di Sabah kerana kerajaan WARISAN dan sekutunya memegang kerusi yang besar (Jason 2020). Pihak pembangkang memerlukan bukan satu atau dua kerusi untuk menawan Sabah seperti yang berlaku di Melaka dan Kedah tetapi sekitar 15 ke 16 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Namun sebarang kemungkinan tetap sukar untuk diketepikan kerana politik Sabah memang sering diwarnai dengan tindakan melompat parti yang menyebabkan kejatuhan beberapa kerajaan Sabah pada masa lalu.

Muhyiddin pula bukan sahaja berhadapan dengan tekanan daripada UMNO yang dilihat cuba mendominasi naratif umum dan pembuatan keputusan, namun juga berhadapan dengan Mahathir yang masih mengisyiharkan beliau sebagai punca kuasa sebenar BERSATU menerusi jawatan Penggerusi yang masih disandangnya. Walaupun cubaan Mahathir membawa undi tidak percaya kepada Muhyiddin dalam sidang Dewan Rakyat pada 18 Mei 2020 gagal dilaksanakan apabila PN memutuskan tiada sidang berlangsung selepas selesainya Titah Diraja, PN yang memiliki majoriti tipis dengan hanya dua kerusi berhadapan dengan tugas mencabar untuk mengekalkan sokongan kesemua penyokong mereka. Biarpun Muhyiddin dilihat cuba mengukuhkan pengaruhnya menerusi pelantikan sekutu-sekutunya bagi menerajui syarikat berkaitan kerajaan (GLC), ia bukan merupakan jaminan bahawa tidak akan wujudnya tentangan di kemudian hari. Integriti kepimpinan beliau juga akan dilihat melalui kes-kes berprofil tinggi yang sedang dihadapi oleh beberapa pemimpin utama khususnya Najib Razak dan Presiden UMNO, Zahid Hamidi. Selain itu, Muhyiddin juga harus memberi perhatian khusus kepada Sarawak. Penolakan jawatan Timbalan Menteri oleh Presiden *Progressive Democratic Party* (PDP), Tiong King Sing merupakan contoh rasa kurang senang anggota PN.<sup>4</sup> Menurut Setiausaha Agungnya, Nelson Balang Rining, jawatan yang diberi kepada presiden mereka itu tidak sesuai kerana Tiong merupakan pemimpin kanan dalam parti dan telah lama berkhidmat dalam kerajaan. PDP kemudiannya

---

<sup>4</sup> PDP adalah sebahagian daripada parti kompenan yang bergabung dalam GPS. Selain PDP, parti-parti kompenan GPS yang lain adalah Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Sarawak United People's Party (SUPP) dan Parti Rakyat Sarawak (PRS).

menamakan seorang lagi ahli parliment mereka iaitu Anyi Ngau sebagai Timbalan Menteri. Muhyiddin kemudiannya melantik Tiong sebagai Duta Khas PM ke China (*Borneo Post Online* 2020). Cadangan PDP untuk menamakan Anyi Ngau sebagai Timbalan Menteri pula tidak kesampaian kerana jawatan itu diserah kepada MCA. Walaupun PDP tidak menunjukkan rasa kurang senang dalam hal ini, namun kedudukan mereka yang mempunyai dua kerusi parliment mampu menumbangkan PN. Hal ini disusuli dengan dengan kenyataan Baru Bian yang menggesa parti-parti dalam GPS memikirkan semula kedudukan mereka dalam GPS kerana GPS dilihat didominasi oleh Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB). Kenyataan beliau ini bersandarkan tindakan GPS yang menandatangani persefahaman dengan PN (*DayakDaily* 2020). Menariknya dalam hal ini ialah jumlah menteri dan timbalan menetri Sarawak dalam kalangan GPS berjumlah lapan orang. Daripada lapan itu tujuh dipegang oleh PBB dan satu dari Parti Rakyat Sarawak (PRS). Manakala PDP dan *Sarawak United People's Party* (SUPP) tidak mempunyai wakil dalam kabinet. Boleh dikatakan, apa sahaja perubahan yang berlaku kepada kerajaan PN, ia mungkin akan berlaku di Sarawak. Selain Sabah, isu melompat parti memang pernah berlaku juga di Sarawak. Seperti biasa dalam mengelak sebarang masalah yang akan timbul, kerajaan PN menawar jawatan duta kepada satu-satunya ahli parliment SUPP iaitu Richard Riot sebagai Duta Khas PM ke Asia Timur (*The Malaysian Insight* 2020).

Namun secara umumnya, Muhyiddin bagaimanapun boleh menarik nafas lega dengan mengetahui sokongan popular masyarakat Melayu-Islam berada di pihaknya. Kerajaan PN yang didominasi oleh kepimpinan Melayu-Islam dilihat berjaya memberi kelegaan psikologi yang diperlukan dalam isu-isu yang menyentuh kedudukan mereka. Krisis Covid-19 juga secara umumnya dikendalikan dengan baik oleh kerajaan PN dan pemberian Bantuan Prihatin Nasional yang inklusif dilihat berperanan sebagai jaringan keselamatan yang efisien. Dalam sebuah krisis besar seperti krisis Covid-19, Muhyiddin dan PN mendapat faedah daripada *rally round the flag effect*. Sebaliknya, Mahathir yang sukar dibaca permainan politiknya tetap menjadi duri dalam daging kepada kerajaan dan pembangkang. Sejarah membuktikan bahawa Mahathir mempunyai peranan penting dalam menekan beberapa PM sebelum ini untuk meletak jawatan. Janji Mahathir bahawa beliau akan terus mendatangkan masalah kepada kepimpinan Muhyiddin tidak harus

dipandang ringan. Di sebalik imej beliau kini yang merudum teruk baik di pihak penyokong PN maupun penyokong PH, “hariman tersenyum” ini tetap merupakan pembolehubah penting.

Krisis Sheraton sememangnya merupakan peristiwa tidak berasib baik dalam konteks demokrasi di Malaysia. Bagi pengkaji bidang pendemokrasian, Krisis Sheraton membenarkan hipotesis mengenai kegentingan tahap transisi yang sering dianggap sebagai fasa terpenting proses pendemokrasian. Setelah melepassi tahap peluruhan autoritarian yang ditandakan dengan peralihan kuasa, PH memasuki fasa transisi dengan keadaan yang dipenuhi ketidaktentuan. Apakah mereka boleh terus bergerak ke fasa konsolidasi seperti yang dilakukan Indonesia ataupun mengalami situasi pengunduran semula? Kelihatannya, PH terjebak dengan masalah konservatisme iaitu penentangan terhadap perubahan dan juga politik identiti yang terinstitusi kuat dalam politik Malaysia. Kekangan seperti ini bukanlah perkara baharu. Ia pernah dihadapi oleh Abdullah Ahmad Badawi apabila cuba berjinak-jinak dengan idea reformasi institusi dan struktural sewaktu pemerintahannya. Selebihnya adalah sejarah.

Dua pandangan terbanyak mengiringi analisis pasca-Sheraton. Pertama, diakui PH merupakan gabungan yang bermasalah dalam memaparkan kompetensi mereka sebagai sebuah gabungan politik alternatif yang lebih baik dari BN. Begitu pun, ini tidak bermakna bahawa PH boleh ditumbangkan dengan kaedah yang tidak sesuai dari segi moralnya seperti yang berlaku dalam Krisis Sheraton. Seperti juga BN yang dikeluarkan melalui kekuasaan melalui cara yang sah iaitu melalui pilihan raya, PH juga hanya berhak dikeluarkan melalui mekanisme yang serupa. Selain PH, pandangan ini banyak dipegang oleh golongan prodemokrasi dan juga kumpulan “masyarakat sivil kepembangkangan” yang menyifatkan krisis Sheraton sebagai “pintu belakang” atau istilah yang lebih keras, “rampasan kuasa”. Ringkasnya, PH hanya boleh ditumbangkan menerusi diktum *legally right and morally right*.

Pandangan kedua pula menyifatkan Krisis Sheraton sebagai langkah yang perlu dilakukan bagi “menyelamatkan Malaysia” dari mudarat yang lebih besar setelah berada di bawah kepimpinan PH. Justeru, walaupun mereka melihat mekanisme kejatuhan PH dibuat dengan cara yang tidak sesuai dari segi moral, kaedah “tebuk atap” seperti yang digelar oleh Abdul Hadi itu masih merupakan cara yang dibenarkan oleh perlombagaan; *legally right though morally wrong*. PN

tidak boleh disalahkan sepenuhnya kerana ia turut merupakan kaedah yang dicanangkan oleh pemimpin seperti Anwar Ibrahim dalam usaha beliau menumbangkan kerajaan pimpinan Abdullah Ahmad Badawi pada 16 September 2008 atau pun Langkah Kajang pada 2014. Selain itu, ketiadaan sebarang demonstrasi jalanan atau tunjuk perasaan dalam skala yang besar – walaupun idea tersebut ada dijentik oleh kumpulan “masyarakat sivil” sepanjang berlangsungnya krisis – turut menampakkan bahawa majoriti rakyat bersetuju dengan penyelesaian yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Abdullah. Majoriti golongan Melayu-Islam termasuklah 30% pengundi yang memberikan undi mereka kepada PH dalam PRU-14 diyakini berada dalam kategori kedua ini.

Begitu pun dalam sisi yang positif, rakyat Malaysia sekali lagi menunjukkan kepada dunia bahawa mereka tetap bersikap rasional dan tidak memilih jalan kekerasan bagi menyelesaikan krisis. Dalam tempoh seminggu berada dalam mod *auto-pilot*, Malaysia menghantar mesej bahawa, tanpa sebuah kerajaan sekalipun, negara ini masih ditadbir dengan berkesan oleh pasukan keselamatan dan birokrat pentadbiran awam. Selain itu, rakyat Malaysia juga buat pertama kalinya dapat menyaksikan bagaimana institusi monarki memainkan peranan langsung dan terbuka dalam menjadi unsur penstabil dalam sebuah demokrasi berparlimen. Apa jua tafsiran mana-mana pihak mengenai peranan yang dimainkan oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dalam menyelesaikan krisis tersebut, pengajaran yang kelihatannya wujud dalam krisis Sheraton ialah kerelevan institusi tersebut dalam menjadi penyeluk dan pemberi kelegaan. Kestabilan di Thailand dan Jepun menyaksikan bagaimana peranan raja kedua-dua negeri ini membawa kepada kesejahteraan kepada negara dan rakyat apabila timbulnya krisis politik. Begitu juga kembalinya sistem monarki di Kemboja membawa kepada kestabilan negara tersebut. Ini adalah pilihan bagi sesebuah negara yang mengekalkan sistem monarki. Sebab itu, dalam konteks akademik dan sejarah, krisis Sheraton turut perlu dilihat sebagai satu kajian kes penting mengenai keunikan politik Malaysia sebagai makmal uji kaji. Seperti pengamatan yang disampaikan oleh editor akhbar *Straits Times* Singapura kepada wartawan veteran Malaysia, Zin Mahmud, “Sesungguhnya, politik Malaysia penuh warna-warni. Tak macam Singapura yang membosankan” (Zin Mahmud 2020). Pengakuan ini turut sekali gus menyarankan bahawa adakalanya “warna-warni”

seperti Krisis Sheraton merupakan sesuatu yang diperlukan bagi meninggikan pemahaman mengenai keunikan, keterbatasan dan cabaran dalam mempraktikkan demokrasi di Malaysia.

## Mengenai Buku Ini

Sesuatu peristiwa tidak harus dilihat dalam konteks yang singkat bagi mendapatkan pentafsiran yang komprehensif. Buku ini tidak bercadang menawarkan analisis dan tafsiran muktamad mengenai apa yang berlaku selama tujuh hari panjang itu dan waktu selepasnya. Ia hanyalah merupakan usaha permulaan bagi mendokumentasikan pandangan dan analisis preliminari mengenai krisis tersebut. Buku ini memasuki proses penerbitan sebaik sahaja Sidang Dewan Rakyat pada 18 Mei 2020 diselesaikan. Justeru, apabila buku ini menemui khalayak, mungkin akan wujudnya banyak lagi perkembangan, pendedahan dan rantaian peristiwa yang dapat meletakkan konteks terhadap tujuh hari panjang tersebut. Begitu pun, kesemua penyumbang bab dalam buku ini telah cuba menekuni isu-isu utama yang berlegar sepanjang tujuh hari panjang itu dan tempoh tiga bulan selepasnya.

Membuka tirai buku ini dalam Bab 2 ialah artikel “Mencari “Keyser Soze” dalam Krisis Sheraton” yang ditulis oleh Muhamad Takiyuddin Ismail. Artikel ini menyelongkar motif, *intrigue* dan juga kekusutan trajektori krisis tersebut. Krisis Sheraton bagi beliau menepati definisi konspirasi berikutkan skala perancangan dan penglibatan aktor-aktor yang terlibat. Konspirasi ini diketahui dan direstui oleh Mahathir bagi tujuan membina satu pakatan politik baru yang lebih terpusat pada kuasa Melayu. Begitu pun, perletakan jawatan Mahathir secara mengejut menyebabkan konspirasi terancang berubah menjadi konspirasi yang berbentuk *go with the flow*. Plot Krisis Sheraton menurut beliau dilihat menyamai kerumitan filem neo-noir tersohor, *The Usual Suspect*. Walaupun penonton pada akhirnya seakan-akan memperoleh jawapan mengenai siapa sebenarnya “Keyser Soze” atau dalam utama yang digambarkan dalam filem tersebut, ia sehingga kini masih merupakan persoalan yang dipolemikkan oleh ramai pihak. Krisis Sheraton dijangka turut akan dihadapkan dengan persoalan yang sama dalam tahun-tahun mendatang berhubung siapakah yang sebenarnya memainkan peranan instrumental dalam gerakan tersebut.

Suffian Mansor menyambung perbincangan dalam Bab 3 mengenai “Dari Simpanan Tetap kepada *Kingmaker*: Sarawak Dan Sabah Dalam Langkah Sheraton”. Beliau melihat peranan Sabah dan Sarawak tidak lagi seperti simpanan tetap tetapi sebagai penentu kepada kerajaan pusat. Sokongan mereka diberi berdasarkan tuntutan tertentu yang perlu ditunaikan oleh pihak yang disokong. Tuntutan utama mereka ialah agar hak negeri terutama Perjanjian Malaysia menjadi sandaran. Manakala unsur-unsur yang menjelaskan kepentingan mereka seperti hubungan kurang mesra zaman PH dan bimbang akan ditumbangkan oleh parti lain di negeri juga diambil kira sebagai alasan untuk menyokong pihak kerajaan pusat yang akan dibentuk. Atas sebab itu secara umumnya parti-parti di Sarawak dan Sabah mempunyai sebab utama menyokong pihak kerajaan tetapi dengan berlainan pendekatan. Hal ini boleh dilihat daripada pendekatan yang diambil oleh Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Parti Warisan Sabah yang masing-masing memberi sokongan kepada PN dan PH.

Perbincangan Bab 4 oleh Muhamad Nadzri Mohamed Noor kemudiannya membahaskan mengenai “Ops Sheraton dan Implikasinya Terhadap Konsep Politik dan Perundangan Malaysia”. Beliau menghujahkan bahawa Operasi Sheraton telah menunjukkan bukti baharu perkembangan politik hibrid di Malaysia yang menuju ke arah sebuah sistem *quasi-parliamentary* dan *quasi-constitutional monarchy*. Operasi Sheraton bagi beliau merupakan satu bentuk inovasi autoritarian dalam mengubah sesebuah kerajaan dengan sesuatu kerajaan boleh dijatuhkan bila-bila masa, meskipun tanpa proses yang telus dan semakan daripada dewan perundangan. Walaupun beliau melihat rekayasa eksekutif ini mendapat duluannya dari langkah yang telah diambil BN dalam krisis peralihan kuasa di Perak pada 2009, beliau tetap melihat bahawa langkah yang sama telah diadaptasi oleh kepimpinan Warisan di Sabah selepas PRU 2018. Pelaksanaan praktik seperti ini akan menghilangkan fungsi sesebuah pilihan raya dan juga keputusan rakyat terbanyak.

“Peranan Yang Di-Pertuan Agong serta Institusi Raja dalam Menyelesaikan Krisis Politik Tujuh Hari” merupakan isu yang disentuh oleh Mohd Samsudin dalam perbincangan Bab 5. Artikel ini berhujah bahawa peranan YDPA dalam menyelesaikan krisis tujuh hari tersebut merupakan sesuatu yang bersejarah kerana selama ini negara tidak pernah melalui situasi untuk melantik seorang PM apabila sebuah parti yang memerintah hilang sokongan ahli Parlimen. Justeru, ia

merupakan pengalaman baru kepada YDPA dan Majlis Raja-Raja. Dengan berpandukan kepada perlembagaan dan juga dulu-an-dulu-an seumpamanya di peringkat negeri, YDPA dilihat telah melakukan lebih daripada yang sepatutnya dalam menyelesaikan krisis tersebut. Selain merupakan pengalaman berharga bagi rakyat Malaysia yang dapat menyaksikan penglibatan langsung institusi raja dalam sesuatu krisis, beliau menghujahkan personaliti dan karakter Yang di-Pertuan Agong, Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, turut memberi legitimasi tambahan dalam menonjolkan peranan YDPA sebagai pengendur dan penyejuk konflik.

Analisis diteruskan dalam Bab 6 menerusi artikel “Pelantikan PM Interim dalam Krisis Sheraton: Sah Atau Tidak? oleh Sity Daud dan Faridah Jalil. Kedua-dua penulis membahaskan yang pelantikan Mahathir Mohamad sebagai PM Interim tidak bercanggah dengan Perlembagaan dan mempunyai asas perundangan. Oleh sebab PM Interim adalah sementara sifatnya, prinsip perjalanan tugas Kerajaan *caretaker* boleh dijadikan rujukan. Antara prinsip penting ialah, seorang PM Interim perlu mengelakkan daripada membuat polisi baharu, memasuki ikatan kontrak baharu atau membuat pelantikan penting. Namun begitu, kekeliruan timbul kerana tiada undang-undang atau konvensyen bertulis mengenai jawatan tersebut. Mereka mencadangkan pendokumentasian amalan dan konvensyen pemerintahan dan pentadbiran yang menyokong Perlembagaan bagi membantu semua pihak untuk memahami perjalanan sistem Kerajaan dan bagaimana penyelarasannya dibuat dengan peruntukan Perlembagaan pada masa akan datang.

Artikel Bab 7 tulisan Muhamad Takiyuddin Ismail pula membahaskan “Bagaimana DAP Membuka Jalan kepada Langkah Sheraton? Beliau menghujahkan yang sikap dan karakter “pejuang jalanan” yang dipunyai DAP sejak sekian lama gagal dikikis apabila parti tersebut menduduki koridor kuasa persekutuan. Jauh dari menggunakan peluang tersebut bagi melunakkan tanggapan cauvinistik yang dilabelkan kepada parti tersebut, DAP sekali lagi memberi banyak peluru dan bola tanggung kepada pengkritik mereka. Dengan kata lain, Langkah Sheraton menurutnya merupakan kesan kumulatif dari “keangkuhan kuasa” yang dipaparkan DAP dan merupakan antara penyumbang penting dalam kemerosotan legitimasi kerajaan PH. Situasi ini kemudiannya merangsang kuat gerakan untuk menjatuhkan kerajaan PH oleh PN. Langkah Sheraton dengan itu sebahagiannya haruslah dilihat dalam

konteks iaitu usaha bagi membendung apa yang dilihat PN sebagai pemerluasan pengaruh dan keangkuhan DAP di peringkat persekutuan.

Tumpuan mengenai peranan media diberi perhatian oleh Mohd Shazwan Mokhtar dalam Bab 8 menerusi artikel “Media Sohor Kini Sebagai Penyelesaian Teka-Teki Politik Tujuh Hari Panjang”. Bab ini cuba menganalisis sohor kini dalam enjin carian *Google* oleh pengguna media di Malaysia sepanjang tempoh tujuh hari tersebut. Hasil analisis data ini menyediakan interpretasi alternatif terhadap krisis politik yang berlaku berbanding yang dilaporkan oleh media arus perdana dan persepsi di media sosial. Beliau mendapati kata kunci yang mempunyai tahap populariti signifikan oleh pengguna ‘*Google Search*’ di Malaysia ketika tempoh krisis ialah Mahathir, Islam, Melayu, BERSATU dan UMNO. Namun, populariti Mahathir merosot setelah Muhyiddin Yassin dilantik sebagai PM. Keadaan sohor kini ini menunjukkan kecenderungan penduduk Malaysia menjadikan media sebagai sumber utama dalam memahami krisis politik yang berlaku. Walau bagaimanapun, sumber media mempunyai batasannya iaitu cenderung kepada spekulasi berbanding dengan fakta sebenar dan berubah mengikut naratif rasmi semasa, khususnya kenyataan media dari Istana Negara.

Shah Mohd Akmal dan Ashraf Ahmad Hadi pula menumpukan kepada “Muafakat Nasional dalam Langkah Sheraton: Sebelum, Semasa dan Selepas” dalam perbincangan Bab 9. Penulis menumpukan kepada lorongan yang dibuka Muafakat Nasional menerusi penganjuran Kongres Maruah Melayu (KMM) yang diadakan pada Oktober 2019. KMM merupakan paksi penting dalam memahami perencanaan Langkah Sheraton kerana ia menjadi simbolik retorik “penyatuan” parti politik Melayu. Walau bagaimanapun, Muafakat Nasional (MN) berhadapan dengan dilema pasca langkah Sheraton sama ada untuk mengukuhkan kedudukan MN dalam PRU-15 atau membina persefahaman tuntas dengan PN. Dalam konteks jangka panjang, permuafakatan politik PN dilihat akan menimbulkan beberapa masalah kerana UMNO dan BERSATU dilihat menggunakan pendekatan dan ideologi politik yang sama. Hala tuju MN dilihat semakin samar apabila termeterainya memorandum persefahaman (MoU) PN. Hal ini kerana identiti dan naratif politik MN yang dibentuk oleh PAS dan UMNO dilihat terlarut dalam permuafakatan PN, selepas mereka menyertai kabinet Muhyiddin.

Tumpuan mengenai reaksi anak muda dalam Langkah Sheraton diberikan oleh Mohd Irwan Syazli Saidin menerusi artikel Bab 10

bertajuk “Dari Petaling Jaya Ke Putrajaya: ‘Langkah Sheraton’ dan Reaksi Mahasiswa Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia”. Kajian empirikal ini mendapati majoriti dari 114 responden (60.6 peratus) menolak proses pertukaran pemerintahan seperti yang berlaku semasa krisis politik Februari-Mac 2020 di samping menyokong kritikan terhadap pembentukan kerajaan PN sebagai membelaangi mandat rakyat. Responden (86.0 peratus) juga bersetuju bahawa Yang di-Pertuan Agong telah memainkan peranan yang berkesan semasa kemelut ‘Langkah Sheraton’ tetapi turut mencadangkan pilihan raya semula dan pembubaran parlimen demi keadilan semua pihak. ‘Langkah Sheraton’ menurut beliau memberi iktibar kepada responden bahawa pendekatan ‘amatlamat menghalalkan cara’ adalah tidak relevan dalam konteks amalan demokrasi moden, selain keperluan mengelakkan semangat politik permuaafakan dan kepentingan pendidikan politik untuk disebar luas kepada golongan belia di Malaysia, khusus terhadap bakal pengundi baharu.

Akhir sekali, buku ini ditamatkan dengan perbincangan Bab 11 oleh Muhammad Rahimi Hasan yang menulis sama ada “Krisis Covid-19 Selamatkan Muhyiddin dan Perikatan Nasional?” Sebagai kerajaan baharu, beliau melihat PN berhadapan dengan cabaran untuk membuktikan prestasi yang sekurang-kurangnya mestilah lebih baik berbanding populariti PH di mata rakyat dalam isu ekonomi. Suatu anjakan *mood* rakyat berlaku apabila pandemik Covid-19 semakin memburuk. Penguatkuasaan PKP menjadi medan ujian pertama kerajaan di bawah PN dengan dimensi pengurusan isu kesihatan, ekonomi, keselamatan dan sosial. Imej buruk yang terpalit dengan PN dapat dibendung dan dikawal dengan baik selama tempoh PKP, hasil pakej rangsangan ekonomi, keupayaan mengurus wabak Covid-19 dan keterujaan terhadap pembawaan diri PM ketika tampil di media rasmi kerajaan. Walaupun Muhammad Rahimi melihat situasi abnormal krisis Covid-19 berjaya menyelamatkan imej PN tetapi ia tidaklah secara keseluruhan memadangkan masih terdapat sisi-sisi pembantaian imej oleh pembangkang dan *netizen* terhadap simptom-simptom lama yang kembali timbul semasa tempoh pelaksanaan PKP.

## Penghargaan

Penyiapan artikel ini dibantu oleh geran GGPM 2018-022.

## Rujukan

- Borneo Post Online. 2020. Tiong pledges to do his best as Special Envoy to China. 22 April. Diakses di <https://www.theborneopost.com/2020/04/22/tiong-pledges-to-do-his-best-as-special-envoy-to-china/>
- Chandra Muzaffar & Mohd Hafiz Ismail (temu bual). 2020. Anwar, Dr Mahathir lebih baik berundur. *Sinar Harian Online* 8 Mac. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/72931/BERITA/Politik/Anwar-Dr-Mahathir-lebih-baik-berundur>
- DayakDaily. 2020. Baru baffled by GPS leader' bafflement over Perikatan MoU. 21 Mei. Diakses di <https://dayakdaily.com/baru-baffled-by-gps-leaders-bafflement-over-perikatan-mou/>
- Fernando, J. M. 2002. *The Making of Malayan Constitution*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Tan, J. 2020. Who has the upper hand in Mahathir v Muhyiddin showdown? *The Straits Times*. 13 Mei. Diakses di <https://www.straitstimes.com/opinion/who-has-the-upper-hand-in-mahathir-v-muhyiddin-showdown>
- Khairil Anwar Mohd Amin. 2019. Analisis kemenangan BN. *Sinar Harian Online*, 17 November. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/57646/PRU/PRK-Tanjung-Piai/Analisis-kemenangan-BN>
- Kow Gah Chie 2020. Muafakat Nasional Kurang sesuai di Sabah, kata Zahid. *Malaysiakini*, 2 Januari. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/505602>
- Mohd Hafiz Ismail. 2020. Amaran menakutkan buat PH, Warisan. *Sinar Harian Online*, 19 Januari. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/66523/PRU/PRK-Kimanis/Amaran-menakutkan-buat-PH-Warisan>
- Mohd Izham Unnip Abdullah. 2020a. 'Kimanis lain, Tanjung Piai lain'. *MyMetro* 2 Januari. Diakses di <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/01/531443/kimanis-lain-tanjung-piai-lain>
- Mohd Izham Unnip Abdullah. 2020b. PBS mungkin rujuk kembali bersama BN. *Berita Harian Online*, 16 Januari. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2020/01/647138/pbs-mungkin-rujuk-kembali-bersama-bn>
- The Malaysia Insight. 2020. Richard Riot dilantik duta khas PM ke Asia Timur, kata laporan. 14 Mei. Diakses di <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/245381>
- Saravanamuttu. J. 2019. Malaysia's Semenyih By-Election: What Next for Race-Based Politics. RSIS Commentaries, No. 038.. Singapore: Nanyang Technological University.

- Tsukasa, I. 2019. "Will PH follow the footsteps of DPJ in Japan?". Kertas Kerja SEASIA Biennial Conference 2019. Academia Sinica Taiwan, 5-7 Disember.
- Zin Mahmud. 2020. Siaran *Facebook*. 26 Februari 2020.

# 02

## MENCARI “KEYSER SOZE” DALAM KRISIS SHERATON

MUHAMAD TAKIYUDDIN ISMAIL<sup>1</sup>

### Pengenalan<sup>2</sup>

**A**pabila selesainya Krisis Sheraton dengan acara angkat sumpah oleh Perdana Menteri Kelapan Malaysia, Muhyiddin Yassin pada 1 Mac 2020, pertanyaan yang banyak membenak fikiran penganalisis dan pemerhati ialah siapakah sebenarnya yang berperanan instrumental dalam menjayakan gerakan menjatuhkan kerajaan Pakatan Harapan (PH) itu? Siapakah Tok Dalangnya? Siapakah pencatur yang menggerakkan bidak-bidak yang terlibat? Pandangan umum tidak menampakkan persoalan-persoalan ini sebagai satu misteri besar. Mengungguli senarai ialah tokoh besar seperti Mahathir Mohamad, Azmin Ali, Hishamuddin Hussein hingga ke tokoh belakang tabir seperti Setiausaha Politik Mahathir, Zahid Mat Arip. Seimbas lalu - sekurang-kurangnya pada hari pertama berlangsungnya Krisis Sheraton - fokus masyarakat banyak tertumpu pada Mahathir, tokoh yang sekian lama dikenali sebagai Machiavelli politik Malaysia; penuh

<sup>1</sup> Muhamad Takiyuddin Ismail (PhD) merupakan Profesor Madya di Program Sains Politik, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau boleh dihubungi di taki@ukm.edu.my

<sup>2</sup> Bagi rujukan jurnalistik, hanya rujukan yang dirasakan terpenting, spesifik dan ditulis oleh aktor terlibat dipetik dalam kajian ini.

dengan kelicikan, manipulasi, kejutan dan keupayaan menukar wajah politiknya tanpa dijangkakan. Begitu pun, plot krisis beransur-ansur dipenuhi kejutan, pintalan, pusingan dan pada akhirnya memberikan penyudah yang langsung tidak dijangkakan – pelantikan Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri (PM). Dalam permainan daun terup, wujudnya istilah kad bebas (*wild card*). Kad bebas merupakan kad yang boleh digunakan sebagai pengganti kepada kad lain. Dalam konteks yang lebih besar, istilah kad bebas merujuk kepada faktor atau individu yang tidak diketahui atau tidak boleh diramalkan. Secara relatif, Muhyiddin merupakan calon kad bebas berbanding Mahathir, Anwar mahupun Azmin Ali untuk dilantik sebagai PM. Dengan kata lain, plot Krisis Sheraton melewati plot-plot lurus dan sehala seperti yang banyak disaksikan dalam filem-filem Hindi ataupun drama cinta picisan Melayu!

Sudah tentu, penyudah Krisis Sheraton sekali lagi mengesahkan diktum bahawa politik adalah seni serba kemungkinan. Kemenangan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat, persahabatan semula Mahathir dengan seterus utamanya seperti Anwar dan DAP serta juga penyekutuan dua pesaing utama dalam politik Malaysia seperti United Malays National Organisation (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) merupakan contoh-contoh penting bahawa meramal cuaca adalah tugas yang jauh lebih mudah daripada meramal politik. Namun, Krisis Sheraton bukan sahaja merupakan saga yang tidak terjangka tetapi telah bertaraf kultus. Sehingga kini, ia banyak dilihat sebagai sebuah konspirasi; istilah yang dipopularkan oleh Anwar Ibrahim selepas pemecatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri (TPM) pada 1998. Konspirasi umumnya ditanggapi sebagai sesuatu yang pejoratif dan berfungsi bertindak sebagai justifikasi yang simplistik dan *charming* dalam menerangkan sesuatu misteri dan peristiwa besar. Konspirasi pembunuhan Presiden John F. Kennedy, konspirasi Yahudi, konspirasi tragedi 9/11 dan konspirasi kematian Puteri Diana merupakan antara sekian banyak contoh konspirasi yang kini menjadi satu industri. Begitu pun, konspirasi tidak semestinya tidak dapat dibuktikan. Skandal Watergate dan Iran-Kontra di Amerika Syarikat contohnya merupakan antara konspirasi yang dapat ditekuni dan disahkan dari segi perundungan. Dalam kes Anwar Ibrahim pada 1998, Mahathir pernah mengatakan agak sukar untuk melakukan konspirasi (terhadap Anwar) kerana banyak mulut yang perlu ditutup dan menurutnya,

pasti akan ada seseorang pelaku yang akan membocorkan rahsia (seperti dalam kes Watergate dan Iran-Kontra). Sesuatu konspirasi juga memerlukan tok dalang; individu yang menggerak dan memainkan peranan dalam menyusun atur plot para konspirator bersama yang lain. Ia mungkin berlaku secara terancang (mengikut perancangan di atas kertas) dan mungkin juga akan dijalankan mengikut arus (*go with the flow*); membiarkan sesuatu perkara itu berlaku seadanya tanpa cuba meletakkan sebarang kawalan.

Artikel ini cuba memberi rekonstruksi semula terhadap Krisis Sheraton dengan mempertimbangkan pendedahan-pendedahan terbaru oleh aktor-aktor yang terlibat dalam krisis tersebut serta temu bual penulis dengan dua individu yang terlibat dekat dengan krisis tersebut. Ia bertujuan memberikan versi terhampir mengenai motif, *intrigue* dan juga kekalutan yang menyelubungi mega drama tujuh hari panjang tersebut. Berdasarkan fakta dan maklumat yang dibentangkan, adalah musanabah untuk dihujahkan bahawa Krisis Sheraton menepati definisi konspirasi berikut skala perancangan dan penglibatan aktor-aktor yang terlibat. Konspirasi ini diketahui dan direstui oleh Mahathir bagi tujuan membina satu pakatan politik baru yang lebih terpusat pada kuasa Melayu. Begitu pun, perubahan fikiran Mahathir pada saat akhir dan kesalahan percaturannya menjadikan perancangan Krisis Sheraton berubah kepada konspirasi yang berbentuk *go with the flow*. Peletakan jawatan Mahathir secara mengejut menyebabkan para konspirator yang lain terpaksa melakukan konfigurasi baru dan akhirnya menyumbang kepada pelantikan Muhyiddin sebagai PM. Biarpun Mahathir dilihat tewas buat kali pertama dalam pertempuran politiknya, ia bukan merupakan kekalahan yang total kerana tindakannya masih menyumbang secara signifikan terhadap kejatuhan PH. Plot Krisis Sheraton boleh dilihat menyamai kerumitan filem neo-noir terbaik sepanjang zaman, *The Usual Suspect* (1995). Walaupun penonton pada akhirnya seakan-akan memperoleh jawapan mengenai siapa sebenarnya Keyser Soze atau tok dalang utama yang digambarkan dalam filem tersebut, ia sehingga kini masih merupakan persoalan yang dipolemikkan oleh ramai pihak termasuklah mereka yang terlibat dalam pembikinan filem itu sendiri. Krisis Sheraton dengan itu turut dijangka akan dihadapkan dengan persoalan yang sama dalam tahun-tahun mendatang; siapa sebenarnya Keyser Soze dalam Krisis Sheraton?

## “*The Usual Suspect*” dan Keyser Soze

Bagi meletakkan konteks terhadap perbincangan, filem *The Usual Suspect* (1995) dipetik penulis sebagai contoh perbandingan mengenai kerumitan memahami plot Krisis Sheraton. Filem *The Usual Suspect* mencuri perhatian pengkritik apabila penyudahnya ditamatkan dengan kaedah yang bukan konvensional dan menjerat kebijaksanaan penonton. Ia dipenuhi pelbagai liku, pusingan, pintalan dan akhirnya memerangkap sesiapa sahaja yang menonton filem tersebut buat kali pertama. Tidak ada penonton yang tidak akan mengulangi semula tontonannya dengan serta-merta bagi memahami semula naratif penceritaannya. *The Usual Suspect* kemudiannya diangkat sebagai filem kultus dan mengisi pelbagai “ranking terbaik” dalam pelbagai aspek perfileman. Watak Keyser Soze yang menjadi antara misteri utama dalam filem tersebut turut diangkat sebagai antara penjahat terhebat sepanjang zaman. Namanya lantas menjadi sebuah ikon dan dilegendakan sebagai personafikasi terhadap kelicikan, ketenangan dan keperluan untuk seseorang watak antagonis merahsiakan karakter mereka yang sebenar.

*The Usual Suspect* memfokuskan lima penjenayah yang bertemu dalam pemeriksaan baris suspek polis. Mereka kemudiannya merancang melaksanakan rompakan bersama. Apabila perancangan mereka tidak berjalan seperti yang dirancangkan, mereka mendapati yang mereka hanya digunakan sebagai bidak oleh penjenayah legenda, Keyser Soze yang menyampaikan arahan menerusi peguamnya Kobayashi. Keyser Soze digambarkan sebagai pembunuh kejam tetapi kewujudannya menjadi misteri dan mitos kerana identitinya yang tidak pernah dikenali. Kemistikannya menjadi bualan di mana-mana. Soze diceritakan sanggup melakukan perkara luar jangkaan termasuklah membunuh keluarganya sendiri daripada dilihat mengalah kepada pesaingnya.

Kesemua penjenayah tadi kemudiannya dibunuh secara misteri. Hanya seorang sahaja yang terselamat dan dianggap menjadi saksi tunggal iaitu Verbal Kint, watak yang digambarkan sebagai capik dan lurus bendul. Dalam sesi soal siasat bersama pegawai penyiasat, Verbal mendedahkan bahawa perancang utama komplot tersebut tidak lain tidak bukan ialah ketua kumpulan mereka, Dean Keaton yang digambarkan Verbal sebagai Keyser Soze. Walaupun pegawai penyiasat turut mempertimbangkan Verbal sebagai suspek utama, beliau beralih dengan alasan dan naratif yang meyakinkan daripada Verbal,

kecacatan fizikal yang ada pada Verbal dan juga yang lebih penting, sifat kebendulannya. Semuanya seakan-akan selesai dan Verbal dilepaskan dan keluar dari balai polis. Begitu pun, 10 minit selepasnya menjerat penonton. Salah seorang pegawai penyiasat mendapati yang kesemua perincian dan butiran pengakuan Verbal diambil dari pelbagai nota, poster dan risalah yang tergantung di papan buletin pejabatnya; tempat di mana soal siasat dijalankan. Verbal telah merangkumkan kesemua butiran yang dilihatnya dalam sesi soal siasat untuk mencipta naratif yang dipercayai oleh pegawai penyiasat tersebut. Dalam mana pegawai penyiasat tersebut semakin meyakini bahawa Verbal sebenarnya ialah Keyser Soze dan cuba mengejarnya, Verbal telah pun keluar dari balai polis. Kamera kemudiannya menunjukkan yang Verbal meluruskan kakinya yang capik, berjalan seperti lelaki normal, mengembangkan jari jemarinya yang cacat dan menaiki kereta menunggu yang dipandu oleh Kobayashi.

Pasca tayangan filem tersebut menerbitkan pertanyaan meluas; “Siapakah Keyser Soze? Diktum yang dikemukakan Verbal juga kemudiannya menjadi petikan ramai; *“the greatest trick the Devil ever pulled was convincing the world he didn’t exist”*.

## Memahami Naratif Krisis Sheraton

Seperti yang dijelaskan penulis sebelum ini dalam Bab 1, plot Krisis Sheraton begitu memeningkan. Khalayak umumnya hanya memahami apa yang berlaku menerusi laporan media dan juga kenyataan-kenyataan rasmi aktor-aktor yang terlibat. Gambaran ini adakah boleh mengelirukan. Seperti yang turut diamati oleh Mohd Shazwan Mokhtar dalam perbincangan bab lapan, aktor aktor Krisis Sheraton umpamanya sering kali memberikan pandangan dan ulasan yang berbeza dalam setiap masa. Tindakan ini menurutnya didorong oleh faktor perubahan sikap dan pendirian ahli politik yang cenderung menimbulkan kekeliruan bagi menyembunyikan apa yang sebenarnya berlaku. Fenomena lompat parti yang berlaku dengan meluas (seperti yang berlaku semasa dan pasca Krisis Sheraton) turut menyulitkan lagi proses mendapatkan “kebenaran sebenar”. Pendirian, kenyataan dan kritikan akan berubah dengan serta-merta sejajar dengan “ideologi” baru yang dianut. Dalam krisis Sheraton juga, khalayak dapat menyaksikan bagaimana “prinsip tegar” yang dipegang beberapa aktor politik lebur dengan sekelip mata apabila

dihadapkan dengan persoalan realpolitik. Sebab itu, mencari kebenaran dalam senario politik Malaysia merupakan tugas yang menyulitkan berikutan persekitaran yang terlalu cair dan mudah berubah. Selepas persahabatan semula Mahathir dan Anwar, Mahathir dan DAP dan juga UMNO dan PAS, kesinisan terhadap politik semakin menebal. Rakyat melihat “dosa-dosa” ahli politik dengan mudah dicuci jika mereka berada di pihak yang berkuasa. Parti-parti politik yang dahulunya berpelukan kini berpatah arang dan begitulah juga sebaliknya. “Kebenaran” mempunyai jangka hayat yang singkat dalam politik Malaysia.

Oleh sebab itu, penulis sering kali berpesan kepada pelajar-pelajar bahawa mendapatkan “kebenaran” melalui data empirikal yang disogokkan media adalah bermasalah kerana ia adakalanya tidak pun mewakili “gambaran terhampir”. Malah, temu bual dengan ahli politik juga jarang dapat mencerahkan kesamaran persoalan yang cuba dirungkai kerana kebanyakan informan pada umumnya akan bersifat *self-serving* dan akan menyesuaikan jawapan mereka berdasarkan latar belakang penemu bual. Pada akhirnya, apa yang diperoleh mungkin hanya “gambaran sedia ada” atau yang lebih menyeleweng, “gambaran separuh masak”. Seperti yang dijelaskan oleh seorang informan yang ditemui penulis, “jangan baca *statement* yang dikeluarkan oleh ahli politik secara lurus” (Informan “P” 2020: temu bual). Menyusuli pesanan yang disampaikan penulis kepada pelajar-pelajar, penulis mempercayai yang dalam merungkai sesuatu persoalan dalam politik Malaysia, segala kekalutan atau kekeliruan hanya dapat dijawab dalam takat yang “paling hampir” hanya oleh tiga pihak. Pertama, ahli-ahli politik itu sendiri ataupun bulatan dalaman yang amat dekat dengan mereka. Kedua, wartawan media. Wartawan media mengetahui banyak rahsia ahli politik namun sebahagiannya hanya kekal dicatat dalam nota atau rakaman audio mereka. Tidak semuanya boleh ditulis dan dibawa ke pengetahuan umum kerana batasan pekerjaan dan batasan sensitiviti. Terakhirnya, pihak Polis Diraja Malaysia khususnya cabang Cawangan Khas yang diketahui terlibat dekat dengan perisikan dan penyiasatan politik. Dengan kata lain, ketiga-tiga pihak ini dipercayai memegang akses kepada “gambaran terhampir” atau “gambaran sebenar” yang mengambil tempatnya. Sudah tentu, seseorang boleh berhujah bahawa mendapatkan kebenaran mutlak merupakan proses yang utopia. Namun, mendapatkan gambaran terhampir sudah boleh dianggap memadai dan

dapat membayangi gambaran sedia ada yang dibawa melalui naratif umum. Hal inilah merupakan antara objektif utama penulisan ini.

Lontaran niat untuk menubuhkan gabungan kerajaan baru yang disertai BERSATU, UMNO dan PAS telah berlaku sejurus selepas PRU-14 lagi. Beberapa anggota Majlis Tertinggi BERSATU mendedahkan bahawa Mahathir melihat parti mereka gagal memenangi undi kaum Melayu dalam PRU-14 dan wujudnya indikasi ketidakgembiraan kaum Melayu secara politik (*The Star Online* 2020). Beberapa pemimpin kanan UMNO seperti bekas Naib Presiden UMNO, Hishamuddin Hussein juga telah memulakan perbincangan di belakang tabir termasuklah dengan Mahathir sendiri sejak 2018 lagi. Pembebasan Anwar yang menerima pengampunan Di-Raja dan juga kesediaan Mahathir untuk menghormati janji peralihan kuasa menyebabkan momentum “belakang tabir” menjadi lebih rancak diusahakan. Tanggapan mengenai dominasi kuasa Parti Tindakan Demokratik (DAP) di dalam kerajaan PH turut mendorong penyekutuan dua pesaing utama politik Malaysia, UMNO dan PAS dalam pakatan Muafakat Nasional. Malah, PAS menampakkan sikap taktikal mereka dalam menghalang pelantikan Anwar sebagai PM apabila mengisyiharkan sokongan terbuka kepada Mahathir dan menggesa agar tokoh 94 tahun itu terus diberi peluang memimpin sehingga Pilihan Raya Umum (PRU)-15.

Biarpun Mahathir berulang kali menegaskan bahawa peralihan kuasa akan tetap berlaku selepas persidangan Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) pada November 2020 – baik kepada media tempatan mahupun media antarabangsa – Mahathir sering dilihat mempunyai satu senjata terakhir dalam apa jua keadaan iaitu elemen kejutan. Kerana itu, tidak keterlaluan untuk dinyatakan bahawa majoriti masyarakat termasuklah pemimpin tertinggi UMNO lebih mempercayai bahawa Mahathir akan kekal menjadikan Anwar sebagai “PM tepi”. Parti Keadilan Rakyat (PKR) pula turut berhadapan masalah apabila berlakunya pergelutan keras antara faksi Anwar dengan faksi Azmin. Spekulasi bahawa Mahathir menaruh kepercayaan kepada Azmin untuk dijadikan sebagai calon PM menyebabkan ia meningkatkan lagi intensiti ketegangan dalam PKR. Pertikaman terbuka di media massa dan rentetan isu-isu seperti video luar tabie dan tuduhan gangguan seksual yang melibatkan Azmin dan Anwar menyediakan motif yang baik bagi Azmin untuk dilihat sebagai seorang lagi pencatur utama Krisis Sheraton seperti yang banyak ditanggapi oleh ahli gabungan PH yang lain.

Terlindung daripada pengetahuan umum pada ketika ini, BERSATU telah pun merancang untuk keluar dari PH (perkara yang hanya didedahkan oleh beberapa akhbar tempatan dan luar negara selepas selesainya Krisis Sheraton). Watak terawal dalam perencanaan ini ialah Setiausaha Politik Mahathir, Zahid Mat Arip yang juga anggota Majlis Tertinggi BERSATU. Zahid merupakan cucu kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba. Beliau merupakan antara gerombolan pemimpin PKR selain Zulkilfi Nordin dan Annuar Shaari yang meninggalkan Anwar dan menyertai UMNO. Kumpulan ini kemudiannya melancarkan kempen Tolak Individu Bernama Anwar Ibrahim (TIBAI) dengan Zahid dilantik menjadi Mursyidul Am. Nama beliau menjadi hangat setelah beliau disebut sebagai perantara dalam isu rasuah melibatkan bekas Penggerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Isa Samad. Beliau juga disifatkan sebagai mempunyai perwatakan “keras kepala”; karakter yang diperlukan bagi menjayakan operasi sesulit Langkah Sheraton (Informan “A” 2020: temu bual). Zahid merupakan antara individu yang bertanggungjawab memulakan kempen mengekalkan Mahathir sebagai PM selama sepenggal dalam Konvensyen BERSATU Wilayah Persekutuan pada Oktober 2018 (Joceline Tan 2018). Seorang lagi watak yang kemudiannya berada dekat dengan plot ialah Hamzah Zainuddin, bekas ahli Parlimen UMNO yang melompat ke BERSATU selepas PRU-14 bersama-sama lima ahli Parlimen lain. Hamzah mempunyai sejarah hitam dengan Anwar sejak sekian lama. Dapat dilihat, isu Anwar Ibrahim merupakan motif terpenting yang menyatukan konspirator konspirator yang terlibat. Tersaran juga sebagai motivasi sampingan ialah tuduhan-tuduhan jenayah yang dikaitkan kepada konspirator bersama seperti tuduhan rasuah membabitkan Najib, Zahid Hamidi dan Zahid Mat Arip dan juga dakwaan video luar tabie melibatkan Azmin.

Bukti-bukti yang ada menyarankan bahawa plot yang lebih tersusun dimulakan Zahid Mat Arip yang mengemukakan sebuah dokumen kepada Mahathir sebelum lawatannya ke Jepun pada September 2019. Dokumen tersebut menyenaraikan kebimbangan mengenai isu Anwar, dominasi DAP dan hala tuju naratif nasional. Beberapa laporan media juga telah menjelaskan bahawa Mahathir sememangnya mengetahui dan tidak menghalang perancangan ini. Selepas selesainya Krisis Sheraton, Mahathir turut mengakui peranan “Setiausaha Politiknya” dalam kempen meninggalkan PH dengan menggunakan sentimen Melayu (*Malaysiakini*

2020b; *Malaysiakini* 2020c; Baharom Mahusin 2020; Ananthalakshmi, Lee & Das 2020). Laporan-laporan ini turut kemudiannya disahkan oleh Informan “A” yang mengikuti dekat perancangan Operasi Sheraton. Menurut beliau, naratif DAP pada asalnya tidak menjadi antara faktor pertimbangan perencana Langkah Sheraton kerana sememangnya Mahathir mempunyai hubungan yang baik dengan beberapa pemimpin DAP. Namun kumpulan tersebut menghidu peluang untuk meletakkan DAP sebagai sasaran apabila Mahathir dilihat mula mengeluh dengan tindak tanduk DAP (lihat perbincangan lanjut Muhamad Takiyuddin Ismail dalam bab 7). Laporan tersebut turut mengemukakan cadangan pewujudan dua jawatan Timbalan Perdana Menteri dengan salah satunya disandang oleh wakil Sabah atau Sarawak. Hal ini bagi memudahkan proses mendapatkan sokongan daripada Sabah dan Sarawak (2020: temu bual). Namun menurut Informan “A”:

Apa yang berlaku sebenarnya, Mahathir tidak juga bersungguh namun tidak juga melarang perencanaan ini. Pada peringkat awal, perencana tersebut dimarahi oleh Mahathir. Namun selang beberapa hari, Mahathir memanggilnya semula dan mendengar dengan penuh teliti idea yang dikemukakan. Mahathir juga diberi jaminan yang penglibatannya hanyalah sebagai *endorser*. Kebiasaananya, sikap Mahathir ialah dia akan memanggil seseorang itu berulang kali jika beliau mengambil berat apa yang cuba disampaikan (Informan “A: 2020).

Di peringkat ini, tidak ada siapa pun tahu mengenai perkara tersebut temasuklah Muhyiddin yang tidak dibangkitkan dengan signifikan dalam laporan tersebut. Kumpulan tersebut juga telah mempersiapkan dua pasukan petugas iaitu Penerangan dan Keselamatan yang turut dianggotai oleh operatif-operatif yang sudah lama terlibat dalam operasi politik seperti ini. Persediaan ini adalah bagi menyiapkan mereka dengan sebarang kemungkinan seandainya Anwar akan melakukan semula demonstrasi jalanan seperti 1998. Pada ketika ini, antara yang turut terlibat dekat ialah ahli Majlis Tertinggi BERSATU, Rais Yatim (Informan “A” 2020: temu bual). Penjelasan ini mempunyai merit jika dilihat dari pendedahan Rais Yatim sehari sebelum berlangsungnya mesyuarat Majlis Presiden PH pada 21 Februari. Dalam siaran *Twitter* beliau, Rais Yatim memaklumkan

bahawa sesuatu mungkin berlaku sebelum November dan menyifatkan ada kuasa dan faktor lain sedang berjalan.

Mahathir dalam pada itu terus mendapatkan sokongan dan jaminan daripada semua parti lain seperti UMNO, PAS dan GPS bahawa mereka akan memberikan sokongan pada beliau. Penganjuran Kongres Maruah Melayu yang berlangsung pada 6 Oktober 2019 dan diselia oleh Hamzah Zainuddin turut merupakan sebahagian daripada plot sisipan yang disediakan kumpulan tersebut (Baharom Mahusin 2020). Dalam kongres tersebut, Mahathir menyuarakan secara terbuka bahawa kaum Melayu “telah lemah” dan “terbelah kepada enam parti politik Melayu”. Tindakan-tindakan seperti ini dapat dianggap sebagai cubaan menghantar isi hati beliau mengenai ketersepitian BERSATU di dalam kerajaan PH. Pengerusi Parti Sosialis Malaysia (PSM), Jeyakumar Devaraj mengulas:

[M]ahathir sejak awal lagi sudah berasa serba salah untuk Pakatan Harapan kekal berkuasa melebihi satu penggal. Baginya, Pakatan Harapan merupakan satu-satunya jalan untuk menjatuhkan perompak (kleptokrat) yang terdapat dalam UMNO. Mahathir merasakan bahawa UMNO tidak boleh dirombak dari dalam kerana mereka yang berkuasa terlalu mencengkam, maka Mahathir perlu berganding bahu bersama DAP dan PKR untuk menyucikan UMNO daripada “penyamun”. Namun, sejak awal lagi Mahathir merasakan bahawa dirinya tidak dapat bergantung kepada Pakatan Harapan untuk menjaga dan meneruskan projek seumur hidupnya, iaitu membina dan membangunkan borjuis Melayu. Beliau perlu menyerahkan pentadbiran kepada kerajaan dengan majoriti Melayu yang tegar untuk menyambung “Agenda Melayu”-nya. Kerana itulah beliau membawa Ahli Parlimen daripada UMNO untuk menguatkan Parti BERSATU, dan juga bersekongkol dengan UMNO dan PAS (Jeyakumar 2020).

Anwar bagaimanapun mengetahui plot yang sedang berlangsung dan beliau kemudiannya menyuarakan keimbangan ini kepada media sambil menuduh ia didalangi oleh Hishamuddin. Namun menurut Informan “A”, peranan Hishamuddin hanyalah “dari jarak jauh” dan ini membolehkan Hishamuddin sering memperlihatkan imejnya sebagai seorang yang tidak dekat dengan perencana utama. Mahathir juga tidak yakin dengan keupayaan Hishamuddin untuk membawa 20-30 ahli Parlimen UMNO ke dalam BERSATU dan sebab itu, Mahathir turut

bergantung harapan pada Hamzah Zainuddin (Informan “A 2020: temu bual). Pada penghujung Oktober 2019, seorang kolumnis akhbar *Sin Chiew Daily* melaporkan bahawa kemungkinan untuk kerajaan PH “djaduhkan” melalui “pintu belakang” semakin tidak dapat ditolak dan ia hanya merupakan persoalan “bila” (lihat Koh Chiew Heong 2019). Kemenangan besar BN dalam PRK Tanjung Piai pada 16 November 2020 turut memberikan kejayaan moral tersendiri kepada konspirator bersama Langkah Sheraton. Hal ini dihangatkan lagi dengan pertemuan Hishamuddin dengan 22 ahli Parlimen BN di kediaman Azmin pada 18 November 2020 seperti yang didedahkan oleh Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Lokman Adam.

PH yang menyedari kegantungan ini mengadakan beberapa mesyuarat untuk membaiki keadaan khususnya sentimen perkauman yang melibatkan DAP dan BERSATU serta polemik peralihan kuasa. Namun bermula awal 2020, Muhyiddin dikesani mula menampakkan perubahan dan bersikap reseptif dengan idea penyatuan dengan UMNO dan PAS (Liew Chin Tong 2020). Dengan kata lain, Muhyiddin hanya menunggu masa yang sesuai mencari *trigger* (istilah yang digunakan beliau dalam mesyuarat BERSATU pada 23 Februari seperti rakaman audio mesyuarat yang dibocorkan). *Trigger* yang dinantikan Muhyiddin dan penyokongnya akhirnya tiba pada 21 Februari 2020 dengan Mesyuarat Majlis Presiden PH yang dijangka akan memuktamadkan isu peralihan kuasa. Sebelum mesyuarat berlangsung, Mahathir diberikan maklumat bahawa Anwar akan membuat tuntutan untuk dilantik sebagai TPM (Ramieza 2020).

Seperi rakaman penuh audio mesyuarat tersebut yang dibocorkan ke pengetahuan umum pada 16 Mei 2020, mesyuarat dua jam tersebut menyaksikan pertegangan leher antara dua kumpulan iaitu yang menyokong Mahathir untuk kekal menerajui PH sehingga PRU-15 agar tidak menjadi *lame-duck Prime Minister* (seperti Azmin, Syed Saddiq, Zuraida, Tian Chua dan faksinya) serta mereka yang menginginkan agar peralihan tarikh peralihan kuasa dimeterai (seperti Khalid Samad, Saifuddin Nasution, Anthony Loke, Liew Chin Tong, Gobind Singh, M. Kulasegaran). Malah, Khalid Samad turut menggesa agar Anwar perlu dibawa ke dalam kabinet pada 9 Mei. Anwar pula mendedahkan bahawa wujud konspirasi untuk mengadakan pakatan dengan UMNO dan PAS dan konspirasi ini menurutnya tidak dipersetujui oleh Mahathir setelah beliau bertanyakan sendiri padanya. Mahathir kelihatannya

tersepit dalam pertegangan leher tersebut sehingga pada satu ketika menyatakan yang beliau tidak sewajarnya menghadiri mesyuarat tersebut yang banyak memfokuskan kepada beliau. Begitu pun, Setiausaha Agung BERSATU, Marzuki Yahya mencelah dan menggesa Majlis Presiden PH menyerahkan kepada Mahathir untuk membuat keputusan mengenai tarikh peralihan kuasa. Beliau bagaimanapun memberi kata dua bahawa kedudukan BERSATU dalam PH akan dikaji semula jika isu peralihan kuasa tersebut gagal mencapai kata sepakat. Sebagai respons, Mohamad Sabu membayangkan yang beliau dan rakan-rakannya yang lain telah bersedia untuk menjadi pembangkang semula. Mesyuarat ditamatkan dengan keputusan Mahahir yang tidak menetapkan suatu tempoh khusus.

## **Butang Konspirasi Diaktifkan**

Ketegangan dan tekanan yang dikenakan kepada Mahathir dalam mesyuarat Majlis Presiden PH pada 21 Februari menyaksikan para konspirator mengaktifkan butang. Pada pagi 23 Februari, media memecahkan berita berlangsungnya perhimpunan oleh parti-parti politik utama. Faksi Azmin berkumpul di Hotel Sheraton Petaling Jaya, tempat yang menabalkan PH sebagai kerajaan 22 bulan sebelum itu. Tidak jauh dari situ, pemimpin-pemimpin BERSATU juga mengadakan pertemuan dan mesyuarat di ibu pejabat BERSATU. Turut berada di Kuala Lumpur dan mengadakan mesyuarat yang sama ialah ahli parlimen Gabungan Parti Sarawak (GPS) yang diketuai oleh Ketua Menteri, Abang Johari Openg. UMNO dan PAS yang sebelum itu telah memetarai Muafakat Nasional dan berjaya membantu lima kemenangan Pilihan Raya Kecil (PRK) sebelumnya turut mengadakan pertemuan dalam permukiman di Janda Baik. Berita pagi tersebut merebak dengan begitu pantas.

Mesyuarat BERSATU pada 23 Februari tersebut menyaksikan tekanan yang diterima Mahathir daripada ahli Majlis Tertinggi BERSATU yang lain bagi membawa BERSATU keluar dari PH dan menyertai UMNO dan PAS. Kesemuanya berasa begitu marah setelah mendengar tekanan yang diterima Mahathir dalam mesyuarat Majlis Presiden PH. Penyokong Mahathir seperti yang dilaporkan oleh A. Kadir Jasin bersikap “seperti dirasuk syaitan” mengambil contoh Zahid Mat Arip yang menepuk meja (A. Kadir Jasin 2020). Terdapat dua versi bagaimana mesyuarat tersebut selesai. Kepada penyokong Mahathir, Mahathir tidak bersetuju untuk keluar dari PH kerana beliau telah pun

diberi kebebasan untuk menentukan tarikh peralihan kuasa. Lebih lagi, beliau tidak ingin bersekongkol dengan golongan kleptokrat dan menerima UMNO secara en bloc. Bagi mereka, keputusan mesyuarat adalah tergantung bagi memberikan ruang bagi Mahathir membuat keputusan (Adam Mukhriz 2020; A. Kadir Jasin 2020; Akhramsyah Muammar 2020). Kepada penyokong Muhyiddin, pula mesyuarat selesai dengan BERSATU secara rasminya memutuskan untuk keluar dari PH. Muhyiddin bagaimanapun bersetuju memberikan sedikit masa kepada Mahathir untuk mengumumkan keputusan ini (*Malaysiakini* 2020c). Dua rakaman audio singkat mengenai mesyuarat tersebut yang dibocorkan kemudianya tidak dapat mengesahkan perkara ini kerana ia tidak dikeluarkan secara penuh dan terdedah kepada konteks yang salah.

Antara persoalan penting yang menjadi polemik dalam plot yang berlangsung ialah sikap yang Mahathir mengubah keputusan pada saat-saat akhir mengenai Langkah Sheraton dan dilaporkan memperlihatkan sikap teragak-agak (*Malaysiakini* 2020c; Baharom Mahusin 2020; Informan “A” 2020: temu bual). Boleh diandaikan bahawa Mahathir telah pun mengubah fikiran terhadap rancangan asal Krisis Sheraton selepas keputusan Majlis Presiden PH yang memberikannya kebebasan untuk menentukan tarikh peralihan kuasa. Kerana itu peralihan kuasa telah pun selesai, Mahathir melihat tidak ada keperluan untuk BERSATU keluar dari PH dan seterusnya melaksanakan Langkah Sheraton. Namun apabila beliau sendiri melihat bahawa kepimpinan BERSATU bersungguh-sungguh dalam melaksanakan rancangan tersebut, beliau mula mempunyai rasa ragu-ragu.

Selepas selesai mesyuarat BERSATU pada 23 Februari, Mahathir pulang ke rumah dan bertemu pula dengan rombongan pemimpin Perikatan Nasional (PN) untuk menyambung perbincangan. Presiden UMNO, Zahid Hamidi merupakan antara pemimpin yang melakukan tuntutan jawatan dan memberi kata dua kepada Mahathir agar melakukan keputusan segera (Adam Mukhriz 2020). Kesangsian Mahathir dihujahkan bertambah kuat selepas melihat sikap dan kerenah Zahid. Harus dinyatakan yang sejak awal, segala bentuk perundingan antara Mahathir dan UMNO tidak melibatkan Zahid yang tidak menerima kepercayaan Mahathir. Banyak daripada perbincangan tersebut digalas oleh Naib Presiden UMNO, Ismail Sabri yang turut dicadangkan oleh perencana Krisis Sheraton untuk menjadi TPM dari Semenanjung Malaysia (Informan “A”: temu bual). Mengulas mengenai tuntutan

Zahid kepada Mahathir pada petang itu, Informan “H” yang merupakan anggota kumpulan pemikir bagi Anwar Ibrahim menjelaskan yang agak jelas pada ketika ini yang Mahathir mula menghidu bahawa UMNO akan melakukan tuntutan yang berlebihan (Informan “H” 2020: temu bual telefon). Turut berperanan dalam mengubah keputusan Mahathir pada ketika ini ialah anaknya, Marina (Informan “A” 2020). Marina merupakan aktivis yang mempunyai hubungan rapat dengan kumpulan masyarakat sivil dan beberapa pemimpin PH. Marina merupakan individu yang memujuk Mahathir untuk bertemu dengan pemimpin-pemimpin PH pada pagi 29 Februari 2020 kemudiannya dalam mengusahakan cubaan saat-saat akhir untuk menghalang perlantikan Muhyiddin.

Perbincangan pemimpin PN dan Mahathir selesai pada pukul lima petang dan pemimpin mereka terus menuju ke Istana Negara bagi menghadap Yang di-Pertuan Agong dan menunjukkan akuan bersumpah (SD) yang ditandatangani lebih 130 Ahli Parlimen yang menyokong gabungan kerajaan baru (*Malaysiakini* 2020). Menjelang Maghrib, Zahid Mat Arip mula menghubungi pemimpin BERSATU dan mengarahkan mereka hadir ke Hotel Sheraton pada malam itu. Beliau turut memetik nama Mahathir bagi meyakinkan mereka untuk hadir (Wan Mohd Noor 2020). Pada malamnya, Hotel Sheraton dipenuhi dengan kesemua ahli parlimen daripada aktor-aktor PN termasuklah mereka yang sebelumnya dilihat hanya menjadi pemerhati pasif seperti bekas Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin. Satu-satunya wajah yang masih ditunggu-tunggu ialah Mahathir yang dilaporkan akan memberikan sidang media. Apabila dimaklumkan bahawa Mahathir tidak akan hadir ke Sheraton dan tidak memberikan sidang media, majlis tersebut bersurai secara beransur-ansur. Di sebelah PH yang masih terpinggipinda dengan apa yang berlaku, laungan pengkhianatan dan kerajaan pintu belakang berselang-seli mengambil tempat. Penyokong PH mula melemparkan kecaman berterusan kepada Mahathir di media sosial dan menyifatkan tokoh tersebut mula kembali menjelmakan wajah politiknya yang sebenar. Menurut Informan “A”, sememangnya perhimpunan di Sheraton pada malam itu adalah bagi “meraikan kejayaan” kerana segalanya dijangka hanya selesai dalam tempoh 24 jam. Namun segala perancangan terpaksa dirombak apabila Mahathir tidak muncul dan tidak melakukan “endorsement” yang sepatutnya (2020: temu bual).

Pada keesokannya iaitu 24 Februari, beberapa pemimpin PH mengadakan pertemuan dengan Mahathir. Mereka menyifatkan

pertemuan tersebut berlangsung dengan penuh emosi dan berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan Mahathir. Reaksi yang ditunjukkan pemimpin PH menyarankan bahawa Mahathir tidak bersetuju dan tidak merencanakan krisis yang berlaku. Syed Saddiq, menteri paling muda dan merupakan bulatan setia Mahathir turut mengingatkan bahawa mandat rakyat perlu dipertahankan dari sang pencatur kuasa. Belum sempat pemerhati dan penganalisis menekuni perkembangan yang berlaku, mereka dikejutkan tiga peristiwa dalam selang jam yang begitu rapat. Pertama ialah peletakan jawatan Mahathir sebagai PM. Surat yang dihantar kepada Yang di-Pertuan Agong (YDPA) tersebut bagaimanapun tidak memberikan sebarang sebab. Ini diikuti dengan pengumuman keluarnya BERSATU dari PH. Kenyataan yang dikeluarkan oleh Muhyiddin turut menjelaskan yang semua Ahli Parlimen BERSATU akan keluar dari PH dan telah menandatangi SD untuk terus menyokong Mahathir. Bagaimanapun, Mahathir kemudiannya turut mengumumkan bahawa beliau meletak jawatan sebagai Pengerusi BERSATU.

Peletakan jawatan Mahathir merupakan detik yang banyak mengubah plot dan laluan Langkah Sheraton. Ia dianggap merupakan kesalahan taktikal Mahathir yang paling besar dalam karier politiknya. Bagi Informan “A”, jika Mahathir melakukan ugutan mulut, perkara tersebut masih boleh dihalang. Namun apabila ia melibatkan surat yang telah dihantar ke Istana, tiada apa yang boleh dilakukan untuk menarik keputusan tersebut. Mahathir sendiri dalam satu pertemuan tertutup dengan ahli BERSATU selepas itu mengakui secara terbuka tindakannya sebagai salah dan telah menyebabkan keruntuhan kerajaan PH. Harus dibangkitkan bahawa kemusykilan utama Krisis Sheraton ialah mengapa perlunya Mahathir meletakkan jawatan? Soalan ini banyak ditanya ramai termasuklah oleh wartawan *Sinar Harian* yang merupakan media pertama yang menemu bual Mahathir selepas selesainya krisis. Ramai mempertikaikan jika benar Mahathir mendakwa tidak akan mengkhianati PH, mengapa peletakan jawatan beliau tidak dirundingi terlebih dahulu dengan PH? Bagi seorang ahli politik yang terlalu berpengalaman seperti beliau, alasan yang dikemukakan Mahathir iaitu sudah tidak mendapat sokongan dilihat kering. Mahathir juga sekali lagi dan dengan tiba-tiba memberikan siaran media pada 12 Mei 2020 mengenai “mengapa beliau meletakkan jawatan sebagai PM” menjelang sidang Parlimen pada 18 Mei 2020. Dengan kata lain, Mahathir seakan-akan mengetahui bahawa tindakan tersebut merupakan titik fokal kepada Krisis Sheraton

dan merupakan antara perkara yang gagal meyakinkan ramai orang khususnya penyokong PH.

Terdapat dua sebab saling melengkap yang dilihat menyumbang terhadap kesilapan ini. Pertama, Mahathir berasa yakin yang melalui sokongan penuh yang diterimanya daripada kedua-dua pihak, dia boleh melaksanakan agenda peribadinya iaitu kerajaan tanpa parti politik dengan mendapat sokongan semua pihak. Malah, Mahathir turut tidak menerima saranan YDPA agar menarik balik keputusannya (Informan “A” 2020: temu bual). Namun idea berbau autoritarian ini kemudiannya menerima bangkangan dari segenap lapisan aktor politik. Kedua, Mahathir juga dilihat melepaskan rajukan “orang tua” yang sudah lama dipendamnya. Khusus dalam perkara ini ialah hubungannya dengan Muhyiddin dalam BERSATU. Mahathir berasakan bahawa beliau sering disinggung oleh Muhyiddin yang sentiasa menyanggah dan berbeza pandangan dengannya dalam beberapa isu seperti pelantikan Mazlan Bujang sebagai Ketua BERSATU Johor (Informan “A” 2020: temu bual; Informan “P” 2020: temu bual). Muhyiddin pula sejak sekian lama telah mempunyai kedinginan terhadap Mahathir kerana tidak melantiknya ke jawatan yang sepatutnya sejak berada dalam kabinet BN. Apabila PH memenangi PRU-14, beliau juga tidak ditawarkan jawatan Menteri Kewangan yang dikehendaknya oleh Mahathir dan berasa kecewa (Liew Chin Tong 2020).

Pada petang selepas peletakan jawatan Mahathir, Anwar turut mengadakan pertemuan dengan YDPA dan pertemuan yang didakwa telah dirancang lama ini membangkitkan spekulasi sama ada beliau mempunyai sokongan ahli Parlimen yang mencukupi untuk membentuk kerajaan. Anwar kemudiannya mendedahkan bahawa beliau telah memujuk Mahathir untuk tidak meletak jawatan namun Mahathir berasa kecewa kerana dikaitkan dengan mereka yang korup. PH juga menyatakan yang mereka akan mencalon semula Mahathir sebagai PM. Sekali lagi, isyarat semakin jelas kepada umum bahawa Mahathir tidak merestui Langkah Sheraton tersebut dan ia kembali meletakkan Azmin sebagai pencatur utama. Azmin dan faksinya bagaimanapun mempertahankan tindakan mereka dan menyifatkan ia sebagai langkah yang perlu bagi menyelamatkan Mahathir daripada menjadi mangsa konspirasi mereka yang mahu menurunkan beliau dari kuasa di pertengahan jalan. Pada petang itu, YDPA yang mengadakan pertemuan dengan Mahathir menerima surat peletakan jawatan Mahathir dan melantik

Mahathir sebagai PM Interim sementara menunggu pembentukan kerajaan baru. Walaupun YDPA telah memujuk Mahathir untuk tidak meletakkan jawatan, Mahathir berkeras meneruskan hasrat ini. Istilah “PM Interim” yang tidak pernah kedengaran sebelum ini mula pantas menjadi carian di enjin carian internet (lihat perbincangan Sity Daud & Faridah Jalil dalam bab 4). Dalam mesyuarat BERSATU malamnya, mereka menolak peletakan jawatan Mahathir sebagai pengurus parti tersebut. Reaksi UMNO dan PAS yang turut mengadakan mesyuarat pada malam tersebut dapat disimpulkan dengan melihat keceriaan dan senyuman panjang yang diberikan oleh Abdul Hadi Awang dan Najib Razak kepada media.

Hari ketiga krisis menyaksikan yang semua menteri mula mengosongkan pejabat masing-masing. Peletakan jawatan Mahathir menyebabkan kabinet PH turut secara automatik terbubar. Kebimbangan mengenai penularan wabak Covid-19 tidak sedikit membayangi perhatian masyarakat mengenai apa yang berlaku. Ini termasuklah Mahathir yang meneruskan tugas seperti biasa sebagai PM Interim dan melakukan pertemuan dengan semua ahli politik dari kedua-dua belah pihak. Pada tengah hari, Istana Negara mengumumkan akan memulakan proses menemu ramah semua Ahli Parlimen pada petangnya bagi menentukan sokongan sebenar mereka. Ahli Majlis BERSATU, Wan Saiful Wan Jan dalam pada itu mengemukakan idea agar kerajaan perpaduan tanpa pembangkang dibentuk. Jika Mahathir masih mendapat sokongan, idea ini menurutnya akan menjadikan kerajaan menjadi lebih stabil. Pada petangnya berlangsung pertemuan YDPA dengan Ahli Parlimen yang kebanyakannya ialah daripada blok UMNO dan PAS. Mereka dikehendaki menandatangani sebuah borang untuk menyatakan sokongan dan ditanya sama ada memilih pembubaran Parlimen atau kerajaan baru. Apabila idea kerajaan perpaduan mula diperdebatkan pada sebelah petang dan malamnya, Muafakat Nasional yang menggabungkan UMNO, PAS, MCA dan MIC memutuskan bahawa pembubaran Parlimen adalah opsyen terbaik bagi menyelesaikan krisis. Perubahan pendirian ini banyak dilihat bertolak dari kesukaran untuk mereka menerima DAP sebagai rakan gabungan.

Pertemuan YDPA dengan Ahli Parlimen daripada DAP, AMANAH, PKR dan WARISAN dan faksi Azmin memulakan plot krisis pada hari keempat. Dalam mengendurkan ketegangan, Sultan Abdullah bukan sahaja turun menenangkan petugas media yang berkampung di hadapan

istana tetapi juga menjamu mereka dengan pelbagai jenis jamuan (lihat perbincangan lanjut Mohd Samsudin dalam Bab 5). Pada petangnya, Mahathir buat pertama kali memberikan ucapan di khalayak sejak krisis bermula. Sambil meminta maaf atas kekalutan yang berlaku, beliau menafikan yang beliau gila kuasa dan akan membenarkan Parlimen memilih pemimpin yang mereka sokong. Beliau menjelaskan apa yang telah pun diketahui umum bahawa peletakan jawatan beliau adalah berikutan tindakan BERSATU yang keluar dari PH. Kerana itu, ia membuka peluang kepada prospek kerjasama BERSATU secara en bloc dengan UMNO; sesuatu yang menurutnya tidak dapat diterima. Begitu pun, Mahathir kemudiannya melepaskan *bombshell* apabila menegaskan yang jika beliau masih diberi peluang untuk memimpin, beliau menyatakan harapan untuk menubuhkan kerajaan yang tidak menyebelahi mana-mana parti dan hanya mengutamakan kepentingan negara. Idea luar biasa beliau ini menerima reaksi pesimistik daripada parti gabungan PH dan golongan masyarakat civil.

Plot krisis sekali lagi mengalami pembelokan apabila pada malamnya, Anwar mengumumkan yang PH telah memberi sokongan pada beliau untuk menjadi calon PM. Keputusan tersebut diambil setelah Mahathir tidak hadir mesyuarat Majlis Presiden PH pada malam sebelum itu dan Mahathir juga dilaporkan tidak lagi komited untuk memenuhi manifesto PH. Isu manifesto PH yang terlalu sukar untuk ditunaikan merupakan antara isu yang sering disuarakan Mahathir sewaktu menjadi PM dan beliau sendiri mengakui yang PH terperangkap dengan manifesto yang *too good to be true*.

Debat mengenai keabsahan PM Interim dan kerajaan perpaduan Mahathir menjadi pemanas badan pada permulaan hari kelima krisis. Mahathir juga pada tengah harinya dilaporkan menerima semula jawatan Penggerusi BERSATU - tindakan yang kemudiannya didapati bertentangan dengan perlembagaan BERSATU. Khabar turut mula kedengaran yang BERSATU akan mencalonkan Muhyiddin sebagai PM. Sejak peringkat awal, nama Muhyiddin tidak menjadi pilihan. Pertarungan beliau dengan penyakit kanser yang dihidapinya turut tidak menitipkan namanya sebagai calon pilihan kepada para pemerhati dalam mengisi kerusi PM. Muhyiddin juga tidak berada dekat dengan aktor utama Langkah Sheraton seperti Zahid, Azmin, Zahid Mat Arip dan Takiyuddin Hassan yang sering kali mengadakan pertemuan sepanjang berlangsungnya krisis (Informan “A” 2020: temu bual: Informan “P

2020: temu bual). Saintis politik, Chandra Muzaffar turut “kurang yakin” dengan teori yang mengatakan bahawa Muhyiddin telah merancang dari awal untuk menjadi PM. Namun beliau lebih melihat Muhyiddin terhadu peluang atau ada desakan pihak lain yang mahukan beliau menyelamatkan keadaan (Chandra Muzaffar 2020). Hujah ini juga disokong oleh beberapa pihak yang melihat kemasukan Muhyiddin ke dalam plot dibuat kerana membimbangi Anwar mungkin dapat mengkesploitasi keadaan. Justeru, Muhyiddin dirayu agar menerima pencalonan sebagai PM (Baharom Mahusin 2020; Informan ‘A’ 2020: temu bual). Namun mengambil kira latar kekecewaan Muhyiddin seperti yang dijelaskan sebelum ini, adalah sukar untuk menjangkakan bahawa Muhyiddin tidak mengidamkan kerusi PM. Harus juga diingatkan yang ia adalah Muhyiddin yang turut membuka jalan kepada pengunduran Perdana Menteri Keempat, Abdullah Ahmad Badawi. Plot desakan pengunduran tersebut sebahagiannya turut digerakkan oleh beberapa operatif Krisis Sheraton.

Setelah menerima pencalonan sebagai PM, Muhyiddin kemudiannya mengadakan pertemuan dengan Mahathir pada petangnya setelah diminta oleh Mahathir. Pada hari yang sama, Johor menjadi “mangsa pertama” penajaran semula politik ini apabila Sultan Ibrahim memperkenankan pembentukan kerajaan negeri yang baru setelah menemu bual 54 daripada 56 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Dalam sidang media pengumuman Pakej Rangsangan Covid-19 pada petangnya, Mahathir mendedahkan bahawa YDPA mendapati bahawa tidak ada pihak yang mempunyai majoriti jelas dan PM baru akan ditentukan di Dewan Rakyat pada persidangan yang akan berlangsung pada 2 Mac. Mahathir juga mengesahkan khabar mengenai pencalonan Muhyiddin sebagai PM kerana Muhyiddin sanggup menerima ahli UMNO secara en bloc. Jika itu keputusan yang dipilih, Mahathir menyatakan dia tidak mempunyai masalah dengan perkara tersebut. Kenyataan preemptif Mahathir mengenai keputusan YDPA bagaimanapun disanggah oleh PH yang menyifatkan ia sebagai tidak wajar. Pada penghujung hari kelima ini, plot yang sebelumnya berpintal kembali dilihat melurus. Mahathir mula kembali dianggap sebagai perencana utama dalam kalangan penyokong PH dan membenarkan apa yang selama ini disebut iaitu keupayaan beliau *“kept his cards close to his chest”*.

Pada keesokan paginya, Mahathir sekali lagi mengadakan pertemuan dengan Muhyiddin, Azmin dan beberapa ahli Parlimen

BERSATU dan faksi Azmin untuk melaporkan kepada Mahathir mengenai perkembangan pencalonannya sebagai PM. Walaupun Mahathir menerima taklimat tersebut dengan hati terbuka dan menyokong langkah tersebut, beliau juga dilihat tidaklah sepenuhnya memberi restu (Joceline Tan 2020). YDPA pula mengadakan perbincangan dengan Majlis Raja-Raja di Istana Negara. Namun pada petangnya, Istana Negara menyatakan bahawa YDPA masih tidak dapat menentukan majoriti dan akan mengadakan pertemuan dengan semua pemimpin utama parti politik terlibat. BERSATU kemudiannya mengesahkan bahawa Muhyiddin akan dicalonkan sebagai calon PM dengan disokong oleh UMNO, PAS, MCA dan MIC. Kedudukan GPS dan WARISAN bagaimanapun masih menjadi tanda-tanya. A. Kadir Jasin bagaimanapun menyifatkan pencalonan Muhyiddin bukanlah satu konsensus BERSATU dan ia tidak dirundingi dalam Majlis Tertinggi. Di sebelah PH, Anwar pula mendakwa yang beliau telah mempunyai bilangan sokongan yang mencukupi dan memberi isyarat bahawa akan ada Ahli Parlimen yang akan mengubah keputusan mereka.

Hari ketujuh menyaksikan semua pemimpin parti politik utama dijemput menghadap YDPA di Istana Negara. Mahathir dalam pada itu mengumumkan yang dia mempunyai bilangan sokongan yang mencukupi untuk dilantik semula sebagai PM setelah PH memusingkan semula sokongan mereka kepada Mahathir bagi menghalang pelantikan Muhyiddin. Namun begitu, menurut Informan “A”, pusingan ini diambil bukanlah kerana sokongan PH terhadap Mahathir tetapi kerana Anwar tidak mempunyai jumlah sokongan yang mencukupi untuk dilantik sebagai PM (2020: temu bual). WARISAN dan beberapa Ahli Parlimen BERSATU seperti Syed Saddiq dan Maszlee Malik turut kekal berada di belakang Mahathir. GPS pula menolak konsesi yang cuba ditawarkan oleh DAP Sarawak dan menolak untuk bekerjasama dengan parti yang disifatkan angkuh. Ketidaktentuan berterusan yang menyelubungi krisis dirumuskan dengan baik oleh Naib Presiden UMNO, Ismail Sabri yang menyifatkan “jika saya kata sesuatu di sebelah pagi, ia barangkali akan berubah sebelah petang”. Pendirian yang sama turut meluas kedengaran dalam kalangan penganalisis politik yang sentiasa didapatkan media untuk memberikan ulasan. Hanya pada pukul lima petang, YDPA mengumumkan Muhyiddin sebagai calon yang pada hemat baginda mendapat majoriti sokongan untuk dilantik sebagai PM. PH tidak berputus asa dan berikrar akan tetap menghantar SD yang telah

dikumpulkan pada YDPA dan menyarankan wujudnya kemungkinan yang Muhyiddin berbohong mengenai jumlah sebenar sokongan yang diterimanya. Pada malamnya, senarai 114 Ahli Parlimen yang didakwa menyokong PH dikeluarkan termasuklah Ahli Parlimen Selangor Sarawak, Baru Bian yang kembali menyokong semula Mahathir. Begitu pun, beberapa Ahli Parlimen yang dinamakan menafikan sokongan mereka pada Mahathir. Selebihnya, 1 Mac 2020 adalah sejarah.

## Siapakah “Keyser Soze” dalam Krisis Sheraton?

Walaupun Mahathir dan mereka yang berada dekat dengan beliau berulang kali menafikan atau enggan mempercayai yang beliau merupakan penggerak kepada konspirasi tersebut, plot yang terbentang menyukarkan tanggapan seperti ini ditepis dan menyebabkan ia menjadi pilihan ramai pihak. Dengan kata lain, apa lagi mekanisme yang paling berkesan untuk menghalang pelantikan Anwar sebagai PM melainkan menurunkan sendiri kerajaan yang diterajuinya? Golongan ini turut mempertimbangkan ketiadaan rundingan Mahathir dengan PH dan juga kritikan terbuka Mahathir kepada Anwar selepas itu yang disifatkan sebagai liberal (tidak terkecuali pendedahan audio singkat mengenai kritikan Mahathir mengenai Anwar dan DAP). Seperti juga Keyser Soze, Mahathir dilihat lebih rela “membunuh keluarganya sendiri” iaitu PH daripada “mengalah” kepada pesaingnya iaitu Anwar Ibrahim. Mengetahui yang PH akan runtuh secara automatik dengan peletakan jawatannya, Mahathir membuka ruang untuk pencatur-pencatur lain yang telah sedia menunggu mengatur langkah mereka. Memandangkan beliau telah pun mengetahui bahawa mood yang menguasai BERSATU ketika itu ialah untuk keluar dari PH (sekalipun beliau mempunyai ruang untuk memutuskan sebaliknya), beliau menggunakan pengumuman peletakan jawatan PM sebagai tindakan preemptif. Sebaik sahaja khabar pengumuman peletakan jawatan beliau telah tersebar, barulah menyusul pengumuman daripada Muhyiddin yang mengisyiharkan keluarnya BERSATU dari PH. Dengan tugas menarik keluar BERSATU dari PH dilakukan oleh Muhyiddin (berbanding Mahathir seperti yang dipersetujui dalam mesyuarat BERSATU sebelum ini), ia secara tidak langsung dapat membina naratif bahawa beliau tidak merestui Langkah Sheraton dan masih menyokong PH.

Fakta seterusnya yang menjadi pertimbangan golongan yang melihat Mahathir sebagai dalang ialah Mahathir mempunyai “ruang dan peluang”. Tidak ada sesiapa pun mengetahui butiran sebenar perbualan Mahathir dengan aktor-aktor lain termasuklah Muhyiddin yang ditemuinya beberapa kali sepanjang krisis berlangsung. Kembali kepada perincian penulis di awal perbincangan, apa yang disogokkan kepada khalayak menenerusi liputan media hanyalah naratif umum. Sandaran juga dibuat terhadap kenyataan yang dikeluarkan oleh Abdul Hadi dua hari selepas selesainya Krisis Sheraton. Dalam kenyataannya, Abdul Hadi mengajak semua pihak untuk menghormati Mahathir sebagai pemimpin yang sangat berjasa kepada negara dan menganggapnya negarawan yang akan sentiasa dikenang dalam lipatan sejarah (*Berita Harian Online* 3 Mac 2020).

Justeru, Mahathir dilihat sengaja membentangkan naratif yang berbeza. Kepada khalayak, Mahathir dan juga anaknya Mukhriz membentangkan naratif bahawa ia adalah Muhyiddin, Najib dan pencatur pencatur lain yang merupakan pengkhianat dan beliau tidak mempunyai sebarang masalah dengan DAP yang banyak dianggap sebagai duri dalam daging dalam PH. Namun dalam realitinya, seseorang turut dapat menyaksikan bagaimana Mahathir mengucar-kacirkan plot krisis sepanjang tujuh hari tersebut. Ia menyebabkan PH terpaksa melakukan banyak perubahan dalam waktu yang singkat demi “menyesuaikan diri” dengan permainan Mahathir. Mereka yang sebelum ini begitu marah dalam mesyuarat Majlis Presiden PH sebelum itu menuntut pengunduran Mahathir, kini terpaksa merayu dan tidak mengenakan sebarang syarat pada tokoh itu demi mengekalkan Mahathir sebagai PM. Mahathir pada masa yang sama menarik rambut dalam tepung. Beliau “tetap melayan” PH tetapi pada masa yang sama tetap membiarkan PN mencari “jalan keluar” yang sesuai. Bagi mereka yang mengikuti watak dan karakter Mahathir sejak sekian lama, apa yang dilakukan Mahathir ini bukanlah sesuatu yang luar biasa. Mahathir mungkin kehilangan jawatan PM dan “keluarganya” iaitu PH tetapi beliau “tetap dilihat menang” kerana berjaya menyekat Anwar menjadi PM juga mengeluarkan DAP dari koridor kuasa. Mahathir juga dilihat sanggup mengorbankan Mukhriz kerana yang lebih penting baginya, Mukhriz “mati” di tangan beliau sendiri iaitu ayah kandungnya dan bukan di tangan orang seperti Anwar yang masih sukar untuk dipercayainya. Mengulas mengenai teori ini, Informan “A” menyatakan:

Ada kebenarannya sebab walaupun Mahathir “tewas”, dia tak kalah semua. Beliau tetap “menang” kerana berjaya menyingkirkan Anwar dan DAP. Namun kali ini Mahathir memang benar-benar silap langkah. Dia buat silap pada minit ke-80 dan menyebabkan kedudukan menjadi seri. Akibatnya permainan terpaksa dilanjutkan ke waktu tambahan yang menyaksikan beliau akhirnya tewas.

Muhyiddin pula seperti yang dijelaskan turut mempunyai saham dalam Krisis Sheraton. Walaupun hanya berperanan sebagai “kad bebas”, beliau dilihat sebagai pilihan terbaik untuk membantu penerusan plot perencana di saat-saat akhir. Mempertimbangkan sejarah, latar serta ambisi Muhyiddin, beliau yang selama ini menunggu di tepian, berjaya mencuri ruang dan menyusup masuk. Keadaannya samalah seperti final klasik bolasepak Piala Dunia 1986. Apabila kedudukan terikat 2-2, Jerman Barat terlalu menumpukan perhatian pada pergerakan maestro Argentina, Diego Maradona. Strategi ini akhirnya memakan diri apabila mereka melupakan pemain seperti Jorge Burruchaga yang berjaya menyusup pertahanan Jerman dan kemudiannya menjaringkan gol kemenangan Argentina. Seperti mesej yang dihantar oleh Muhyiddin kepada Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad selepas selesainya Krisis Sheraton; “siapa lebih bijak. Hehehe..” (Khalid Samad 2020).

Nama-nama seperti Hishamuddin Hussein, Hamzah Zainuddin, Abdul Hadi, Abang Johari juga diakui turut berjaya memainkan peranan dalam menghubungkan titik-titik akhir yang direncanakan. Namun dapat dipersetujui bahawa ia adalah Azmin yang memainkan peranan yang lebih menonjol sebagai *go-between*. Begitu pun, Informan “A” turut menyifatkan peranan Azmin masih kurang signifikan jika dibandingkan dengan seorang lagi tokoh yang tidak banyak menonjolkan diri; Najib Razak. Ada kebenaran tertentu apabila Mahathir dan Mukhriz menyifatkan ia adalah Najib yang berperanan penting dalam Krisis Sheraton. Menurut Informan “A”:

Perencana tersebut sememangnya mengetahui bahawa aura Najib masih besar. Sebagai bekas PM, dia mempunyai banyak penyokong tegar dan “memegang” semua Ketua Bahagian UMNO. Faktor ini yang tidak membolehkan Najib diundurkan dari dalam seperti mana yang berlaku terhadap Abdullah Badawi. Mereka juga tidak dapat menolak hakikat bahawa Najib merupakan PM paling pemurah kepada rakyat. Justeru, Najib bukan sahaja berperanan mempengaruhi pandangan penyokong UMNO tetapi

juga memastikan PN mempunyai *number*. Dengan kata lain, jika rancangan ini ingin berjaya, persetujuan Najib harus didapatkan. Selain itu, mereka sendiri menyedari Mahathir mempunyai *soft spot* dengan Tun Razak dan isterinya, Tun Rahah. Kepada umum, Mahathir memang dilihat membenci Najib. Tapi ia lebih kepada “marah-marah sayang”. Kerana itu, beberapa pertemuan dan rundingan antara perencana Langkah Sheraton dengan Najib turut dilakukan beberapa kali.

Begitu pun, Informan “A” menyifatkan “Keyser Soze” sebenar dalam Langkah Sheraton ialah Zahid Mad Arip:

Zahid Mad Arip merupakan sebahagian daripada sejarah. Kerana dia merupakan *nobody*. Dia hanya Setiausaha Politik dan ahli Majlis Tertinggi BERSATU yang dilantik. Tapi dia lah yang menggerakkan kesemua plot dan aktor-aktor tadi dengan bersungguh-sungguh. Kalau tiada Zahid, Langkah Sheraton tidak akan terlaksana dan susah nak jalan kerana Mahathir juga tidak menampakkan kesungguhan. Ia mengakibatkan perancangan *pending* sana sini. Zahid adalah midfielder dalam Krisis Sheraton.

Dalam filem *The Usual Suspect*, walaupun ramai yang beranggapan bahawa Verbal adalah Keyser Soze yang sebenar, Kevin Spacey yang membawa watak Verbal menyerahkan kepada penonton untuk menentukan siapa sebenarnya Keyser Soze (Spacey 2004). Pengarah filem, Bryan Singer turut menyatakan, walaupun dia mempercayai yang Verbal Kint merupakan Keyser Soze, beliau tetap melihat bahawa “mereka semua merupakan Keyser Soze”. Gabriel Byrne yang melakonkan watak Dean Keaton iaitu watak yang pada asalnya ditanggapi sebagai Keyser Soze turut menyatakan bahawa wujudnya kemungkinan bahawa Verbal adalah Keyser Soze dan watak Keaton hanya digunakan untuk “membayangi” watak Verbal. Namun beliau tetap menyatakan, “saya sukaan idea bahawa ia mungkin tidak” (Watkins 2015). Pete Poslethwaite yang membawa watak Kobayashi juga tidak dapat memberi jawapan mengenai siapa sebenar Keyser Soze dan menyatakan “tiada siapa yang tahu” (Poslethwaite 1997). Diterjemahkan dalam konteks Krisis Sheraton, tiada siapa juga boleh memberikan hitam putih yang tepat mengenai “siapa sebenarnya Keyser Soze”. Walaupun perbincangan ini cuba untuk mengenal pasti dan menyenarai pendek

siapakah yang layak ditabah sebagai perencana utama Krisis Sheraton, jawapan akhirnya dirumuskan dengan baik oleh wartawan *Sinar Harian*, Khairil Anwar (2020):

Segala bentuk teori konspirasi yang ‘diratibkan’ rakyat negara ini bukanlah satu jawapan muktamad terhadap persoalan terjadinya ‘Langkah Sheraton’ yang bakal dianggap sebagai satu lipatan sejarah penting negara. *Sinar Harian* yakini jawapan sebenar terhadap persoalan utama itu hanya boleh dijawab ‘pelakon-pelakon utama’ yang menjayakan kisah berkenaan, termasuk Dr Mahathir sendiri.

## Kesimpulan

Seperti diktum penting yang dijelaskan watak Verbal dalam filem *The Usual Suspect*, “*the greatest trick the Devil ever pulled was convincing the world he didn’t exist*”. Artikel ini cuba untuk menyumbang pemahaman yang lebih jelas mengenai kronologi yang berlaku sebelum, sewaktu dan pasca tujuh hari panjang Krisis Sheraton. Ia cuba meletakkan konteks dan rekonstruksi semula terhadap plot yang menumbangkan pemerintahan PH. Dengan bersandarkan pendedahan-pendedahan penting daripada aktor-aktor terlibat dan dua informan penting yang terlibat dekat dengan krisis tersebut, ia cuba menyelongkar motif, *intrigue* dan juga tafsiran mengenai trajektori krisis tersebut. Krisis Sheraton menepati definisi konspirasi berikutkan skala perancangan dan penglibatan aktor-aktor yang terlibat. Konspirasi ini diketahui dan direstui oleh Mahathir bagi tujuan membina satu pakatan politik baru yang lebih terpusat pada kuasa Melayu. Begitu pun, kesalahan percaturan Mahathir menjadikan perancangan Krisis Sheraton berubah kepada konspirasi yang berbentuk *go with the flow*. Penulis cuba membandingkan Krisis Sheraton dengan kerumitan yang ditunjukkan dalam plot filem *The Usual Suspect*. Walaupun penonton pada akhirnya seakan-akan memperoleh jawapan mengenai siapa sebenarnya Keyser Soze atau tok dalang utama yang digambarkan dalam filem tersebut, ia sehingga kini masih merupakan persoalan yang dipolemikkan oleh ramai pihak termasuklah mereka terlibat di dalam pembikinan filem itu sendiri.

Sesebuah negara mempunyai misteri politik yang tersendiri. Di Indonesia, polemik dan versi sebenar mengenai Tragedi Lubang Buaya pada 30 September 1965 masih diselongkar oleh wartawan dan sarjana sehingga kini. Pembunuhan Presiden John F. Kennedy

di Amerika Syarikat juga telah menghasilkan 2,000 buah buku yang ditulis bagi menjawab siapa sebenarnya yang membunuh Kennedy pada 22 November 1963. Watak *Deep Throat* yang membongkar skandal Watergate sewaktu era Presiden Richard Nixon hanya diketahui umum setelah 31 tahun; juga selepas ratusan buku ditulis mengenai skandal yang akhirnya mengundurkan Nixon daripada kekuasaan. Di United Kingdom, kematian tragik Puteri Diana pada 1997 terus dijadikan tumpuan penyiasatan oleh pelbagai pihak. Sama ada Krisis Sheraton akan dapat menjadi representasi utama kepada misteri politik di Malaysia akan kekal menjadi perbahasan dalam tahun-tahun mendatang.

## Penghargaan

Penyiapan artikel ini dibantu oleh geran GGPM 2018-022. Penulis merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada dua informan penting yang terlibat sebagai penyalur maklumat utama bagi penyiapan artikel ini. Mereka ini hanya dinamakan sebagai “Informan A” dan Informan “P” dalam artikel ini.

## Rujukan

- A. Kadir Jasin. 2020. Janji Nak Kuatkan Bersatu Tapi Nampak Tak Menentu. 7 Mac. Diakses di <https://kadirjasin.blogspot.com/2020/03/janji-nak-kuatkan-bersatu-tapi-nampak.html>
- Adam Mukhriz. 2020. Apa yang sebenarnya berlaku?. *Facebook*. 1 Mac. Diakses di <https://www.facebook.com/amofficial>
- Ananthalakshmi, A, Lee, L & Das, K.A. 2020. Malaysian machinations: How Mahathir Mohamad lost the plot. *The Japan Times*, 9 Mac. Diakses di <https://www.japantimes.co.jp/news/2020/03/09/asia-pacific/politics-diplomacy-asia-pacific/malaysian-machinations-veteran-southeast-asia-leader-mahathir-mohamad-lost-plot/#.XrmrcxMza9Z>
- Baharom Mahusin. 2020. Kuda Trojan dalam politik Malaysia. *Sinar Harian Online*, 8 Mac. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/72920/BERITA/Nasional/Kuda-Trojan-dalam-politik-Malaysia>
- Chandra Muzaffar & Mohd Hafiz Ismail (temu bual). 2020. Anwar, Dr Mahathir lebih baik berundur. *Sinar Harian Online*, 8 Mac. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/72931/BERITA/Politik/Anwar-Dr-Mahathir-lebih-baik-berundur>
- Informan ‘A’. 2020. Temu bual, 19 Mei.
- Informan ‘H’. 2020. Anggota Kumpulan Pemikir Anwar Ibrahim. Temu bual telefon, 20 April.

- Informan ‘P’. 2020. Temu bual, 16 Mei.
- Jeyakumar Devaraj. 2020. Bagaimana tumbangnya Pakatan Harapan?- Satu analisis tentang pergolakan politik di Malaysia 2020. 4 Mac. Diakses di <https://sosialis.net/2020/03/04/bagaimana-tumbangnya-pakatan-harapan-satu-analisis-tentang-pergolakan-politik-di-malaysia-2020/>
- Joceline Tan. 2018. Lots of shadow-boxing going on. *The Star Online*, 2 November. Di akses di <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/analysis/2018/11/02/lots-of-shadowboxing-going-on-tun-dr-mahathir-mohamad-will-welcome-some-10000-exumno-members-from-ke>
- Joceline Tan. 2020. Big comeback for Muhyiddin. *The Star Online*, 28 Februari. Diakses di [https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/analysis/2020/02/28/big-comeback-for-muhyiddin?fbclid=IwAR0T9V5rr6KuPc\\_oxc8XhpZXTf9EYifrRck2cbegKkR44i-XBqtD14t0-AM](https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/analysis/2020/02/28/big-comeback-for-muhyiddin?fbclid=IwAR0T9V5rr6KuPc_oxc8XhpZXTf9EYifrRck2cbegKkR44i-XBqtD14t0-AM)
- Khairil Anwar Mohd Din. 2020. Enam teori konspirasi ‘Langkah Sheraton’. *Sinar Harian Online*, 9 Mac. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/73027/BERITA/Politik/Enam-teori-konspirasi-Langkah-Sheraton>
- Khalid Samad. 2020. Tun dan PH: Sahabat atau musuh? *Malaysiakini*, 6 April. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/519157>
- Koh Chiew Heong. 2019. The possibility of Ph Collapse and Fall of Democracy. *Sin Chew Daily*, 25 Oktober. Diakses di <https://www.malaysia-today.net/2019/10/25/the-possibility-of-ph-collapse-and-fall-of-democracy/>
- Liew Chin Tong. 2020. The Strange Case of Muhyiddin Yassin (Part II). 15 Mei. Diakses di <https://www.liewchintong.com/2020/05/15/the-strange-case-of-muhyiddin-yassin-part-ii/>
- Malaysiakini*. 2020. From stillborn Perikatan Nasional to GE15 call – How BN, PAS U-turned in three days. 25 Februari. Diakses di [https://www.malaysiakini.com/news/512217?utm\\_source=dlvr.it&utm\\_medium=facebook&fbclid=IwAR332ZBfGVByNsGnqHufm4JVAjw5mkVM5W07K46FZQn4JRquOYB-wTaenU](https://www.malaysiakini.com/news/512217?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook&fbclid=IwAR332ZBfGVByNsGnqHufm4JVAjw5mkVM5W07K46FZQn4JRquOYB-wTaenU)
- Malaysiakini*. 2020b. Dr M dakwa dimusuhi setiausaha politik yang ada masalah mahkamah. 12 Mac. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/514404>
- Malaysiakini*. 2020c. Dr M setuju Bersatu keluar PH, dakwa Radzi Jidin. 9 Mei. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/524892>
- Malaysiakini Live Report* 2020. New Coalition: Anwar in emergency meeting, Azmin vows to continue reform agenda. 23 Februari. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/511939>
- Malaysiakini Live Report* 2020b. Bersatu rejects Dr M’s resignation. 24 Februari. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/511984>

- Malaysiakini Live Report 2020c.* Bersatu Youth backs Dr M, won't work with Umno 'en bloc'. 25 Februari. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/512103>
- Malaysiakini Live Report 2020d.* Kedah cabinet holds meeting at MB's residence. 26 Februari. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/512226>
- Malaysiakini Live Report 2020e.* Dr M should not pre-empt Agong's announcement. 27 Februari. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/512364>
- Malaysiakini Live Report 2020f.* Anwar counts on disgruntled MPs from 'other side' to give Harapan the numbers. 28 Februari. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/512502>
- Malaysiakini Live Report 2020g.* Harapan forgets to include Hulu Selangor MP in list. 29 Februari. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/512633>
- Postlethwaite, P. 1997. Unusual Suspect. 29 Mei. Diakses di <http://www.metroactive.com/papers/metro/05.29.97/brassed-off2-9722.html>
- Ramieza Wahid. 2020. Siapa mulakan khabar Anwar 'mahu jawatan TPM' pada Mahathir. Malaysiakini, 1 Mac. Diakses di [https://www.malaysiakini.com/news/512789?utm\\_source=dlvr.it&utm\\_medium=facebook&fbclid=id=IwAR3m2MoAkbtTTIZVC\\_7L8RTcxcaBmNDx0jEfN2pzK3gR8SNpDt0oJZ2ptf8](https://www.malaysiakini.com/news/512789?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook&fbclid=id=IwAR3m2MoAkbtTTIZVC_7L8RTcxcaBmNDx0jEfN2pzK3gR8SNpDt0oJZ2ptf8)
- Spacey, K. 2004. The Total Film Interview. 1 Disember. Diakses di <https://www.gamesradar.com/the-total-film-interview-kevin-spacey/>
- The Star Online. 2020. Two Bersatu supreme council members claim Dr M first mooted idea of joining hands with Umno, PAS. 19 Mei. Diakses di <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/05/19/two-bersatu-supreme-council-members-claim-dr-m-first-mooted-idea-of-joining-hands-with-umno-pas>
- The Usual Suspects. 1995. Gramercy Pictures.
- Watkins, G. 2015. Who is Keyser Soze? A Deep Dive Into the Mind Blowing Twist in 'The Usual Suspects'. 29 Ogos. Diakses di <https://www.yahoo.com/entertainment/the-usual-suspects-keyser-soze-a-deep-dive-into-127738492797.html>
- Wan Mohd Noor. 2020. Langkah Sheraton: Syed Saddiq dedah sesuatu.... Sinar Harian Online, 5 Mac. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/72575/KHAS/Peralihan-Kerajaan/Langkah-Sheraton-Syed-Saddiq-dedah-sesuatu>

# 03

## DARI SIMPANAN TETAP KEPADAKINGMAKER SARAWAK DAN SABAH DALAM LANGKAH SHERATON

SUFFIAN MANSOR<sup>1</sup>

### Pengenalan

Politik Malaysia sejak awal abad ke-20 menunjukkan perubahan jelas dalam penghakisan kuasa politik Barisan Nasional (BN) yang semakin merosot penguasaan mereka dalam kerusi di Dewan Rakyat. Akhirnya BN gagal memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dengan diganti oleh Pakatan Harapan (PH). Sepanjang tempoh sebelum kejatuhan BN menunjukkan kerusi-kerusi di Sarawak dan Sabah menjadi deposit tetap bagi BN berkuasa. Sarawak dan Sabah menjadi penentu kepada kemenangan parti-parti di pusat untuk memerintah seperti juga berlaku pada PRU-14 apabila Parti Warisan Sabah (WARISAN) dari Sabah memberikan majoriti mudah kepada PH berkuasa di Putra Jaya. Dengan kata lain politik Malaysia memerlukan sokongan daripada dua wilayah ini untuk berkuasa. Hal ini terjadi semula apabila berlaku usaha menukar kerajaan tanpa pilihan raya yang lebih dikenali sebagai Langkah Sheraton. Dalam tempoh seminggu, berlaku tawar-menawar antara pihak di Semenanjung Malaysia dengan parti-parti

<sup>1</sup> Suffian Mansor (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau boleh dihubungi di smansor@ukm.edu.my

di Sarawak dan Sabah. Akhirnya dengan sokongan Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan beberapa parti kecil dari Sabah maka kerajaan pusat dibentuk di bawah nama Perikatan Nasional (PN) pimpinan Muhyiddin Yassin. Persetujuan parti-parti dari Sarawak dan beberapa parti dari Sabah menyokong Muhyiddin mempunyai sebab-sebab tertentu untuk memberi sokongan mereka kepada pembentukan kerajaan baharu ini. Sokongan mereka bukan sokongan kosong tetapi penuh makna yang harus digalas dan ditunaikan oleh siapa yang mereka sokong. Artikel ini berhujah bahawa sokongan parti-parti di Sarawak dan Sabah penting dan menjadi penentu kepada kerajaan pusat di Putrajaya. Sebelum pergi lebih jauh dalam perbincangan ini maka perlu dikupas latar belakang senario politik di Sarawak dan Sabah bagi memahami lebih jelas tentang hal ini.

## Politik Sarawak dan Sabah

Keadaan politik di Sarawak dan Sabah berbeza selepas PRU-14. Ini kerana parti yang menerajui Sarawak iaitu BN Sarawak yang terdiri daripada Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Rakyat Sarawak (PRS), *Progressive Democratic Party* (PDP) dan *Sarawak United People's Party* (SUPP) menjadi pembangkang di peringkat pusat. Sementara itu parti pembangkang PH yang terdiri daripada *Democratic Action Party* (DAP), Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Amanah Negara (AMANAH) menambah kerusi mereka di Sarawak seperti Jadual 3.1.

**Jadual 3. 1: Jumlah Kerusi dimenangi oleh Parti Bertanding di Sarawak dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 dan Ke-14**

No.	Parti	PRU 13	PRU 14
1.	BN Sarawak	26	19
2.	PH – DAP	5	6
3.	PH – PKR	1	4
4.	Calon Bebas	0	2

Kekalahan BN ini menyebabkan BN Sarawak telah menyatakan untuk keluar daripada BN pada 12 Mei 2020. Bekas komponen BN Sarawak ini kemudiannya membentuk gabungan baharu iaitu Gabungan Parti Sarawak (GPS) (*The Star* 2018). Sebagai pembangkang peringkat pusat, GPS mengalami tekanan daripada PH. Manakala berita-berita tentang aktiviti pemimpin GPS tidak mendapat tempat dalam berita arus

perdana. Hal ini mewujudkan tanggapan bahawa GPS telah dihitamkan daripada liputan media arus perdana. Akhirnya mereka terpaksa menggunakan saluran berbayar iaitu *Astro Awani* untuk menyiaran aktiviti pemimpin GPS menerusi segmen *Awani Sarawak*.

Sejak itu juga hubungan antara GPS dengan PH mulai tegang dengan pelbagai isu. Antara isu-isu yang timbul dan tidak menyenangkan kebanyakannya berlaku antara DAP dengan GPS. Salah satu kenyataan Pengerusi DAP negeri yang tidak menyenangkan pemimpin GPS ialah dakwaan bahawa Ketua Menteri Abang Johari sebagai jaguh negeri apabila memperjuangkan isu hak negeri Sarawak (Asmah Adenan 2020). Menteri Kewangan Lim Guan Eng pula menyatakan bahawa Sarawak boleh bankrap dalam tempoh tiga tahun apabila GPS membentang belanjawan negeri pada tahun 2019 sebanyak RM11 bilion. Kenyataan Lim Guan Eng ini menimbulkan kemarahan pemimpin GPS (Larissa Lumandan 2019).

**Jadual 3.2: Perubahan Jumlah Kerusi Selepas PRU-14 (Sarawak)**

No.	Parti Politik	Bilangan Kerusi Pada Pilihan Raya Umum Ke-14	Bilangan Kerusi Selepas Pilihan Raya Umum Ke-14
1.	GPS	19	18
2.	DAP – PH	6	6
3.	PKR – PH	4	6
4.	PSB	-	1
5.	Bebas	2	0
<b>JUMLAH</b>		<b>31</b>	<b>31</b>

Pada Mac 2019 pula, seorang ahli parlimen PRS iaitu Masir Kujat telah keluar dari PRS, dan menyertai Parti Sarawak Bersatu (PSB) (Goh Pei Pei 2019). Penyertaan Masir Kujat ini membawa kepada berkurangnya kerusi GPS kepada 18. Pengurangan ini tidak menjelaskan apa-apa kedudukan GPS kerana mereka masih lagi memerintah negeri Sarawak dan angka 18 masih lagi mampu memberi kesan dalam perlaksanaan undang-undang mengenai Sarawak di peringkat parlimen. Salah satu contohnya ialah tidak mengundi rang undang-undang yang dibawa oleh PH tentang mengembalikan status Sarawak dan Sabah.

Dalam hal ini GPS mempunyai sebab tersendiri mengapa mengambil tindakan tersebut. Jadual 3.2 berikut menunjukkan bilangan kerusi mengikut parti di Sarawak selepas PRU-14.

Manakala di Sabah, BN yang bertanding untuk pilihan raya umum ke-14 terdiri daripada *United Malay National Organization* (UMNO), Parti BERSATU Sabah (PBS), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), *Liberal Democratic Party* (LDP), *United Progressive Kinabalu Organization* (UPKO). Dalam pilihan umum tersebut, BN mengalami kekalahan di bawah gabungan PH dan WARISAN (Chin 2018: 180). BN Sabah bukan sahaja menjadi pembangkang di peringkat pusat tetapi juga di peringkat negeri. Manakala Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) di bawah pimpinan Jeffrey Kittingan berjaya memenangi satu kerusi. Keputusan pilihan raya ke-14 ini ditunjukkan di Jadual 3.3:

**Jadual 3.3: Jumlah Kerusi dimenangi oleh Parti Bertanding di Sabah dalam PRU-13 dan PRU-14**

No.	Parti	PRU 13	PRU 14
1.	UMNO	22	10
2.	PH-DAP	2	3
3.	PH -PKR	1	3
4.	WARISAN	-	8
5.	STAR	0	1

Selepas pilihan raya tersebut berlaku beberapa peristiwa politik penting di Sabah. Pertama, WARISAN di bawah pimpinan Mohd Shafie Apdal telah membentuk kerajaan Sabah bersama-sama dengan PH dan UPKO. Hal ini menamatkan pemerintahan BN di Sabah. Peristiwa peralihan kuasa ini membawa beberapa drama politik yang berakhir dengan pembentukan kerajaan pimpinan Shafie Apdal. Kedua, kekalahan BN membawa kepada pepecahan BN apabila anggota komponennya mengumumkan untuk keluar dari BN seperti UPKO (10 Mei 2018), LDP (11 Mei 2018), PBS dan PBRs (12 Mei 2018) (*Malaysiakini* 2018). PBS dan PBRs bersama-sama STAR telah membentuk Gabungan Bersatu Sabah (GBS). Keadaan ini membawa UMNO bersama Malaysian Chinese Association (MCA) dan Malaysian Indian Congress (MIC) sahaja tinggal sebagai kompenan BN di Sabah.<sup>2</sup>

<sup>2</sup> Salah sebuah lagi komponen BN yang keluar dari BN ialah Parti Gerakan Malaysia.

Ketiga ialah pengumuman lima ahli parlimen UMNO dan lapan ahli ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah menyertai BERSATU (Miwil 2019). Sebelum itu ahli Parlimen UMNO Labuan menyertai WARISAN. Manakala ahli Parlimen Kimanis pula menyatakan dirinya sebagai ahli bebas. UMNO menawan semula kerusi tersebut selepas memenangi pilihan raya kecil awal tahun ini. Ini bermakna UMNO hanya memiliki dua kerusi Parlimen. Lompat parti bukan sahaja berlaku di peringkat Parlimen tetapi juga di peringkat Dewan Undangan Negeri. Jadual 3.4 berikut menunjukkan perubahan kerusi selepas PRU-14.

**Jadual 3.4: Perubahan Jumlah Kerusi Selepas PRU-14 (Sabah)**

No.	Parti Politik	Bilangan Kerusi Pada Pilihan Raya Umum Ke-14	Bilangan Kerusi Selepas Pilihan Raya Umum Ke-14
1.	WARISAN	8	9*
2.	DAP - PH	3	3
3.	PKR – PH	3	3
4.	UPKO	1	1
5.	UMNO	7	2
6.	BERSATU	-	5
7.	PBS-GBS	1	1
8.	PBRS-GBS	1	1
9.	STAR-GBS	1	1
<b>JUMLAH</b>		<b>25</b>	<b>26</b>

\*Ahli Parlimen Labuan (UMNO) menyertai WARISAN

Data pasca-PRU-14 dalam Jadual 3.3 dan 3.4 memberi impak kepada landskap politik Malaysia dalam Langkah Sheraton. Ini kerana PH dan BN serta Parti Islam Semalaysia (PAS) di Semenanjung Malaysia memerlukan sokongan daripada Sarawak dan Sabah untuk berkuasa. Dengan kata lain faktor angka menjadi perkiraan untuk membentuk kerajaan. Sepanjang berlangsungnya krisis, media sosial banyak memaparkan hal ini dengan menunjukkan paparan jumlah ahli yang menyokong PH dan PN. Dalam keadaan politik hari ini, sekecil mana pun jumlah kerusi yang ada pada parti tersebut akan menentukan jumlah yang mampu membentuk kerajaan. Hal ini berikutan kedua-dua pihak sama ada PH mahupun Perikatan Nasional (PN) – Kumpulan

Azmin, BERSATU, BN dan PAS – tidak mempunyai cukup majoriti membentuk kerajaan. Percaturan politik ini memerlukan sokongan daripada parti-parti di Sarawak dan Sabah.

## Langkah Sheraton

Politik Malaysia pada penghujung Februari 2020 digemparkan dengan tindakan segelintir ahli parlimen PKR di bawah pimpinan Azmin Ali untuk membentuk pakatan baharu bersama dengan BERSATU, BN dan PAS. Namun demikian bilangan kerusi mereka masih lagi gagal membentuk majoriti mudah. Pasca Pilihan Raya ke-14 menyaksikan Sarawak dan Sabah menjadi penentu kepada kejayaan mereka membentuk kerajaan. Azmin bersama 10 ahli parlimen lain pula keluar PKR, dan diikuti dengan BERSATU mengisyiharkan mereka keluar dari gabungan PH. Dua peristiwa ini menyebabkan kerajaan PH yang hanya berusia tidak kurang dari dua tahun tumbang. Tumbangnya kerajaan PH ini memberi ruang terbuka bagi PH dan PN yang berlumba-lumba untuk memujuk ahli parlimen dari Sarawak dan Sabah untuk menyokong mereka. Ini kerana jumlah kerusi bagi kedua-dua pihak yang cuba menubuh kerajaan tidak memadai untuk membentuk kerajaan. Oleh itu pihak Kumpulan Azmin, BN dan PAS termasuk beberapa ahli BERSATU cuba memancing sokongan mereka dengan mempelawa mereka datang bersama-sama berunding di Hotel Sheraton tempat yang mereka merancang menubuh kerajaan baharu.

Sebaliknya ahli-ahli parlimen GPS dan WARISAN juga mula berkumpul di Kuala Lumpur pada hujung bulan Februari untuk melihat dan meneliti perkembangan politik pusat. Pada awalnya mereka mengambil sikap berundingan dengan pihak-pihak terlibat. Pendirian dua parti ini memperlihatkan bahawa mereka bukannya terus bertindak untuk menyokong mana-mana pihak tanpa memikirkan sebab mengapa mereka perlu menyokong. Hal ini ditunjukkan dengan sikap tutup mulut pemimpin mereka apabila ditanya oleh wartawan. Namun demikian media sosial banyak mensensasikan peranan dua parti ini dan beberapa parti kecil di Sarawak dan Sabah ini dalam Langkah Sheraton. Ada yang mengatakan mereka memang telah mempunyai pilihan sejak awal lagi dan akan terus menyokong pihak yang mereka pilih. Namun hal ini sebenar perlu diteliti kerana parti-parti di Sarawak dan Sabah bukan lagi simpanan tetap seperti zaman BN dahulu tetapi mereka sekarang sudah

mempunyai banyak kebebasan untuk memikirkan bahawa sokongan mereka bukannya tanpa sebab yang jelas seperti semasa BN dahulu. Dalam membincangkan hal ini perlu dipecahkan dahulu perbincangan dua negeri ini kerana tindak balas antara kedua-dua pihak di kedua-dua negeri perlu diperhalusi sebelum membuat satu kesimpulan tentang rangkuman sokongan parti-parti di Sarawak dan Sabah ini.

## Kes Sarawak

Situasi politik Malaysia yang tidak menentu tentang siapa yang akan membentuk kerajaan menyebabkan GPS mengambil pendirian yang berhati-hati dan mengutamakan kepentingan negeri Sarawak serta kedudukan mereka ambil. Antara kepentingan ini diambil berdasarkan Pilihan Raya Negeri yang akan diadakan bila-bila masa. Tempoh lima tahun DUN Sarawak hampir tamat pada pertengahan tahun depan menjadi salah satu agenda penting dalam perkiraan GPS untuk memberi sokongan. Atas sebab itulah pada awalnya mereka memberi sokongan kepada Mahathir. Menurut Abang Johari, sokongan GPS ini adalah bagi melindungi kepentingan mereka. Bagi mereka, hubungan baik perlu dijaga antara pusat dengan negeri untuk tujuan menjaga kepentingan rakyat (*MyMetro* 2020). Perkara kurang jelas dalam hal ini ialah sokongan Mahathir ini adakah bermaksud menyokong PH atau PN. Ini kerana nama Mahathir memang dicalonkan oleh dua-dua pihak kecuali terdapat perubahan saat-saat akhir bagi kedua-dua pihak. PH pada pertengahan minggu tersebut menamakan Anwar Ibrahim sebagai calon PH. Namun PH menamakan semula Mahathir sebagai pilihan mereka. Apabila Mahathir menolak pencalonan beliau sebagai Perdana Menteri jika PN bekerjasama dengan UMNO secara *en bloc*, PN menukar pula strategi dengan menamakan Muhyiddin sebagai calon Perdana Menteri.

Tindak-tanduk Mahathir yang meletak jawatan dan menolak pencalonan sebagai Perdana Menteri PN serta kembali semula untuk menjadi Perdana Menteri kerajaan perpaduan memberi impak sokongan GPS seterusnya. Dalam hal ini GPS mengambil pendirian bahawa sokongan mereka adalah kepada kerajaan yang mampu memberi kebaikan kepada Sarawak dan kestabilan politik negara iaitu PN. Oleh itu mereka akan menerima siapa sahaja termasuk Mahathir mahupun Muhyiddin untuk memimpin PN tersebut. Hal inilah yang dilihat kabur pada laporan akhbar yang mana GPS tidak menyebut menyokong PH

tetapi menyokong Mahathir peringkat awal. Ini kerana sokongan GPS harus bertunjangkan kepentingan mereka iaitu kepentingan parti dan hak Sarawak. Kepentingan parti ini perlu diutamakan kerana GPS akan meneruskan kelangsungan memperjuangkan mendapat hak negeri. Selama ini GPS telah mengutamakan hal ini dan terus berusaha mendapatkan hak tersebut.

Dalam hal ini GPS berharap kemelut ini perlu ditamatkan dan kestabilan politik perlu dikembalikan. Ini kerana dengan kembalinya kestabilan politik membolehkan perjuangan mereka dalam memulihkan dan memperkasakan hak Sarawak dapat direalisasikan. Oleh itu tindak-tanduk Mahathir yang tidak menentu dalam tempoh seminggu itu menyebabkan GPS menyokong Muhyiddin yang dinamakan oleh PN sebagai perdana menteri selepas itu. Mereka tidak mahu keadaan politik tidak stabil berlanjutan dan menjasaskan kepentingan negara dan negeri. Dalam satu laporan akhbar maya, ia menyatakan beberapa sebab kenapa GPS menolak PH selain tindak-tanduk Mahathir iaitu:

1. PH telah membatalkan beberapa projek infrastruktur di kawasan luar bandar.
2. PH enggan memperuntukkan dana bagi membaik pulih sekolah-sekolah daif di Sarawak.
3. PH enggan membayar cukai jualan (SST) petroleum kepada Sarawak.
4. PH telah membawa Kerajaan Sarawak ke mahkamah dan mendakwa kawalan tunggal terhadap sumber minyak dan gas di Sarawak adalah hak kerajaan pusat.
5. PH sebelum ini telah mengancam untuk menghapuskan autonomi imigresen sekiranya memerintah Sarawak.
6. PH tidak menyediakan pasukan peronda untuk mengawal pantai dan membiarkan laut di Sarawak tidak dilindungi.
7. PH menuduh GPS tidak mengurus kewangan negeri dengan baik dan mendakwa Sarawak akan bankrap dalam masa tiga tahun.
8. Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Borneo berpindah dari Kuching ke Kota Kinabalu.
9. Pelantikan Pengerusi Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) tanpa merujuk kepada Kerajaan Sarawak.
10. Pelantikan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan (MPKKP) yang telah memecahbelahkan komuniti Dayak di kawasan luar bandar.
11. Melambatkan Projek Pan Borneo. (*TV Sarawak 2020*)

Penjelasan berkenaan merupakan peristiwa-peristiwa bahawa PH tidak menunjukkan keprihatinan kepada Sarawak. Jikalau diteliti lebih dalam sebenarnya, isu tersebut adalah beberapa sebab yang memberi rasa kurang senang GPS kepada PH. Tambahan pula, kebanyakan kenyataan pemimpin GPS menjelaskan bahawa mereka menolak menyokong PH kerana isu DAP. Hal ini disuarakan oleh beberapa pemimpin GPS. Seperti dijelaskan awal tadi, hubungan GPS dan DAP yang tidak mesra dan kadangkala tegang menyebabkan GPS tidak menyokong DAP. Di samping itu, Presiden PRS, James Masing menyatakan bahawa mereka tidak mahu bekerjasama dengan DAP. Kenyataan beliau menyebut, “Gabungan Parti Sarawak (GPS) tidak akan menyertai pakatan yang ada Parti Tindakan Demokratik (DAP)” (Khairulanuar Yahaya 2020). Kenyataan James Masing ini bukannya bersendirian tetapi diakui oleh Abang Johari yang bersetuju bahawa GPS tidak akan bekerjasama dengan pakatan yang ada DAP. Kedua-dua pemimpin ini meletakkan sebab-sebab mengapa mereka menolak DAP dalam gabungan ini seperti dinyatakan di awal tadi termasuklah kenyataan “Sarawak akan bankrap” oleh Lee Guan Eng. Kenyataan ini menyebabkan pemimpin GPS marah kepada DAP. Mereka menambah bahawa tindak-tanduk DAP yang dikatakan menarik balik peruntukan pembinaan jambatan menghubungi kawasan persisir Sarawak menyebabkan kerajaan negeri terpaksa menggunakan peruntukan sendiri untuk membina jambatan tersebut. DAP juga dituduh memecah-belahkan penduduk Sarawak dengan penubuhan MPKKP (Joni 2020).

DAP menerusi Pengurus negeri, Chong Chi Jen tetap merayu agar GPS menyokong mengekalkan kerajaan PH. Malah, Chong Chi Jen sanggup berkompromi dengan GPS untuk mengekalkan kerajaan PH. Beliau merayu kepada GPS supaya mengetepikan segala perbezaan politik antara mereka dan bekerjasama dengan PH untuk kepentingan negara (*New Straits Times* 2020). Namun rayuan daripada Chong Chi Jen ini tidak dilayan oleh GPS. Malahan James Masing membuat satu kenyataan yang cukup pedas kepada DAP dengan menyatakan “saya fikir kita lebih selesa dengan PAS berbanding keangkuhan DAP” (*Malaysiakini* 2020). Mengikut sejarahnya, James Masing pernah ditentang oleh calon DAP semasa pilihan raya negeri lepas di Baleh. Hal ini juga menambah lagi rasa kurang senangnya dengan DAP. Dalam isu yang sama, Abang Johari juga tidak mahu memikirkan soalan yang menyatakan penyertaan UMNO dan PAS sebagai parti ekstremis (Mohd. Roji Kawi 2020).

Hal ini membuktikan bahawa pendirian GPS jelas jika DAP tidak bersama dalam kerajaan yang mereka sokong. GPS juga melihat apa yang berlaku kepada pemerintahan PH adalah bermasalah. Ini termasuk gaya kepimpinan Lim Guang Eng yang dianggap sebagai tidak cekap dalam mengendali kementeriannya. GPS cuba berbaik-baik dan mahu bekerjasama dengan kerajaan PH tetapi DAP yang memburukkan keadaan dengan pelbagai tuduhan yang tidak menyenangkan pemimpin GPS. Dasar-dasar DAP yang dilihat oleh GPS tidak mesra bumiputera seperti masih memainkan idea *Malaysian Malaysia* juga menjadi alasan kuat mengapa GPS tidak menyokong PH. Hal ini dibimbangi akan menjaskan kedudukan bumiputera Sarawak pada masa depan yang masih lagi memerlukan bantuan kerajaan. GPS juga melihat Mahathir tidak dapat menghalang dominasi DAP dalam kerajaan PH. Oleh itu sokongan kepada Muhyiddin adalah alternatif terbaik dalam perjuangan Sarawak di peringkat nasional. Rekod pemerintahan PH juga tidak mendapat reaksi positif oleh GPS kerana terlalu banyak krisis dalaman, pertikaian antara ahli sendiri dan dasar-dasar yang tidak membantu kebaikan negara. Hal ini merupakan perkara-perkara yang menutup pintu sokongan GPS kepada Mahathir dan PH.

GPS tidak risau dengan UMNO yang dilihat sesetengah pihak masih lagi mengalami masalah rasuah dalam kalangan pemimpinnya. Ini kerana GPS menyokong pemimpin yang bersih dalam kerajaan. Bagi GPS, masalah rasuah adalah masalah individu bukannya parti. Begitu juga isu PAS yang dilihat tidak membawa masalah kepada mereka. Walaupun PAS mempunyai rekod mengkritik kerajaan Sarawak tetapi PAS boleh dibawa berunding dalam hal-hal tentang hak Sarawak (Sempurai Petrus Ngelai 2020: temu bual). Malahan PAS di Sarawak memberi pandangan positif kepada kerajaan GPS. Persuruhjaya PAS Sarawak, Jofri Jaraiee banyak memuji usaha-usaha kerajaan negeri seperti pengenalan bas hidrogen (*Sarawak Voice* 2020). Manakala isu-isu sebelum ini juga telah ditinggalkan oleh GPS seperti isu cawat yang pernah diutarakan oleh presiden PAS, Abdul Hadi Awang semasa pilihan raya kecil Batang Air (*Borneo Post Online* 2012). Soal kerjasama dengan PAS ini juga disokong oleh salah seorang menteri negeri Sarawak iaitu Abdul Karim Rahman Hamzah dengan mengatakan, “*what wrong with PAS? DAP once was a partner with PAS in Pakatan Rakyat and even went into elections in Sarawak under that alliance* (*The Star* 2020).” Oleh itu, isu ini bukannya masalah dalam politik kerana DAP juga pernah berpaktat dengan PAS.

Namun agak pelik kerana dalam isu penolakan DAP oleh GPS, parti paling terkesan adalah SUPP. Namun SUPP tidak begitu kehadapan dalam menyuarakan tentang untuk tidak menerima DAP dalam kerajaan PN. Dalam pilihan raya umum lepas, SUPP hampir kehilangan semua kerusinya kepada DAP. Mereka juga gagal menang di kerusi majoriti Cina di Sarawak. Hanya seorang calon SUPP yang menang iaitu Parliment Serian, Richard Riot iaitu seorang pemimpin Bidayuh. Malahan semasa berlaku peralihan kuasa ini, Richard Riot dikatakan menyertai PKR tetapi dinafikan oleh beliau (Edward 2020). SUPP tidak banyak membuat kenyataan tentang hal ini. Malahan Ketua Pemuda SUPP iaitu Michael Tiang membuat tawaran kepada Chong Chi Jen dan rakan-rakannya dalam DAP negeri meninggalkan DAP, dan menyertai SUPP. Beliau menyatakan bahawa DAP pusat dan negeri mempunyai pendirian berbeza. Oleh itu, untuk berjuang bagi kepentingan Sarawak, maka menyertai SUPP adalah tindakan terbaik untuk pemimpin DAP negeri (*Sarawak Voice* 2020b). Namun demikian pelawaan SUPP ini dipandang dingin oleh pemimpin DAP negeri. Bagi Presiden SUPP iaitu Sim Kui Hin, beliau melihat tindakan PH hanya menggunakan GPS sebagai melepas diri daripada kemelut politik pada waktu itu. Malahan kemelut yang berlaku ini bukan kerana sokongan GPS kepada PN tetapi kerana masalah dalaman PH sendiri (*Malaysia Today* 2020). PH yang membawa masalah kepada diri mereka sendiri, dan tidak menjaga kerajaan yang mereka kuasai. Sepanjang tempoh tujuh hari kemelut politik tersebut, PH banyak bermain politik daripada menyelesaikan isu politik dalam masa tersebut. Hal ini juga menyebabkan GPS tidak begitu senang dengan tindak-tanduk PH. Dalam kemelut ini, GPS mahu kerajaan kembali berfungsi baik untuk kepentingan negara tanpa gangguan politik yang berpanjangan (Romeo Tegong 2020: temu bual).

Di sebalik pensensasi mengenai isu DAP dalam laporan akhbar dan media sosial, pokok pangkal sokongan GPS adalah hak negeri Sarawak. Dalam satu laporan, GPS menuntut dua perkara iaitu jawatan Timbalan Perdana Menteri dan lebih banyak hak di bawah Perjanjian Malaysia (*Sinar Harian Online* 2020). Perkara pertama ini lebih kepada spekulasi politik yang cuba mengaitkan GPS mahu mendapat jawatan dalam politik. Hal ini bukan perkiraan yang diambil oleh GPS dan ia juga bukan agenda utama GPS. Malahan hal ini tidak pernah diminta oleh GPS bagi memberi sokongan kepada PN (Romeo Tegong 2020: temu bual). Perkara kedua itu dilihat lebih realistik kerana ini merupakan

perkara yang selama ini mereka tuntut. Dalam hal ini, Wan Junaidi ahli parlimen GPS bagi Santubong menegaskan bahawa isu tentang Perjanjian Malaysia adalah keutamaan mereka, dan tidak boleh dirunding dan harus dilaksanakan. Tambahan daripada itu, beliau menekankan hak-hak istimewa Sarawak dalam perlumbagaan juga harus ditunaikan. Hak-hak ini termasuk autonomi imigresen, hak mengenakan cukai seperti mengenakan cukai jualan negeri; cukai pelabuhan, royalti untuk minyak dan kayu balak, hak dalam sumber alam termasuk tanah dan sebagainya (Larissa Lumadan 2020). Dalam hal ini, Sim Kui Hin menaruh harapan besar agar kerajaan pusat akan membayar cukai jualan daripada hasil minyak dan mengembalikan hak Sarawak seperti Perjanjian Malaysia (*Malaysia Today* 3 Mac 2020). Ini merupakan tuntutan yang dibuat oleh Sarawak sejak Sarawak di bawah pimpinan Ketua Menteri sebelumnya, Adenan Satem (Awang Azman Awang Pawi et al. 2016: 83). Tuntutan mengembalikan hak Sarawak ini merupakan tuntutan utama GPS yang digolongkan dalam kepentingan Sarawak yang tidak sekadar terhad pada Perjanjian Malaysia sahaja (Wan Junaidi Tengku Jaafar 2020: temu bual). Sokongan GPS ini penting kerana mereka mahu agar sokongan dan penyertaan mereka dalam kerajaan akan dapat memperjuangkan hak negeri. Malah, kedudukan PN yang tidak begitu kuat membolehkan GPS menuntut hak tersebut dengan lebih mudah (Sempurai Petrus Ngela 2020: temu bual). Isu ini tidak akan dapat dicapai oleh GPS jika ia menyokong PH kerana mereka tidak dapat duduk semeja dengan DAP yang dilihat angkuh dengan mereka selama ini.

Sokongan daripada Sarawak terhadap PN semakin bertambah dengan adanya sokongan daripada kumpulan Azmin iaitu tiga ahli parlimen PKR iaitu Baru Bian, Willie Mongin dan Ali Biju. Tindak tanduk tiga ahli parlimen PKR ini dikesali oleh Chong Chi Jen. Mereka ini menurut Chong Chi Jen telah mengkhianati PKR dan mandat rakyat. Namun Baru Bian daripada kumpulan Azmin menukar pendirian saat akhir untuk menyokong Mahathir. Baru menyatakan beliau berpaling semula kepada Mahathir kerana di bawah kepimpinan Mahathir, beliau mampu mencapai pelbagai tugas untuk membantu Sarawak dalam wawasan kemakmuran bersama. Menerusi wawasan ini, beliau berjaya membantu membina Lebuh Raya Pan Borneo, jalan penghubung Sarawak dan Sabah, membaiki sekolah yang rosak, hospital dan sebagainya (Azril Annuar 2020). Manakala satu-satunya calon PSB iaitu Masir Kujat pula menunjukkan sikap yang agak berbelah bahagi pada

awalnya. Beliau dilihat menyokong Muhyiddin pada awalnya namun mula berubah memberi sokongan kepada Mahathir. Ini berikutan keputusan PSB yang menyatakan sokongan mereka kepada Mahathir. Sokongan PSB pada Mahathir berdasarkan hujahan bahawa mereka menyokong kerajaan yang mendapat mandat daripada rakyat (*Utusan Borneo Online* 2020). Hal ini menimbulkan sedikit kekeliruan apabila dalam sidang parlimen yang diadakan pada 18 Mei 2020, kedudukannya diletakkan di barisan kerajaan. Beliau sekali lagi menegaskan bahawa beliau adalah pembangkang di pusat dan negeri (Ling 2020). Secara kasarnya sokongan kepada PN dan PH dari blok Sarawak seperti Jadual 3.5 berikut:

**Jadual 3.5: Jumlah Sokongan Ahli Parlimen Sarawak kepada PN dan PH**

<b>PN</b>		<b>PH</b>	
GPS-18	18	DAP	6
		PKR	3
Kumpulan Azmin - 2	2	PSB	1
		Bebas	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			
<b>20</b>		<b>18</b>	

Angka-angka dalam jadual ini menunjukkan kecenderungan parti di Sarawak memihak kepada PN. Manakala PH pula menunjukkan sokongan yang juga kuat dengan 11 ahli parlimen menyokong mereka yang rata-rata adalah daripada ahli PH.

## Kes Sabah

Seperti juga di Sarawak, Sabah menyaksikan sokongan kepada pihak-pihak terlibat dalam kemelut politik di persekutuan adalah pelbagai. Kejatuhan BN dalam PRU-14 membuka ruang kepada ramai pemimpin bebas dalam menentukan siapa yang akan mereka sokong. Tiada suara dan tindakan bersama dalam kemelut tersebut. Mereka terpandu kepada dasar parti masing-masing. BERSATU Sabah dan UMNO Sabah misalnya menunjukkan kecondongan ke arah keputusan parti induk mereka di Kuala Lumpur. Keputusan UMNO pusat dalam hal ini lebih kepada usaha membentuk pakatan baharu iaitu PN. Dua ahli parlimennya di Sabah iaitu Bung Mokhtar Radin dan Mahamad Alamin

walaupun kecewa tidak mendapat sebarang jawatan dalam kabinet tetapi tidak menolak pembentukan kerajaan baharu (Fong 2020). Ini merupakan sokongan secara *en bloc* yang tidak mengambil kira sokongan individu walaupun UMNO Sabah diberi autonomi. Bagi BERSATU Sabah, keadaan mereka agak berbeza walaupun masih mengikut naratif UMNO dengan menyokong secara *en bloc*. Namun pada peringkat awal, mereka memberi sokongan kepada Mahathir namun kemudian menyertai kerajaan yang dibentuk oleh Muhyiddin. Hal ini dinyatakan oleh pengurus BERSATU Sabah iaitu Hajiji Mohd. Nor yang berpendapat Mahathir perlu meneruskan khidmatnya sebagai Perdana Menteri bagi memulihkan ekonomi negara (Santos 2020). Namun demikian, mereka ini kembali menyokong PN. Pembentukan kerajaan PN menyebabkan beberapa pemimpin BERSATU Sabah memberi sokongan kepada Muhyiddin.

Manakala PH mempunyai dua cerita berbeza kerana PKR mengalami masalah kerana salah seorang ahli parlimennya menyertai Kumpulan Azmin. Jonathan Yasin yang merupakan Ahli Parlimen Ranau ialah ahli parlimen PKR yang telah menyertai kumpulan Azmin dan keluar parti (*Sinar Harian* 2020). Walaupun pada satu ketika, beliau menyatakan bahawa beliau masih ahli PKR tetapi kemudian dilantik sebagai Timbalan Menteri dalam kabinet PN. Dua ahli parlimen PKR masih kekal menyokong dasar PKR pusat. DAP tidak mempunyai masalah kerana ketiga-tiga Ahli Parlimennya memberi sokongan kepada dasar DAP pusat terutama dalam memberi sokongan pada Mahathir. Bagi DAP, tiada ahlinya melompat parti di Sabah, dan kekal memberi sokongan kepada pemimpin pusat. Dalam satu kenyataan daripada setiausaha DAP negeri dan juga Ahli Parlimen Kota Kinabalu, Chan Foong Hin menyatakan mereka memberi sokongan kepada Mahathir bagi menghalang pakatan yang beliau anggap sebagai pakatan kleptokratik (Santos 2020b).

Sementara itu WARISAN di bawah Shafie Apdal menunjukkan sikap yang tenang dan konsisten dalam percaturan di Kuala Lumpur. Beliau berterusan memberi sokongan kepada Mahathir. Hanya apabila Mahathir tidak mendapat sokongan PH, WARISAN cuba berunding dengan Muhyiddin. Laporan akhbar bercetak dan maya menunjukkan WARISAN menuntut agar ahli-ahli BERSATU termasuk ahli parlimen dan DUN di Sabah menyertai WARISAN. Sejauh mana benar tuntutan ini tidak jelas kerana menyokong Mahathir juga tidak akan menghalang BERSATU

bertapak di Sabah kerana Mahathir adalah penggerusi BERSATU. Namun demikian, ia boleh dianggap mempunyai kebenarannya kerana sokongan kepada Muhyiddin tanpa syarat dinyatakan akan membawa masalah kepada WARISAN. Ini kerana wujudnya tanggapan bahawa WARISAN mungkin akan kehilangan penguasaan kerajaan negeri kerana adanya UMNO dan BERSATU yang boleh menggantikan mereka di Sabah. Oleh itu, kelangsungan parti tersebut perlu dikekalkan di Sabah kerana penyertaan dalam kerajaan baharu agak samar-samar bagi kedudukan mereka dalam kerajaan. Sokongan kepada Mahathir yang memimpin PH lebih menjamin kedudukan mereka di Sabah (Paul Porodong 2020). Pada 28 Februari 2020, dilaporkan terdapat perjumpaan Shafie dengan Muhyiddin tetapi menurut pihak WARISAN, penjumpaan itu hanyalah satu perjumpaan biasa. Oleh itu, WARISAN tetap bersama Mahathir sehingga pengumuman pembentukan kerajaan PN. Shafie Apdal juga menyatakan bahawa Mahathir tidak perlu menyerahkan jawatan perdana menteri kepada Anwar Ibrahim (*Bebasnews* 2020). Kenyataan beliau ini menunjukkan bahawa sokongan WARISAN tidak terikat kepada PH yang mahu peralihan kuasa berlaku dari Mahathir kepada Anwar Ibrahim.

UPKO juga dalam mesyuarat tergemparnya menzahirkan sokongan kepada Mahathir. Sokongan ini seiring dengan dasar WARISAN yang merupakan sekutu UPKO. Dalam kenyataan sokongan UPKO ini menerusi Presidennya iaitu Wilfred Madius Tangau, sokongan kepada Mahathir berlandaskan mandat dan sokongan rakyat majoriti kepada PH semasa pilihan raya umum ke-14 (*Sinar Harian Online* 2020b). Senada dengan beliau ialah Ketua Pemuda UPKO, Charles Jauti yang menyokong usaha meneruskan sokongan kepada Mahathir bagi mengekalkan mandat rakyat pada PRU-14 (*BeritaSabah* 2020). Kata-kata Charles ini menunjukkan bahawa status quo harus dikekalkan untuk menghormati mandat rakyat. Dengan kata lain, kerajaan pimpinan Shafie Apdal dengan UPKO dan PH perlu dikekalkan. Hal ini juga penting kerana ia boleh dikaitkan dengan dasar mereka untuk kepentingan Sabah. Hal ini boleh dikaitkan dengan salah satu sebab yang dinyatakan oleh Shafie tentang sebab sokongan mereka pada Mahathir adalah kepentingan rakyat Sabah. Walaupun PN telah terbentuk beliau tetap menyatakan sokongan pada Mahathir dengan menyatakan sanggup bekerjasama dengan kerajaan PN atas sebab kepentingan rakyat Sabah (Chan 2020). Jikalau diteliti dengan lebih mendalam, kepentingan rakyat Sabah ini memberi makna luas yang

berkaitan dengan pembangunan dan kesejahteraan Sabah. Hal ini boleh dikaitkan dengan menjaga kepentingan negeri Sabah yang mempunyai hubungan dengan menjaga hak Sabah. Di samping itu, menunjukkan bahawa WARISAN dan UPKO juga mempunyai dasar untuk menjaga hak negeri Sabah.

Oleh sebab angka menjadi perkiraan dalam peralihan kuasa ini, maka sekecil mana pun jumlah kerusi sesebuah parti itu, ia harus diambil kira untuk menentukan pembentukan kerajaan pusat. GBS misalnya mempunyai tiga Ahli Parlimen tetap menjadi tumpuan kerana mereka mampu menentukan jumlah kerusi pihak yang ingin membentuk kerajaan. Namun demikian, GBS tidak menggunakan gabungan itu menyuarakan pendapat mereka seperti GPS. Masing-masing parti dalam GBS memberi pandangan mereka sendiri. Presiden STAR iaitu Jeffrey Kitingan pada awalnya memberi sokongan kepada Mahathir tetapi mengubah fikirannya untuk menyokong Muhyiddin kerana dua sebab utama. Pertama beliau berpendapat bahawa Mahathir tidak mampu membantu usaha memperoleh semula hak-hak Sabah dalam Perjanjian Malaysia. Beliau menyatakan zaman Mahathir semasa memimpin BN tidak membantu mengembalikan hak tersebut. Oleh itu, menyokong Mahathir tidak memberi peluang yang mereka harapkan untuk mengembalikan hak Sabah dalam Perjanjian Malaysia. Dengan itu, beliau berpendapat sokongan kepada Muhyiddin yang memimpin PN dilihat sebagai satu harapan baharu untuk menjayakan usaha mengembalikan hak-hak Sabah dalam Perjanjian Malaysia. Oleh sebab itu, perlulah Sabah bagi beliau bersama-sama Sarawak berada di bawah GPS untuk memperjuangkan hak bersama. Sabah perlu bersama Sarawak dalam hal ini (Ralon 2020).

Kedua, beliau berpendapat pemilihan Mahathir atau Anwar Ibrahim tidak akan menyelesaikan masalah. Ini kerana krisis akan berterusan jikalau menyokong salah seorang daripada pemimpin ini. Apa yang beliau nyatakan ialah bahawa krisis ini akan berlarutan dan tidak akan dapat diselesaikan kerana Mahathir masih belum memberi laluan kepada Anwar Ibrahim. Penyokong Anwar akan terus mendesak Mahathir untuk menunaikan janjinya menyerah jawatan Perdana Menteri kepada Anwar Ibrahim. Atas sebab itu, masalah ini akan berlarutan dan akan mengganggu kestabilan politik Malaysia. Oleh itu, beliau memilih pilihan ketiga iaitu Muhyiddin yang pada pendapat beliau tidak akan membawa krisis semula. Beliau tidak peduli mengenai persepsi yang

timbul terhadap beliau tetapi beliau menyokong untuk menyelesaikan krisis politik dengan pembentukan kerajaan baharu. Beliau juga tidak risau bersama-sama dengan UMNO kerana berpendapat bahawa UMNO telah berubah. Malahan Setiausaha Agong UMNO, Annuar Musa berikrar untuk mengembalikan hak autonomi Sarawak dan Sabah atas sokongan GPS dan GBS. Jeffrey menambah semasa Pilihan Raya Kecil Kimanis yang berlangsung pada Januari 2020, BN terutamanya UMNO memberi sokongan 100 kepada Sabah bagi memperjuangkan haknya dalam Perjanjian Malaysia. UMNO bagi Jeffrey tidak seperti pemimpin terdahulu dan kini bersedia mendengar suara pemimpin Sarawak dan Sabah. Beliau juga teruja dengan sikap positif UMNO dan PAS yang menganggap royalti lima peratus Sabah tidak adil, dan dalam hal ini beliau amat berharap hal ini boleh memberi keadilan kepada Sabah (Ralon 2020).

PBRS dalam hal ini menunjukkan kecondongan seperti STAR dalam memberi sokongan kepada Muhyiddin. Peringkat awal PBRS memberi sokongan kepada Mahathir tetapi bersama-sama dengan STAR memberi sokongan pula kepada Muhyiddin pada 28 Februari 2020. Sokongan kedua-dua parti ini membolehkan Muhyiddin mendapat majoriti mudah iaitu 114. Manakala PBS menerusi pemimpinnya iaitu Maximus Ongkili memaklumkan bahawa PBS berjuang untuk kestabilan politik negara. Oleh itu beliau mengambil sokongan ini berpandukan keadaan semasa. Pada awalnya, beliau menyatakan PBS memberi sokongan kepada Mahathir sebagai Perdana Menteri. Namun selepas itu beliau mengambil sikap berkecuali. PBS membiarkan perkara ini terus diselesaikan di peringkat pusat dan sokongan mereka akan berdasarkan kestabilan politik dan ekonomi negara. Sikap PBS ini berlainan dengan STAR walaupun dalam satu gabungan. Mereka konsisten dengan pendirian awal dan akan menyokong apa sahaja keadaan yang boleh mengembalikan kestabilan politik negara. Oleh itu, apabila Muhyiddin dilantik sebagai Perdana Menteri, mereka menyokong Muhyiddin atas sebab kestabilan (Rafiqah Dahali 2020). Namun demikian sokongan kepada kepada Muhyiddin ini menurut beliau mempunyai syarat. Dalam hal ini Maximus menyatakan:

Saya memaklumkan kepadanya bahawa kami hanya mahu tiga perkara untuk diselesaikan iaitu isu pendatang tanpa izin, menunda Pas Sementara Sabah, memelihara dan memperbaiki Perjanjian Malaysia 1963 serta membawa pembangunan yang seimbang

setanding dengan apa yang dinikmati di Semenanjung Malaysia (Rafiqah Dahali 2020b).

Kenyataan Ongkili ini menunjukkan terdapat persamaan dengan STAR yang mementingkan kepentingan negeri dalam menamatkan memberi sokongan dalam kemelut politik ini. Secara keseluruhannya sokongan kepada PN dan PH di Sabah ditunjukkan dalam Jadual 3.6 berikut.

**Jadual 3.6 Jumlah Sokongan Ahli Parlimen Sabah (termasuk Labuan) kepada PN dan PH**

<b>PN</b>		<b>PH</b>	
Bersatu	5	Warisan	9
UMNO	2	UPKO	1
GBS	3	PKR	2
Kumpulan Azmin	1	DAP	3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			
11		15	

Angka pada jadual menunjukkan bahawa sokongan kepada PH mendahului PN. Namun demikian, jumlah ini gagal menafikan pembentukan kerajaan PN di peringkat pusat.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kemelut krisis Sheraton menjelaskan bahawa politik Malaysia selepas PRU-14 adalah rapuh. Tidak ada lagi parti yang dianggap boleh mendominasi politik Malaysia seperti dilakukan oleh UMNO sebelum ini. Kerapuhan ini mencerminkan bahawa Sarawak dan Sabah adalah *kingmaker* sebenarnya dalam politik Malaysia. Sokongan daripada parti-parti di kedua-dua negeri ini merupakan kewajipan bagi sesiapa yang berniat membentuk kerajaan Malaysia. Hal ini dibuktikan dengan penyudah kemelut politik ini apabila GPS yang mempunyai 18 ahli menyatakan sokongan kepada PN. Sokongan ini ditambah dengan sokongan kecil dari parti-parti di Sabah. Namun demikian dalam merungkai sokongan ini perlu diingat bahawa sokongan ini bukan sokongan kosong. Kerajaan yang mendapat sokongan daripada parti-parti di Sarawak dan Sabah ini akan memikul tugas besar yang gagal

digalas oleh BN dan PH dahulu iaitu mengembalikan hak negeri dalam Perjanjian Malaysia 1963.

Hak negeri inilah merupakan perkara pokok yang diminta oleh parti-parti Sarawak dan Sabah yang mengatasi segala tuduhan kepada mereka yang dikatakan menyokong gabungan yang kleptokratik dan ekstremis agama. Tuntutan hak negeri ini tidak dilihat hanya pada Perjanjian Malaysia sahaja tetapi dalam kerangka yang lebih luas terutama pembangunan dan hasil negeri termasuk minyak. Cukai jualan minyak adalah antara tuntutan yang mereka mahu kerajaan pusat tunaikan selain soal keselamatan bagi kedua-dua negeri. Dalam hal ini, mereka mengambil kira bahawa pilihan terbaik adalah PN. Ini kerana pengalaman mereka semasa pemerintahan BN dan PH tidak mendatangkan hasil yang besar dalam tuntutan mereka kepada kerajaan pusat. Pengalaman pahit GPS semasa PH memerintah mematikan sokongan mereka kepada PH walaupun mereka menyokong Mahathir pada awalnya. DAP menjadi penghalang kepada GPS memberi sokongan kepada PH. Boleh dikatakan bahawa dalam tempoh pemerintahan PH ini, GPS amat kecewa dengan DAP. Malahan sesetengah pemimpin GPS menganggap PAS lebih baik daripada DAP. Namun hal ini tidak kelihatan sebagai masalah di Sabah kerana mereka tidak menunjukkan bahawa mereka bermasalah dengan DAP. Mereka lebih menjurus kepada hak negeri. Malahan WARISAN masih lagi bergabung dengan DAP dalam kerajaan negerinya sehingga ke hari ini.

Hal ini menunjukkan bahawa sokongan kepada PN oleh GPS diperkuuhkan dengan rasa tidak senang dengan DAP. Namun demikian pokok pangkalnya sokongan Sarawak dan Sabah tetap pada kepentingan negeri. Ini merupakan sebab yang menyatukan parti-parti di Sarawak dan Sabah. Namun WARISAN dan UPKO mengambil jalan berbeza walaupun tujuan sama iaitu hak negeri diutamakan. Apa yang penting bagi parti-parti ini ialah kedudukan dan strategi masa depan mereka. Kalau di Sarawak, GPS menolak gabungan dengan DAP, tetapi di Sabah pula WARISAN dan sekutunya melihat UMNO dan BERSATU sebagai masalah. Kelangsungan parti ini akan lebih selamat bersama Mahathir dan PH. Dengan kata lain mereka mahu agar perjuangan untuk kepentingan rakyat Sabah perlu digerakkan tanpa gangguan politik jika adanya gabungan dengan PN. Oleh itu, sokongan mereka konsisten kepada PH. Namun demikian tanpa sokongan WARISAN dan UPKO, kerajaan PN berjaya dibentuk dengan sokongan parti kecil

di Sabah. Justeru, angka menjadi perkara penting dalam perkiraan tujuh hari kemelut tersebut.

## Rujukan

- Asmah Adenan. 2018. Kenyataan Chong Chieng Jen Politik Murahan – Abang Jo. *Sarawak Voice*, 30 Oktober. Diakses di <https://sarawakvoice.com/2018/10/30/kenyataan-chong-chieng-jen-politik-murah-abang-jo/>
- Awang Azman Awang Pawi, et al., 2016, “The Rise of Politic Ethnonationalism in the State of Sarawak Borneo”, *Journal of Scientific Research and Development*, 3(7), h.78-85.
- Azril Annuar. 2020. Baru Bian says supporting Dr M based on working experience. *The Malay Mail Online*, 1 Mac. Diakses di <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/01/baru-bian-says-supporting-dr-m-based-on-working-experience/1842328>
- Bebasnews. 2020. WARISAN petang ini isytihar sokong Mahathir. 24 Februari. Diakses di <https://bebasnews.my/?p=30107>
- BeritaSabah.Com. 2020. Pemuda sokong UPKO terus konsisten. 1 Mac. Diakses di <https://beritasabah.com/pemuda-sokong-upko-terus-konsisten/>
- Borneo Post Online. 2012. Orang Iban tidak lupa dengan penghinaan PAS, kata Masing. 9 April. Diakses di <https://www.theborneopost.com/2012/04/09/orang-iban-tidak-lupa-dengan-penghinaan-pas-kata-masing/>
- Chan, J. 2020. Sabah's Warisan Next Support Dr. M as PM. *The Malay Mail Online*, 24 February. Diakses di <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/02/24/sabahs-warisan-next-to-support-dr-m-as-pm/1840465>
- Chin, J. 2018, “Sabah and Sarawak in the 14<sup>th</sup> General Election 2018 (GE14): Local Factors and State Nationalism”, *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 3: 173-192.
- Edward, C. 2020. Serian MP denies joining PKR but confirms backing Dr M. *Borneo Post Online*, 1 Mac. Diakses di <https://www.theborneopost.com/2020/03/01/serian-mp-denies-joining-pkr-but-confirms-backing-dr-m/>
- Fong, D.R. 2020. UMNO Sabah Kecewa ahli Parlimennya tiada dalam Kabinet baru. *Free Malaysia Today*, 10 Mac. Diakses di <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/03/10/umno-sabah-kecewa-ahli-parlimennya-tiada-dalam-kabinet-baru/>
- Goh Pei Pei. 2019. Sri Aman MP Jumps Ship. *New Straits Times*, 7 Mac. Diakses di <https://www.nst.com.my/news/politics/2019/03/466910/sri-aman-mp-jumps-ship>
- Joni, M.. 2020. Kita tidak dapat bekerjasama dengan DAP' Abang Johari. *Berita Harian Online*, 8 Mac. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/>

[nasional/2020/03/663191/kita-tidak-dapat-bekerjasama-dengan-dap-abang-johari](https://www.nst.com.my/news/politics/2020/02/570355/sarawak-dap-willing-work-gps-save-country-destruction)

Khairulanuar Yahaya. 2020. GPS tolak DAP, tidak mahu bersama parti angkuh. *Suaramerdeka*, 29 Februari. Diakses di <https://suaramerdeka.com.my/gps-tolak-dap-tidak-mahu-bersama-parti-angkuh/>

Larissa Lumandan. 2019. Sarawak boleh bankrap dalam 3 tahun di bawah GPS, kata Guan Eng. *Free Malaysia Today*, 22 Jun. Diakses di <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/06/22/sarawak-boleh-bankrap-dalam-3-tahun-di-bawah-gps-kata-guan-eng/>

Larissa Lumandan. 2020. Turn your back on MA63 and we'll withdraw support, Sarawak MP tells Dr M. *Free Malaysia Today*, 27 Februari. Diakses di <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/02/27/turn-your-back-on-ma63-and-well-withdraw-support-sarawak-mp-tells-dr-m/>

Ling, Sh. 2020. Parti Sarawak Bersatu part of Opposition, says Sri Aman MP. *The Star Online*, 18 Mei. Diakses di <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/05/18/parti-sarawak-bersatu-part-of-opposition-says-sriaman-mp>

*Malaysiakini*. 2018. Pepecahan - BN dari 13 tinggal 4 parti, 12 Jun. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/429536>

*Malaysiakini*. 2020. 'Kingmaker' Sabah, Sarawak kemuka syarat pada PH – Sumber, 24 Februari. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/512061>

*Malaysia Today*. 2020. Don't Blame Other, Look In The Mirror, SUPP Tells DAP, PKR, 3 Mac. Diakses di <https://www.malaysia-today.net/2020/03/03/dont-blame-others-look-in-the-mirror-supp-tells-dap-pkr/>

Miwil, O. 2019. 5 Ahli Parlimen, 8 ADUN dari Sabah serah borang BERSATU. *Berita Harian Online*, 15 Februari. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2019/02/531185/5-ahli-parlimen-8-adun-dari-sabah-serah-borang-BERSATU>

Mohd. Roji Kawi. 2020. Jawatan menteri bukan keutamaan GPS sokong Muhyiddin – Abang Johari. *Berita Harian Online*, 3 Mac. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/661631/jawatan-menteri-bukan-keutamaan-gps-sokong-muhyiddin-abang-johari>

*MyMetro*. 2020. GPS sokong Tun Mahathir. 23 Februari. Diakses di <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/02/547541/gps-sokong-tun-mahathir>

*New Straits Times*. 2020. Sarawak DAP willing to work with GPS to 'save country from destruction'. 29 Februari. Diakses di <https://www.nst.com.my/news/politics/2020/02/570355/sarawak-dap-willing-work-gps-save-country-destruction>

Paul Porodong. 2020. Ahli biasa STAR. Temu bual menerusi telefon, 18 April.

- Rafiqah Dahali. 2020. PBS sokong Muhyiddin dengan bersyarat. *Berita Harian Online*, 6 Mac. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2020/03/662512/pbs-sokong-muhyiddin-dengan-bersyarat>
- Rafiqah Dahali. 2020a. PBS sokong Muhyiddin. *Berita Harian Online*, 1 Mac. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2020/03/661060/pbs-sokong-muhyiddin>
- Ralon, L. 2020. PN hadirkan harapan baharu untuk Sabah: Jeffrey. *Harian Ekspres*, 7 Mac. Diakses di <http://www.dailyexpress.com.my/news/148366/pn-hadirkan-harapan-baharu-untuk-sabah-jeffrey/>
- Romeo Tegong. 2020. Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri Sarawak. Ketua Cawangan PBB N53 Bawang Assan. Temu bual menerusi telefon, 16 April.
- Santos, J. 2020. PH backing for Mahathir is to stop kleptocratic govt, says Sabah DAP. *Free Malaysia Today*, 29 Februari. Diakses di <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/02/29/ph-backing-for-mahathir-is-to-stop-malay-centric-govt-says-sabah-dap/>
- Santos, J. 2020b. Sabah PPBM wants Mahathir to remains as PM. *Free Malaysia Today*, 26 Februari. Diakses di <https://www.msn.com/en-my/news/national/sabah-ppbm-wants-mahathir-to-remain-as-pm/ar-BB10pnx>
- Sarawak Voice*. 2020. PAS Sarawak sambut baik perkhidmatan bas hydrogen. 24 Januari. Diakses di <https://sarawakvoice.com/2020/01/24/pas-sarawak-sambut-baik-perkhidmatan-bas-hidrogen/>
- Sarawak Voice*. 2020b. Cheng Jen digesa tinggalkan DAP. 27 Februari. Diakses di <https://sarawakvoice.com/2020/02/27/chieng-jen-digesa-tinggalkan-dap/>
- Sempurai Petrus Ngelai. 2020. Ahli Majlis Tertinggi PRS. Temu bual menerusi telefon, 11 April.
- Sinar Harian*. 2020. Azmin, Zuraida sah Bersama 9 ahli PKR keluar parti. 25 Februari.
- Sinar Harian Online*. 2020. Sabah, Sarawak jadi penentu, siapa jadi Perdana Menteri. 29 Februari. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/71925/KHAS/Peralihan-Kerajaan/Sabah-Sarawak-jadi-penentu-siapa-jadi-Perdana-Menteri>
- Sinar Harian Online*. 2020b. UPKO sokong Dr Mahathir terajui kerajaan. 29 Februari. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/71979/KHAS/Peralihan-Kerajaan/UPKO-sokong-Dr-Mahathir-terajui-kerajaan>
- The Star*. 2018. GPS ‘completely divorced from Barisan’. 22 Jun.
- The Star*. 2020. Political change at federal level ‘has no effect on Sarawak’. 25 Februari.
- TV Sarawak.com*. 2020. Mengapa GPS Sokong Tan Sri Muhyiddin Yassin Sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8? 2 Mac. Diakses di <https://tvsarawak.com/mengapa-gps-sokong-tan-sri-muhyiddin-yassin-sebagai-perdana-menteri-malaysia-ke-8/>

*Utusan Borneo Online.* 2020. PSB tegas sokong Dr Mahathir, Tarik balik kenyataan Masir. 2 Mac. Diakses di <https://www.utusanborneo.com.my/2020/03/02/psb-tegas-sokong-dr-mahathir-tarik-balik-kenyataan-masir>

Wan Junaidi Tengku Jaafar. 2020. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Ahli PBB. Temu bual menerusi telefon, 11 April.



# 04

## OPS SHERATON DAN IMPLIKASINYA TERHADAP KONSEP POLITIK DAN PERUNDANGAN MALAYSIA

MUHAMAD NADZRI MOHAMED NOOR<sup>1</sup>

### Pengenalan

Pada 23 Februari 2020, Malaysia dikejutkan dengan cubaan pihak minoriti di dalam parti pemerintah untuk mengambil alih kuasa kerajaan melalui jalan istana. Dipelopori oleh kumpulan Azmin Ali dari Parti Keadilan Rakyat (PKR), Muhyiddin Yassin dari Parti Peribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dengan sokongan Barisan Nasional (BN), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Gabungan Parti Sarawak (GPS) serta Parti Warisan Sabah (WARISAN), kumpulan-kumpulan ini mendakwa mempunyai majoriti di Dewan Rakyat dengan pengumpulan surat Akuan Bersumpah (SD). Lewat petang itu, wakil-wakil kumpulan ini yang menamakan pensejajaran baharu mereka sebagai Perikatan Nasional (PN) telah menghadap Yang di-Pertuan Agong (YDPA), untuk mendapat perkenan baginda dalam membentuk kerajaan baharu menggantikan Pakatan Harapan (PH). Besar kemungkinan kerana ketiadaan Perdana Menteri (PM) Mahathir Mohamad di dalam pertemuan itu, YDPA tidak terus mengiktiraf PN. Operasi ini dipopularkan media sebagai “Langkah Sheraton” kerana hotel ternama di Petaling Jaya itu

<sup>1</sup> Muhamad Nadzri Mohamed Noor (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Program Sains Politik, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau boleh dihubungi di nadzri@ukm.edu.my.

dijadikan markas utama operasi peralihan kuasa itu. Namun usaha itu pada keesokannya telah menyebabkan Mahathir meletakkan jawatan sebagai PM Ketujuh dan perbubaran kerajaannya di istana. Tanpa dinamakan pengganti, Mahathir dilantik PM Interim dan pihak istana telah menggerakkan usaha secara inovatif dalam mencari PM baharu. Ini termasuklah mengadakan temu bual dengan kesemua Ahli Dewan Rakyat (ADR) sebelum mengadakan Mesyuarat Khas Majlis Raja-Raja (MRR). Akhirnya dengan representasi Perikatan Nasional pada pagi 29 Februari 2020, dengan pembuktian SD dan dokumen berkaitan di Istana Negara, YDPA telah mengisyiharkan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri Kelapan.

Bab ini ditulis untuk memberi refleksi ke atas motif Operasi Sheraton ini, sebelum membahaskan kesan operasi ini terhadap konsep-konsep penting politik dan perundangan Malaysia, khasnya raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen, dan hubungannya dengan prinsip-prinsip utama di dalam perlembagaan Malaysia, terutamanya konsep ketertinggian perlembagaan, pemisahan kuasa serta semak dan imbang. Mengguna pakai tulisan-tulisan dan pandangan autoritatif dalam disiplin undang-undang dan sains politik, di samping rujukan langsung kepada Perlembagaan Persekutuan dan kes-kes penting mahkamah Malaysia yang berkaitan, dan temu bual bersama beberapa ahli parlimen, peguam dan ahli politik, bab ini secara bersederhana menghujahkan bahawa Operasi Sheraton telah menunjukkan bukti baharu perkembangan politik hibrid di Malaysia yang menuju ke arah sebuah sistem *quasi-parliamentary* dan *quasi-constitutional monarchy*. Untuk itu, bab ini telah dipecahkan kepada empat bahagian, iaitu perungkai politik di sebalik Operasi Sheraton, pemerihalan konsep politik dan perundangan yang terlibat di dalam pencejajaran kuasa itu, perbahasan tentang kesan operasi itu terhadap konsep penting politik dan perundangan Malaysia, sebelum mengadakan perbincangan tentang langkah ke hadapan dan membuat kesimpulan.

## Politik di Sebalik Operasi Sheraton

Di sebalik Langkah Sheraton, berlakunya masalah komitmen dalam persefahaman kepimpinan dan pecahan elit Pakatan Harapan. Ini melibatkan kepentingan-kepentingan politik yang bercanggah (dan dalam masa yang sama selari) dalam kalangan pemimpin dan parti yang berbeza di dalam PH dan juga pihak pembangkang. Persefahaman

prapilihan raya PH pada awal 2018 dengan meletakkan Anwar Ibrahim sebagai calon PM Kelapan menggantikan Mahathir selepas dua tahun, sekiranya PH mampu menawan Putrajaya pada PRU 2018, nampaknya cuba dinafikan oleh kepimpinan parti BERSATU dan sekutunya.

Dari awal lagi, setelah menduduki Putrajaya pada Mei 2018, kepimpinan BERSATU telah memulakan usaha secara terang-terangan untuk merekrut ahli parlimen BN khasnya UMNO, kecuali Najib Razak dan mungkin juga Ahmad Zahid Hamidi, ke dalam parti itu. Ini bagi mengukuhkan imbalan kuasa dan kedudukan BERSATU di dalam PH dan sebagai ‘parti Melayu baharu’ yang bercita-cita menggantikan United Malays National Organisation (UMNO), tetapi hanya memenangi 12 kerusi parlimen di dalam PRU 14, berbanding Democratic Action Party (DAP) (42 kerusi) dan PKR (48). Hasil usaha itu, berlaku kemasukan beramai-ramai pemimpin BN ke dalam BERSATU di mana menjelang setahun pemerintahan PH di Putrajaya, jumlah ahli parlimen BERSATU telah bertambah lebih sekali ganda kepada 26 ahli parlimen. Namun sejak itu, kedudukan pembangkang baharu BN (yang hanya tinggal UMNO, Malaysian Chinese Association (MCA) dan Malaysian Indian Congress (MIC)) dan PAS yang pada asalnya seperti kehilangan arah pada penggal kedua tahun 2018, mula mengukuh dengan pelbagai kesefahaman, koordinasi dan kerjasama politik di antara kedua-dua organisasi politik itu. Pada tahun 2019, melalui kerjasama itu yang kemudian dimeterai dengan pakatan baharu yang dinamakan Muafakat Nasional (BN), BN dan MN telah memenangi kesemua Pilihan Raya Kecil (PRK) yang ditandinginya iaitu di Cameron Highlands, Rantau, Semenyih dan Tanjung Piai. PH melalui DAP memenangi PRK Sandakan, tetapi pilihan raya itu tidak disertai BN. Seterusnya pada Januari 2020, BN/MN berjaya mempertahankan kedudukan di PRK Kimanis (Sabah) di sebalik usaha bermatian-matian oleh PH.

Keadaan ini sangat menggusarkan PH, khasnya pemimpin BERSATU yang menguasai kedudukan dominan di dalam kerajaan PH. Dalam perebutan kerusi majoriti Melayu diwakili calon BERSATU di PRK Semenyih dan PRK Tanjung Piai yang kuasai mereka pada PRU 2018, kedua-dua kerusi itu dirampas semula oleh calon BN. Kekalahan BERSATU kepada calon MCA (BN) di Tanjung Piai adalah lebih dramatik; bukan sahaja BERSATU tewas di kawasan majoriti Melayu kepada pemimpin berbangsa Cina, tetapi calon BERSATU juga kalah di semua pusat daerah mengundi yang memperlihatkan penolakan dan

protes yang tinggi terhadap PH di kawasan itu secara rentas kaum. Hal ini memperlihatkan kesukaran BERSATU untuk menjadi parti Melayu baharu, menggantikan UMNO, khasnya di peringkat akar umbi.

Politik di Malaysia terkenal dengan amalan *zero sum game* dan *winners take all* (Noor Amin 2020: temu bual). Tujuan utama parti yang bertanding di Malaysia adalah bukan sahaja untuk memenangi jawatan perundangan tetapi lebih penting lagi untuk menguasai kerajaan. Ini berikutan berdasarkan amalan-amalan itu tadi, pihak yang gagal menguasai tumpuk pemerintahan, meskipun berjaya mendapat kerusi perundangan sering didiskriminasikan dan dilemahkan dengan pelbagai cara yang menghalang pihak pembangkang untuk menjalankan tugas mereka dengan berkesan. Malah mereka juga terdedah dengan pelbagai risiko perundangan dan ancaman oleh pihak kerajaan dalam sistem politik hibrid ini. Ini antara sebab berlakunya masalah lompat parti, khasnya dari parti pembangkang ke parti pemerintah yang turut ketara di Sabah, Perak dan di peringkat persekutuan serta negeri selepas PRU 14. Meskipun lompat parti di Malaysia jarang berlaku atas dasar prinsip, pemimpin yang melompat parti tidak pula dihukum atau dikekang, sebaliknya disanjung dan dihargai oleh pemerintah, sering kali dengan penganugerahan jawatan. Di Perak selepas PRU 14 umpamanya, salah seorang daripada dua ADUN BN yang menukar sokongan kepada PH, sekali gus membolehkan PH membentuk kerajaan di negeri itu, telah dilantik sebagai penasihat Menteri Besar bertaraf Exco.

Pihak yang menguasai kerajaan pula mempunyai pelbagai akses kepada;kekayaan dengan pelbagai peluang untuk dilantik dengan pelbagai jawatan politik termasuk kabinet, timbalan menteri, duta khas dan pengurus di agensi atau syarikat kerajaan (sekali gus menguasai pemberian kontrak dan sumber kerajaan); prestij (pangkat dan darjah); dan kekuasaan yang tinggi. Untuk itu, ia merupakan taruhan yang sangat tinggi jika pemimpin atau parti kehilangan tumpuk pemerintahan. Inilah yang berlaku kepada Najib Razak yang memiliki kekayaan harta yang meragukan berjumlah berbilion ringgit, yang mungkin telah dikumpulkan beliau sebagai ahli badan eksekutif khasnya sewaktu menjawat kedudukan sebagai Perdana Menteri. Setelah beliau kehilangan kuasa pada pertengahan 2018, bukan sahaja hartanya dirampas oleh kerajaan baharu, tetapi beliau dan keluarganya didakwa di mahkamah dengan pelbagai tuduhan jenayah. Justeru, perebutan tumpuk pemerintahan menjadi sangat sengit dalam kalangan politikus,

kerana penguasaan ke atas kerajaan diikatkan dengan masa depan mereka. Namun ini tidak bermakna kesemua politikus Malaysia bersifat pragmatik dan mementingkan diri.

Di sebalik penurunan populariti BERSATU dan PH secara umum, terdapat peluang-peluang yang muncul untuk BERSATU mempertahankan kedudukan sebagai parti dominan dalam kerajaan. Parti terbesar di dalam PH iaitu PKR, mengalami perpecahan yang signifikan berikutan pertembungan kem Anwar dan kem Azmin dalam pemilihan parti itu pada 2018. Malah Azmin sendiri sejak awal penubuhan PH telah di“*co-opt*” oleh Mahathir yang mungkin telah menyebabkan Anwar bertindak balas dalam pemilihan itu dengan meletakkan Rafizi Ramli untuk mencabar kedudukan Azmin sebagai timbalan presiden. Keputusan pemilihan itu adalah pengekalan *status quo*, dengan kedua-dua kem mempunyai kekuatan yang agak seimbang meskipun kem Anwar memiliki kelebihan. Sejak pemilihan itu, politik perpuakan di dalam PKR telah menjadi semakin kronik dengan Azmin mula membuat beberapa gerakan untuk mempertahankan Mahathir sebagai PM sehingga tamat penggal ke-14 dan memberi sokongan kepimpinan BERSATU. Gerak usaha penyelarasian kepentingan juga dilakukan dengan kem Hishammudin Hussein, sekutu Azmin, di dalam UMNO dalam mempertahankan kedudukan Mahathir dan menolak Anwar sebagai PM Kelapan.

Umum boleh membuat spekulasi bahawa kedudukan Azmin, BERSATU, UMNO mungkin akan dirundung malang jika Anwar dinaikkan sebagai PM Kelapan. Terdapat kebarangkalian yang tinggi bahawa kem Azmin akan dipinggirkan, kuasa BERSATU diperkecilkan selaras dengan jumlah parti itu di dalam PH, dan pertuduhan mahkamah terhadap pemimpin UMNO akan berterusan dan akan bertambah, jika Anwar dilantik sebagai pengganti Mahathir. Dengan masa depan dan kepentingan diri serta parti begitu berisiko dengan pelantikan Anwar yang nampaknya semakin tidak terelak mendekati dua tahun pentadbiran kedua Mahathir, gerakan diusahakan oleh Azmin dan sekutunya di dalam BERSATU dan UMNO menjadi semakin rancak bagi menggagalkan pergerakan Anwar ke puncak kuasa. Mesyuarat Majlis Presiden PH pada 21 Februari 2020 yang telah diprovokasi oleh Azmin dan pemimpin BERSATU untuk mempertahankan kedudukan Mahathir (yang kemudian diterima secara diplomatik oleh Anwar) telah dijadikan alasan bagi mewujudkan ‘krisis’ di dalam PH. Walhal

usaha untuk menggagalkan Anwar telah dimulakan dengan lebih awal bersama pihak pembangkang dengan mengumpulkan SD dan cadangan mengadakan undi percaya kepada pentadbiran Mahathir di dalam sidang parlimen yang dijadualkan pada awal Mac 2020. ‘Krisis’ itu kemudiannya dijadikan alasan untuk memulakan Operasi Sheraton – projek merampas kuasa kerajaan PH dengan pencejajaran bersama pihak pembangkang melalui jalan istana.

## Pencejajaran Kuasa dan Pembentukan Kerajaan Perikatan Nasional

Meskipun usaha menjatuhkan PH pada 23 Februari 2020 pada awalnya kelihatan sebagai suatu operasi yang gagal, dengan tiada pembentukan kerajaan baharu ketika itu, usaha itu sebenarnya telah berjaya mencapai objektif pertama mereka – iaitu menjatuhkan kerajaan PH. Mahathir pada tengah hari 24 Februari 2020 telah menghadap YDPA dan mengumumkan perletakan jawatannya, sebagai bantahan terhadap keputusan Muhyiddin untuk menerima UMNO secara *en bloc* (keseluruhan) atas kefahaman beliau telah kehilangan sokongan, sekali gus juga menafikan peluang Anwar menjadi PM Kelapan atas tiket PH. Berbanding melantik Timbalan Perdana Menterinya sebagai PM sementara, peletakan jawatan Mahathir turut melibatkan perbubaran seluruh kabinet PH (*Berita Harian Online* 24 Februari 2020) dan ia membawa kepada situasi kerajaan tergantung (*bung government*). Mahathir pada lewat petang itu dilantik oleh YDPA sebagai PM Interim, sementara PM baharu dilantik oleh istana.

Berbanding menyerahkan hal ini kepada (sidang tergempar) parlimen bagi memutuskan pihak mana yang mempunyai majoriti, atau membubarkan parlimen bagi maksud pilihan raya, YDPA telah menggunakan kuasa budi bicaranya dalam pelantikan PM, yang nampaknya selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

40. (2). Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak menurut budi bicaranya pada melaksanakan fungsi yang berikut, iaitu: (a) melantik seorang Perdana Menteri  
dan,

43. (2)(a). Yang di-Pertuan Agong hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Perdana Menteri untuk mempengerusikan jemaah

Menteri seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat itu.

Justeru pada 25 dan 26 Februari 2020, YDPA secara bukan konvensional telah memanggil kesemua ahli parlimen menghadap baginda untuk diputuskan sendiri pihak mana yang memiliki majoriti di Istana Negara. Meskipun setiap Ahli Dewan Rakyat (ADR) dibenarkan menghadap baginda seorang demi seorang, namun kehadiran mereka ke istana umumnya adalah berdasarkan parti. Parti pembangkang ketika itu kebanyakannya dipanggil ke istana pada 25 Februari manakala PH pula dijemput menghadap pada 26 Februari. BN, PAS, BERSATU dan sekutunya pada mulanya memberikan sokongan kepada Mahathir sebagai PM kelapan. Manakala PH dan sekutu Anwar pula mencalonkan Anwar. Ini disebabkan penolakan mereka terhadap idea Mahathir yang mahu menubuhkan kerajaan perpaduan – kerajaan berdasarkan sokongan individu dari pelbagai parti, tetapi tidak didirikan oleh parti-parti. Dalam persaingan ini, Anwar dipercayai mendapat undian yang tertinggi (dalam 105 ke 107 sokongan), tetapi tidak mencapai majoriti mudah (Yusmadi 2020: temu bual). Akibatnya, masalah kerajaan tergantung bukan sekadar berterusan, tetapi muncul pula situasi jalan buntu (*deadlock*).

Justeru, dari 27 ke 29 Februari 2020, aktiviti “jual beli” (*horse-trading*) ADR dan pensejajaran kuasa serta kepentingan di antara parti-parti semakin galak berlaku. PH kembali menyokong Mahathir sebagai calon PM kelapan bagi mendapatkan majoriti dan pihak lawan pula mengalihkan sokongan kepada Muhyiddin. Akibatnya, muncul dua kem di dalam parti BERSATU. Persaingan antara Mahathir dengan Muhyiddin ke tumpuk kuasa adalah yang sangat sengit dan penuh ketidaktentuan berikutan majoriti di antara mereka dikatakan sangat kecil. Masalah juga timbul apabila terdapat sokongan ADR melalui SD yang berubah-ubah kepada calon PM yang berbeza. Untuk keluar dari situasi ini, Mahathir sebagai PM Interim pada 27 Februari, selepas menghadap YDPA telah mengumumkan untuk mengadakan sidang tergempar Dewan Rakyat untuk menguji sokongan ahli-ahli di dalam dewan itu. Ketua Hakim Negara turut dilaporkan dipanggil ke istana pada hari yang sama (*The Star* 2020). Menurut Mahathir,

Dan kerana tiada yang ada majoriti jelas, (Tuanku) kata ruang yang sesuai adalah Dewan Rakyat. Maka, Parlimen akan bersidang pada 2 Mac.... siapa yang ada sokongan majoriti di Parlimen akan menjadi Perdana Menteri. Bagaimanapun, jika Dewan Rakyat gagal mendapat seorang yang ada majoriti, kita perlu lalui pilihan raya (*Berita Harian Online* 2020).

Tetapi lewat petang 27 Februari itu, YDPA mengumumkan untuk mengadakan Mesyuarat Tergempar Majlis Raja-Raja (MRR) di sebelah pagi 28 Februari, dipercayai untuk memutuskan penamaan calon PM kelapan (Anon. 2020: temu bual). Selepas Mesyuarat Tergempar MRR, sidang khas Dewan Rakyat pada 2 Mac 2020 yang dipohon PM Interim telah ditolak oleh Speaker Dewan Rakyat atas justifikasi prosedural. YDPA juga bersetuju dengan keputusan Speaker dan menjemput ketua perwakilan mana-mana parti yang mempunyai majoriti untuk untuk menghadap baginda berserta bukti mulai 28 Februari. Menurut sumber dalaman dari parti BERSATU, “majoriti (5 daripada 9) Raja-Raja Melayu di dalam MRR bersetuju dengan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri” (Anon. 2020: temu bual). Seorang sultan telah berjumpa YDPA kira-kira sejam lebih awal daripada raja-raja Melayu yang lain (Rahimi 2020). Dalam waktu yang sama sekumpulan orang Melayu dilaporkan berada di istana termasuk dua bekas Ketua Polis Negara (Hanif Omar dan Musa Hasan) dan Yusoff Rawther, bekas pembantu Anwar yang pernah melaporkan salah laku seks terhadap Anwar, untuk menyerahkan memorandum kepada MRR. Menurut laporan media “*the memorandum is to urge the Malay rulers to ensure that no “tainted” MPs would be allowed to be part of a new government*” (Hakimie Amrie 2020).

Pada petang 29 Februari, pihak istana mengumumkan bahawa YDPA telah memperkenankan Muhyiddin sebagai PM Kelapan dan upacara mengangkat sumpah pelantikan beliau akan diadakan pada 1 Mac 2020. Namun, Mahathir dan PH terus mencuba untuk menunjukkan bukti bahawa mereka mempunyai majoriti. Pada lewat malam 29 Februari, Mahathir menunjukkan senarai bahawa beliau memiliki majoriti mudah dengan sokongan 114 ADR dan mahu mendapatkan perkenan YDPA bagi membuktikannya. Permohonan itu walau bagaimanapun tidak dapat perkenan istana dan keputusan baginda untuk melantik Muhyiddin pada 1 Mac diteruskan, sekali gus terbentuklah kerajaan baharu yang kini dirujuk sebagai Perikatan Nasional (PN).

## Implikasi Terhadap Konsep Politik dan Perundangan Malaysia

Pelantikan Muhyiddin sebagai PM Kelapan tidak menstabilkan situasi politik sepenuhnya. Pakatan Harapan dan sesetengah pihak meragui kecukupan majoriti yang dimiliki oleh kerajaan Muhyiddin (Syed Saddiq 2020: temu bual). Legitimasi kerajaan Muhyiddin dipersoal kerana jumlah majoriti yang tidak tegas, tidak boleh disemak, selain tidak melalui parliment untuk mengesahkan majoriti. Label “kerajaan pintu belakang” dikaitkan dengan pentadbiran Muhyiddin kerana tidak melalui mandat pilihan raya dan undi kepercayaan di Dewan Rakyat. Kemelut politik ini sebenarnya berterusan, dan ia boleh dijelaskan dengan pengelakan pentadbiran Muhyiddin untuk menangguhkan sidang Dewan Rakyat dari 9 Mac ke 18 Mei 2020, dan kemudiannya memutuskan sidang itu hanya akan berlangsung selama sehari sahaja. Meskipun pada awal Mei cubaan Mahathir dan PH untuk mengusulkan undi tidak percaya dan memanjangkan tempoh mesyuarat untuk menekan akauntabiliti badan eksekutif terhadap parliment telah diterima oleh Speaker Dewan Rakyat, beberapa hari sebelum sidang 18 Mei itu, pentadbiran Muhyiddin telah mengubah agenda mesyuarat dari sehari kepada hanya melibatkan ucapan titah diraja. Di dalam titah diraja 18 Mei itu, dewan dimaklumkan bahawa YDPA mempunyai keyakinan terhadap pentadbiran Muhyiddin.

Di dalam Operasi Sheraton, isu utamanya adalah keabsahan dan kesesuaian untuk membubarkan kerajaan oleh pihak lawan/pembangkang melalui istana, dan seterusnya kesesuaian untuk menguji majoriti Dewan Rakyat di istana bagi maksud pemilihan PM dan penubuhan kerajaan baharu. Konsep politik dan perundangan yang terpakai dalam isu-isu ini melibatkan prinsip asas perlombagaan yang penting. Pertamanya, Perkara 4(1) Perlombagaan Persekutuan menegaskan tiada undang-undang (termasuk individu atau institusi) yang tertinggi/mutlak (*supreme*) melainkan ketertinggian Perlombagaan Persekutuan. Dalam konteks ini parliment tidak berkuasa mutlak, begitu jugalah YDPA, MRR, badan kehakiman serta kebebasan warganegara. Sebaliknya perlombagaanlah yang memberikan mereka kuasa, dan dalam masa yang sama menggariskan dan mengehadkan kuasa mereka. Hal ini disahkan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Pengarah Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan v Sri Lempah Enterprise Sdn Bhd* [1979]. Di antara institusi-institusi ini, konsep pemisahan kuasa diangkat bagi

mengelakkan penyalahgunaan kuasa dengan membolehkan berlaku amalan semak dan imbang di dalam sebuah sistem yang mengangkat kedaulatan undang-undang (Azlan Shah 2004: 27). Ini bukan sahaja boleh mengelakkan sistem *government by men* berbanding *government by law* (Azlan Shah 2004: 14), tetapi juga membawa kestabilan politik melalui hubung kait *law and order*. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Indira Gandhi v The Director of Islamic Affairs Perak* [2018] mengiktiraf prinsip-prinsip asal perlembagaan, termasuk pemisahan kuasa serta semak dan imbang (kebebasan kehakiman) merupakan struktur asas Perlembagaan Malaysia, dan dengan itu tidak boleh digugat oleh mana-mana akta parlimen dan keputusan mahkamah (Mohd Hishamudin 2018: 9).

Tiga konsep perundangan ini menggarisbawahi sistem dan konsep politik Malaysia berasaskan demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan (Tunku Abdul Rahman 1957) dan juga kebebasan kehakiman. Sistem raja berperlembagaan Malaysia menegaskan bahawa raja-raja Melayu di Malaysia, di peringkat persekutuan adalah YDPA, bertindak atas nasihat Jemaah Menteri (Perkara 40, Perlembagaan Persekutuan). Meskipun baginda mempunyai kuasa budi bicara, tetapi menurut Raja Azlan Shah (2004: 259) dan pakar perlembagaan Malaysia Shad Saleem Faruqi, kuasa itu tidak mutlak, dan ini termasuk di dalam perkara tentang pelantikan Perdana Menteri (Shad Saleem 2018). Dalam pelantikan ketua kerajaan umpamanya, ketua negara/negeri perlu melantik individu yang dipercayai mendapat majoriti di dalam legislatif, sama ada perwakilan itu disenangi atau tidak oleh baginda adalah tidak material. Ini menurut Raja Azlan Shah, bagi mengelakkan daripada individu yang dilantik itu dijatuhkan di dalam dewan perundangan melalui usul undi tidak percaya, sekali gus membawa kepada ketidakstabilan politik (Azlan Shah 2004: 264).

Konsep raja berperlembagaan juga bermakna kedudukan raja sebagai simbolik pemerintahan, *de jure*, dan meletakkan kuasa pemerintahan kepada autoriti sivil, iaitu badan eksekutif dan parlimen, tanpa mencampuri urusan badan-badan itu melainkan mana-mana yang diminta dan dibenarkan oleh perlembagaan (Azlan Shah 2004: 251-288), yang perlu dilakukan dengan penuh kebijaksaan (*wisdom*) dankekangan (*restrain*) bagi mendapatkan kepercayaan umum (Azlan Shah 2004: 119). Untuk itu dalam konteks penukaran kerajaan, hal itu lebih sesuai dan kurang “kontroversi” (Dian dan Harding 2020) untuk dilakukan di dalam Dewan Rakyat melalui usul undi tidak percaya berdasarkan konvensyen (*kelaziman*) perlembagaan dan bukannya di istana (Azlan Shah 2004:

261). Amalan ini telah dipraktikkan di dalam badan perundangan dan sistem politik Malaysia termasuklah di Terengganu (1961), Sarawak (1966) dan Kelantan (1977) (Rashvinjeet 2014). Ini berikutan ketua negara/negeri tidak mempunyai sumber kuasa untuk menjatuhkan/menukar kerajaan (Tunku Abdul Rahman 1977: 205), sebaliknya rakyat sama ada melalui pilihan raya ataupun wakil mereka di parlimen atau badan eksekutif. Hal ini mengimbangi konsep pemerintahan popular melalui sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

Membolehkan sesebuah kerajaan dijatuhkan - yang merupakan bidang kuasa parlimen dan juga eksekutif berdasarkan amalan negara-negara Komanwel - melalui istana boleh dihujahkan menyebabkan konsep raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen dikompromi apabila pihak istana, yang seharusnya bersifat tidak memihak (*above politics*) dan berperanan sebagai *impartial umpires* (Azlan Shah 2004: 6), telah mengambil peranan yang *expansive* dan mengakibatkan kuasa dewan perundangan menjadi regresif dalam urusan pengujian sokongan, kepercayaan dan kekuatan terhadap sesebuah kerajaan (Dian dan Harding 2020). Hal ini untuk itu, mempunyai kekurangan dalam aspek *due process* (ketertiban prosedural dalam undang-undang) dan penegasan dalam aspek kedaulatan undang-undang serta pemisahan kuasa antara institusi-institusi kerajaan – dalam konteks ini di antara raja berperlembagaan (istana) dengan demokrasi berparlimen (Dewan Rakyat).

Di dalam kes *Nizar v Zamby*, kes pertama peralihan eksekutif melalui istana berlaku di Perak pada 2009 apabila usaha itu digerakkan oleh Najib Razak dengan tiga orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pakatan Rakyat (PR) yang menukar sokongan kepada BN Perak. Berbanding mengusulkan undi tidak percaya kepada Menteri Besar ketika itu Nizar Jamaluddin, hal itu telah dibawa oleh Najib secara rahsia ke istana. Dalam kes itu, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Abdul Aziz Abd Rahim telah mengiktiraf dan mengangkat amalan pemisahan kuasa di antara institusi istana dan dewan perundangan dengan tegas. Beliau menghujahkan meskipun Sultan mempunyai kuasa budi bicara dalam melantik dan membubarkan dewan, tetapi apabila seseorang ketua kerajaan dilantik, beliau bukan lagi:

*...under the pleasure of the sultan but under the Perak legislative assembly. Hence, the sultan cannot order for his resignation but this must be done through a vote of no confidence at the state legislative assembly. However,*

*based on democratic practice, the only measure to oust Mohammad Nizar was through a vote of no confidence against him. As I have stated earlier any vote of no-confidence should be on the floor of the state legislative assembly. Only under these circumstances can the menteri besar be forced to resign*

(Hakim Abdul Aziz, dipetik oleh Hafiz 2009).

Ini selaras dengan kenyataan Raja Azlan bahawa “*politicians ought not be judges, so too judges ought not be politicians*” (Raja Azlan : 31), dan untuk itu istana seharusnya tidak membenarkan fungsi *de facto* parliment dijalankan dan dilakukan istana. Hal ini telah dilihat oleh pakar perlembagaan Azmi Sharom sebagai “*legally wrong*”. Pada beliau cara terbaik untuk menukar kerajaan, selain daripada pilihan raya, adalah dengan melakukannya “*as legally and transparently as possible. A vote by the house of representative should be done in the house of representative*”(dipetik daripada Zurairi 2014).

Namun rayuan kes *Nizar v Zambry* di Mahkamah Rayuan dan kemudiannya Mahkamah Persekutuan, telah menterbalikkan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan konvesyen (amalan kebiasaan) perlembagaan. Secara umumnya, kedua-dua mahkamah itu memutuskan, secara inovatif dan inventif, terdapat cara lain untuk menentukan majoriti di dewan perundangan, dan tidak semestinya melalui usul undi tidak percaya sahaja. Dengan itu, langkah istana untuk mengukur majoriti di dalam istana dibenarkan dan dianggap mahkamah selaras dengan peruntukan perlembagaan negeri meskipun tiada di dalam konvensyen perundangan negara. Rekayasa di dalam sistem hibrid Malaysia ketika itu di bawah pentadbiran BN, bukanlah sesuatu yang asing, dengan memanipulasi institusi termasuk mendakkan semakan daripada badan perundangan, bagi melegitimasi tindakan autokrasi – dalam hal ini merampas sebuah kerajaan secara tergesa-gesa dengan membelaangi dewan perundangan. “Inovasi autoritarian” (Dettman 2020) ini telah membuka *floodgate* kepada perluasan kuasa raja berperlembagaan dalam hal pertukaran kerajaan melalui istana sebagaimana yang berlaku di Sabah (2018), Johor (2019 dan 2020), Melaka dan Kedah (2020).

Dalam Operasi Sheraton, meskipun Istana Negara mungkin telah mengikuti duluan (*precedent*) Perak (2009) dan Sabah (2018), dan merupakan sesuatu yang sah dari segi undang-undang (Madhi 2020: temu bual) dalam membenarkan penukaran kerajaan melalui istana, namun ia boleh dihujahkan sebagai “*lacking in its constitutionality*” kerana tidak termasuk di dalam konvesyen perlembagaan (Azlan Shah

2004: 23). Dalam merefleksi kaedah “pintu belakang ini” Shah Salem berpendapat ia “mungkin berperlembagaan, tetapi tidak bermoral” (Azril 2020). Ini berikutan ia melanggar “rantaian pilihan demokrasi” dengan menterbalikkan keputusan pilihan raya dan aspirasi rakyat terbanyak melalui rekayasa “menu manipulasi” (Shedler 2002), sekali gus menjaskan lagi kualiti *procedural democracy* Malaysia.

Berbanding “mengekang” kedudukan dengan menyerah urusan menentukan majoriti di Dewan Rakyat, pihak istana sewaktu krisis peralihan kerajaan pada lewat Februari 2020 kelihatan telah membenarkan representasi politik dilakukan di dalam istana pada 23 Februari, yang kemudiannya membawa kepada peletakan jawatan PM dan perbubaran kabinet Pakatan Harapan pada 24 Februari, juga di istana. Seterusnya pihak istana secara inovatif, atas kefahaman peranan perlembagaannya, telah menemu bual kesemua ADR pada 25 dan 26 Februari, sebelum mengadakan Mesyuarat Tergempar MRR pada 27 Februari, berikutan keadaan *deadlock* yang berlaku kerana ketiadaan majoriti yang mencukupi pada 26 Februari. Pihak istana dalam peristiwa ini, mengakui telah melakukan “lebih daripada yang diwajibkan” berdasarkan respons Datuk Pengelola Bijaya DiRaja terhadap artikel *The Guardian* (3 Mac 2020) yang sebelum itu telah mengkritik peranan istana. Datuk Pengelola menyatakan:

*Clearly, Istana Negara went beyond its call of obligation by meeting all the Honourable Members of the House of Representatives and the leaders of the various political parties, prior to His Majesty arriving at any conclusion ... Obviously, His Majesty gave a great deal of his attention towards this grave matter.*

(New Straits Times 2020)

Hal ini, menurut Yusmadi Yusoff telah “mencipta *precedent* baharu di mana keyakinan terhadap Ahli Dewan Rakyat yang dipilih secara majoriti dibuat di istana dengan inisiatif proaktif YDP Agong” (Yusmadi 2020: temu bual). Malah Mesyuarat Tergempar MRR juga diadakan pada 28 Februari, dipercaya untuk membincangkan soal pemilihan PM kelapan, meskipun konsultansi dengan MRR dalam hal pemilihan PM tidak dinyatakan dan diperlukan di dalam perlembagaan (Perkara 40 (2) (a) dan Perkara 42 (2)(a) Perlembagaan Persekutuan). Hal ini nampaknya melangkaui peranan *ceremonial*, “no more than giving constitutional endorsement” (Azlan Shah 2004: 260), kerana istana tidak sepenuhnya bebas dalam

urusan pelantikan ketua kerajaan sebagai mana menurut Raja Azlan Shah (Azlan Shah 2004: 259).

Boleh dihujahkan, temu bual bersama kesemua ADR pada 25 dan 26 Februari, dan Mesyuarat Khas MRR adalah tidak diperlukan jika *due process of law* serta pemisahan kuasa raja berperlembagaan dan parlimen dijaga dengan tegas. Oleh itu berbanding memandukan tindakan berdasarkan inovasi politik dan mahkamah dalam kes peralihan kuasa di Perak pada 2009, yang setiap kali membawa krisis dan kontroversi perundangan, hal ini dapat dielakkan jika konvensyen perlembagaan diangkat, dan dalam perkara ini dengan mengusulkan undi tidak percaya di dewan perundangan (Azlan Shah 2004: 23 dan 264). Sebenarnya hal ini telah diusulkan oleh PM Interim ketika itu, selepas konsultansi dengan YDPA pada 26 Februari bagi mengadakan sidang khas Dewan Rakyat pada 2 Mac 2020. Walau bagaimapun tanpa sebab yang jelas, ia telah ditarik balik selepas sidang khas MRR pada 27 Februari.

Dengan mengikuti konvensyen perlembagaan dan prinsip pengasingan kuasa dalam penentuan majoriti seseorang ADR di mana undian dilakukan di dalam dewan perundangan, kemudiannya keputusan dipersembah kepada istana untuk pengiktirafan, proses itu akan menjadi lebih tertib, jelas, terbuka, berperlembagaan dan dengan itu, lebih mudah dipercayai dan diterima semua kerana terdapat elemen ketelusan serta semak dan imbang (Syed Saddiq 2020: temu bual). Ini berbeza berbanding penggunaan SD, surat dan perwakilan parti ke istana yang lebih “sulit” dan kurang “telus” sebagai mana menurut Azmi Sharom (Zurairi 2014) dan “tidak dapat dipastikan jumlahnya” dengan jelas (Noor Amin 2020: temu bual). Aspek ketelusan ini turut dibangkit oleh Syed Saddiq kerana pada hari Muhyiddin dinamakan istana sebagai PM Kelapan pada 29 Februari, PM Interim Mahathir juga sudah bersedia dengan SD yang mengisyiharkan sokongan 114 Ahli Dewan Rakyat terhadapnya (Syed Saddiq 2020: temu bual).

Setelah keputusan dicapai di Dewan Rakyat, sama ada dengan kejayaan seseorang ahlinya mendapat majoriti atau tidak, keputusan itu diusulkan kepada istana untuk urusan pelantikan PM atau perbubaran parlimen atau cadangan calon lain sekiranya gagal. Kekangan dan pengasingan kuasa ini melindungi institusi negara daripada “diheret sebarang pertikaian umum” (Noor Amin 2020: temu bual), sekali gus mengangkat prestij dan keyakinan umum terhadap institusi itu. Dalam masa yang sama, sistem demokrasi berparlimen juga dapat dipertahanan

dengan baik selaras dengan prinsip kedaulatan undang-undang dan *popular rule* apabila *due process of law* diikuti dengan tegas. Ini berikutan pemilihan kerajaan telah dilakukan secara tidak langsung oleh rakyat melalui pilihan raya. Isu moral (Shad Saleem 2020; Madhi 2020: temu bual) timbul apabila pihak yang tewas di dalam pilihan raya telah dilantik sebagai kerajaan tanpa dibuktikan majoriti yang jelas di dalam parlimen. Bagi Madhi Hassan, Operasi Sheraton adalah suatu “pengkhianatan kepada mandat rakyat, disiplin parti dan perjanjian di dalam gabungan” (Madhi 2020: temu bual). Syed Saddiq pula menyoal keperluan mengadakan pilihan raya “sekiranya pada akhirnya ahli politik secara sewenang-wenang boleh bermain dengan majoriti” dalam usaha menukar kerajaan (Syed Saddiq 2020: temu bual). Beliau juga melihat dalam Operasi Sheraton, “undang-undang dan kepercayaan serta mandat rakyat diremehkan”, dengan prinsip “keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang terjejas” (Syed Saddiq 2020: temu bual). Noor Amin juga berpendapat bahawa istilah “kerajaan tebuk pintu belakang, tebuk atap dan sebagainya kerana peristiwa ini, menunjukkan ada pertikaian serius terhadap proses menentukan keabsahannya” (Noor Amin 2020: temu bual).

Malah sehingga awal Mei 2020, selepas dua bulan kejayaan Operasi Sheraton dengan pelantikan Muhyiddin sebagai PM Kelapan pada 1 Mac 2020, “majoriti” yang dipercayai diriliki beliau masih belum lagi dibuktikan di Dewan Rakyat. Berbanding dengan menyegerakan proses pengesahan majoritinya di dewan itu secara lebih berperlembagaan dan telus, beliau telah menangguh-nangguhkan dan menafikan untuk diadakan sidang parlimen yang efektif dan cuba untuk mengelakkan akauntabiliti badan eksekutif kepada parlimen dengan niat untuk tidak membenarkan apa-apa usul khasnya dari pembangkang, bagi mengelakkan semakan majoriti dilakukan terhadap kerajaannya. Persidangan sehari Dewan Rakyat tanpa kebenaran menanyakan soalan, juga adalah inovasi terbaharu dalam sistem politik Malaysia oleh kerajaan Muhyiddin. Hal ini bukan sahaja merendahkan semakan legislatif terhadap badan eksekutif, tetapi juga menterbalikkan hubungan dan konsep di antara *“the legislative and executive powers is one of parliamentary supremacy over the executive”* (Azlan Shah 2004: 90).

Muhyiddin sebaliknya menggunakan penangguhan yang agak panjang sidang parlimen untuk mengukuhkan kedudukan dengan melakukan penaungan berskala tinggi, satulagi rekayasa baharu kerajaan

semasa di Malaysia. Lebih 70 orang ahli parlimen yang menyokong beliau dilantik di dalam kabinetnya. Manakala kebanyakannya ADR yang tidak dilantik di dalam kabinetnya ditawarkan dengan jawatan lantikan politik di dalam syarikat dan agensi awam atau sebagai Duta Khas. Hal ini adalah penting bagi menguatkan lagi sokongan ADR terhadap Muhyiddin, melangkaui kelarasan politik semata-mata, sebaliknya juga mengikat mereka dengan pelbagai kepentingan-kepentingan lain (kedudukan dan material). Dalam konteks ini, boleh dihujahkan bahawa majoriti yang dimiliki oleh Muhyiddin pada lewat Februari 2020, sememangnya tidak jelas dan boleh diragui. Ini juga menjelaskan fakta bahawa kerajaannya yang kini dirujuk sebagai Perikatan Nasional (PN), adalah terdiri daripada perikatan yang rapuh, didirikan semata-mata untuk menjatuhkan PH, sekali gus merampas mandat PRU 14. UMNO, sekutu penting PN pada awal Mei 2020 telah mengumumkan secara terbuka bahawa persekutuan mereka dengan PN bukanlah sebuah kerangka rasmi, tetapi secara *ad-hoc* melibatkan pensejajaran kepentingan sementara hanya sehingga ke PRU-15.

## Melangkah ke Hadapan

Apabila ditanya kepada ahli parlimen dan politikus yang ditemu bual untuk projek penulisan ini tentang kaedah untuk mengelakkan peristiwa ini daripada berulang pada masa hadapan, kesemua mereka sepakat (kecuali Noor Amin) mencadangkan peri penting sebuah undang-undang seperti akta anti-lompat parti diperkenalkan di Malaysia, di samping turut memberi beberapa cadangan lain. Pakar perlumbagaan Shad Saleem juga antara pengusul utama akta seumpama ini di Malaysia, bagi mengelakkan pensejajaran politik dan dan mandat rakyat daripada diterbalikkan selepas sesebuah pilihan raya dijalankan. Antara tindakan punitif yang hadir daripada akta seumpama itu, menurut Shad Saleem, selain menghalang lompat parti, penalti boleh dikenakan dengan meminta ahli terpilih melalui pilihan raya itu untuk meletakkan jawatan dan bertanding semula (Shah Saleem 2020; Syed Saddiq 2020: temu bual), atau menghalang ahli politik yang melompat daripada memegang apa-apa jawatan kerajaan selama beberapa tahun (Shad Saleem 2020). Ini bagi membolehkan gerakan melompat parti berlaku atas dasar prinsip, berbanding atas kepentingan peribadi.

Namun dari sudut lain, akta lompat parti boleh menegarkan disiplin kepartian serta menghalang penentangan (*dissent*) yang absah, dan sebagaimana hujahan Wong Chin Huat, ia boleh juga menyebabkan “*backbenchers* memberi sokongan secara membuta tuli kepada eksekutif” dan menjurus kepada kewujudan sistem “kediktatoran berpilihan raya” (Lu 2019). Sebaliknya juga, lompat parti boleh membawa kepada autokratisasi, jika ia digerakkan atas kepentingan politik berbanding atas dasar kesedaran. Malah kerajaan PH di bawah Mahathir sendiri tidak mempunyai sebarang inisiatif untuk mengusulkan akta itu, meskipun berpeluang sewaktu berkuasa selama 22 bulan. Mahathir menyatakan kewujudan akta seperti itu sebagai tidak demokratik (Geraldine 2018). Hal ini tidaklah sukar untuk difahami kerana parti BERSATU, parti kedua terkecil di dalam PH, telah mengambil langkah pragmatik untuk merekrut ADR BN secara agak sewenang-wenang menyebabkan jumlah ADR BERSATU bertambah lebih sekali ganda menjelang setahun pemerintahan PH. Langkah ini juga diikuti oleh Mohamad Sabu dari parti Amanah meskipun tidak begitu berjaya.

Isu yang lebih mendasar di dalam Operasi Sheraton, sebagaimana yang telah dibahaskan, adalah *due process of law*, pengasingan kuasa dan prinsip semak dan imbang – dan kaitannya, dalam konteks tulisan ini, dengan konsep raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen khasnya di dalam urusan pertukaran kerajaan. *Due process* di sini bermaksud konvensyen perlembagaan dan prosedur demokratik berasaskan prinsip-prinsip di atas. Seperti yang telah dihujahkan di bahagian sebelum, sesebuah kerajaan yang berkuasa boleh dijatuhkan umumnya pada bila-bila masa apabila kerajaan itu tidak lagi mendapat majoriti di dalam sesebuah dewan perundangan. Tiada yang salahnya dalam proses ini, malah ia diterima secara umum dalam sistem demokrasi kerana ia boleh dianggap sebagai semakan legislatif.

Namun, cara yang paling berperlembagaan adalah dengan membawa usul itu di dewan perundangan, dan bukannya ke istana. Ini bukan sahaja selaras dengan konvesyen perlembagaan, tetapi meletakkan urusan penting, iaitu pemilihan dan pertukaran kerajaan, kepada rakyat melalui perwakilan mereka, sekali gus mengangkat konsep *popular rule* dan demokrasi berparlimen dengan lebih bermakna. Raja berperlembagaan dihadkan kuasa secara efektif oleh undang-undang, dan dalam kebanyakan hal bertindak atas dasar *ceremonial* dan *formality*, termasuk dalam aspek yang dibincangkan ini. Ia berbeza dengan sistem

monarki mutlak dengan kuasa raja adalah tidak terhad dan urusan negara dibawa dan diputuskan di istana. Oleh itu dengan membawa usul penting negara untuk diputuskan oleh istana di dalam peristiwa ini, ia bukan sahaja mengetepikan peranan dan merendahkan bidang kuasa parlimen, tetapi juga dalam masa yang sama memperluaskan peranan raja melangkaui sifat *ceremonial* dan menjadi ia lebih politikal. Akibat daripada praktik ini, sistem politik Malaysia, boleh dihujahkan bersifat *quasi-parliamentary* dan *quasi-constitutional monarchy*.

Sebagaimana yang dibangkitkan oleh Shad Saleem, hal pertukaran kerajaan melalui istana bukanlah konvensyen perlombagaan Malaysia dan amalan negara-negara sistem *Westminster* (Shad Saleem 2020). Ia sebaliknya adalah rekayasa eksekutif bermula dengan peralihan kuasa di Perak pada 2009 yang telah dilegitimasikan oleh *compliant judiciary* legasi sistem politik hibrid era BN. Hal ini seharusnya diperbetulkan oleh PH sama ada dengan menambah peruntukan yang lebih jelas di dalam perlombagaan Malaysia atau membuat semakan kehakiman terhadap kes *Nizar v Zambry*. Sebaliknya PH juga turut mengambil peluang dan langkah yang pragmatik sewaktu mengalihkan kuasa BN kepada WARISAN di Sabah selepas PRU 14, tanpa mengamalkan kekangan, mengangkat *due process* dan semangat keperlombagaan (*constitutionalism*). Ini sekali gus menjadikan sistem politik Malaysia lebih bersifat “Eastminster” berbanding *Westminster* (Harshan 2016).

Jalan yang ada kini, sekiranya usul undi tidak percaya terus dipintas (*bypass*) dan tiada komitmen daripada kerajaan untuk mempermaskannya, maka semakan mahkamah boleh dilakukan dalam cubaan membetulkan praktik ini selaras dengan konvensyen pertukaran kerajaan di dalam sistem berparlimen. Lewat ini, sebagaimana di dalam kes *Indira Gandhi*, mahkamah tertinggi di Malaysia telah menjadi lebih progresif dalam mendukung semangat perundangan dan doktrin struktur asas perlombagaan khasnya konsep pengasingan kuasa dan semak dan imbang (Mohd Hishamudin 2018: 9; Tay 2019). Oleh sebab tanpa pembetulan (*rectification*) dalam aspek ini, sesebuah kerajaan yang memerintah di Malaysia, sama ada di peringkat persekutuan atau negeri, boleh dijatuhkan dan ditukar dengan pelbagai cara secara rahsia, walaupun dengan majoriti yang meragukan, di luar dewan perundangan. Hal ini tentu sekali bertentangan dengan *law and order* serta meningkatkan risiko politik negara dengan elemen-elemen ketidaktentuan.

## Kesimpulan

Operasi Sheraton nampaknya telah memulakan episod baharu autoritarian di Malaysia. Berdasarkan inovasi authoritarian dalam mengubah sesebuah kerajaan melalui istana, legasi dari pentadbiran BN di bawah Najib pada 2009, kerajaan yang dipilih melalui pilihan raya – Pakatan Harapan – telah dijatuhkan bukan sahaja di peringkat persekutuan, tetapi kemudian juga di beberapa buah negeri. Dengan membelakangkan konvensyen perlombagaan dan prosedur dewan perundangan sebagai mana sebelum krisis Perak 2009, inovasi baharu pertukaran kerajaan di luar dewan ini telah membangkitkan ketidaktentuan politik dan kecelaruan prosedur. Kerajaan boleh dijatuhkan bila-bila masa, meskipun tanpa proses yang telus dan semakan dari dewan perundangan. Sehari selepas Operasi Sheraton dimulakan, Bursa Malaysia telah merekodkan kejatuhan terendah dalam masa sembilan tahun – satu manifestasi kemerbahayaan ketidaktentuan politik kepada kestabilan negara.

Kerajaan Muhyiddin, meskipun setelah tiga bulan berkuasa, masih lagi tidak membuktikan majoriti dan sokongan yang dimiliki di Dewan Rakyat. Berbanding menggunakan peluang untuk membuktikan keyakinan ADR kepadanya, pentadbiran Muhyiddin telah, dengan bersungguh-sungguh, menafikan proses dan semakan parliment terhadapnya dan akauntabiliti eksekutif kepada badan perundangan. Sidang parliment yang sepatutnya diadakan pada 9 Mac 2020, dianjakkan ke 18 Mei 2020 dengan hanya melibatkan ucapan perasmian titah diraja, tanpa apa-apa mesyuarat dan persidangan. Beberapa hari sebelum sidang itu keputusan Speaker Dewan Rakyat untuk membenarkan usul undi tidak percaya telah dielakkan oleh kerajaan, Setiausaha Dewan Rakyat ditukarkan oleh kerajaan tanpa proses perlombagaan dan pihak media bukan kerajaan tidak dibenarkan untuk memasuki parliment. Dalam pengemudian kuasa ini, badan parliment sebagai forum tertinggi negara telah disenyapkan, peranannya sebagai agen penyemak eksekutif dilumpuhkan, peranan Speaker Dewan Rakyat diketepikan oleh kuasa eksekutif, dan pihak media bukan kerajaan dinafikan akses ke parliment – sekali gus menafikan akauntabiliti kerajaan kepada perwakilan rakyat dan pelaporan awam.

Kecelaruan juga berlaku apabila pertukaran kerajaan di luar dewan perundangan hanya melibatkan kawalan badan eksekutif, dan tidak melibatkan kawalan badan perundangan secara serentak. Di dalam

sistem demokrasi berparlimen, kawalan sesebuah kerajaan diperlukan di dalam kedua-dua badan itu dalam waktu yang sama. Hal ini hanya boleh dilakukan jika sesebuah kerajaan itu ditubuhkan melalui prosedur parlimen atau pilihan raya. Oleh itu selepas sesebuah kerajaan dijatuhkan di luar dewan, kerajaan baharu perlu mengawal dan menukar konfigurasi kuasa di dewan perundangan, khasnya dengan menukar Speaker dan Timbalan Speaker. Di Perak pada 2009, Speaker Dewan telah dibawa keluar dengan kasar, dan tanpa usul perundangan. Keadaan yang hampir sama berlaku di negeri itu pada 2020 begitu juga di Melaka.

Meskipun lompat parti dan berpaling tadah (*defection*) sesuatu yang sah walaupun tidak bermoral, namun hal ini jika tidak diperbetulkan akan menghilangkan fungsi sebenar sesebuah pilihan raya itu dijalankan. Sesebuah pilihan raya menjadi tidak bermakna keputusan rakyat terbanyak (*popular rule*) tidak diangkat, sebaliknya ia diputuskan oleh sebilangan elit politik yang tiada kesetiaan kepada pengundi tetapi mensejajarkan kepentingan mereka dari semasa ke semasa dengan pihak yang berkuasa. Akibatnya keputusan rakyat diterbalikkan dan pihak yang kalah boleh dilantik sebagai sebagai kerajaan. Kestabilan pemerintahan yang merupakan sifat umum politik Malaysia, nampaknya telah berlalu. Kelaziman baharu politik Malaysia kini dipenuhi dengan kecairan dasar dan ketidaktentuan dalam hala tuju pemerintahan dan kepimpinan - dengan pecahan ideologi, politik dan budaya yang menebal - yang mungkin mengambil masa yang agak lama untuk distabilkan semula.

## Penghargaan

Penyiapan artikel ini dibantu oleh geran GGPM 2018-022.

## Rujukan

- Anon. 2020. Pemimpin BERSATU Selangor. Shah Alam, Temu bual, 12 Mac.
- Azlan Shah (Visu, Sinnadurai (pytn.)). 2004. *Constitutional Monarchy, Rule of Law and Good Governance: Selected Essays and Speeches*. Kuala Lumpur: Professional LawBooks Publisher.
- Azril Annuar. 2020. Shad Saleem: Is a ‘backdoor govt’ proper? It may be constitutional, but still immoral. *The Malay Mail Online*, 4 Mac. Diakses di <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/04/shad-saleem-is-a-backdoor-govt-proper-it-may-be-constitutional-but-still-im/1843457>.

- Berita Harian Online.* 2020. Tiada had tempoh jawatan PM interim – Peguam Negara.. 24 Februari. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/658840/tiada-had-tempoh-jawatan-pm-interim-peguam-negara>
- Dettman, S. 2020. Authoritarian innovation and democratic reform in the “New Malaysia ”. *Democratization*. <https://doi.org/10.1080/13510347.2019.1705791>
- Dian AH Shah & Harding, A. 2020. *Constitutional Quantum Mechanics and a Change of Government in Malaysia*. Singapore: National University Singapore Faculty of Law
- The Star Online.* 2020. Dr M meets with King for an hour on Thursday. 27 Februari. Diakses di <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/02/27/dr-m-meeting-king-at-11am-thursday-feb-27>[18 Mac 2020].
- Geraldine Tong. 2018. No anti-hopping law, democracy ‘allows frogs to jump’ – PM. *Malaysiakini*, 8 Disember. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/455283>
- Hafiz Yatim. 2009. Court rules Nizar is legitimate MB. *Malaysiakini*, 11 Mei. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/103996>
- Hakimie Amrie. 2020. 2 ex-top cops at Istana as rulers meet to solve political stalemate. *Free Malaysia Today*, 28 February. Diakses di <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/02/28/2-ex-top-cops-at-istana-as-rulers-meet-to-solve-political-stalemate/>[18 Mac 2020].
- Harshan Kumarasingham. 2016. Eastminster – Decolonisation and State-Building in British Asia. Dlm. H. Kumarasingham (pytn.). *Constitution-Making in Asia – Decolonisation and State Building in the Aftermath of the British Empire*. Routledge: London.
- Indira Gandhi v The Director of Islamic Affairs Perak* [2018] 1 MLJ 545 (FC)
- New Straits Times Online.* 2020. Istana Negara dismisses Guardian’s ‘royal coup’ editorial, says it is misleading. 8 Mac. Diakses di <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/572848/istana-negara-dismisses-guardians-royal-coup-editorial-says-it-misleading>.
- Lu Wei Hoong. 2019. 10 years after Perak crisis: Would an anti-hopping law be effective?. *Malaysiakini*, 12 Februari. Diakses di <https://pages.malaysiakini.com/perakcrisis2009/en/article-1/>
- Madhi Hassan. 2020. Ahli Lembaga Disiplin Parti Keadilan Rakyat dan peguam. Temu bual, 4 Mei.
- Mahani Ishak. 2020. Tiada mesyuarat khas Dewan Rakyat Isnin ini – Speaker . Berita Harian Online,. 28 Februari. Diakss di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/660244/tiada-mesyuarat-khas-dewan-rakyat-isnin-ini-speaker> [18 Mac 2020].

- Mohd Hishamudin Yunus. 2018. The Malaysian Constitution and the Basic Structure Doctrine, *Legal Herald*. 1-9.
- Noor Amin Ahmad. 2020. Ahli Parlimen Kangar. Temu bual, 7 Mei. *Pengaruh Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan lawan Sri Lempah Enterprise Sdn Bhd* [1979] 1 MLJ 135, FC 148.
- Perlembagaan Persekutuan. 2010.
- Rahimy Rahim.2020. Malay Rulers at Istana Negara for Special Meeting. *The Star Online*, 28 Februari. Diakses di <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/02/28/malay-rulers-arriving-at-istana-negara-for-special-meeting>[18 Mac 2020].
- Rashvinjeet S. Bedi. 2014.Terengganu Crisis not unique in Country's History. *The Star Online*, 13 Mei. Diakses di <https://www.thestar.com.my/news/nation/2014/05/13/terengganu-not-the-first-state-govt-crisis-in-malaysia>.[19 Mei 2020].
- Shad Saleem Faruqi. 2018. Basis for appointing the PM. *The Star Online*, 12 Mei. Diakses di <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/reflecting-on-the-law/2018/05/12/basis-for-appointing-the-pm-the-constitution-provides-very-little-guidance-for-navigating-the-murky>[18 Mac 2020].
- Shedler, A. 2002. Election without Democracy: The Menu of Manipulation. *Journal of Democracy*. 13(2): 36-50.
- Syed Saddiq Syed Abdul Rahman. 2020. Ahli Parlimen Muar, Ketua Armada BERSATU dan bekas Menteri Belia dan Sukan. Temu bual, 5 Mei.
- The Guardian*. 2020. The Guardian view on a royal coup: a king overturns a historic election, 3 Mac. Diakses di <https://www.theguardian.com/on-a-royal-coup-a-king-overturns-a-historic-election/commentisfree/2020/mar/03/the-guardian-view->
- Tunku Abdul Rahman. 1957. *Proclamation Of Independence*. Diakses di <https://www.harimalaysia.com/tunku-speech.html>.
- Tunku Abdul Rahman. 1977. *Looking Back*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Yusmadi Yusoff. 2020. Ahli Dewan Negara dan peguam. Kuala Lumpur. 6 Mei.
- Zurairi AR. 2014. Take Perak crisis route for speedy end to Selangor impasse, Pakatan told. *The Malay Mail Online*, 14 Ogos. Diakses di <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2014/08/14/take-perak-crisis-route-for-speedy-end-to-selangor-impasse-pakatan-told/726255>

# 05

## PERANAN YANG DI-PERTUAN AGONG SERTA INSTITUSI RAJA DALAM MENYELESAIKAN KRISIS POLITIK TUJUH HARI

MOHD SAMSUDIN<sup>1</sup>

### Pengenalan

Sistem pemerintahan beraja adalah legasi yang ditinggalkan daripada zaman kerajaan Melayu. Beberapa adaptasi telah dilakukan dalam perlembagaan Malaysia dengan meletakkan peranan Raja-Raja Melayu sebagai salah satu elemen utama dalam pelaksanaan pemerintahan negara. Kuasa utama dalam pemerintahan negara terletak di bawah Yang di-Pertuan Agong (YDPA). Jawatan ini diwujudkan sebaik negara mencapai kemerdekaan. Hanya Majlis Raja-Raja yang mempunyai kuasa memilih daripada kalangan raja-raja yang bertakhta untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong. Kuasa Yang di-Pertuan Agong diperuntukkan di dalam perlembagaan negara terutama dalam pelantikan seorang ketua kerajaan yang dipanggil Perdana Menteri. Pada amalannya, Yang di-Pertuan Agong akan melantik seorang Perdana Menteri apabila baginda yakin mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat. Langkah ini adalah berdasarkan peruntukan perlembagaan negara.

---

<sup>1</sup> Mohd Samsudin (PhD) merupakan Profesor Madya di Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM. Beliau boleh dihubungi di moss@ukm.edu.my

Apabila negara menghadapi kemelut politik mengenai pelantikan Perdana Menteri dan pertukaran kerajaan pada bulan Februari 2020, maka perhatian diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja. Yang di-Pertuan Agong perlu menjalankan tugas menyelesaikan kemelut ini kerana pada bagindalah terletaknya punca kuasa. Dari segi sejarah negara, perkara ini belum berlaku sebelum ini apabila Yang di-Pertuan Agong perlu menyelesaikan kemelut yang ditimbulkan oleh ahli-ahli politik dalam sistem pemerintahan dan kerajaan di Malaysia. Artikel ini akan membincangkan peranan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu dalam menyelesaikan kemelut ini. Prinsipnya, apa juga tindakan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu adalah tidak berpihak kepada kepentingan politik, sebaliknya bertindak berdasarkan perlembagaan dan bidang kuasa.

Artikel ini berhujah bahawa krisis politik selama tujuh hari yang berlaku pada bulan Februari 2020 adalah suatu episod yang bersejarah kerana selama ini negara tidak pernah melalui situasi untuk melantik seorang Perdana Menteri apabila sebuah parti yang memerintah kehilangan sokongan ahli Parlimen. Justeru, Krisis Sheraton merupakan pengalaman baru kepada YDPA dan Majlis Raja-Raja kerana sebelum ini pertukaran Perdana Menteri dan kerajaan dilakukan secara lancar. Namun kali ini, YDPA menjadi tumpuan rakyat dan negara dalam melantik seorang Perdana Menteri. Dengan berpandukan kepada perlembagaan juga duluan-duluan seumpamanya di peringkat negeri, YDPA dilihat telah melakukan lebih daripada yang sepatutnya dalam menyelesaikan krisis tersebut. Selain merupakan pengalaman berharga bagi rakyat Malaysia yang dapat menyaksikan penglibatan langsung institusi raja dalam sesuatu krisis, personaliti dan karakter Yang di-Pertuan Agong, Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, turut memberi legitimasi tambahan dalam menonjolkan peranan YDPA sebagai pengendur dan penyejuk konflik.

## Peranan Majlis Raja-Raja

Suffian Hashim, mantan Ketua Hakim Negara memberikan pandangan bahawa Majlis Raja-Raja adalah dianggap sebagai badan yang paling berprestij dalam negara (Cyrus Das 2006: 95). Pemerhatian yang dibuat oleh beliau berasaskan status badan ini yang mengandungi Sembilan Sultan dan empat Gabenor yang dari segi perlembagaan adalah ketua

negeri masing-masing. Kedudukan tinggi yang menjadikan Majlis Raja-Raja dihormati dapat dilihat dalam pelbagai perspektif, seperti perundangan, sejarah, dan birokrasi. Legasi kesultanan Melayu telah dibawa dalam sistem pemerintahan negara selepas merdeka dengan meletakkan kedudukan Raja-Raja Melayu di puncak kuasa. Bagi membolehkan Raja-Raja berada di puncak kuasa, maka kedudukan Raja-Raja dihormati terutama dalam perlembagaan. Dari segi perundangan, kedudukan Majlis Raja-Raja adalah tinggi. Kerajaan perlu memahami fungsi eksekutif bagi berunding dengan Majlis Raja-Raja dalam bidang pemerintahan negara. Oleh itu dalam perkara-perkara penting kerajaan perlu merujuk kepada Majlis Raja-Raja. Terdapat juga perbincangan lebih lanjut mengenai istilah antara ‘consent’ dan ‘consulting’ oleh YDPA dengan Majlis Raja-Raja. Ada pandangan yang mengatakan YDPA tidak perlu merujuk kepada Majlis Raja-Raja dalam urusan pelantikan jawatan tinggi. Cyrus Das telah merujuk penghakiman yang dibuat oleh mahkamah yang berpandangan:

*Based on this distinction, it proceeded to hold that by the process of consultation, the Yang di Pertuan Agong is not bound to accept the advice of the Conference, and that the Prime Minister could insist that his nominee to the higher Bench be appointed even if the Conference of Rulers (“could not”) be diminished by drawing such slight distinction in terminology.* (Cyrus Das 2006: 96)

Almarhum Sultan Azlan Shah (2004: 385) yang berpengalaman luas dalam bidang Kehakiman mentakrifkan mengikut Perlembagaan peranan Majlis Raja-Raja adalah seperti berikut:

1. Kedudukan (memilih) Yang di-Pertuan Agong dan dengan perkenan Raja-Raja meluluskan rang undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau Mesyuarat Dewan Negeri
2. Keperluan untuk mendapatkan perkenan atau pandangan daripada Majlis Raja-Raja mengenai perkara tertentu seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan
3. Status badan kehakiman
4. Pindaan Perlembagaan

Atas peranan utama memilih YDPA, latar belakang seorang Raja adalah sentiasa menjalankan tugas berasaskan kepada perlembagaan dan undang-undang. Pandangan dan keprihatinan dalam kalangan Raja-Raja Melayu memberikan kekuatan kepada institusi YDPA. Dalam

masa yang sama, kedudukan YDPA diletakkan di puncak dalam sistem pemerintahan negara.

## Kedudukan Yang Di Pertuan Agong

Yang di-Pertuan Agong adalah sebuah institusi yang diwujudkan menjelang kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Suruhanjaya Reid yang bertanggungjawab menyediakan draf cadangan perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu di antara Jun 1956 dan Februari 1957 telah menyediakan cadangan Yang di Pertuan Agong dari sudut perlembagaan. Antara yang utama ialah Yang di-Pertuan adalah ketua tertinggi negara bagi seluruh persekutuan (Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957: 6). Dalam menyediakan draf perlembagaan, Suruhanjaya Reid berpandangan raja-raja tidak sepatutnya terlibat dalam politik atau tidak diberikan jawatan atau kuasa politik. Pemisahan ini adalah berdasarkan kepada model kedudukan Raja di Britain (CO 889/1:36; Fernando 2014:153). Suruhanjaya mengharapkan dalam kedudukan sebagai Raja berperlembagaan Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat Perdana Menteri dan kabinet di peringkat persekutuan dan menteri besar atau ketua menteri di peringkat negeri. Bagaimanapun Suruhanjaya Reid mencadangkan dalam beberapa keadaan tertentu budi bicara Yang di-Pertuan Agong dan raja perlu dipelihara.

Suruhanjaya Reid menyediakan cadangan pengecualian kuasa Yang di-Pertuan Agong diberikan dalam urusan pelantikan Perdana Menteri dan pembubaran parliment di mana raja boleh menggunakan budi bicaranya. Dalam kata lain, di bawah budi bicara Yang di-Pertuan Agong, baginda boleh melantik Perdana Menteri yang dipercayai mendapat sokongan majoriti ahli Parliment untuk menjadi Perdana Menteri. Kedua, baginda boleh menggunakan budi bicara dan menolak cadangan Perdana Menteri untuk membubarkan parliment dalam keadaan parti memerintah tidak mendapat kepercayaan majoriti ahli parliment (Fernando 2014:153). Mengikut sejarah, dalam waktu Suruhanjaya Reid menyediakan draf perlembagaan, raja-raja Melayu menuntut lebih banyak kuasa perlembagaan diberikan kepada mereka berbanding kerajaan Perikatan. Sewaktu perbincangan dengan ahli suruhanjaya, raja-raja Melayu menentang sebarang usaha mengurangkan kuasa

mereka. Walau bagaimanapun pandangan Raja-Raja Melayu tidak begitu berjaya kerana draf yang disediakan tidak banyak memenuhi tuntutan yang dibuat oleh raja-raja Melayu. Majlis Raja-raja kemudiannya telah mengutarakan isu-isu di peringkat Jawatankuasa Kerja (*Working Party*) yang menilai cadangan Suruhanjaya Reid. Anggota Jawatankuasa Kerja terdiri daripada Donald MacGillivray, T.V.A. Brodie, Peguam Negara persekutuan dan wakil-wakil daripada raja-raja dan Perikatan.

Selepas berbahas panjang dan ada kalanya menghadapi suasana tegang, Raja-raja akhirnya berjaya menambah lebih banyak kuasa mereka berbanding draf Suruhanjaya Reid. Terdapat empat bidang utama yang dipertahankan kuasa raja iaitu maksud sebenar ‘raja berperlembagaan, kuasa raja dalam perkara pelantikan dalam majlis perundangan, peranan dan fungsi persidangan Raja-Raja dan kuasa kewangan negeri berbanding kerajaan persekutuan’ (Fernando 2014: 155). Dalam perkara berkaitan bidang kuasa Raja untuk melantik menteri besar, tuntutan mereka dibuat berdasarkan konvensyen umum dalam sistem raja berperlembagaan iaitu menteri besar dipilih oleh ketua negeri. Raja negeri berkuasa untuk melantik menteri besar daripada kalangan ahli majlis undangan negeri yang mendapat sokongan majoriti ahli dewan berkenaan. Ia adalah selaras dengan prinsip untuk pelantikan ketua pentadbiran/kerajaan dalam demokrasi berparlimen (Fernando 2014: 159). Prinsip yang sama digunakan untuk pelantikan Perdana Menteri persekutuan. Keputusan ini adalah memberikan keadaan menang-menang antara kedudukan Raja-Raja Melayu dan prinsip demokrasi berparlimen. Ini menjadi teras dalam pembentukan sesebuah kerajaan di Malaysia.

Malaysia sebagai sebuah negara yang memegang prinsip Raja Berperlembagaan adalah satu fenomena yang unik di dunia. Peralihan berlaku daripada Raja yang berkuasa mutlak menjadi Raja berperlembagaan. Dalam hal pelantikan Perdana Menteri, Sultan Azlan Shah pernah bertitah; *“Even in appointing the Prime Minister, the Yang di-Pertuan Agong is not completely free”*. Menurut Sultan Azlan lagi, *“The Constitution requires him to appoint a member of the House of Representatives who in his judgement is likely to command the confidence of the majority of the members of that House.”* (Sultan Azlan Shah 2004: 259). Kenyataan yang diberikan oleh Sultan Azlan Shah membuktikan bahawa bagi pihak Raja-raja Melayu khususnya Yang di-Pertuan Agong, mereka perlu bertindak berpandukan perlumbagaan negara.

## Pindaan Perlembagaan Mengenai Kuasa Raja

Pada asasnya, perlembagan meletakkan kuasa raja begitu besar dalam keadaan tertentu dan tidak boleh didakwa. Cadangan pindaan perlembagaan dilakukan buat pertama kali dalam tahun 1983 untuk menghapuskan *discretionary power* raja memberikan kuasa veto dalam rang undang-undang di peringkat persekutuan dan negeri. Kedua, memindahkan kuasa mengisyihar darurat daripada raja kepada kerajaan/ eksekutif. Langkah ini menimbulkan krisis perlembagaan apabila Yang di-Pertuan Agong enggan menerima pindaan. Pakar dalam bidang sejarah kesultanan, Abdullah Zakaria berhujah:

Usaha dan gerakan mengehadkan bidang kuasa dan kekebalan raja melalui gerakan pindaan perlembagaan ini adalah suatu pengalaman dan cabaran besar Institusi Raja Melayu selepas merdeka dan Malaysia, dan Raja Berpelembagaan (2020:23).

Namun demikian pada tahun 1983, Perdana Menteri ketika itu, Mahathir Mohamad telah meminda perlembagaan dan mengehadkan kuasa raja. Langkah ini menyebabkan berlakunya krisis antara raja dengan kerajaan. Pada asalnya pindaan perlembagaan mencadangkan sesuatu keputusan Dewan Parlimen akan menjadi rang undang-undang dalam tempoh 15 hari walaupun tidak dipersetujui oleh Yang di-Pertuan Agong. Namun apabila berlaku tentangan daripada raja, maka diubah kepada tempoh masa 30 hari. Akhirnya kerajaan terpaksa berkompromi apabila Pindaan Perlembagaan 1984 hanya menghapuskan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk memveto rang undang-undang. Kuasa mengisyiharkan darurat masih dikekalkan di bawah Yang di-Pertuan Agong. Di peringkat negeri, kuasa raja kekal tidak digugat. Terdapat banyak pandangan yang diberikan dalam membuat penilaian terhadap pindaan perlembagaan mengenai kuasa Yang di-Pertuan Agong. Namun demikian Abdullah Zakaria memberikan pandangan bernas:

Satu perkara yang perlu ditegaskan di sini, pindaan perlembagaan itu tidak mengancam kedudukan Institusi Raja Melayu. Raja Berpelembagaan terus berkekalan dalam sistem demokrasi kerajaan Malaysia (2020:23).

Pada tahun 1993, sekali lagi pindaan perlembagaan berkaitan kuasa raja dilakukan. Pindaan perlembagaan pada tahun 1993 menarik

kekebalan kuasa raja apabila raja boleh dibicarakan di mahkamah khas. Mahkamah khas ini adalah berbentuk tribunal mengandungi Ketua Hakim Negara, dua orang ketua hakim dan dua lagi hakim yang dicadangkan oleh raja sendiri. Dalam hubungan ini, satu lagi perubahan besar yang berlaku ialah penubuhan Mahkamah Khas Raja yang memberikan kebenaran dari segi undang-undang seseorang raja boleh dibawa untuk perbicaraan atas sifat peribadi seperti tuntutan hutang dan lain-lain. Walaupun dilakukan pindaan perubahan mengenai kuasa raja namun perkara yang berkaitan dengan pelantikan Perdana Menteri tidak berubah dan peruntukan sedia ada terus diguna pakai.

## Kuasa Yang Di-Pertuan dalam Pelantikan Perdana Menteri

Sebenarnya semenjak kemerdekaan tahun 1957, tidak banyak masalah mengenai pelantikan Perdana Menteri. Ia kerana, pertama, parti yang sama kekal berkuasa dan dalam setiap pilihan raya mendapat majoriti. Kedua, apabila parti memilih pemimpin, ia adalah dengan persetujuan ahli parti bahawa jika parti berkenaan menang pilihan raya, pemimpinnya akan dilantik menjadi Perdana Menteri. Oleh itu pelantikan Perdana Menteri di peringkat persekutuan dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong yang pada pandangan Sultan Azlan ‘*has been no more than giving constitutional endorsement to the decision of the party in power*’ (Sultan Azlan Shah 2004:260). Walau bagaimanapun, pelantikan jawatan menteri besar di negeri-negeri dalam persekutuan mempunyai sejarah yang berbeza. Di negeri Perak, apabila Sultan Perak berkonfrontasi dengan Menteri Besar, Ghazali Jawi, Sultan enggan menerima Ghazali Jawi sebagai Menteri Besar pada tahun 1974 (Andaya 2018:26). Namun Ghazali Jawi mendapat sokongan parti beliau menyebabkan Sultan tidak dapat berbuat apa-apa. Ini menyebabkan Sultan Perak enggan menghadiri sebarang majlis rasmi yang dihadiri oleh Ghazali. Malah, Sultan Perak memelihara janggut dan menyatakan baginda hanya akan bercukur selepas Ghazali meninggalkan jawatan Menteri Besar Perak. Krisis ini selesai apabila atas nasihat pemimpin parti, Ghazali meletakkan jawatan (Sultan Azlan Shah 2004: 260). Krisis yang sama berlaku di Pahang dan diselesaikan apabila Menteri Besar meletakkan jawatan. Satu lagi peristiwa berlaku pada tahun 1978 apabila Tengku Arif Bendahara, adinda Sultan Pahang mengumumkan hasrat untuk menyertai politik bagi membolehkan

beliau menjadi menteri besar. Bagaimanapun Sultan Ahmad Shah iaitu Sultan Pahang mengumumkan baginda tidak dapat menerima adindanya menjadi Menteri Besar dan baginda menyatakan “*that he had a right under the State Constitution*” menolak pelantikan berkenaan. Walaupun tindakan Sultan Pahang dikritik oleh Tunku Abdul Rahman, namun krisis ini berakhir apabila Tengku Arif mengumumkan tidak menyertai politik (Sultan Azlan Shah 2004: 260).

Dalam hal pelantikan Menteri Besar, walaupun dinyatakan adalah budi bicara Sultan tetapi Sultan tidak bebas melantik siapa sahaja yang disukai. Baginda perlu melantik calon yang terdiri daripada ahli dewan negeri yang pada pandangan penilaian baginda memperoleh sokongan majoriti ahli dewan. Seterusnya pada pandangan Sultan Azlan Shah:

*When the party which obtains the majority of seats in the general election decides to nominate one of its members of the Assembly for appointment as Menteri Besar, in my view the Ruler has no discretion but to appoint him. To disregard the wishes of the party and to appoint another member who cannot command the confidence of the majority of the members in the Assembly could lead to a vote of no confidence against him in which case the Ruler will have to either appoint another member or dissolve the Assembly* (2004:260).

Dalam soal pelantikan seseorang individu bagi menjadi Perdana Menteri, pertimbangannya bukanlah kerana hubungan baik dengan Yang di-Pertuan Agong atau Raja-Raja Melayu. Pertimbangan penting bagi Yang di-Pertuan Agong ialah sama ada calon berkenaan mendapat sokongan majoriti ahli dewan Rakyat. Oleh itu seseorang calon Perdana Menteri harus menunjukkan keyakinan kepada Yang di-Pertuan Agong bahawa beliau mendapat sokongan majoriti. Pada amalan biasanya, beliau adalah ketua parti politik yang memenangi pilihan raya dan akan menghadap yang di-Pertuan Agong bagi membuktikan yang beliau sudah mendapat sokongan majoriti ahli dewan Rakyat.

Sebagai sebuah negara demokrasi, pelantikan seorang Perdana Menteri adalah berpandukan perlembagaan negara. Oleh itu, Yang di Pertuan Agong dalam melaksanakan tugas baginda untuk melantik seorang Perdana Menteri perlu bertindak berasaskan perlembagaan yang mengatakan seseorang Perdana Menteri mestilah dapat menunjukkan sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat. Inilah asas yang digunakan semenjak negara mencapai kemerdekaan. Oleh sebab semenjak merdeka, parti yang memerintah iaitu Perikatan dan Barisan Nasional (BN)

menang dan mempunyai majoriti besar, soal pelantikan Perdana Menteri tidak menjadi masalah. Perikatan yang memenangi pilihan raya di antara 1955-1970 mengamalkan persetujuan bahawa Yang di-Pertua UMNO yang juga merupakan Pengurus Perikatan secara automatik dinamakan sebagai Perdana Menteri. Sejak tahun 1976, BN juga telah mempunyai persetujuan melantik Presiden UMNO yang juga Pengurus Barisan Nasional sebagai Perdana Menteri.

## Polemik Peralihan Kuasa

Sejak Pakatan Harapan (PH) menubuhkan kerajaan melalui Pilihan Raya Umum ke-14 pada 2018, isu politik yang sering diberi perhatian ialah soal peralihan kuasa Perdana Menteri yang dipegang oleh Mahathir. Peralihan kuasa terus menjadi topik perbincangan utama dalam kancah politik negara dalam tempoh dua tahun pentadbiran kerajaan PH. Isu ini berterusan kerana apakah Dr. Mahathir akan berundur sebagai Perdana Menteri selepas memegang jawatan ini selama dua tahun seperti yang sering diperkatakan? Ia juga menjadi teka teki dalam kalangan ahli politik dan rakyat mengenai siapakah yang sebenarnya akan dipilih oleh Mahathir untuk memegang jawatan Perdana Menteri menggantikan beliau? Tidak boleh dinafikan bahawa isu ini menjadi gangguan kepada kerajaan untuk bertindak lebih berkesan seperti yang dicita-citakan dalam muafakat PH.

Menjelang akhir bulan November 2019, isu peralihan kuasa menjadi topik utama perhatian dalam kalangan media. Terdapat banyak jangkaan yang diberikan oleh mereka yang berminat dengan isu ini. Ramai yang ternanti-nanti bilakah proses peralihan kuasa akan terjadi. Pada awal November 2019, seorang wartawan *Berita Harian* membangkitkan persoalan sama ada proses peralihan kuasa dilakukan menerusi pintu belakang? Tambahnya lagi:

Jika berpandukan pendirian Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat (CEC) DAP, Ronnie Liu, beliau optimis PH mampu membentuk kerajaan menerusi gabungan DAP, PKR, Parti Amanah Negara (AMANAH) dan Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) dengan jumlah 113 kerusi Parlimen (Mohd Anwar Patho 2019)

Kedudukan yang membolehkan Mahathir menjadi Perdana Menteri ialah kerana PH memiliki 138 kerusi iaitu PKR (50), DAP (42), BERSATU (26), AMANAH (11) dan sembilan kerusi dari Parti Warisan Sabah (WARISAN). Pembangkang pula memiliki 80 kerusi yang merangkumi 38 kerusi milik UMNO, PAS (18), Gabungan Parti Sarawak atau GPS (19), Gabungan Bersatu Sabah (3) manakala satu kerusi masing-masing milik MIC serta MCA (Mohd Anwar Patho 2019). Walaupun menang dalam bilangan majoriti yang selesa tetapi bentuk pakatan yang dibina dalam PH mempunyai banyak cabaran.

Dua persoalan utama yang menjadi perhatian masyarakat iaitu bilakah Mahathir akan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri? Persoalan kedua, kepada siapakah beliau akan menyerahkan jawatan Perdana Menteri. Kedua-dua perkara ini menjadi kabur sejak beliau dilantik menjadi Perdana Menteri Ketujuh. Persoalan mengenai masa sebenar Mahathir untuk meletakkan jawatan dan menyerahkan peralihan kuasa kepada Anwar Ibrahim menjadi spekulasi yang berpanjangan serta sering menjadi tumpuan media tempatan dan antarabangsa. Sewaktu diwawancara oleh media Republik Indonesia pada Ogos 2019, Mahathir menegaskan: “Jadi saya punya masa mungkin tiga tahun, mungkin dua tahun. Dalam masa itu saya perlu tamatkan kerja yang memerlukan lapan tahun sepuluh tahun” (Najwa 2019). Namun pada Disember 2019, Mahathir menegaskan yang beliau akan menyerahkan jawatan kepada Anwar selepas sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada November 2020 (*Berita Harian Online* 2019). Kenyataan ini turut diulangi Mahathir sembilan hari sebelum pertemuan Sheraton.

## Tujuh Hari Melantik Perdana Menteri

Perkembangan politik di dalam PH mula menunjukkan tanda-tanda keretakan menjelang Februari 2020. Isu penggantian Mahathir menjadi perbincangan serius di dalam PH. Dalam masa yang sama, berlaku krisis hubungan pemimpin PKR melibatkan Anwar Ibrahim dan Azmin Ali. Selepas mesyuarat Majlis Presiden PH pada 21 Februari 2020, konsensus baru tercapai dengan Mahathir akan memutuskan sendiri tarikh beliau meletakkan jawatan. Pada 23 Februari 2020, perhatian diberikan kepada pertemuan Sheraton melibatkan sebahagian ahli Parlimen Bersatu, faksi PKR yang berada dalam kem Azmin, UMNO dan PAS. Majlis ini dipanggil Majlis Makan Malam Muafakat Ahli Parlimen. Tetapi

perhatian lebih tertumpu mengenai pertukaran kerajaan apabila PH dijangka akan kehilangan sokongan majoriti ahli Parlimen. Setiausaha Agung UMNO, Annuar Musa membayangkan mendapat majoriti Ahli Parlimen untuk membentuk kerajaan campuran. Bagaimanapun Annuar menyatakan ia terpulang kepada keputusan YDPA (*New Straits Times* 2020). Masyarakat umum ketika itu tidak jelas sama ada pertukaran kerajaan akan melibatkan Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Krisis politik Malaysia selama tujuh hari bermula pada 24 Februari 2020 apabila Mahathir mengumumkan peletakan jawatan sebagai Perdana Menteri. Beliau menyerahkan surat peletakan jawatan kepada Yang di-Pertuan Agong pada jam 1 tengah hari. Presiden Bersatu, Muhyiddin Yassin, selepas itu pula mengumumkan keluar daripada PH yang menjadi kerajaan pada masa itu. Pada jam 3 petang, Mahathir mengumumkan pula meletakkan jawatan sebagai Pengurus Bersatu. Langkah yang dibuat oleh Mahathir adalah di luar jangkaan masyarakat awam sekali gus menjadikan ia sebagai perhatian utama. Bagaimanapun mesyuarat Majlis Tertinggi Bersatu menolak peletakan jawatan tersebut. Keputusan ini turut diikuti oleh tindakan beberapa ahli parlimen PKR yang dipimpin oleh Azmin Ali yang mengumumkan keluar dari parti mereka. Kumpulan-kumpulan ini seterusnya mengumumkan menubuhkan Perikatan Nasional (PN) melibatkan ahli Parlimen BN dan PAS.

Kemelut berterusan apabila Mahathir mengumumkan bersedia untuk dilantik semula menjadi Perdana Menteri dan ini membuatkan pemimpin PH mengumumkan memberikan sokongan kepada Mahathir. PN pula melantik Muhyiddin sebagai calon PM. Namun demikian, bilangan kerusi belum cukup untuk menunjukkan PN mendapat majoriti sekurang-kurang 122 kerusi. Pemimpin PN mengatakan keyakinan mendapat undi majoriti apabila Gabungan Parti Sarawak (GPS) mengumumkan pendirian untuk menjadi entiti politik Sarawak yang menyokong Muhyiddin sebagai Perdana Menteri tanpa menjadi ahli Perikatan Nasional. Pengurus GPS, Abang Johari Abang Openg berkata pendirian gabungannya adalah demi kepentingan negara dan menyelamatkan Malaysia daripada ketidakstabilan politik tanpa mengorbankan kepentingan Sarawak (*Berita Harian Online* 2020).

Kemelut ini menimbulkan ketidaktentuan kepada masyarakat yang memerhati konflik politik yang meletakkan negara dalam keadaan terumbang-ambing tanpa mempunyai calon Perdana Menteri yang

boleh dilantik. Mahathir kemudiannya menyerahkan keputusan kepada Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah untuk menentukan apakah langkah seterusnya. Dalam tempoh tujuh hari konflik yang berlaku ini, seluruh perhatian diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong dan juga Raja Melayu. Menyedari keadaan inilah Yang di-Pertuan Agong perlu bertindak dalam waktu yang segera tetapi berpandukan perlembagaan bagi memilih Perdana Menteri. Al-Sultan Abdullah menyedari apa juga tindakan dan langkah yang diambil oleh baginda selaku Yang di-Pertuan Agong mestilah tidak menunjukkan sikap berpihak. Malah cabaran besar ialah mengelakkan Yang di-Pertuan Agong dan institusi Raja daripada terjebak dalam konflik politik.

Dalam melakukan tindakan ini, dapatlah diperhatikan bahawa terdapat unsur-unsur pengalaman lama diambil oleh Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja. Di peringkat negeri, Sultan terlibat dalam pemilihan jawatan Menteri Besar dengan berpegang kepada Undang-Undang Tubuh Negeri masing-masing. Sultan Selangor berpengalaman menghadapi situasi krisis pertukaran jawatan Menteri Besar pada tahun 2014 melibatkan Abdul Khalid Ibrahim. Dalam menangani isu pertukaran jawatan Menteri Besar di Selangor, Sultan Sharafuddin Idris telah berpegang kepada pemerintahan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959. Sambil mengingatkan rakyat sebagai Sultan yang memerintah negeri Selangor, tugas-tugas baginda amatlah berat untuk memastikan rakyat Selangor dapat menikmati hidup yang berkualiti dan sempurna. Sultan Sharafuddin Shah telah bertitah: “Ahli-ahli politik datang dan pergi, mereka akan berkhidmat untuk selama lima tahun dan mungkin akan diganti pada pilihan raya yang akan datang (*Astro Awani* 2020b).

Dalam masa yang sama terdapat beberapa pendekatan baru yang turut digunakan oleh Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja bagi menyelesaikan konflik ini. Antaranya:

1. Berhemah menggunakan perlembagaan untuk memilih calon PM, memanggil secara bergilir ahli Parlimen dengan disaksikan Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan memanggil pemimpin parti politik.
2. Membawa Raja-raja memberikan pandangan berkemungkinan mendapatkan sokongan dan juga menunjukkan kesepaduan institusi beraja menyelesaikan konflik.

3. Sikap Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah yang ‘cool’ dan berkomunikasi secara tidak langsung dengan rakyat untuk mengurangkan ketegangan.

Bagi merungkai proses pelantikan Perdana Menteri ini, pakar perlombagaan, Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud mengulas:

*However, if there is no such advice and since the Constitution does not provide a clear answer to that, what has become the possibility would be for the King to find out which party; or person; or political leader that has the majority in Parliament.*  
 (dipetik dari New Straits Times 2020b)

Oleh itu, jika tiada mana-mana calon dapat menunjukkan memperoleh majoriti, Nik Ahmad Kamal menambah yang “*then the King would need to call for the dissolution of Parliament.*” (New Straits Times 2020b). Keadaan ini adalah bersesuaian dengan peruntukan perlombagaan bahawa kuasa untuk menentukan siapakah yang layak menjadi Perdana Menteri ialah di bawah Yang di-Pertuan Agong. Ia adalah suatu yang bersejarah kerana selama ini negara tidak pernah melalui situasi untuk melantik seorang Perdana Menteri apabila sebuah parti yang memerintah hilang sokongan ahli Parlimen. Rakyat hanya menyaksikan peralihan kuasa kepimpinan Perdana Menteri yang mudah iaitu dari Tunku Abdul Rahman kepada Abdul Razak pada tahun 1970; peralihan Abdul Razak kepada Hussein Onn pada tahun 1976; peralihan Hussein Onn kepada Mahathir pada tahun 1981; peralihan Mahathir kepada Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2003 dan peralihan Abdullah kepada Najib Razak pada tahun 2009. Peralihan ini adalah mudah kerana parti yang memerintah masih daripada parti yang sama. Namun kini, kekosongan jawatan Perdana Menteri memberikan ruang perhatian kepada tiga tokoh untuk mengisi kekosongan tersebut iaitu Mahathir, Anwar Ibrahim dan Muhyiddin Yassin.

Walau bagaimanapun, negara pernah melalui pengalaman pertukaran kerajaan negeri yang dianggap sebagai krasis politik di beberapa negeri. Ia pernah berlaku di Sabah pada tahun 1985; Terengganu 2008, Perlis pada 2008 dan 2018, Perak pada 2009 dan Selangor pada 2014. Kesemua ini melibatkan keputusan Sultan dan Yang DiPertua Negeri menggunakan bidang kuasa dalam menyelesaikan krasis politik di negeri masing-masing. Oleh itu, apabila membincangkan

krisis tujuh hari, Yang di-Pertuan Agong dilihat sudah mempunyai pengalaman, kaedah dan cara yang sesuai untuk mengatasinya. Prinsip yang dipegang ialah berlandaskan perlembagaan. Khusus dalam hubungan ini ialah krisis politik Perak pada 2009. Dalam krisis politik di Perak pada 2009, Sultan Azlan Shah telah menggunakan budi bicara baginda menemubual semua ahli Dewan Undangan Negeri Perak dan menentukan bahawa Menteri Besar ketika itu, Mohamad Nizar tidak lagi mempunyai sokongan majoriti ahli dewan. Mohamad Nizar telah membuat permohonan kepada Sultan Azlan untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun permohonan berkenaan tidak mendapat perkenan Sultan Azlan kerana menganggap Mohamad Nizar telah hilang kelayakan untuk terus menjadi Menteri Besar. Mohamad Nizar telah mencabar kesahihan keputusan Sultan Azlan. Bagaimanapun Mahkamah Persekutuan telah mengesahkan bahawa undian sokongan terhadap Mohamad Nizar tidak perlu dilakukan dalam sidang dewan kerana sultan mempunyai kuasa untuk menentukan sokongan majoriti seseorang wakil rakyat. Keputusan mahkamah ini telah menjadi duluan penting mengenai bidang kuasa sultan dalam melantik seorang Menteri Besar. Malah, kaedah yang digunakan oleh Sultan Azlan Shah diterima dan digunakan sebagai panduan.

Pada hari yang sama iaitu 24 Februari, Wan Azizah dan Anwar Ibrahim menghadap Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara jam 3.15 petang. Pada jam 4.40 petang, Mahathir pula menghadap YDPA dan memaklumkan YDPA mengenai situasi politik negara. Pada pertemuan yang sama, Yang di-Pertuan Agong telah berkenan melantik Mahathir sebagai Perdana Menteri Interim. Pelantikan ini diumumkan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), Mohd Zuki Ali selepas itu selaras dengan peruntukan Artikel 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan. Bersesuaian dengan perkembangan yang berlaku, Yang di-Pertuan Agong juga telah membubarkan kabinet atas nasihat Mahathir selaras dengan Artikel 43(5) Perlembagaan; *“In this respect, all duties of the administration officers and staff (including Deputy Prime Minister, Ministers, Deputy Ministers and political secretaries) will also be dissolved at the same date”*.

Dalam usaha mencari calon yang boleh mendapat sokongan majoriti ahli Parlimen, maka Yang di-Pertuan Agong telah membuat pengumuman akan memanggil semua ahli Parlimen seramai 222 orang bagi menemu bual setiap seorang ahli Parlimen secara rahsia. Bagi menunjukkan ketelusan, pertemuan ini akan disaksikan oleh KSN

yang berperanan merekodkan jawapan. Langkah ini adalah seperti yang pernah dilakukan oleh Almarhum Sultan Azlan ketika menghadapi krisis perubahan kerajaan negeri di Perak pada tahun 2009. Ketika itu, Sultan Azlan Shah telah memanggil menghadap setiap seorang ahli dewan undangan negeri bagi mengetahui sokongan mereka terhadap kerajaan baharu baru dan calon Menteri Besar, Zambry Abdul Kadir. Sultan Azlan Shah telah menggunakan budi bicara baginda untuk menentukan bahawa Menteri Besar daripada Pakatan Rakyat iaitu Mohamad Nizar Jamaluddin tidak lagi mempunyai sokongan majoriti ahli dewan undangan negeri.

Pada 25 dan 26 Februari 2020, Yang di-Pertuan Agong menemubual seorang demi seorang ahli parlimen untuk menentukan siapa yang mereka pilih; kedua sama ada parlimen perlu dibubarkan atau kerajaan baharu baru dibenar untuk ditubuhkan. BN dan PAS menyatakan mereka mahu pilihan raya baru. Setiap ahli parlimen diberi masa dua-tiga minit disaksikan oleh KSN. Usaha yang dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong memberi peluang kepada baginda sendiri untuk menilai kedudukan calon Perdana Menteri. Langkah yang diambil oleh Al-Sultan Abdullah menemu bual semua ahli Parlimen bagi mencari penyelesaian melantik Perdana Menteri adalah pertama kali dilakukan di peringkat persekutuan kerana sebelum ini hanya dilakukan di peringkat Sultan di negeri.

Tiga hari selepas Mahathir meletakkan jawatan, pakar perlumbagaan, Shad Saleem Faruqi telah memberikan pandangan beliau berdasarkan Perkara 43(4) Perlumbagaan Malaysia. Klaus ini menyatakan jika Perdana Menteri gagal menguasai undi majoriti ahli Dewan Rakyat, maka beliau mempunyai dua pilihan iaitu pertama, menasihatkan Yang di-Pertuan Agong membubarkan parlimen dan mengadakan pilihan raya umum. Kedua, mengemukakan peletakan jawatan keseluruhan Kabinet. Oleh itu Dr. Mahathir telah membuat pilihan kedua. Yang di-Pertuan Agong menerima permohonan Mahathir tetapi meminta Mahathir memegang jawatan dalam bentuk ‘interim’ (Shad Saleem Faruqi 2020).

Dalam keadaan yang tidak diketahui penyelesaiannya, maka perhatian rakyat dan negara tertumpu kepada Yang di-Pertuan Agong yang mempunyai beberapa pilihan. Pertama, mendapatkan undian daripada ahli parlimen bagi mendapatkan seorang yang mendapat undi majoriti untuk memimpin Dewan Rakyat sekali gus menjadi Perdana Menteri. Kedua, Yang di-pertuan Agong mempunyai kuasa budi bicara

membubarkan parlimen bagi diadakan pilihan raya umum. Walaupun Mahathir sebagai Perdana Menteri boleh menasihatkan Yang di-Pertuan Agong membubarkan parlimen tetapi Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 40(2)(b) mempunyai kuasa sama ada menerima atau menolak cadangan tersebut.

Terdapat juga perbincangan mengenai tempoh masa Perdana Menteri Interim yang dipegang oleh Mahathir. Mengikut undang-undang, tiada had waktu bagi seseorang Perdana Menteri Interim namun ia merupakan sesuatu yang dianggap tidak munasabah dipegang sehingga pilihan raya akan datang. Bersesuaian dengan kekusutan keadaan mengenai kedudukan Perdana Menteri dan kerajaan, Shad Saleem Faruqi (2020) memberikan pandangan:

*..., if the elected Parliament is still in place but there is a vacancy in the post of the PM due to any factor whatsoever – be it resignation, death, defeat on the floor of the House, break-up of the ruling coalition, loss of leadership position of the ruling majority or defection – then His Majesty has the arduous and pivotal task under Article 43(2)(a) of searching for a leader who, in his opinion, commands the confidence of the members of the Dewan Rakyat.*

Dalam tempoh beberapa hari selepas peletakan jawatan Mahathir, keadaan sememangnya tidak menentu. Ini kerana terdapat dua pihak yang mengatakan mereka mempunyai undi majoriti ahli dewan rakyat. Tiga hari berlalu, tiada individu yang menampakkan dapat menunjukkan undi majoriti. Tugas utama Yang di-Pertuan Agong dari segi pentadbiran negara ialah mencari calon yang layak menjadi Perdana Menteri. Dalam hubungan ini, Shad Saleem Faruqi (2020) menjelaskan:

*As a constitutional monarch, he cannot rule the country on his own. He cannot dissolve Parliament on his own. There must be a Prime Minister in place to advise him – even if a temporary one by whatever name called, whether interim, caretaker or acting.*

Satu lagi perkara yang perlu difikirkan ialah walaupun Yang di-Pertuan Agong melantik Mahathir sebagai Perdana Menteri Interim tetapi tiada peruntukan bagi jawatan ini dalam keadaan Parlimen masih tidak terbubar. Bagaimanapun tindakan Yang di-Pertuan Agong dianggap tidak bertentangan dengan undang-undang.

Menjelang 28 Februari, Raja-Raja Melayu bertemu Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara sebelum Solat Jumaat. Antara mereka

yang menghadiri pertemuan ini ialah Sultan Selangor, Sultan Kelantan yang diwakili oleh Tengku Mahkota Kelantan, diikuti oleh Raja Perlis, Pemangku Raja Pahang, Sultan Kedah, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Sultan Terengganu dan Sultan Perak. Perkembangan ini memberi makna bahawa Raja-raja Melayu memberi perhatian dan berbincang mengenai penyelesaian melantik seorang Perdana Menteri. Pada hari yang sama selepas itu, Yang di-Pertuan Agong memanggil menghadap Speaker Dewan Rakyat, Mohd Ariff bagi membincangkan keperluan mengadakan sidang khas parlimen pada 2 Mac 2020. Istana Negara juga memberi kenyataan bahawa Yang di-Pertuan Agong akan terus berusaha mencari penyelesaian berpandukan perlembagaan Persekutuan demi kesejahteraan rakyat. Sebagai langkah berikutnya, Istana Negara mengumumkan akan memanggil pemimpin parti politik bagi memberi mereka peluang menamakan nama Perdana Menteri. Pada lewat petang 28 Februari, satu kenyataan daripada Istana Negara menamakan Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri. Kenyataan juga mengatakan istiadat angkat sumpah jawatan akan diadakan pada 1 Mac di Istana Negara. Dengan berlangsungnya majlis angkat sumpah jawatan Perdana Menteri oleh Muhyiddin pada 1 Mac, berakhirlah krisis tujuh hari tersebut.

Begitu pun, cakap-cakap serta kritikan berhubung legitimasi kerajaan PN tetap kedengaran. Bagi mematahkan hujah ini, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris bertitah bahawa tohmahan berkaitan pembentukan kerajaan Persekutuan sebagai sebuah kerajaan pintu belakang atau satu rampasan kuasa adalah tidak tepat sama sekali. Bagi baginda:

Beta sendiri telah mengikuti perkembangan perubahan kuasa tersebut yang dilaksanakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan cukup berhati-hati dan selepas perundingan yang teliti dan terbuka diadakan, selaras dengan peruntukan yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan. Ia hendaklah segera dihentikan kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah diberi kuasa untuk menggunakan budi bicara Baginda sebagaimana yang diperuntukkan di dalam undang-undang (Berita Harian 2020b)

Titah yang diberikan oleh Sultan Sharafuddin menjelaskan bahawa Raja-Raja Melayu tidak berpihak dalam membuat keputusan

memilih Perdana Menteri atau Menteri Besar. Malah Sultan Sharafuddin turut bertitah:

Beta sedar, dalam menegakkan pemerintahan berkonsepkan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, Institusi Raja tidak sepatutnya dilihat terlibat secara langsung dengan isu-isu yang berkaitan dengan politik dan seharusnya kekal sebagai sebuah badan yang mengatasi politik (above politics) (Berita Harian 2020b).

Maksud sebenar titah Sultan Sharafuddin menjelaskan dua prinsip utama yang dipegang oleh Raja-Raja Melayu. Pertama, Raja-raja Melayu sentiasa memelihara prinsip demokrasi berparlimen di Malaysia serta tidak mencampuri urusan politik ahli-ahli politik. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Raja-Raja Melayu berdasarkan perlembagaan. Dalam membuat keputusan, Raja-Raja Melayu akan mendapatkan nasihat dan pandangan daripada pakar undang-undang. Prinsip kedua iaitu Raja-Raja Melayu mempunyai kedudukan tertinggi dalam negara mengatasi politik. Oleh itu Raja-Raja Melayu tidak akan menerima tekanan daripada badan-badan politik dalam menjalankan tugas termsuklah dalam pemilihan Perdana Menteri atau Menteri Besar.

Dalam masa yang sama, Istana Negara turut menafikan tohmahan yang menyifatkan langkah yang diambil oleh Yang di-Pertuan Agong dalam pelantikan Perdana Menteri adalah satu ‘*royal coup*’ (rampasan kuasa oleh Raja) seperti yang ditulis oleh akhbar Britain, *The Guardian*. Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Ahmad Fadil Shamsuddin dalam kenyataannya berkata, artikel *The Guardian* itu adalah sama sekali tidak tepat dan cubaan mengelirukan masyarakat antarabangsa mengenai isu pelantikan Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri. Jelasnya lagi, “Artikel itu jelas menunjukkan fakta yang terpesong mengenai langkah yang diambil Yang di-Pertuan Agong dalam melantik Perdana Menteri baharu” (*Astro Awani* 2020). Menurut pakar perlembagaan, Shamrahayu Aziz, peranan Yang di-Pertuan Agong di Malaysia adalah unik dan tersendiri dibandingkan dengan negara luar. Secara faktanya, Yang di-Pertuan Agong tertakluk kepada Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan untuk melantik Perdana Menteri baharu ekoran peletakan jawatan Mahathir dan kabinetnya (Shamrahayu Aziz 2020: temu bual telefon).

Apabila Dr Mahathir memaklumkan kepada Agong pada tengah hari 24 Feb, bahawa beliau tidak lagi mempunyai sokongan majoriti Dewan Rakyat, dan terpaksa meletak jawatan, Tuanku mempunyai tanggungjawab di bawah Artikel 40(2)(a), iaitu menggunakan kebijaksanaan Baginda untuk melantik Perdana Menteri baru. Baginda juga tertakluk kepada Perkara 43(2)(a) untuk melantik Perdana Menteri yang pada pandangan Tuanku seorang ahli Dewan Rakyat yang dipercayai mempunyai sokongan majoriti (Astro Awani 2020).

Yang di-Pertuan Agong jelas melakukan langkah yang lebih daripada apa yang sepatutnya dengan memanggil kesemua Ahli Dewan Rakyat serta ketua-ketua parti politik bagi membolehkan baginda mendapat pandangan yang lebih jelas. Perkembangan ini berserta laporan media yang diberikan sepanjang perkembangan ini memberi petunjuk bahawa segala langkah yang dilakukan oleh pihak istana dapat diikuti oleh rakyat bagi tujuan ketelusan. Dalam kenyataan yang sama, Ahmad Fadil telah menyatakan:

Ia hanya selepas langkah konsultasi yang ketat dan terbuka, selaras dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan, barulah Tuanku menggunakan kebijaksanaan Baginda bagi melantik Perdana Menteri (Astro Awani 2020).

## **Personaliti Yang Di-Pertuan Agong Sebagai Pengendur dan Penyejuk Konflik**

Pengajaran daripada krisis pelantikan Perdana Menteri membuka mata rakyat mengenai kepentingan institusi Yang di-Pertuan Agong dan peranan Majlis Raja-raja. Kuasa melantik perdana menteri yang diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong adalah penting bagi memberikan kestabilan kepada demokrasi dan sistem pemerintahan negara. Namun wujudnya satu lagi dimensi yang memberikan legitimasi dan keunikan tambahan terhadap penyelesaian yang diambil oleh YDPA dalam krisis tersebut. Ia adalah personaliti dan karakter Al-Sultan Abdullah yang turut dianggap berperanan sebagai pengendur dan penyejuk konflik.

Sewaktu diangkat menjadi YDPA, Sultan Abdullah telah menzahirkan janji baginda untuk mengutamakan kepentingan rakyat. Al-Sultan Abdullah turut berikrar untuk meneruskan legasi pemerintahan

yang ditinggalkan oleh ayahandanya, Sultan Ahmad Shah Sultan Abu Bakar yang sentiasa mendampingi rakyat tanpa protokol yang rigid dan sentiasa menjaga kepentingan mereka terutama apabila dilanda musibah. Menurut baginda:

Saya ini tidak ubah ‘bagai condong yang akan menongkat, bagi rebah yang akan menegak.’ Kepada sayalah tempat sekalian rakyat menumpang teduh apabila dilanda musibah, dan menumpang kasih apabila berduka (*Bernama* 2019).

Al-Sultan Abdullah berpegang kepada falsafah ‘Raja dan rakyat berpisah tiada’ serta ‘Raja dan rakyat sehati sejiwa’ untuk dijadikan sebagai cogan utama pemerintahannya. Baginda melihat kepentingan institusi beraja yang saling berpautan dengan rakyat melalui pemahaman “Sesungguhnya, kekuatan sebuah negeri adalah kerana raja pemerintah, manakala kekuatan raja pemerintah terletak kepada kerajaan dan rakyatnya” (*Bernama* 2019). Kerana itu, setelah menjadi YDPA, baginda menjadi tumpuan rakyat kerana sikap baginda yang tidak kekok untuk berada bersama rakyat bawahan. Contoh yang sering menjadi perhatian ialah sikap baginda yang sering memberhentikan kereta apabila melihat berlakunya kemalangan jalan raya dan turut membantu dan menenangkan mangsa kemalangan. Baginda juga sering singgah secara mengejut di restoran dan kedai makan. Sikap mesra rakyat ini juga ditunjukkan oleh Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah yang dikenali kerana minat memasak dan sering muncul dengan bersahaja dalam siaran media sosial. Justeru, personaliti dan karakter seperti ini dihujahkan memberi nilai tambah tersendiri dalam krisis tujuh hari itu.

Dapat dilihat dalam keadaan yang tegang itu, krisis disejukkan dengan peranan Al-Sultan Abdullah terutama apabila baginda memberikan layanan yang baik kepada para wartawan yang membuat laporan sepanjang tempoh krisis tersebut. Pada hari pertama kumpulan wartawan berkumpul di pintu Istana Negara, Al-Sultan Abdullah telah menitahkan pihak istana menjamu mereka dengan makanan segera. Keesokan harinya, Al-Sultan Abdullah sendiri mencemar duli berada di pintu Istana Negara menyerahkan makanan kepada petugas media. Yang di-Pertuan Agong juga bertitah yang: “Saya berharap kita akan menemui penyelesaian terbaik untuk negara” (*Harian Metro* 2020). Tindakan Al-Sultan Abdullah memberikan gambaran bahawa baginda

memberi perhatian mengenai keresahan negara mengenai krisis politik yang melanda. Dalam masa yang sama ia juga memberi makna bahawa Yang di-Pertuan Agong dalam usaha menyelesaikan masalah ini bersifat terbuka dengan membenarkan rakyat melihat sendiri perkembangan yang berlaku di Istana Negara.

Al-Sultan Abdullah telah memberikan naratif krisis ini dalam titah ucapan baginda sewaktu merasmikan sidang parlimen pada 18 Mei 2020. Al-Sultan menceritakan bagaimana beliau menerima Mahathir untuk menghadap pada petang 24 Februari 2020 dan memujuk Mahathir tidak melepaskan jawatan Perdana Menteri namun akhirnya akur dengan keputusan Mahathir. Seterusnya baginda memanggil semua ahli Dewan Rakyat pada 25 dan 26 Februari meminta mencalonkan nama Perdana Menteri. Pada 29 Februari, baginda menitahkan semua pemimpin parti yang ada perwakilan dalam Dewan Rakyat mencalonkan nama Perdana Menteri dan bersedia memberikan mereka tambahan masa sehingga waktu petang. Bagaimanapun Yang di-Pertuan Agong memahami bahawa kemelut politik negara tidak boleh dibiarkan berlarutan dan berpanjangan, tanpa ada penghujungnya. “Oleh yang demikian, beta bertanggungjawab untuk melantik seorang perdana menteri yang baharu seperti mana yang dikehendaki oleh Perlembagaan Perekutuan” (Al-Sultan Abdullah 2020).

Yang di-Pertuan Agong tidak diberi tatacara terperinci bagaimana menetapkan seseorang calon Perdana Menteri bagi mendapat suara majoriti ahli Dewan Rakyat. Bagaimanapun Yang di-Pertuan Agong telah melakukannya dengan teliti kerana mahu membuat keadilan. Ini diperihalkan seperti kenyataan di bawah:

Teliti diterjemah dengan cara memanggil seorang demi seorang ahli dewan membuat pernyataan di hadapan baginda. Kemudiannya berbincang dengan raja-raja walaupun sebenarnya bukan peranan raja-raja tetapi menunjukkan usaha bersungguh-sungguh Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya Yang di-Pertuan Agong telah memanggil ketua komponen politik yang ada perwakilan dalam dewan. Patutnya mereka beri jawapan pukul 10 pagi tetapi ada yang mohon dapat lanjutan masa sampai ke petang (Shamrahayu Aziz 2020: temu bual).

Justeru, langkah yang diambil oleh Al-Sultan Abdullah menunjukkan sikap keprihatinan baginda bukan sahaja terhad pada musibah dan

bencana besar seperti banjir, kebakaran, kemalangan jalan raya yang melibatkan rakyat jelata tetapi juga menyelesaikan krisis politik negara.

## Kesimpulan

Krisis politik yang berlaku selama tujuh hari merupakan satu pengalaman bersejarah bagi rakyat Malaysia. Peletakan jawatan Mahathir sebagai Perdana Menteri meletakkan Yang di-Pertuan Agong dalam situasi penting untuk membuat keputusan berasaskan perlembagaan. Dalam masa yang sama ia perlu dilakukan segera bagi memastikan fungsi kerajaan berjalan seperti biasa. Malahan ancaman Covid-19 telah memberikan keresahan mengenai tindakan kerajaan bagi mengatasi pandemik bahaya ini. Dalam melaksanakan tugas baginda dalam tempoh tujuh hari tersebut, Yang di-Pertuan Agong memperlihatkan sikap berhati-hati dan telus dalam menjalankan kewajipan yang diperuntukkan oleh Perlembagaan kepada baginda. Baginda menggunakan ‘budi bicara’ dengan melakukan temu bual dengan semua ahli Parlimen, berbincang dengan Majlis Raja-raja dan bertemu dengan ketua parti politik. Inilah kali pertama kaedah ini diambil oleh Yang di-Pertuan Agong kerana sebelum ini, praktik seumpamanya tidak pernah berlaku di peringkat persekutuan. Walau bagaimanapun dengan pengalaman yang ada dalam kalangan Raja-raja dan berpandukan kepada perlembagaan, keputusan memilih Perdana Menteri dapat dilakukan dalam tempoh tujuh hari. Selain merupakan pengalaman berharga bagi rakyat Malaysia yang dapat menyaksikan penglibatan langsung institusi raja dalam sesuatu krisis, personaliti dan karakter Yang di-Pertuan Agong, Al Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, turut memberi legitimasi tambahan dalam menonjolkan peranan YDPA sebagai pengendur dan penyejuk konflik.

## Rujukan

- Abdullah Zakaria Ghazali. 2019. Cabaran Institusi Beraja di Malaysia dari Dahulu Hingga Kini. Kertas Kerja Bicara Muzium Diraja. Diakses di <http://www.jmm.gov.my/files/Cabaran%20Institusi%20Beraja%20di%20Malaysia%20dari%20Dahulu%20Hingga%20Kini.pdf>
- Andaya, B. 2018. The Perak Sultanate: Transitioning into the 21st Century. Trends in Southeast Asia No. 22. Singapura: ISEAS-Yusof Ishak Institute.

- Astro Awani.* 2020. Istana Negara nafi pelantikan PM baharu adalah royal coup. 8 Mac Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/istana-negara-nafi-pelantikan-pm-baharu-adalah-royal-coup-232901>
- Astro Awani.* 2020b. Ada ahli politik tidak faham institusi raja-Sultan Selangor. 3 Mei. Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-politik/ada-ahli-politik-tidak-faham-institusi-raja-sultan-selangor-44778>
- Berita Harian Online* 2019. Dr M sedia serah jawatan kepada Anwar selepas APEC. 10 Disember. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/637344/dr-m-sedia-serah-jawatan-kepada-anwar-selepas-apec>
- Berita Harian Online.* 2020. GPS utamakan kepentingan Sarawak, negara – Abang Jo. 29 Februari. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2020/02/660606/gps-utamakan-kepentingan-sarawak-negara-abang-jo>
- Berita Harian Online.* 2020b. Hentikan tohmahan kerajaan pintu belakang, rampasan kuasa. 16 Mac. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665746/hentikan-tohmahan-kerajaan-pintu-belakang-rampasan-kuasa-sultan>
- Bernama* 2019. Sultan Abdullah dimasyhur sebagai Sultan Pahang. 15 Januari. Diakses di <https://berita.mediacorp.sg/mobile/dunia/sultan-abdullah-dimasyhur-sebagai-sultan-pahang/4223840.html>
- CO 889/1 (36). Summary record of 33rd meeting of constitutional commission, 17 September 1956.
- Das, C. 2006. Consulting the Conference of Rulers under the Federal Constitution, *Journal of Malaysian and Comparative Law* 33:95-116.
- Fernando, J. 2014. Defending the monarchy: The Malay rulers and the making of the Malayan constitution, 1956-1957, *Archipel* 88: 149-167.
- Mohd Anwar Patho. 2019. Pintu belakang bukan jaminan proses peralihan kuasa. *Berita Harian Online*, 5 November. Diakses di <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019/11/625090/pintu-belakang-bukan-jaminan-proses-peralihan-kuasa>, 8 April 2019.
- Najwa Shihab. 2019. Mahathir Bicara Ulama dan Jokowi/ Catatan Najwa. 9 November. Diakses di <https://www.youtube.com/watch?v=sLUSDBkVwzo>
- New Straits Times.* 2020. PM announce new government coalition, says Annuar. 23 Februari. Diakses di <https://www.nst.com.my/news/politics/2020/02/568376/pm-announce-new-government-coalition-says-annuar>
- New Straits Times.* 2020. In the hands of YDP Agong. 24 Februari. Diakses di <https://www.nst.com.my/news/politics/2020/02/568544/hands-ydp-agong>

- Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957, London: Her Majesty's, Stationery Ofice, Colonial No. 330.
- Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. 2020. Titah Yang di-Pertuan Agong, Perasmian Persidangan Parlimen, 18 Mei. Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/teks-titah-diraja-sempena-pembukaan-penggal-ketiga-parlimen-ke-14-243411>
- Sultan Azlan Shah. 2004. *Constitutional Monarchy, Rule of Law Good Governance: Selected Essays and Speeches*. Kuala Lumpur: Professional Law Books.
- Shad Saleem Faruqi. 2020. An overturning of popular will. The Star Online, 27 Februari. Diakses di <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/reflecting-on-the-law/2020/02/27/an-overturning-of-popular-will>
- Shamrahayu Abd Aziz. 2020. Prof. Madya Dr. Shamrahayu Ab Aziz adalah pakar dalam bidang Undang-undang Perlembagaan di Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Temu bual telefon, 19 Mei.

# 06

## PELANTIKAN PERDANA MENTERI INTERIM DALAM KRISIS SHERATON SAH ATAU TIDAK?

SITY DAUD<sup>1</sup> & FARIDAH JALIL<sup>2</sup>

### Pengenalan

Peletakan jawatan sebagai Perdana Menteri (PM) oleh Mahathir Mohamad pada 24 Februari 2020, telah menimbulkan banyak persoalan dalam kalangan rakyat dan khalayak antarabangsa. Tindakan Mahathir telah menyebabkan berlaku krisis dalam pemerintahan negara kerana dalam masa yang sama ia turut membubarkan Jemaah Menteri atau lebih dikenali sebagai kabinet. Berikutan ketiadaan ketua Kerajaan, Yang di-Pertuan Agong (YDPA) telah berkenan melantik semula Mahathir sebagai Perdana Menteri Interim (PM Interim). Dari sudut bahasa, perkataan interim bermaksud sementara. Namun begitu, dari sudut istilah, PM Interim tidak pernah diguna pakai dalam amalan pemerintahan dan undang-undang mengenai pentadbiran dan pemerintahan negara. Berikutan itu, timbul pelbagai persoalan berkenaan kedudukan dan skop kuasa yang dimiliki apabila beliau dilantik ke jawatan tersebut. Bersandarkan makna umum

<sup>1</sup> Sity Daud merupakan Profesor Madya di Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal-Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau boleh dihubungi di [sitydaud@ukm.edu.my](mailto:sitydaud@ukm.edu.my)

<sup>2</sup> Datin Faridah Jalil merupakan Profesor di Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau boleh dihubungi di [faridah@ukm.edu.my](mailto:faridah@ukm.edu.my)

perkataan interim, ternyata jawatan PM Interim yang disandang oleh Mahathir bersifat sementara. Namun kecaburan timbul dalam pelbagai aspek, antaranya, berkenaan punca kuasa YDPA melantik PM Interim, apakah fungsi dan tugas PM Interim? Berapa lamakah tempoh masa ‘sementara’? Apakah PM Interim sama dengan PM Kerajaan sementara? Bab ini mengupas persoalan-persoalan tersebut secara kritikal serta perkara yang berkaitan dengannya bermula denganuraian konsep Kerajaan sementara dan asas negara moden Malaysia bagi menjelaskan beberapa kekeliruan tentang PM Interim. Artikel ini membahaskan yang pelantikan PM Interim tidak bercanggah dengan Perlembagaan dan mempunyai asas perundangan iaitu Perkara 43(2)(a) Perlembagaan dan undang-undang lain seperti Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 dan konvensyen Perlembagaan. Oleh sebab PM Interim adalah sementara sifatnya, prinsip perjalanan tugas Kerajaan *caretaker* boleh dijadikan rujukan. Antara prinsip penting ialah, seorang PM Interim perlu mengelakkan daripada membuat polisi baharu, memasuki ikatan kontrak baharu atau membuat pelantikan penting. Namun begitu, kekeliruan timbul kerana tiada undang-undang atau konvensyen bertulis mengenai jawatan tersebut. Kajian ini mencadangkan pendokumentasian amalan dan konvensyen pemerintahan dan pentadbiran yang menyokong Perlembagaan bagi membantu semua pihak untuk memahami perjalanan sistem Kerajaan dan bagaimana penyelesaian dibuat dengan peruntukan Perlembagaan pada masa akan datang.

## Konsep Kerajaan Sementara dan PM Interim

Bagi membincangkan PM Interim, adalah penting terlebih dahulu meneliti konsep Kerajaan sementara atau lebih dikenali sebagai *caretaker government* yang mana idea asal konsep ini berasaskan konvensyen di Britain dengan beberapa rujukan penting amalan konsep ini di Australia dan Bangladesh. Kerajaan sementara adalah satu konsep yang penting bagi memastikan pilihan raya terlaksana secara adil dan bebas. Setiap kali berlaku pembubaran Parlimen bagi memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum (PRU), pasti ada pihak-pihak tertentu yang menyuarakan betapa pentingnya konsep Kerajaan sementara dipatuhi. Secara khusus Kerajaan sementara adalah Kerajaan yang memerintah sesbuah negara dalam tempoh pilihan raya, iaitu biasanya bermula dari pembubaran parlimen hingga kepada penubuhan Kerajaan baru. Secara umumnya

pula, istilah Kerajaan sementara juga digunakan dalam situasi tertentu seperti ketika berlaku rampasan kuasa, peletakan jawatan PM dan sebagainya. Menurut Muhammad Fathi (2014: 3):

Tujuan Kerajaan sementara ini adalah untuk mengurangkan risiko salah guna kuasa akibat ketiadaan Parlimen yang mampu melakukan peranan ‘semak dan imbang’ (atau *check and balance*). Selain itu ia juga berperanan untuk memastikan pemimpin Kerajaan tidak menggunakan jentera Kerajaan untuk tujuan kempen kepartian, serta mengekalkan badan pentadbiran Kerajaan sebagai badan yang bebas dari campur tangan politik.

Kebiasaan di negara-negara Komanwel yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, terdapat beberapa perkara yang mesti dielakkan oleh pemerintah dalam tempoh Kerajaan sementara. Amalan tradisi ini diungkap secara bertulis dalam *Guidance on Caretaker Conventions* yang dikeluarkan oleh Kerajaan Australia. Garis panduan berkenaan menggariskan tiga perkara besar yang perlu dielakkan iaitu:

- a. Membuat dasar Kerajaan yang boleh mengikat Kerajaan yang akan ditubuhkan selepas pilihan raya.
- b. Membuat pelantikan ke jawatan penting.
- c. Membuat kontrak dan aku janji yang besar (Muhammad Fathi 2014: 3).

Sebagai sebuah demokrasi berparlimen yang bermodelkan sistem Westminster di England, konsep Kerajaan sementara ini boleh diguna pakai dalam sistem pilihan raya di Malaysia hanya dengan menguatkuasakan garis panduan, tanpa melibatkan pindaan kepada perlembagaan, tetapi konsep ini belum benar-benar terlaksana di Malaysia. Walau bagaimanapun, menurut Muhammad Fathi (2014), YM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pernah meletakkan jawatannya sebagai PM secara sukarela sewaktu tempoh kempen PRU Pertama pada tahun 1959, bermula dari 21 April hingga 7 Ogos 1959 untuk menumpukan kerja-kerja kempen pilihan raya.<sup>3</sup>

Sementara itu, istilah PM Interim pula adalah sesuatu yang baharu dan tidak boleh disamakan dengan Kerajaan sementara. Menurut

<sup>3</sup> Lihat Malaysian Department of Information (1963). *Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj: Prime Minister, Federation of Malaya on the occasion of his 60th birthday*.

Shamrahayu, seorang pakar Undang-undang Perlembagaan di Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM):

Istilah interim digunakan bagi maksud pelantikan sementara, menunggu lantikan Perdana Menteri sebenar. Istilah “caretaker” pula merujuk kepada keadaan di mana tiada Parlimen, atau pada ketika Parlimen telah dibubarkan, mungkin bagi tujuan pilihan raya. *Caretaker government* akan berfungsi sehingga kerajaan baharu dipilih dan dilantik. Manakala istilah “Interim Prime Minister” pula merujuk kepada keadaan di mana Perdana Menteri sebenar tiada, tetapi Parlimen tidak bubar (Parlimen masih ada). Perdana Menteri Interim juga merujuk kepada seseorang yang melakukan tugas Perdana Menteri sebenar apabila Perdana Menteri sebenar tersebut tidak mampu melaksanakan tugas sebagai Perdana Menteri atas apa-apa sebab, seperti masalah kesihatan... Oleh itu, melihat kepada situasi atau krisis politik yang telah berlaku, istilah Perdana Menteri interim adalah lebih tepat berbanding “caretaker” Perdana Menteri. Tetapi ini tidak bermakna istilah itu adalah istilah undang-undang (2020: temu bual e-mel).

Menurut beliau lagi, kedua-dua istilah interim dan Kerajaan sementara tidak digunakan dalam Perlembagaan Persekutuan walaupun Perkara 43 menyatakan bahawa boleh bagi YDPA melantik wakil rakyat di Dewan Rakyat yang lepas (iaitu sebelum Parlimen dibubar) sebagai ahli Jemaah Menteri ketika Parlimen terbubar. Ini sahaja peruntukan yang boleh memberi justifikasi kepada pelantikan Jemaah Menteri semasa ketiadaan Parlimen (atau Parlimen terbubar). Pandangan ini selaras dengan penjelasan yang diberikan oleh seorang lagi pakar Perlembagaan Malaysia, Shad Saleem Faruqi yang menjelaskan bahawa “Yang di-Pertuan Agong boleh melantik seorang Perdana Menteri dalam kalangan ahli Dewan Rakyat yang lepas (iaitu sebelum Parlimen terbubar) dan mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat” (Shad Saleem Faruqi 2020: temu bual).

Dengan asas perlembagaan yang agak longgar ini, jawatan PM Interim yang mula diperkenalkan pada 2020 telah menimbulkan banyak keraguan dari segi keabsahan pelantikannya apabila jumlah sokongan ahli Dewan Rakyat kerap berubah dalam tujuh hari tersebut dan dari segi bidang kuasa yang ada pada seorang PM Interim dalam membuat

pakej rangsangan ekonomi dalam tempoh lantikan sementara tersebut. Oleh yang demikian, perlu juga dijelaskan di sini asas negara moden Malaysia yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia bagi menjelaskan peranan komponen utamanya sebagai sandaran kepada pelantikan PM Interim serta bidang kuasa yang datang bersamanya.

## **Asas Negara Moden Malaysia**

Pembentukan negara moden Malaysia banyak dipengaruhi oleh Perlembagaan 1957 yang menjadi asas kepada sistem Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen. Dengan tercapainya kemerdekaan, Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi dan menjadi sumber bagi pemerintahan negara ini. Malaysia telah ditadbir menurut sistem demokrasi berparlimen berteras model Westminster dengan parlimen berperanan sebagai badan perundangan dan Jemaah Menteri sebagai badan pemerintah dengan kuasa eksekutif, dan badan kehakiman yang kuasanya terletak pada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah-mahkamah Rendah. Parlimen yang diberi kuasa untuk membuat undang-undang terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu YDPA, Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang peranannya dijelaskan secara serba ringkas seperti berikut untuk dijadikan asas bagi hujah penting dalam perbincangan seterusnya.

## **Yang Di-Pertuan Agong**

Perkara 32(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan YDPA sebagai Ketua Utama Negara yang mengambil keutamaan mengatasi segala orang dalam Persekutuan dan tidak boleh didakwa dalam perbicaraan mana-mana mahkamah. YDPA dipilih oleh Majlis Raja-raja setiap lima tahun berperanan sebagai Raja Berperlembagaan dengan menjalankan tugas-tugas rasminya seperti pembukaan dan pembubaran parlimen mengikut nasihat Jemaah Menteri. Walaupun segala undang-undang yang dibawa ke parlimen mesti diluluskan oleh ketiga-tiga komponen Parlimen, YDPA tidak bersama-sama bersidang di dalam parlimen. Ini bermakna YDPA tidak boleh memberikan kata pemutus tentang undang-undang di Parlimen kerana Baginda hanya bertindak atas nasihat Jemaah Menteri.

Dalam Perkara 40(2) Perlembagaan Persekutuan ada disebutkan YDPA boleh bertindak menurut budi bicaranya pada melaksanakan fungsi yang berikut, iaitu:

- a. melantik seorang PM;
- b. tidak memperkenankan permintaan bagi pembubaran Parlimen;
- c. meminta diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja yang semata-mata berkenaan dengan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, dan apa-apa tindakan pada mesyuarat itu, dan dalam apa-apa hal lain yang disebut dalam Perlembagaan ini.

Manakala dalam Perkara 40(3), Undang undang persekutuan boleh membuat peruntukan bagi menghendaki YDPA bertindak selepas berunding dengan atau atas syor mana-mana orang atau kumpulan orang selain Jemaah Menteri pada menjalankan mana-mana fungsinya selain - (a) fungsi yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya; dan (b) fungsi yang berkenaan dengan penjalanan peruntukan ada dibuat dalam mana-mana Perkara lain. Seterusnya dalam Perkara 43(1) YDPA hendaklah melantik suatu Jemaah Menteri untuk menasihatinya dalam penjalanan fungsinya. Bagi Perkara 43(2) Jemaah Menteri hendaklah dilantik seperti yang berikut, iaitu: (a) YDPA hendaklah terlebih dahulu melantik Perdana Menteri untuk mempengurusikan Jemaah Menteri seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat itu; dan (b) atas nasihat PM, YDPA hendaklah melantik Menteri-Menteri lain daripada kalangan ahli mana-mana satu Majlis Parlimen. Namun jika sesuatu pelantikan dibuat semasa Parlimen terbubar, seseorang yang menjadi ahli Dewan Rakyat yang lepas boleh dilantik tetapi tidak boleh terus memegang jawatan selepas permulaan penggal Parlimen yang berikutnya melainkan, jika dia telah dilantik menjadi PM, dia ialah ahli Dewan Rakyat yang baru itu, dan dalam apa-apa hal lain, dia ialah ahli sama ada bagi Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

Dalam Perkara 43(3) Jemaah Menteri hendaklah bertanggungjawab secara bersama kepada Parlimen. Apa yang penting untuk difahami juga adalah Perkara 43(4) di mana Jika PM tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, maka PM hendaklah meletakkan jawatan

Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaannya Parlimen dibubarkan oleh YDPA. Menurut Perkara 43(5), tertakluk kepada Fasal (4), Menteri-Menteri selain PM hendaklah memegang jawatan selama diperkenankan oleh YDPA, melainkan jika pelantikan mana-mana Menteri telah dibatalkan oleh YDPA atas nasihat Perdana Menteri, tetapi mana-mana Menteri boleh meletakkan jawatannya. Perkara 43(6) dalam pada itu menyatakan, sebelum seseorang Menteri menjalankan fungsi jawatannya dia hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan YDPA sumpah jawatan dan sumpah taat setia dan juga sumpah simpan rahsia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam. Perkara 43(7) pula menegaskan, walau apa pun apa-apa jua dalam Perkara ini, seseorang yang menjadi warganegara melalui penaturalisasi atau melalui pendaftaran di bawah Perkara 17 tidak boleh dilantik menjadi PM.<sup>4</sup>

## Dewan Negara

Dewan Negara terdiri daripada 70 orang ahli dengan dua jenis keanggotaan. Pertama, setiap Dewan Undangan Negeri daripada 13 buah negeri memilih dua orang wakil masing-masing; kedua, ahli yang dilantik oleh YDPA berdasarkan sumbangan cemerlang individu tertentu kepada negara termasuk dua orang ahli dari Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Labuan). Tempoh jawatan ahli Dewan Negara ialah tiga tahun dan tidak terhenti oleh pembubaran parlimen. Seorang Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua dipilih bagi mengendalikan urusan perjalanan mesyuarat Dewan. Mengikut Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan, Dewan Negara hanya boleh menangguhkan tetapi tidak berkuasa menolak sesuatu rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat untuk diperkenankan oleh YDPA. Tempoh penangguhan Rang undang-Undang Kewangan yang dibenarkan bagi Dewan Negara ialah satu bulan manakala tempoh untuk rang undang-undang lain ialah satu tahun. Dewan Negara tidak mempunyai kuasa untuk meminda mana-mana undang-undang tanpa persetujuan Dewan Rakyat. Pendeknya bidang kuasa Dewan Negara sangat terbatas kepada kuasa memperaku berbanding kuasa perundangan yang dimiliki Dewan Rakyat.<sup>5</sup>

<sup>4</sup> Lihat Perlembagaan Malaysia. 2016.

Lihat Perlembagaan Persekutuan Malaysia. 2016.

## Dewan Rakyat

Dewan Rakyat kini terdiri daripada 222 orang ahli yang dipilih melalui pilihan raya yang diadakan setiap lima tahun atau kurang daripadanya bagi membolehkan rakyat menentukan wakil mereka di Parlimen. Tempoh jawatan ahli Dewan Rakyat tamat apabila Parlimen dibubarkan. Perkara 57 Perlembagaan menetapkan, seorang Yang di-Pertua hendaklah dipilih dalam kalangan ahli atau bukan ahli Dewan Rakyat tetapi tidak boleh dilantik sebagai Perdana Menteri, tetapi Timbalan Yang di-Pertua mestilah ahli Dewan Rakyat (parlimen.gov.my 2020).

YDPA berkuasa untuk memanggil Parlimen bersidang tetapi tidak boleh membiarkan enam bulan berselang di antara persidangan akhir bagi satu penggal dengan persidangan pertama bagi penggal yang akan datang. Semua persidangan Parlimen disusun dalam satu kalender yang terbahagi kepada lima penggal yang tiap satunya mengambil masa selama hampir setahun. Tiap-tiap satu sidang Parlimen biasanya mengambil masa dua minggu bagi Dewan Rakyat dan satu minggu bagi Dewan Negara dengan pengecualian mesyuarat belanjawan yang boleh mengambil masa hampir dua bulan. Parlimen tidak mengadakan persidangan atau mesyuarat di sepanjang penggal tetapi mengadakan mesyuarat sebanyak tiga atau empat kali dalam satu-satu penggal sahaja.

Sebagai sebuah badan perundangan, kedua-dua Majlis Parlimen memainkan peranan yang penting. Apabila terdapat cadangan untuk undang-undang baharu, menteri yang berkenaan akan mengemukakan rang undang-undang untuk bacaan kali pertama. Dalam bacaan kedua, rang undang-undang ini akan dibahaskan dan diteliti secara terperinci. Hanya pada bacaan ketiga sesuatu rang undang-undang akan diluluskan. Proses yang sama dilakukan di Dewan Rakyat tetapi bacaan kali pertama tidak diperlukan. Sebaliknya akan terus dibaca untuk kali kedua. Setelah rang undang-undang ini diluluskan oleh Dewan Negara, ia akan dikemukakan kepada YDPA untuk diperkenankan. Keputusan Parlimen yang tidak dipersetujui secara sebulat suara hendaklah diambil dengan suara terbanyak ahli yang hadir dan mengundi. ‘Kuorum’ yang ditetapkan bagi Dewan Rakyat ialah 26 manakala bagi Dewan Negara pula ialah 10 (Mohamed Suffian 1988).

Sistem demokrasi ini juga membenarkan pembentukan parti-parti politik yang bergerak mengikut perlembagaan. Parti yang menang majoriti membentuk Kerajaan sementara yang lainnya menjadi parti

pembangkang. Bermula dengan Parti Perikatan, idea gabungan parti-parti politik telah dikembangkan menjadi Barisan Nasional (BN) dengan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sebagai komponen utamanya. Parti-parti komponen BN yang lain seperti Malaysian Chinese Association (MCA), Malaysian Indian Congress (MIC), Gerakan dan sebagainya telah membentuk Kerajaan untuk satu tempoh yang panjang sehingga 2018. Manakala parti-parti yang kalah dalam pilihan raya menjadi parti-parti pembangkang di Parlimen seperti Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Selepas kekalahan Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum ke-14, parti-parti komponennya pula menjadi parti pembangkang dalam Dewan Rakyat sementara parti-parti pembangkang sebelum ini telah bergabung membentuk pakatan Kerajaan Malaysia Baharu dengan nama Kerajaan Pakatan Harapan (PH). Pakatan Harapan terdiri daripada Parti Pribumi Bersatu (BERSATU), Parti Keadilan Rakyat (PKR), DAP dan Parti Amanah Negara (AMANAH). Turut menyokong pakatan ini tetapi tidak menjadi gabungan rasmi ialah Parti Warisan Sabah (WARISAN).

## **Badan Eksekutif**

Sementara itu, badan pemerintah atau eksekutif bertanggungjawab menjalankan kuasa-kuasa eksekutif menurut Perlembagaan dan undang undang yang ada. Malaysia tidak mengamalkan sistem Republik seperti di Indonesia, atau negara-negara lain yang baru merdeka. Ia mengekalkan sistem beraja yang diubahsuai mengikut perkembangan masa, iaitu dalam bentuk sistem Raja Berperlembagaan. Ini juga antara saranan Suruhanjaya Reid yang bertanggungjawab menyusun draf Perlembagaan Persekutuan menjelang Kemerdekaan. YDPA dipilih lima tahun sekali oleh Majlis Raja-raja. YDPA juga bertindak sebagai Ketua Negara dan lambang perpaduan serta kedaulatan negara. Selain menjadi ketua agama Islam dan adat-istiadat Melayu, YDPA juga diberi peruntukan khas oleh Perlembagaan untuk memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun kuasa sebenarnya terletak di tangan kabinet yang diketuai oleh seorang PM. Ini bermakna, secara teorinya elit politik tradisional yang terdiri daripada raja dan pembesar-pembesarnya telah dilucutkan kuasa politik mereka sehingga menjadi lambang kuasa sahaja. Mereka ini bukan sahaja telah digantikan dengan jemaah menteri yang menguruskan pentadbiran di

peringkat persekutuan dan negeri, bahkan tidak dibenarkan sama sekali campur tangan dalam urusan politik negara.

Mengikut Perkara 43 YDPA hendaklah melantik sebuah jemaah menteri bagi menasihatkannya dalam menjalankan tugas-tugas rasminya. Jemaah Menteri ini diketuai oleh seorang PM iaitu seorang ahli Dewan Rakyat yang pada pendapat Baginda akan mendapat kepercayaan besar ahli-ahli Dewan tersebut. Atas nasihat PM inilah YDPA melantik Menteri-menteri lain dari mana-mana majlis Parlimen. Beberapa Kementerian dan Jabatan, serta Badan-badan Berkanun ditubuhkan bagi menjalankan urusan pentadbiran dan pelaksanaan program pembangunan negara. Di peringkat negeri pula, kuasa eksekutif seumpamanya terletak pada Raja atau Yang di-Pertua Negeri mengikut Perlembagaan Negeri masing-masing. Konsep Jemaah Menteri di peringkat Persekutuan telah diamalkan di negeri-negeri dengan Menteri Besar mengetuai beberapa orang ahli yang lain dalam Exco Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab kepada Dewan Undangan Negeri (Mohamed Suffian 1988).<sup>6</sup>

## Badan Kehakiman

Badan kehakiman yang bebas telah dibentuk bagi memastikan rakyat terhindar daripada kezaliman dan kekejaman pihak pemerintah. Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 121(1) telah memberi kuasa kehakiman kepada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah-Mahkamah Rendah. Perincian bidang kuasa dibuat dalam undang-undang Persekutuan mengenai mahkamah untuk membicara dan menjatuhkan hukuman berkenaan kes-kes di bawah undang undang biasa, kes-kes yang berkenaan dengan rayuan pilihan raya dan kes-kes penghinaan terhadap mahkamah.

Hanya Mahkamah Persekutuan sahaja yang mempunyai bidang kuasa untuk membatalkan mana-mana undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau Badan Perundangan Negeri, mempertikaikan soal-soal yang bersangkutan dengan Kerajaan pusat dan Kerajaan negeri, memutuskan rayuan-rayuan dari Mahkamah Rayuan, memutuskan sesuatu soal yang timbul tentang penguatkuasaan mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan memberi nasihat kepada YDPA mengenai kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Pelantikan Ketua Hakim Negara, Hakim-Hakim Besar dan Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi

<sup>6</sup> Lihat Perlembagaan Malaysia. 2016.

adalah dibuat oleh YDPA atas nasihat PM selepas berunding dengan Majlis Raja-raja. Badan kehakiman semestinya menjadi satu badan yang bebas dan tidak terpengaruh dengan mana-mana fahaman politik dalam menjalankan fungsi kehakiman dengan seadil-adilnya. Perkara 125 hingga Perkara 127 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan perlindungan bagi seseorang hakim dalam menjalankan tugasnya (Mohamed Suffian 1988).<sup>7</sup>

## Kuasa YDPA Melantik PM Interim

Persoalan besar apabila YDPA melantik Mahathir sebagai PM Interim ialah apakah asas perundangan kepada pelantikan tersebut? Berdasarkan laporan peristiwa-peristiwa sepanjang krisis berlaku, ketika Mahathir meletakkan jawatan dan membubarkan Kabinet, Parlimen masih lagi berfungsi. Oleh itu, Parlimen sebagai organ penting Kerajaan masih wujud. Mahathir tidak menasihatkan YDPA untuk membubarkan Parlimen. Oleh itu, asas untuk membentuk badan eksekutif yang terdiri daripada PM dan Jemaah Menteri telah tersedia dan YDPA boleh melantik Jemaah Menteri untuk menasihatinya dalam penjalanan fungsinya. Namun sebelum melantik Jemaah Menteri, YDPA perlu melantik PM terlebih dahulu.

Dalam hal ini kenapakah YDPA melantik semula Mahathir sebagai PM Interim? Amalannya, jika tiada pergolakan dalam parti memerintah, apabila peletakan jawatan berlaku, PM keluar (*outgoing Prime Minister*) akan menamakan penggantinya. Namun, dalam krisis tujuh hari ini, Mahathir tidak menamakan sesiapa sebagai penggantinya. Ketidakaamanan pengganti ini berkait rapat dengan pergolakan dalam PH, iaitu gabungan parti politik yang memerintah ketika itu. Ketidakstabilan yang sedang berlaku menghalang penamaan pengganti yang boleh dipersetujui oleh parti-parti gabungan tersebut yang terdiri daripada BERSATU, PKR, AMANAH dan DAP. Peletakan jawatan Mahathir sebagai PM juga didakwa didorong oleh desakan-desakan dalam PH supaya beliau menyegerakan peralihan kuasa PM kepada Anwar Ibrahim, Presiden PKR, seperti yang dijanjikan dan dipersetujui oleh parti gabungan PH. Dalam masa yang sama juga parti gabungan PH, walaupun sedang bergolak, dan parti pembangkang yang terdiri daripada BN dan PAS secara jelas menunjukkan kepercayaan masing-

<sup>7</sup> Lihat Perlembagaan Malaysia. 2016.

masing kepada kepimpinan Mahathir. PAS sendiri secara terbuka berhasrat untuk mengusulkan undi percaya kepada Mahathir jika keadaan memerlukan.

Oleh itu, jelas sekali walaupun telah meletakkan jawatan, Mahathir masih lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat. Berteraskan sokongan yang ditunjukkan oleh ahli-ahli Dewan Rakyat (ADR) kepada Mahathir, YDPA melantik beliau sebagai PM. Ini disebabkan negara tidak boleh berfungsi tanpa Ketua Kerajaan, kerana berdasarkan sistem Raja Berperlembagaan yang diamalkan di negara ini, YDPA sebagai ketua negara tidak boleh menjalankan pentadbiran negara atas budi bicaranya sendiri. Pentadbiran negara menurut Perkara 43(1) adalah diurus berdasarkan nasihat daripada Jemaah Menteri yang dilantik oleh Baginda atas nasihat PM. Ini bermaksud, Baginda perlu terlebih dahulu melantik seorang PM dalam kalangan ahli Dewan Rakyat yang lepas yang pada pandangan Baginda mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat. Oleh sebab suasana semasa itu menggambarkan bahawa Mahathir masih lagi mendapat majoriti undi percaya dari Dewan Rakyat, berdasarkan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan, Mahathir boleh dilantik sebagai PM semula. Dalam hal ini pelantikan yang telah dibuat adalah sebagai PM Interim dan sah di sisi undang-undang. Manakala terma PM Interim adalah istilah yang digunakan untuk merujuk kepada tempoh pemegangan jawatan iaitu secara sementara.

Berdasarkan laporan peristiwa-peristiwa di media massa elektronik dan bercetak, adalah jelas sepanjang krisis tujuh hari tersebut, ketika Mahathir meletakkan jawatan dan membubarkan Kabinet, Parlimen masih lagi berfungsi. Mahathir tidak menasihatkan YDPA untuk membubarkan Parlimen. Mahathir juga tidak menamakan pengganti beliau kepada YDPA. Apakah asas kepada pelantikan PM interim? Menurut Shamrahayu:

Semasa Mahathir meletakkan jawatan, Parlimen telah sedia ada, tetapi Parlimen tidak bersidang. Mahathir pula tidak meminta Yang di-Pertuan Agong untuk membubarkan Parlimen (istilah menasihat adalah tidak tepat kerana Perkara 40(2)(b) menggunakan istilah “request” yang diterjemahkan sebagai “permintaan” bukan “advise”, atau nasihat)... Asas kepada pelantikan Perdana Menteri interim pada masa itu ialah ketiadaan Perdana Menteri kerana Perdana Menteri telah meletakkan jawatan dan peletakan

jawatan tersebut telah diterima oleh Yang di-Pertuan Agong. Maka negara tidak mempunyai ketua negara. Oleh itu, pada pandangan Yang di-Pertuan Agong, negara memerlukan Perdana Menteri untuk meneruskan pentadbiran negara yang berkesan. (Shamrahy A.Aziz 2020: temu bual e-mel)

Cuma persoalan timbul setelah pelantikan PM Interim dibuat: Adakah di sepanjang pentadbiran PM Interim ini Malaysia mempunyai Kerajaan? Menurut seorang Peguam Jahaberdeen Yunooos, ketika PM Interim berfungsi negara ini mempunyai Kerajaan. Ini adalah kerana, Kerajaan itu boleh difahami dalam dua bentuk, pertama, Kerajaan administratif, dan kedua Kerajaan politik. Kerajaan administratif adalah jentera pentadbiran negara yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara dan anggota perkhidmatan-perkhidmatan awam. Kerajaan administratif ini kekal berfungsi dalam apa keadaan sekalipun. Kedua, Kerajaan politik. Ini merupakan Kerajaan yang terjejas ketika konflik tujuh hari berlaku. Ketiadaan Kerajaan politik ini tidak sewajarnya menjelaskan pentadbiran negara kerana penjawat awam akan melaksanakan tugas seperti sediakala. Pelantikan PM Interim, walau bagaimanapun, boleh dianggap memulakan penubuhan Kerajaan politik, walaupun tanpa Jemaah Menteri penuh (Jahaberdeen M Yunooos 2020: temu bual WhatsApp).

## Fungsi dan Kuasa Perdana Menteri Interim

Umumnya, apabila seseorang dilantik sebagai PM Interim, beliau boleh dianggap mempunyai kuasa yang sama seperti seorang PM. Apakah asas perundangan kepada tanggapan tersebut kerana ini tidak dinyatakan oleh Perlembagaan secara jelas. Perlembagaan tidak menyebut mengenai kuasa PM, Perkara 43(2)(a) hanya menyebut tugas PM ialah untuk mempengerusikan Jemaah Menteri. Jika kuasa PM tidak dinyatakan sudah pasti kuasa PM Interim juga tidak tertulis dalam Perlembagaan. Dari sudut konvensyen, PM dikatakan sebagai *primus inter pares (first among equal)*. Walaupun kedudukannya adalah setara dengan anggota Jemaah Menteri yang lain, namun oleh sebab beliau adalah mengetuai Jemaah Menteri, PM mempunyai tanggungjawab yang lebih besar terutamanya untuk memastikan pembentukan dan pelaksanaan polisi, menyelaras kertas dan keputusan kabinet serta menjadi penimbang tara

antara agensi-agensi Kerajaan. Untuk menjalankan tugas ini dengan baik sudah pasti PM hendaklah merupakan seorang yang mendapat kepercayaan seluruh ahli Jemaah Menteri dan majoriti Dewan Rakyat. Oleh itu PM adalah orang yang utama dalam kalangan ahli-ahli yang setara. Keutamaan kedudukan PM juga adalah kerana beliau akan menentukan siapa yang akan menganggotai Jemaah Kabinet, oleh itu semestinya pengaruh PM adalah besar.

Kuasa Menteri-menteri Persekutuan pula bergantung kepada penetapan yang akan dibuat oleh Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 melalui perintah yang akan dikeluarkan oleh Seksyen 2 Akta tersebut. Berdasarkan Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan 2020 (P.U (A) 77/2020) PM [Interim] yang dilantik “dipertanggungkan dengan tanggungjawab mengenai semua jabatan Kerajaan Persekutuan dan perkara yang baginya jabatan itu bertanggungjawab sehingga pelantikan menteri lain dalam Jemaah Menteri”. Perintah ini telah menjelaskan spekulasi mengenai fungsi dan kuasa PM Interim. Pemakluman oleh warta ini selari dengan pandangan Peguam Negara pada ketika itu, Tommy Thomas yang menyatakan PM Interim memiliki semua kuasa yang diletakkan di bawah Pejabat PM, termasuklah untuk melantik atau tidak melantik anggota Kabinet (*Malaysiakini* 2020). Oleh itu PM Interim, Mahathir masih boleh menjalankan tugasnya sebagai Perdana Menteri mengikut lunas Perlumbagaan Persekutuan dan tiada mempunyai sebarang sekatan walaupun lantikan itu bersifat interim. Ini juga dipersetujui oleh Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood, yang berpandangan bahawa Mahathir boleh terus menjalankan tugas sama sebagai Perdana Menteri walaupun pelantikan bersifat interim seperti diperkenankan YDPA. Pandangan ini juga dikongsi oleh Penasihat Undang-undang Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Wan Ahmad Fauzi (*Berita Harian Online* 2020b).

Berdasarkan pandangan ini, ternyata penggunaan terma ‘PM Interim’ tidak memberi sebarang perbezaan dari sudut kuasa yang dijalankan. Ia hanyalah bertujuan untuk menunjukkan bahawa jawatan tersebut hanyalah dipegang sementara. Jika PM Interim ini sementara sifatnya, adakah kedudukannya sama seperti PM Keluar (*outgoing Prime Minister*)? Walaupun Wan Ahmad Fauzi menyatakan PM Interim adalah sama seperti PM Kerajaan sementara, namun perbincangan sebelum ini menunjukkan terdapat perbezaan antara kedua jawatan tersebut. Ini disebabkan PM Kerajaan sementara tidak melalui proses

mengangkat sumpah jawatan seperti yang berlaku dalam pelantikan PM Interim. PM Kerajaan sementara juga tidak meletakkan jawatan apabila Parlimen dibubar tetapi berfungsi berdasarkan sumpah jawatan sebelum pembubaran Parlimen. Persamaannya pula ialah PM Interim dan Kerajaan sementara berfungsi secara sementara, iaitu sehingga PM penuh dilantik. Istilah PM Interim diguna pakai dalam pelantikan Mahathir kerana pelantikan dibuat jelas untuk sementara waktu sehingga pelantikan PM baru dibuat. Ini berkemungkinan untuk mengelakkan dari berlaku kekeliruan mengenai ketiadaan pelantikan Jemaah Menteri pada tempoh jawatan tersebut dipegang. Shamrahyu walau bagaimanapun berpandangan bahawa PM Interim boleh dari sudut undang-undang membuat polisi baharu, termasuk ikatan kontrak atau keputusan penting, namun dari sudut moralnya tidak sesuai, kerana beliau adalah ‘keseorangan’ tanpa Jemaah Menteri dan tiada persidangan Parlimen berlangsung yang membolehkan beliau dipertanggungjawabkan di bawah prinsip tanggungjawab menteri (*Ministerial Responsibility*) (2020: temu bual e-mel). Pandangan ini, walau bagaimanapun, agak berbahaya kerana terma ‘sementara’ membayangkan kuasa PM itu adalah tidak sama seperti PM dalam keadaan biasa. Tanggungjawab mengenai jabatan Kerajaan tersebut adalah terhad untuk memastikan jabatan Kerajaan menjalankan keputusan-keputusan yang telah sedia dibuat, tetapi tidak membuat keputusan penting baharu.

Oleh sebab kuasa yang dimiliki oleh PM Interim adalah amat luas dalam menguruskan pentadbiran negara, ini memerlukan kepada mekanisme kawalan. Dalam tempoh tujuh hari tersebut, PM Interim tidak menunjukkan sikap bahawa beliau akan mengurus negara secara autokratik. Namun tidak dapat dijangka apakah yang akan berlaku jika krisis ini melangkaui tempoh seminggu. Dalam keadaan ini adalah sesuai jika Konvensyen Kerajaan Sementara diguna pakai semasa tempoh pelantikan sebagai PM Interim yang akan bertindak sebagai kekangan kepada kuasa terpusat di tangan PM Interim pada ketika itu.<sup>8</sup>

Terdapat pandangan sarjana yang menyatakan bahawa PM Interim akan membantu bagi melancarkan pelantikan PM yang baharu. Pandangan ini boleh diperbahaskan, kerana jika parti pimpinan PM sedang mengalami pergolakan, apakah pandangan yang boleh dikemukakan untuk membantu YDPA membuat penentuan siapakah yang mempunyai undi majoriti dalam Dewan Rakyat. Ketidakjelasan peranan tersebut

<sup>8</sup> Lihat Perlembagaan Malaysia. 2016.

juga digambarkan apabila PM Interim menunjukkan ketidaktentuan pendirian politiknya dalam menerajui parti politik pimpinannya. Ini adalah kerana Mahathir pada tarikh yang sama dengan peletakan jawatannya sebagai PM juga telah meletakkan jawatan sebagai Pengerusi BERSATU (*Berita Harian Online* 2020a). Beliau walau bagaimanapun, pada 27 Mac menerima semula jawatan tersebut (*Astro Awani* 2020). Oleh itu, peranan beliau dalam membentuk Kerajaan gabungan baru adalah diragui. Ini kerana, walaupun beliau telah menerima semula jawatan Pengerusi BERSATU, beliau tidak dapat menamakan pengganti untuk dicadangkan kepada YDPA, akibat terdapat perpecahan dalam mengenai kepimpinan BERSATU. Hal ini menyebabkan YDPA perlu menggunakan kuasa baki yang ada pada beliau untuk menentukan pihak yang mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat untuk dilantik sebagai PM. Jelasnya, peranan yang dimainkan oleh Mahathir sebagai PM Interim hanyalah untuk memastikan pentadbiran Kerajaan berlangsung. YDPA juga adalah betul dalam menggunakan kuasa budi bicara Baginda dalam melantik PM baru.

Apakah unsur kawalan yang ada kepada kuasa PM Interim? Menurut Shamrahyau:

Dalam menentukan kuasa Mahathir sebagai Perdana Menteri interim, adalah perlu untuk kita perhatikan punca kuasa lantikannya. Bagi menentukan punca kuasa yang dimaksudkan, saya merujuk kepada P.U.(A) 77, iaitu Warta Kerajaan berkaitan Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2020 yang diterbitkan pada tarikh 28 Februari. P.U.(A) 77 ini pada *preamble* atau permulaannya menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong telah melantik Mahathir sebagai Perdana Menteri di bawah Perkara 43. Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan ini memberikan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melantik Perdana Menteri yang memenuhi syarat di bawah Perkara 43(2) secara spesifik, iaitu seorang Ahli Dewan Rakyat dan pada hemat Baginda, seseorang Ahli Dewan ini mungkin mendapat kepercayaan majoriti Ahli Dewan Rakyat. Pada Seksyen 2 P.U.(A) 77, adalah jelas bahawa kuasa Perdana Menteri yang dilantik itu adalah luas, merangkum semua jabatan di Jabatan Kerajaan. Bahkan, beliau juga boleh melantik Jemaah Menteri yang lain. Selain itu, Warta P.U.(A) 77 juga tidak menyebut tentang jangka masa atau tempoh lantikan Mahathir sebagai Perdana Menteri seperti yang dilaporkan kepada khalayak (2020: temu bual e-mel).

Berdasarkan pemerhatian yang didapati, PM Interim tidak membantu dalam menasihatkan YDPA mengenai pelantikan PM baharu malahan beliau kelihatan disibukkan dengan memperbetulkan urusan dalaman Parti BERSATU dan parti-parti gabungan PH. Dari sudut politik, tindakan ini adalah mustahak kerana kestabilan PH akan menentukan sama ada Mahathir akan kekal sebagai PM dan Kerajaan baharu dapat dibentuk. Beliau juga membayangkan mengenai Kerajaan baru yang bakal dibentuk, namun penerimaan dari parti-parti politik di negara ini adalah berbelah bahagi. Oleh itu tiada penyelesaian yang konkret dapat ditawarkan oleh Mahathir kepada YDPA mengenai pelantikan PM yang baharu (Shamrahyu A.Aziz 2020: temu bual e-mel).

Lanjutan daripada perbincangan di atas, susulan soalan yang boleh ditimbulkan ialah, Adakah PM Interim boleh melantik Jemaah Kabinet? Berdasarkan pandangan Jahaberdeen M. Yunoss, PM Interim boleh membuat pelantikan Jemaah Kabinet. Mahathir, walau bagaimanapun, menurut beliau lagi, memilih untuk tidak melantik Jemaah Kabinet dalam tempoh beliau menjadi PM interim, kemungkinan disebabkan dijangka Dewan Rakyat akan bersidang pada 9 Mac, dan pada ketika itu penentuan akan dibuat terhadap kedudukan Mahathir sebagai PM. Setelah undian percaya dibuat dan kedudukan Mahathir muktamad sebagai PM maka baharulah pelantikan Jemaah Menteri akan dibuat oleh Mahathir (2020: temu bual whatsapp). Pandangan ini boleh diperbahaskan, kerana jika konvensyen Kerajaan sementara diguna pakai, PM Kerajaan sementara tidak boleh membuat sebarang pelantikan penting. Pelantikan anggota Jemaah Menteri adalah pelantikan penting oleh itu sewajarnya tidak berlaku. Adalah munasabah pelantikan akan hanya dibuat setelah pelantikan PM baharu dibuat (*The Star Online* 2020b).

## **Tempoh Masa Memegang Jawatan**

Pandangan Peguam Negara pada ketika itu, Tommy Thomas ialah, tiada had tempoh untuk seorang PM interim menjalankan tugasnya (*Malaysiakini* 2020) Ini juga dipersetujui oleh Shad Saleem Faruqi, yang menyebutkan PM Interim tidak boleh memegang jawatan sehingga pilihan raya akan datang. Tempoh pelantikannya ialah sehingga YDPA dapat menentukan keadaan sokongan siapa yang mempunyai majoriti kepercayaan dalam Dewan Rakyat (*The Star Online* 2020). Ini juga selari dengan pandangan Ketua Setiausaha Negara, Mohd Zuki Ali, yang menyatakan pelantikan PM Interim itu sementara menunggu seorang

PM yang baharu dilantik untuk mengangkat sumpah jawatan (*Berita Harian Online* 2020c). Berdasarkan kedua-dua pandangan ini, boleh disimpulkan bahawa apabila PM telah dilantik, PM Interim akan secara automatik ditamatkan jawatan. Namun apakah tempoh masanya?

Tempoh sementara tersebut tidak ditetapkan, walau bagaimanapun, ia hendaklah munasabah, supaya pentadbiran negara tidak terjejas, rakyat tidak berasa gusar dengan keadaan tidak menentu pemerintahan negara dan merencatkan perkembangan ekonomi negara. Sepanjang tempoh menunggu pelantikan PM baharu, negara sedang berhadapan dengan masalah perkembangan ekonomi yang lembab dan penularan wabak COVID-19 mula dirasai di negara ini. Suasana ini memerlukan pelantikan ketua Kerajaan disegerakan supaya usaha-usaha pemulihan ekonomi dan langkah-langkah menangani COVID-19 boleh dijalankan dengan efektif. Ketika ini dapat dilihat ‘Kerajaan pentadbiran’ berperanan, apabila Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia melaksanakan pemantauan terhadap COVID-19 menurut ketetapan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Berdasarkan tempoh yang diambil iaitu selama tujuh hari untuk melantik PM baharu, jangka masa ini adalah munasabah walaupun pada ketika itu dijangka kemungkinan masa yang lebih lama diperlukan memandangkan pergolakan politik yang berlaku ketika itu. Oleh itu, tempoh pelantikan tidak perlu ditetapkan malahan bergantung kepada suasana, dalam masa yang sama perlu dipastikan keadaan tidak disalah guna. Jika rujukan kepada negara luar perlu dibuat, United Kingdom melalui *Fixed-term Parliament Act 2011* seksyen 2(3)(b) menetapkan tempoh 14 hari untuk pembentukan Kerajaan baharu jika PM Kerajaan memerintah kehilangan undi percaya. Ini boleh dijadikan sebagai rujukan untuk menentukan tempoh munasabah.

## **Bagaimana YDPA Membuat Pilihan Pelantikan PM Baharu?**

Oleh sebab terdapat kelompongan pengganti Mahathir sebagai PM, Shad Faruqi berpandangan bahawa YDPA akan melaksanakan tugas yang sukar dan penting menurut Perkara 43(2)(a) untuk mencari calon yang mempunyai kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat. Jika terdapat calon yang secara jelas mendapat majoriti 112 atau lebih YDPA tiada pilihan melainkan melantik orang berkenaan sebagai PM (*The Star Online* 2020). Namun, krisis tujuh hari ini menyerahkan ketidaktentuan. Oleh

itu, Baginda boleh menentukan cara bagaimana kepercayaan majoriti ditunjukkan. Baginda telah memilih penentuan kepercayaan majoriti dibuat melalui gabungan pelbagai cara, iaitu, memanggil menghadap kesemua ahli Dewan Rakyat secara bergiliran mengikut parti politik untuk pertemuan (The Star Online 2020c), ketua parti menghantar senarai nama pihak-pihak yang menyokongnya (mStar Online 2020a), ahli Dewan Rakyat membuat akuan berkanun (New Straits Times Online 2020) dan menemu bual ahli Dewan Rakyat dengan saksi untuk membuat kenyataan sokongan terhadap calon (mStar Online 2020b). Dengan kata lain, tiada satu cara yang muktamad. YDPA mempertimbang kesemua kaedah tersebut sebelum ketetapan dibuat. Setelah ketetapan dibuat, maka berakhirlah tugas PM Interim dan PM baharu dilantik. Walaupun pendekatan ini tidak pernah berlaku, tiada pelanggaran kepada Perlembagaan sekiranya tiada unsur-unsur tekanan, penipuan atau jenayah ketika proses tersebut berlaku. Baginda YDPA diakui telah mengambil usaha yang wajar, sesuai dan bijaksana dalam mencari penyelesaian kepada krisis tersebut.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, pelantikan PM Interim tidak bercanggah dengan Perlembagaan. Pelantikan PM Interim ini mempunyai asas perundangan iaitu Per 43(2)(a) Perlembagaan dan undang-undang lain seperti Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 dan konvensyen Perlembagaan. Oleh sebab PM Interim adalah sementara sifatnya, prinsip perjalanan tugas Kerajaan *caretaker* boleh dijadikan rujukan, sementara antara peraturan pentingnya ialah seorang PM Interim perlu mengelakkan dari membuat polisi baharu, memasukiikatan kontrak baharu atau membuat pelantikan penting. Perlu juga difahami bahawa kekeliruan telah timbul kerana tiada undang-undang atau konvensyen bertulis mengenai jawatan tersebut. Penjelasan mengenai jawatan tersebut tidak memerlukan pindaan kepada Perlembagaan kerana Perlembagaan dari sudut pendraflan tidak seharusnya terlalu bersifat terperinci. Bagi kejelasan pelantikan seumpama ini kepada awam pada masa akan datang, perlu diusahakan pendokumentasian amalan dan konvensyen pemerintahan dan pentadbiran yang menyokong Perlembagaan. Dokumen ini boleh membantu semua pihak untuk memahami perjalanan sistem Kerajaan dan bagaimana penyelarasannya dibuat dengan peruntukan Perlembagaan.

Ini adalah mustahak kerana pemerintahan negara pada masa akan datang adalah semakin mencabar.

## Rujukan

- Astro Awani.* 2020. Dr Mahathir terima semula jawatan Pengerusi BERSATU – Marzuki. 29 Mac. Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-politik/dr-mahathir-terima-semula-jawatan-pengerusi-bersatu-marzuki-231896>
- Berita Harian Online.* 2020a. Dr Mahathir lepas jawatan Pengerusi BERSATU. 29 Mac. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/658698/dr-mahathir-lepas-jawatan-pengerusi-bersatu>
- Berita Harian Online.* 2020b. PM boleh teruskan tugas sebagai PM tanpa sekatan. 29 Mac. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/658825/tun-m-boleh-teruskan-tugas-sebagai-perdana-menteri-tanpa-sekatan>
- Berita Harian Online.* 2020c. Tiadahad tempoh jawatan PMinterim. 28 Mac. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/658840/tiada-had-tempoh-jawatan-pm-interim-peguam-negara>
- Jahaberdeen M Yunos. 2020: Datuk Seri Jahaberdeen Mohamed Yunos adalah Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya, mengendalikan firma guaman Tetuan Jaharbedeen & Co. Beliau juga adalah penganalisis politik. Temu bual WhatsApps, 22 April.
- Malaysia. 2016. *Perlembagaan Persekutuan.* Percetakan Nasional.
- Malaysiakini.* 2020. No time limit for interim PM, can appoint cabinet members. 29 Mac. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/512090>
- Malaysian Department of Information. 1963. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj: Prime Minister, Federation of Malaya on the occasion of his 60th birthday. 29 Mac. Diakses di <https://www.worldcat.org/title/tunku-abdul-rahman-putra-al-haj-prime-minister-federation-of-malaya-on-the-occasion-of-his-60th-birthday/oclc/68786473>
- Mohamed Suffian Mohamed Hashim. 1988. *An Introduction to the legal system in Malaysia.* Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Muhammad Fathi Yusof. Kuasa Perdana Menteri Interim ditentukan Agong. *Berita Harian Online,* 28 Mac. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/658924/kuasa-perdana-menteri-interim-ditentukan-agong>
- Muhammad Fathi Yusof. 2014. Konsep Caretaker Government: Di mana Peranan SPR? Kertas Persidangan. Seminar Kebangsaan Pengendalian Pilihan Raya Malaysia. 29 Mac. 1-10. Diakses di DOI: 10.13140/2.1.3008.2563

- mStar Online.* 2020a. PH kemuka senarai 114 MP bukti sokong Mahathir calon PM. 4 April. Diakses di <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/02/29/tun-m-114-sd>
- mStar Online.* 2020b. Sejarah tercipta! Agong ‘interview personally’ 221 MP dalam masa 2 hari sebelum putuskan PM ke-8. 4 April. Diakses di <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/02/25/222-ahli-parlimen-menghadap-agong>
- New Straits Times Online.* 2020. New SDs made after Agong’s decree do not hold water. 4 April. Diakses di <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/02/570443/new-sds-made-after-agongs-decree-do-not-hold-water>
- Parlimen Malaysia. 29 Mac. Diakses di <http://www.parlimen.gov.my/>
- Shad Saleem Faruqi. 2020. Profesor Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi adalah Penyandang Kursi Tunku Abdul Rahman dalam bidang Undang-undang Perlembagaan di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya. Temu bual, 3 Mac.
- Shamrahayu A.Aziz. 2020. Prof. Madya Dr. Shamrahayu Ab Aziz adalah pakar dalam bidang Undang-undang Perlembagaan di Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Temu bual e-mel, 19 April.
- The Star Online.* 2020. An overturning of popular will. 27 Februari.. Diakses di <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/reflecting-on-the-law/2020/02/27/an-overturning-of-popular-will>
- The Star Online.* 2020b. GE13: A caretaker govt – what can it do?. 28 Mac. Diakses di <https://www.thestar.com.my/news/nation/2013/03/28/ge13-a-caretaker-govt-what-can-it-do/>
- The Star Online.* 2020c. King to conduct one-to-one interviews with MPs over two days. 4 April. Diakses di <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/02/25/king-to-conduct-one-to-one-interviews-with-mps-over-two-days>



# 07

## BAGAIMANA DAP MEMBUKA JALAN KEPADA LANGKAH SHERATON?

MUHAMAD TAKIYUDDIN ISMAIL<sup>1</sup>

### Pengenalan

Padat 2018, penulis bersama-sama dua lagi rakan iaitu Muhd Irham dan Aizul Fahmi menerbitkan sebuah buku bertajuk *Projek Pascaetnik: Melayu dalam DAP*. Buku yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia itu ditulis di tengah-tengah kehangatan penyertaan golongan Melayu muda dalam parti yang kental dengan imej ke-Cinaan, Parti Tindakan Demokratik (DAP) atau apa yang ditanggapi penulis sebagai generasi pascaetnik. Kami mengemukakan hujah yang walaupun penyertaan golongan Melayu khususnya golongan muda ke dalam DAP merupakan fenomena yang sihat dan tidak harus dijadikan polemik, ia direncatkan oleh kelompok perdana atau golongan ultrakonservatif dalam DAP yang enggan mencairkan sentimen primordial mereka. Sikap segelintir pemimpin DAP yang terlalu vokal mengenai isu-isu yang melibatkan orang Melayu-Islam dan persaingan bagi memperoleh keyakinan ahli parti untuk berada di barisan utama kepimpinan menyebabkan parti tersebut terus dilihat sebagai parti yang

<sup>1</sup> Muhamad Takiyuddin Ismail (PhD) merupakan Profesor Madya di Program Sains Politik, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau boleh dihubungi di taki@ukm.edu.my

pernah disebut oleh bekas Naib Presidennya, Tunku Aziz sebagai “*a bunch of street fighters, very rough, very crude*”. Ini termasuklah kegagalan untuk banyak bertolak ansur atau berdiam diri dalam hal-hal berkaitan Melayu-Islam dan sering terjebak dengan pendekatan permusuhan. Walaupun kepimpinan DAP sering kali menegaskan bahawa mereka dijadikan “hantu” dalam menakut-nakutkan orang Melayu dan menjadi mangsa dalam persekitaran politik Malaysia yang terpolarisasi, kami menghujahkan pada akhirnya yang ia adalah DAP sendiri yang sering melorongkan jalan atau memberi “bola tanggung” bagi pengembangan tanggapan seperti ini (Muhd Irham, Muhamad Takiyuddin, Aizul Fahmi 2018).

Hipotesis kami seakan-akan tercabar apabila Pakatan Harapan (PH) memenangi PRU-14. Keputusan tersebut seolah-olah menyarankan yang DAP kini semakin diterima oleh segenap lapisan kaum. Antara sepuluh calon Melayu yang diketengahkan (jumlah paling tinggi sejak penubuhannya pada 1966), sembilan daripadanya berjaya menang iaitu satu di kerusi Parlimen (Tengku Zulpuri Shah) dan selebihnya di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) seperti Zairil Khir Johari, Young Syefura Othman, Sheikh Omar Ali, Edry Faizal, Syerleena Rashid, Aziz Bari, Norhizam Hassan Baktee dan Jamaliah Jamaluddin. Mengulas kemenangan ini, seorang pemerhati menyifatkan “*I see this as a good trend, the deracialisation of parties in Malaysia such that we can truly be integrated as a nation with respect to each other's culture*” (dipetik daripada Today Online 24 Mei 2018). Barangkali pandangan ini boleh dianggap pramatang dengan melihat perkembangan yang berlaku dua puluh bulan kemudiannya.

Artikel ini menghujahkan bahawa kejatuhan kerajaan PH telah pun dimulakan sama ada secara sedar atau tidak oleh DAP dua puluh bulan sebelum Langkah Sheraton diaktifkan pada 23 Februari 2020. Dengan kata lain, Langkah Sheraton merupakan kesan kumulatif dari “keangkuhan kuasa” yang dipaparkan DAP dan merupakan antara penyumbang penting dalam kemerosotan legitimasi kerajaan PH. Situasi ini kemudiannya merangsang kuat gerakan untuk menjatuhkan kerajaan PH oleh kerajaan penyandang ketika ini, Perikatan Nasional (PN). Langkah Sheraton dengan itu sebahagiannya haruslah dilihat dalam konteks iaitu usaha bagi membendung apa yang dilihat PN sebagai pemerluasan pengaruh dan keangkuhan DAP di peringkat persekutuan.

## DAP dan Sindrom Pukalisme

Antara komen yang kerap dilontarkan di media sebelum dan selepas berlangsungnya Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) pada 2018 ialah “semua salah DAP”. Komen ini merupakan satu reaksi sinikal terhadap trend menyalahkan DAP terhadap segala kebejatan yang berlaku dalam politik Malaysia khususnya oleh parti Melayu-Islam seperti United Malays National Organisation (UMNO), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), pertubuhan bukan kerajaan Islamis seperti Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), akhbar seperti *Utusan Malaysia* dan tidak terkecuali beberapa ahli akademik universiti awam. Bagi mereka yang menggunakan komen “semua salah DAP” ini, mereka melihat bahawa DAP telah berlebih-lebih dijadikan kambing hitam. Justeru, apabila wujudnya sesuatu isu atau polemik yang tidak berpunca secara langsung dari tindakan atau kenyataan yang dibuat oleh DAP, kiasan “semua salah DAP” dijadikan templat bagi menyindir tindakan sesetengah pihak yang kerap menjadikan DAP sebagai sasaran kecaman utama tanpa melihat kesalahan yang dilakukan oleh mereka sendiri. Bagi penyokong atau pensimpati DAP, parti tersebut menjadi mangsa sindrom pukalisme oleh mereka yang mahukan agar politik Malaysia terus dilandasi dengan sentimen perkauman sempit dan politik ketakutan.

Tidak dinafikan wujudnya kecenderungan berlebihan dan keterlaluan dalam memperbesar-besarkan ancaman DAP. Ia merupakan salah satu strategi biasa dalam pemupukan politik ketakutan. Apabila berlakunya tragedi Lubang Buaya iaitu pembunuhan enam jeneral sewaktu rampasan kuasa yang cuba dilakukan Parti Komunis Indonesia (PKI) pada 1965, Suharto dan aparatus tentera meningkatkan kemistikkan kejadian tersebut dengan menokok tambah naratif pembunuhan tersebut dengan kisah-kisah yang begitu sadis. Pengolahan ini berjaya merangsang sentimen antikomunis yang begitu tinggi sehingga kini dan menyumbang kepada tragedi pembunuhan massa terhadap mereka yang disyaki menyokong PKI. Dalam konteks DAP, lima dakwaan paling kontroversi yang pernah dilemparkan kepada mereka ialah rancangan menjadikan Malaysia sebagai negara republik, menjadikan Kristian sebagai agama rasmi, dakwaan muhul membenarkan Israel membina pangkalan tentera di Port Dickson, dakwaan mempunyai pertalian dengan ideologi komunisme dan dakwaan mengharamkan khutbah Jumaat

dan laungan azan di Pulau Pinang. Dakwaan-dakwaan keterlaluan seperti ini meletakkan DAP sebagai “mangsa” dan mereka sentiasa memaparkan parti tersebut sebagai dinilai dengan tidak adil. Di sinilah DAP berusaha mendapatkan bantuan dan tenaga orang Melayu yang berada dalam parti tersebut untuk melunak dan mematahkan dakwaan-dakwaan liar seperti ini serta menunjukkan bahawa DAP merupakan sebuah parti yang memegang laluan sederhana.

Apabila Pakatan Harapan (PH) berjaya mengejutkan seluruh dunia dengan menumbangkan Barisan Nasional (BN) yang telah berkuasa selama 60 tahun, tidak kurang penganalisis melihat bahawa politik perkauman dan politik ketakutan yang menyelubungi politik Malaysia telah menjadi satu nota kaki. Tidak dapat dipastikan sama ada pemimpin DAP (dan juga pemimpin PH yang lain) menyedari bahawa sokongan orang Melayu yang mengundi PH bukanlah semata-mata terbit dari kepercayaan mereka terhadap gabungan tersebut tetapi lebih berupa undi protes terhadap keangkuhan UMNO-BN yang tidak lagi dapat dikompromi. Ia juga merupakan satu-satunya cara yang tinggal untuk mengeluarkan Perdana Menteri ketika itu, Najib Razak dari tumpuk kekuasaan. Hujah ini juga telah dibuktikan secara akademik dengan melihat kombinasi jumlah undi popular yang dimenangi UMNO dan PAS (lihat contohnya Serina Rahman 2018).

Sesuai dengan kedudukannya sebagai parti kedua terbesar yang mempunyai kerusi terbanyak dalam PH, DAP diberikan ganjaran besar apabila enam ahli Parlimennya diberikan jawatan Menteri dan enam lagi diperuntukkan dengan kerusi Timbalan Menteri. Mengetuai barisan pelantikan ini ialah Lim Guan Eng yang diperuntukkan kerusi Menteri Kewangan, pelantikan kali pertama Menteri Kewangan daripada kaum Cina semenjak 1974. Di sisi yang lain, naratif “Malaysia Baru” terus dimainkan tanpa henti oleh pemimpin maestro DAP, Lim Kit Siang bagi membezakan kerajaan PH dengan “Malaysia Lama” pimpinan Barisan Nasional (BN) yang didakwa dipenuhi dengan korupsi, perkauman, ketidakadilan dan penindasan. Agak mengejutkan kerana DAP yang dianggotai oleh beberapa saintis politik terkenal seperti Liew Chin Tong dan Ong Kian Ming tidak pernah mengingatkan pemimpin besar mereka ini bahawa apabila Taiwan, Jepun, Mexico dan Indonesia mengalami pertukaran rejim dari pemerintahan parti dominan sebelumnya (Kuomintang, Liberal Democratic Party, Institutional Revolutionary Party dan Golkar), tidak pernah pula kedengaran istilah Taiwan Baru,

Jepun Baru, Mexico Baru ataupun Indonesia Baru dilaung-laungkan oleh pemerintah yang baru.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, dalam mana pemerhati yang objektif boleh bersetuju bahawa DAP sering menjadi mangsa tuduhan-tuduhan yang tidak adil, ia adalah DAP yang pada kebanyakan masa sering memberi peluru kepada musuh politik mereka. Pepatah Melayu ada menyebut bahawa seseorang tidak akan dapat mengenali pasangannya sehingga mereka tidur sebantal dan tinggal bersama-sama. Dengan kata lain, hanya setelah bersama-sama dalam sebuah ikatan, barulah segala sikap, tingkah laku dan wajah sebenar pasangannya dapat diketahui. Situasi inilah yang akhirnya dirasai oleh kebanyakan orang Melayu setelah mereka diberi peluang untuk melihat sendiri keletah, kerenah dan telatah DAP dalam pemerintahan PH. Tidak kurang yang mengemukakan teori liar bahawa ia adalah tindakan terancang Mahathir yang mahukan orang Melayu menyaksikan sendiri wajah sebenar DAP apabila diberi kuasa.

## **Bagaimana DAP Meracuni PH dan Merintis Jalan ke Arah Langkah Sheraton?**

Kuasa boleh menjadi madu atau racun. Keracunan kuasa sering dijadikan tema sarjana dalam mengkaji subjek personaliti dan kepimpinan politik. Beberapa contoh pemimpin politik seperti Richard Nixon dan George W. Bush merupakan mereka yang sering menjadi kajian kes penting. Harapan untuk melihat PH menjadi madu bertukar menjadi racun dalam tempoh yang singkat. Daripada “harapan”, PH dilihat sebagai “*hopeless*”. Dengan mengemukakan manifesto yang layaknya hanya boleh ditunaikan oleh “Bruce the Almighty” (watak sebuah filem komedi popular), rakyat disajikan dengan alasan demi alasan apabila ia tidak dapat untuk ditunaikan. Pertahanan popular Mahathir bahawa manifesto bukan merupakan kitab suci menjadi bahan lelucon di mana-mana. Barangkali watak “Red” dalam salah sebuah filem terbaik sepanjang zaman, *The Shawshank Redemption* (1994) dapat menjelaskan perkara ini. Apabila rakan baiknya Andy menyatakan harapan untuk merasai pembebasan dari penjara yang mereka duduki seumur hidup, Red menjelaskan bahawa: “*Let me tell you something my friend. Hope is a dangerous thing. Hope can drive a man insane*”. Barangkali inilah yang dirasai oleh sebahagian rakyat Malaysia yang menaruh harapan pada PH (lihat

perbincangan lanjut Muhamad Takiyuddin & Suffian Mansor dalam Bab 1). Turut gagal memenuhi harapan pengundi dalam konteks ini ialah DAP. Setelah berkuasa, DAP sewajarnya menggunakan peluang tersebut untuk membuktikan bahawa mereka sudah matang dan masak dalam menangani rencah sebuah pakatan politik. Mereka boleh menggunakan peluang itu untuk membuktikan yang mereka bukanlah parti cauvinis seperti yang banyak ditanggapi ramai dan boleh menjadi rakan kerja berpasukan. Namun hal ini tidak menjadi prioriti utama parti tersebut.

Pada peringkat awal peralihan kuasa, parti yang banyak dilihat sebagai “*weakest link*” ialah PKR. Dengan menjadi parti terbesar yang memenangi kerusi Parlimen dan juga menjadi payung kepada semua parti PH yang bertanding dalam PRU-14 menerusi penggunaan logo mereka, rangsangan untuk terjebak dengan keracunan kuasa lebih dipunyaikan PKR berbanding parti-parti lain. Dengan pembebasan Anwar Ibrahim, ia turut meningkatkan tempo pergolongan intra-elit dan perpuakan dalam PKR dengan lebih terbuka dan keras. Naratif peralihan kuasa yang dilontar dan diperkatakan tanpa henti oleh Anwar Ibrahim dan faksi beliau mewujudkan kejengkelan yang bukan sedikit kepada ramai pihak (termasuk kalangan bukan Melayu yang pada umumnya dilihat menyenangi Anwar berbanding Mahathir sebelum itu). Isu video semburit dan kes serangan fizikal yang melibatkan beberapa pemimpin tertinggi PKR menimbulkan pertanyaan sama ada PKR boleh diamanahkan untuk menjaga negara sedangkan rumah mereka sendiri tidak dapat diuruskan dengan baik. Fakta-fakta ini tidak boleh diketepikan dan penulis tidak bercadang untuk mengetepikan saham PKR (khususnya Anwar yang dilihat begitu obses bercakap mengenai jawatan Perdana Menteri), BERSATU (ketidakcekapan beberapa menteri mereka dan kesalahan taktikal Mahathir) serta juga AMANAH dan dalam menyumbang terhadap kemerosotan legitimasi dan kejatuhan PH. Namun titik fokal terhadap kemerosotan legitimasi PH lebih dimarakkan oleh sikap, tingkah laku dan pendirian DAP yang memualkan bukan sahaja masyarakat Melayu-Islam tetapi juga segmen pengundi progresif dan penyokong mereka.

## Peranan Lim Guan Eng

Pelantikan tokoh yang sinonim dengan gelaran “tokong” berikutan karakter keangkuhannya sewaktu memimpin kerajaan negeri Pulau

Pinang sebagai Menteri Kewangan menimbulkan kegelisahan yang bukan sedikit pada orang Melayu (biarpun Lim menegaskan bahawa beliau merupakan Menteri Kewangan bangsa Malaysia dan bukannya Menteri Kewangan bangsa Cina). Mahathir bagaimanapun menegaskan bahawa rekod cemerlang dan bersih Lim sewaktu mengemudi Pulau Pinang merupakan pertimbangan utama pemilihannya. Setiausaha Agung DAP itu menghadapi dua tuduhan rasuah yang masih berjalan sewaktu dilantik sebagai Menteri Kewangan. Beliau juga dibayangi dengan dakwaan terlibat dalam skandal terowong bawah tanah Pulau Pinang.

Tindakan awal Lim yang diteropongi ialah membawa masuk dua ahli DAP yang juga “saintis politik” sebagai pembantu khas yang tidak berbayar iaitu Tony Pua dan Ong Kian Ming. Banyak pemerhati menyifatkan kedua-dua individu khususnya Tony Pua merupakan kuasa belakang tabir sebenar dalam menentukan dasar dan hala tuju kewangan negara. Hal ini juga dapat dilihat melalui kenyataan yang sering dikeluarkan Tony Pua bagi pihak PH dan dalam mempertahankan serangan terhadap kerajaan PH sehingga dianggap sebagai Menteri Kewangan Tidak Rasmi. Pada satu ketika, tindakan Tony Pua yang bercakap bagi pihak PH dalam beberapa isu juga tidak disenangi oleh anggota kabinet. Tony Pua merupakan individu yang lantang mendakwa bahawa harga barang boleh dikurangkan dengan pengenalan Cukai Jualan dan Khidmat (SST) bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Realitinya, dakwaan ini sering dipandang sinis oleh ramai pihak yang menyifatkan harga barang bukan sahaja tidak mengalami perubahan, malah semakin meningkat.

Turut menjadi prioriti Lim dan Tony ialah langkah penjimatan yang perlu dijalankan berikutan hutang negara yang hampir mencecah satu trilion dan juga kerugian daripada skandal 1MDB. Mantera “penjimatan” ini menjadi misi penting Tony Pua yang menganggapnya sebagai *“extremely satisfying”* (lihat Koh Jun Lin 2018). Akibatnya, beberapa langkah tidak popular diambil seperti pengurangan pemberian bantuan sara hidup (yang diperkenalkan BN) juga pembatalan atau penstrukturran semula kontrak-kontrak yang telah dianugerahkan sewaktu pemerintahan BN. Apa yang tidak disedari oleh mereka ialah strategi ini menyuburkan imej “kedekut” dan “berkira” kerajaan PH serta tidak memuaskan hati mereka yang telah menerima kontrak sebelumnya. Dari semasa ke semasa, Lim dan Tony sentiasa membangkitkan bilion ringgit yang

dapat dijimatkan daripada beberapa langkah rasionalisasi yang dijalankan kerajaan. Begitu pun, lebih daripada penjimatan ini sering kali tidak dirasai oleh mereka yang telah menerima pelbagai bentuk bantuan daripada kerajaan BN sebelumnya. Golongan seperti ini mempersoalkan kenapa perlu bantuan dan kemudahan-kemudahan yang diterima mereka sebelum ini dikurang atau ditarik balik jika benar kerajaan telah dapat melakukan penjimatan? Jika sebelum PRU-14, berlegar hujah bahawa “Mahathir tidak kacau perut rakyat” (bagi membandingkan kesempitan rakyat dalam era Najib dengan era Mahathir sebelumnya), hujah ini sekali lagi menjadi bahan sindiran banyak pihak. Dibantu oleh pendekatan menyerang dan tidak berdiplomasi kedua-dua tokoh, golongan Melayu-Islam pada akhirnya merasakan mereka seperti berada dalam kedudukan mengemis. Di Sarawak, Lim Guan Eng menyatakan bahawa Gabungan Parti Sarawak (GPS) mungkin akan bankrap dalam tempoh tiga tahun dan mengancam akan membekukan dana baik pulih sekolah daif sebelum kerajaan Sarawak dapat menjelaskan hutang sebanyak RM350 juta (rujuk juga perbincangan oleh Suffian Mansor dalam Bab 3). Justeru, apabila kerajaan Perikatan Nasional (PN) pimpinan Perdana Menteri, Muhyiddin Yassin mengumumkan pakej rangsangan bernilai RM250 bilion dalam krisis wabak Covid 19 pada Mac 2020, banyak pihak memulangkan paku buah keras kepada pimpinan PH khususnya Lim yang hanya mementingkan naratif “penjimatan” dan “hutang kerajaan yang tinggi”. Label “kerajaan E-Wallet RM30” menjadi bahan parodi di mana-mana. Bagi Chandra Muzaffar (2020), pengabaian PH terhadap “politik perut” dicerminkan melalui:

[A]tas nama penyusunan semula ekonomi dan mengurangkan defisit, [PH] potong subsidi kepada penoreh getah, nelayan dan peneroka Felda. Pada saya itu langkah yang kurang matang. Sebab itu ada reaksi, mereka menganggap diketepikan dan tidak diberi perhatian walhal bagi mereka ini bukan subsidi, ini survival.

Kenyataan lebih keras dikeluarkan oleh Pengurus Parti Sosialis Malaysia (PSM), Jeyakumar Devaraj:

Ianya sesuatu yang mudah untuk Mahathir menjelaskan kepada Guan Eng betapa bodohnya untuk memotong subsidi ini di saat PH hanya memperolehi kurang daripada 20% undi orang Melayu di kawasan pedalaman sewaktu UMNO dan PAS mencanang merata-rata bagaimana Kerajaan sudah

jatuh ke dalam tangan orang bukan Melayu serta kebijakan orang Melayu tidak lagi terjaga. Namun, Mahathir hanya mendiamkan diri tentang isu ini, mungkin berfikir “teruskanlah melakukannya kalau muh membawa masalah pada diri sendiri! (Jeyakumar 2020).

Informan ‘A’ yang mempunyai akses terhadap operasi Krisis Sheraton turut mendedahkan:

Diakui Mahathir mempunyai hubungan baik dengan beberapa pemimpin DAP. Namun Mahathir akhirnya banyak juga mengeluh mengenai DAP. Ini banyak dinyatakan beliau dalam mesyuarat parti dan perbincangan dengan bulatan dalamannya. Dalam mesyuarat kabinet, adakalanya dia berasa sukar untuk mengambil keputusan kerana tidak mempunyai watak lantang dan kaki pukul yang boleh membantunya. Banyak juga arahannya tertangguh khususnya membabitkan Kementerian Kewangan (2020:temu bual).

Lim juga melakukan beberapa kesilapan taktikal yang mengembangkan lagi persepsi negatif terhadap kecelikan budaya yang dimiliki DAP. Hanya dua bulan setelah meneraju Menteri Kewangan, Lim menghantar mesej rasmi Kementerian Kewangan dengan menggunakan bahasa Mandarin. Selain daripada bertentangan dengan pengakuannya bahawa beliau merupakan rakyat Malaysia, ia membelakangkan sensitiviti ramai pihak yang melihat tindakan tersebut sebagai tidak wajar dilakukan oleh seorang menteri kanan. Lebih menjelikkan apabila Lim cuba mempertahankan tindakan tersebut dengan menggunakan peruntukan Perlembagaan yang tidak melarang penggunaan bahasa lain serta tindakan tersebut merupakan sebahagian daripada karakteristik Malaysia Baru. Kedegilan Lim tidak terhenti di situ malah beliau enggan beralih dalam mengenakan syarat bahawa bantuan terhadap Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (KUTAR) yang dimiliki Malaysian Chinese Association (MCA) hanya akan diteruskan jika MCA melepaskan kawalan terhadap kolej itu. Ramai pihak termasuk golongan prodemokrasi sendiri melihat tindakan ini sebagai membuli dan mempolitikkan soal pendidikan yang merentasi fahaman politik. Bagi golongan Melayu-Islam, logik mudah dan banyak tersebar dari isu KUTAR ialah, “jika Lim Guan Eng boleh bertindak begitu terhadap

isu yang melibatkan bangsanya sendiri, bayangkan pula halnya dengan isu yang melibatkan kepentingan Melayu-Islam". Tidak sukar untuk melihat isu ini sebagai antara sebab yang menyumbang kepada kekalahan memalukan PH di Tanjung Piai khususnya sokongan pengundi Cina yang secara besar-besaran mengalih sokongan mereka kepada MCA.

Sikap permusuhan Lim dengan pasukan polis juga dinyatakan secara terang-terangan apabila beliau mengkritik tindakan pihak polis yang menghalang Kongres Isu Tulisan Jawi anjuran pertubuhan pendidikan Cina Dong Zong. Apabila dua ADUN DAP ditahan polis atas dakwaan mempunyai kaitan dengan yang mempunyai aktiviti *Liberation Tigers of Tamil Elam* (LTTE), Lim bukan sahaja turut mengkritik tindakan tersebut, malah mengeluarkan kenyataan preemptif bahawa tidak akan ada lagi tangkapan akan dibuat oleh pihak polis. Pihak polis bagaimanapun menafikan kenyataan tersebut. Turut tidak terkecuali menjadi mangsa lentungan Lim Guan Eng ialah pihak media. Apabila Lim ditanya sama ada beliau yang menulis prakata komik kontroversi tulisan bekas anggota DAP, Hew Kuan Yau. Lim memberikan respons "kamu tak boleh baca ke? Itu (prakata) semua sudah ada sana (dalam komik, kita tak nafi (menulis prakata)" (dipetik daripada Ahmad Suhaei Adnan 2019).

## DAP, Masyarakat Civil dan Reformasi Institusi

Sejurus selepas berlangsungnya PRU-14. berlangsungnya sebuah forum di Kuala Lumpur yang turut disertai oleh sarjana sains politik veteran mengenai Malaysia, William Case. Dalam pembentangannya, Case mengingatkan betapa perlunya PH berhati-hati dengan kecepatan dan skala reformasi yang ingin diambil. Bagi sarjana Australia yang telah berkecimpung selama lebih 30 tahun dalam kajian politik mengenai Malaysia khususnya UMNO, beliau melihat yang:

*Often times, new governments that come into power in a process of bottom-up replacement, they are tempted to go too far, too fast in their reforms. Then you begin to tread on the toes of entrenched elites who are still with us and perhaps they (respond by) overturning the new democracy... It's called an authoritarian backlash. So go ahead, sack all civil servants and cancel all the state contracts and dismantle the NEP and turn your back on China. Do all those things and do that quickly and see what happens* (dipetik daripada Ida Lim 2018).

Saranan Case bagaimanapun dilihat dengan kritikal oleh pengguna media sosial (penyokong PH) yang menggelarnya dengan berbagai-bagai gelaran pejoratif; seolah-olah ia dikemukakan oleh segelintir sarjana pro-establishment yang berpayung di bawah Majlis Profesor Negara.

Jika dilihat, contoh-contoh yang diberikan Case sering kali dikaitkan dengan aspek yang menjadi perjuangan golongan ultrakonservatif dalam DAP. Pengurangan kakitangan awam dan juga serangan terhadap kompetensi anggota perkhidmatan awam merupakan antara saranan popular yang dibangkitkan DAP sejak sekian lama. Biarpun idea ini ditolak oleh sebilangan kecil anggota DAP yang lain (Muhd Irham, Muhamad Takiyuddin, Aizul Fahmi 2018:186), DAP menerusi tokoh seperti Tony Pua terus mencanangkan idea ini dengan konsisten atas alasan ingin mengelakkan pembaziran. Tidak sahaja itu, beliau menggelar sebahagian kecil daripada anggota perkhidmatan awam sebagai “berat mati” (*Free Malaysia Today* 25 Oktober 2016). Justeru, apabila kerajaan PH bercadang mengurangkan perjawatan awam sebanyak 5% pada penghujung 2019, tidak sukar menjangkakan yang ia sekali lagi dilihat sebagai idea yang datangnya dari DAP. Biarpun langkah seperti ini dilapik dengan kenyataan seperti “mengurangkan perjawatan dan bukannya kakitangan” ataupun “rasionalisasi”, perbezaan seperti ini tidak diberi perhatian oleh masyarakat Melayu.

Dalam konteks DEB pula, walaupun DAP tidak pernah menyatakan bahawa ia akan memansuhkan DEB, namun pemansuhan semangat DEB telah lama dilakukan sejak parti itu berjaya menawan Pulau Pinang pada 2008 menerusi pemberian tender secara terbuka dan mengikut merit. Hal ini turut dicerminkan sebahagiannya dengan pembatalan dan rasionalisasi kontrak-kontrak yang telah diberikan apabila PH berjaya menjadi kerajaan persekutuan. Tidak ada satu kes yang paling kontroversi melainkan pengurangan bajet di Kementerian Pendidikan seperti yang didedahkan oleh bekas pegawai khas kepada mantan Menteri Pendidikan, ZF Zamir. Menulis selepas kejatuhan PH, Zamir mendakwa beberapa keputusan tidak popular yang diambil oleh Kementerian Pendidikan berpunca daripada obsesi Kementerian Kewangan terhadap pengurangan bajet seperti tindakan pengurangan pekerja kontrak, cadangan penutupan Institut Terjemahan Buku Negara, pengurangan bajet pendidikan dan pemotongan elauan guru pelatih. Beliau menyifatkan sikap pemimpin DAP yang “besar kepala” merupakan antara punca

kepada kemerosotan legitimasi PH dalam kalangan orang Melayu dan anggota perkhidmatan awam (ZF Zamir 2019).

Beberapa reformasi institusi lain turut mencetuskan kritikan dan melanjutkan stigma “menghubungkan titik-titik”. Pelantikan Tommy Thomas sebagai Peguam Negara merupakan antara kes penting dalam hubungan ini. Pelantikan tokoh yang tidak tahu berbahasa Melayu itu bukan sahaja dikritik oleh golongan Melayu-Islam kerana dibimbangi tidak dapat berlaku adil, namun kerana latarnya yang pernah mewakili Lim Guan Eng dan kerajaan DAP Pulau Pinang dalam beberapa kes perundangan. Pengkritik tidak menunggu lama untuk “menyambung” pertalian seperti ini apabila Pejabat Peguam Negara menggugurkan kes pendakwaan rasuah terhadap Lim Guan Eng yang sedang berjalan di mahkamah. Semenjak itu, Tommy menjadi sasaran penting golongan Melayu-Islam dalam beberapa isu khususnya isu kematian anggota bomba, Muhammad Adib dalam rusuhan kuil di Subang Jaya. Kemuncak kepada ketidakpuasan golongan Melayu-Islam ialah tindakan Tommy yang menggugurkan pendakwaan terhadap 12 individu yang didakwa terlibat dengan menyokong aktiviti Liberation Tigers of Tamil Elam (LTTE) termasuklah dua ADUN DAP iaitu G.Saminathan dan P. Gunasekaran. Tindakan yang dilakukan dua hari sebelum bermulanya Langkah Sheraton dapat dianggap menghantar mesej yang cukup kuat kepada aktor aktor yang terlibat dalam Langkah Sheraton untuk mempercepatkan “rancangan penyelamatan Malaysia” – ungkapan yang kemudiannya digunakan oleh Presiden PAS, Abdul Hadi Awang.

Dalam sebuah artikel jurnalistik yang ditulis penulis selepas kekalahan PH dalam PRK Semenyih, penulis membangkitkan kritikan terhadap *establishment* belakang tabir yang dilihat cuba mempengaruhi proses pembuatan dan menganjurkan reformasi institusi dan struktural. *Establishment* ini pada pandangan penulis merupakan kumpulan masyarakat sivil yang antara lainnya diwakili oleh aktivis pertubuhan bukan kerajaan dan gerakan sosial, peguam, ahli akademik dan wartawan media (Muhammad Takiyuddin 2019). Hubungan masyarakat sivil sebagai unsur kepembangkangan yang berhubungan rapat dengan PH dan bukan sebagai unsur penimbal seperti yang berlaku di Barat merupakan ciri penting dalam mempertekankan mengenai karakter masyarakat sivil Malaysia. Ia merupakan produk masyarakat bandar, didominasi golongan bukan Melayu, cenderung memperjuangkan isu-isu berkaitan kelas menengah yang eksklusif dan berhubungan dekat dengan pendana

Barat. Walaupun agar sukar untuk menentukan sejauh mana pengaruh yang dikenakan oleh *establishment* ini, beberapa reformasi institusi yang diperjuangkan PH seperti kebebasan Pejabat Peguam Negara (dengan pelantikan Tommy Thomas), penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah laku Polis (IPCMC) dan desakan terhadap penghapusan Akta Hasutan merupakan antara isu-isu popular yang turut diperjuangkan dengan kental oleh kumpulan masyarakat sivil dan DAP sejak sekian lama. Dua contoh reformasi khusus yang boleh dijadikan huraiyan ialah penubuhan Majlis Media Malaysia dan juga reformasi pilihan raya yang cuba dijalankan PH. Kedua-dua usaha reformasi ini dipilih kerana hubungan simbiotik dua aktor masyarakat sivil paling berpengaruh yang terlibat iaitu portal berita “bebas”, *Malaysiakini* dan juga gerakan pembaharuan pilihan raya, BERSIH. Dengan kata lain, “imej DAP” tidak sahaja dibawa oleh anggota parti itu sendiri tetapi juga dicerminkan oleh dua aktor “masyarakat sivil” yang dilihat kebanyakannya golongan Melayu-Islam sebagai representasi kepada suara DAP.

*Malaysiakini* diasaskan dalam era reformasi menjelang PRU 1999 di bawah pengasasnya, Premesh Chandran dan Steven Gan. Sejak itu, ia menjadi perlambangan penting dalam menandakan pengaliran maklumat alternatif berikutan liputan dan pemberitaannya yang menongkah konvensyen. Portal ini menjadi enigma kepada rejim BN yang sering kali mengambil pendekatan tekanan seperti serbuan pada 2003, penolakan terhadap kelulusannya sebagai akhbar harian bercetak pada 2013 dan juga serbuan kumpulan Baju Merah pada 2016 berikutan isu pendanaan asing yang diterima dari hartawan, George Soros. Begitu pun, ia tetap dilihat sebagai platform penting yang dibaca dan dirujuk oleh mana-mana pihak termasuklah penyokong kerajaan sendiri. Malah, pemimpin politik UMNO yang sedang menghadapi krisis juga terpaksa menggunakan khidmat portal berita tersebut dalam mengemukakan pandangan mereka seperti Mahathir Mohamad, Khairy Jamaluddin dan Najib Razak.

Berikutan kedudukannya yang dilihat lebih mesra dengan jaringan kepembangkangan, *Malaysiakini* sering dikritik sebagai mengamalkan pendekatan partisan dan pembingkaian terpilih khususnya dalam isu-isu yang melibatkan Melayu-Islam dan juga UMNO/BERSATU. Biarpun *Malaysiakini* didapati menyiaran berita dan ulasan dari segenap lapisan ideologi dan turut menjadi mangsa sindrom pukalisme seperti yang dijelaskan sebelum ini, pendirian umum *Malaysiakini*

boleh dikesan daripada dua platform penting. Pertama, ialah ruangan kolumnis jemputan yang sebahagian besarnya diwakili oleh kolumnis prodemokrasi dan bukan Melayu atau mereka yang kritikal terhadap Islam. Kedua ialah ruangan ulasan pembaca, *Yoursay* yang sentiasa dibingkaikan dalam konteks “kritikan” dan sentiasa menjustifikasi pandangan berteraskan kepembangkangan. Sesetengah pengkritik mengaitkan tindakan 40 ahli Parlimen DAP yang menderma sejumlah RM40,000 kepada portal tersebut bagi membina bangunannya pada 2013 sebagai bukti wujudnya hubungan antara DAP dengan *Malaysiakini*. Biarpun perkaitan seperti ini adalah simplistik, tidak membantu ialah tindakan *Malaysiakini* yang sering membuka jalan bahawa ia merupakan medan penting bagi penyokong-penyokong DAP (dan golongan ultra-Cina) yang banyak memberi sokongan pada portal tersebut. Pada penghujung Disember 2019, *Malaysiakini* mengeluarkan tinjauan 5,197 pembaca terhadap prestasi 28 orang menteri kabinet PH. Enam menteri daripada DAP dinilai berada pada kedudukan 1,2,3,5,11 dan 14. Manakala enam menteri daripada Bersatu (parti yang banyak dilihat sebagai menggantikan UMNO sebagai parti Melayu utama) berada di kedudukan 17, 19, 22, 25, 27 dan 28. Tempat ke-27 dipegang oleh Maszlee Malik yang pada ketika itu sedang memiliki reputasi yang kontroversi berikutan beberapa cadangannya yang menimbulkan kritikan meluas khususnya pengenalan tulisan Jawi di sekolah (lihat *Malaysiakini* 2019). Biarpun tinjauan seperti ini bukanlah penyebab utama kepada peletakan Maszlee sebagai Menteri Pendidikan dua hari kemudiannya, ia memperlihatkan cubaan mempengaruhi pandangan umum dalam bentuk yang mengelirukan.

Pada pertengahan Januari 2020, peranan kepembangkangan yang selama ini dimainkan oleh *Malaysiakini* seakan-akan terbalas apabila Ketua Pegawai Eksekutif *Malaysiakini*, Premesh Chandran dilantik sebagai Pengurus Protom untuk Majlis Media Malaysia – sebuah badan menyelia kebebasan media yang selama ini menjadi sasaran reformasi institusi PH. Pelantikan yang dibuat oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo yang turut merupakan Timbalan Pengurus DAP Kebangsaan dianggap mengejutkan mempertimbangkan reputasi yang dipunyai portal berita tersebut sejak sekian lama. Sebahagian besar ahli jawatankuasa protom yang dilantik juga terdiri daripada mereka yang mewakili kumpulan atau media progresif yang berada dekat dengan hala tuju dan perjuangan “masyarakat civil”. Dengan ketiadaan

wakil akhbar pro-Melayu dalam majlis tersebut, ia meningkatkan lagi tanggapan bahawa kebebasan media yang diperjuangkan PH adalah retorik semata-mata. Hujah ini turut disokong dengan melihat naratif media progresif atau prodemokrasi yang lebih menguasai pembentukan pandangan awam dalam era kerajaan PH, penguasaan Media Prima oleh kepentingan yang dekat dengan BERSATU dan juga ketiadaan platform penimbal berikutnya penutupan operasi *Utusan Malaysia*.

Contoh yang lebih konkrit ialah peranan yang dimainkan oleh gerakan pembaharuan pilihan raya, BERSIH. Gerakan sosial yang melancarkan demonstrasi jalanan bermula pada 2007 itu memiliki reputasi partisan yang menebal kerana mempunyai kerjasama rapat dengan parti politik sejak penubuhannya. BERSIH menjadi lebih monolitik dalam perhimpunan BERSIH 4 dan BERSIH 5 berikutan keluarnya parti Islam, PAS dari pakatan pembangkang. Perlu dinyatakan yang PAS sering menggerakkan audiens yang besar dari perhimpunan BERSIH 1 hingga 3. Kehadiran BERSIH 4 yang didominasi penyokong Cina dengan mudah dieksplotasi oleh UMNO dan golongan konservatif Melayu yang melihat perhimpunan tersebut mewakili suara DAP. Selain itu, BERSIH juga banyak dikritik termasuklah dari golongan aktivis sendiri kerana lebih menekankan aspek demonstrasi dan sokongan kelas menengah bandar. Menjelang PRU 2018, reputasi BERSIH terus menerima kritikan apabila pengerusinya, Maria Chin mengumumkan peletakan jawatan dan bertanding sebagai calon PKR di Petaling Jaya. Bekas koordinator BERSIH, Johnson Chew juga menyertai DAP sebelum PRU 2018. Trend yang merupakan penerusan daripada beberapa tindakan aktivis masyarakat sivil dalam beberapa PRU sebelum ini menerima kritikan meluas yang melihat ia seolah-olah membenarkan segala tuduhan terhadap kebebasan BERSIH serta menebalkan kesinisan masyarakat terhadap keikhlasan aktivis.

Selepas peralihan kuasa, BERSIH turut menerima pelbagai “ganjaran”. Bekas Pengerusinya, Ambiga Sreenevasan dilantik menganggotai Jawatankuasa Reformasi Institusi (IRC) yang ditubuhkan PH. Seorang lagi bekas pengerusinya, Shahrul Aman bertugas sebagai Setiausaha Media kepada Menteri Pendidikan, Maszlee Malek. Pengurus sekretariat BERSIH, Mandeep Singh pula bertugas sebagai Pegawai Khas kepada Gobind Singh. Namun tidak ada hadiah paling besar buat BERSIH apabila dua aktivis mereka dilantik sebagai Pengurus dan Ahli Suruhanjaya SPR iaitu Azhar Harun dan Zoe Randhawa. Turut dipilih

sebagai ahli suruhanjaya ialah aktivis antirejim dan sarjana, Azmi Sharom dan Faisal Hazis. BERSIH dan dua lagi gerakan pembaharuan pilihan raya iaitu ENGAGE dan juga Tindak Malaysia diberi akses dan perhatian penting oleh SPR dalam reformasi pilihan raya yang berlangsung. Ia turut berperanan penting dalam Jawatankuasa Reformasi Pilihan Raya (ERC) yang ditubuhkan PH bagi mengkaji reformasi pilihan raya. Empat reformasi penting yang menjadi teras pembaharuan pilihan raya mereka ialah penurunan umur kelayakan mengundi daripada 21 ke 18 (yang diluluskan Parlimen pada Julai 2019), persempadan semula yang lebih adil, penukaran sistem pilihan raya Malaysia kepada sistem perwakilan berkadar dan juga pelaksanaan pilihan raya tempatan. Pengkritik dan penganalisis banyak melihat bahawa kesemua reformasi ini merupakan cubaan untuk memberi kelebihan kepada PH khususnya DAP dalam mengekalkan pengaruhnya.

Seorang lagi aktivis masyarakat sivil dan merupakan ahli DAP yang turut dengan begitu vokal memperkatakan mengenai reformasi institusi dan struktural ialah sarjana, Mohd Tajuddin Rasdi. Tidak pernah menyembunyikan fakta bahawa beliau merupakan ahli DAP, bekas ahli akademik di universiti awam ini menjadi antara panelis dan kolumnis terlaris dalam era PH. Tidak sahaja beliau sering mempertahankan momokan liar yang dilemparkan terhadap DAP, malah mengkritik kesemua aspek yang disifatkannya tidak kena terhadap pemikiran orang Islam-Melayu, kompetensi ahli akademik dan institusi pengajian tinggi awam serta juga keperluan menjalankan reformasi dalam skala yang substantif. Tanpa menafikan sebahagian kritikan beliau mempunyai merit, kritikan bertali arus dan berulang-ulang beliau menimbulkan rasa muak dan jengkel golongan Melayu-Islam dan ahli akademik yang bertugas di universiti awam.

## DAP dan Isu Keselamatan

Selain daripada isu dakwaan hubungan beberapa anggota DAP dengan LTTE seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, DAP turut membuka peluang untuk memarakkan naratif parti tersebut sebagai menyokong ideologi komunisme seperti yang banyak dilabel secara pejoratif oleh masyarakat Melayu-Islam. Biarpun DAP sering kali menegaskan bahawa ideologi mereka ialah sosialis demokrat yang turut diamalkan di beberapa negara Scandinavia, parti tersebut harus menyalahkan diri sendiri kerana

gagal menjarakkan diri dari beberapa kontroversi mengenai perkara ini. Terdapat dua kes berkaitan dalam hubungan ini. Pertama, tindakan bekas ahli DAP, Hew Kuan Yau - yang sebelum ini dikenali kerana kenyataan “skru Melayu” – menulis dan mengedarkan komik kontroversi bertajuk *Inisiatif Jalur dan Jalan Meraih Manfaat Bersama*. Komik yang diedarkan tanpa pengetahuan Kementerian Pendidikan ke beberapa sekolah itu didapati mempunyai elemen yang mungkin menggalakkan sokongan dan simpati untuk perjuangan komunis. Walaupun Hew bukan lagi merupakan ahli DAP, prakata komik tersebut yang ditulis oleh Lim Guan Eng dan juga Penggerusi DAP, Tan Kok Wai membuka ruang kepada pengkritik untuk menyambung titik-titik seperti ini.

Tidak lama selepas itu, seorang lagi anggota ultrakonservatif DAP, Ronnie Liu mencetuskan kontroversi kerana hadir dalam majlis ulang tahun ke-30 Perjanjian Damai Hatyai yang ditandatangani antara kerajaan Malaysia dengan Parti Komunis Malaya (PKM). Walaupun menegaskan kehadirannya adalah atas kapasiti peribadi, Ronnie turut mendedahkan kehadiran beliau atas dasar ingin mengingati perjuangan datuk dan abangnya di dalam PKM sebelum ini. Ronnie dan P. Ramasamy merupakan dua ahli DAP yang banyak mencetuskan kontroversi dan perhatian masyarakat Melayu berikutan kenyataan tidak berlapik dan sikap *combative* mereka dalam mengendalikan sesuatu isu. Ronnie pernah menggesa agar BERSATU meninggalkan PH dan menyatakan bahawa parti-parti lain masih boleh meneruskan kerajaan sedia ada.

## Kerenah Anggota Ultrakonservatif DAP yang lain

Di dalam buku *Projek Pascaetnik*, penulis telah berhujah bahawa masalah utama dalam DAP ialah golongan ultrakonservatif dan orde lama DAP yang dilihat gagal menyantuni hati orang Melayu dan menyederhanakan imej parti tersebut. Kami menyifatkan bukan semua ahli DAP mempunyai reputasi yang tidak menyenangkan dan beberapa ahli muda DAP menampakkan usaha mereka dalam melunakkan imej chauvanis DAP seperti Ong Kian Ming, Hannah Yeoh, Liew Chin Tong dan Tan Seng Giaw. Pandangan ini kemudiannya turut dinyatakan oleh seorang ahli Pemuda BERSATU selepas selesainya krisis Sheraton. Beliau menyifatkan kepimpinan tertinggi DAP gagal memahami psiki politik Melayu dan menebalkan imej sompong, bongkak, angkuh dan rasis. Kumpulan yang disifatkan beliau sebagai “taiko-taiko” DAP ini

merosakkan imej menyenangkan golongan muda dalam DAP seperti Steven Sim, Hannah Yeoh, Sheikh Omar Ali, Rara dan Syahredzan Johan (lihat Mohd Fahim Mohd Farid 2020). Sudah tentu kenyataan ini mempunyai prejudis tersendiri apabila ia datang dari anggota BERSATU. Namun penelitian lanjut sukar menafikan merit kenyataan ini dengan melihat beberapa kerentak, tingkah laku dan telatah ahli DAP sepanjang pemerintahan PH. Sikap seperti ini bukan sahaja menjelikkan rakyat tetapi juga kakitangan awam yang merupakan nadi penting kepada perjalanan operasi kerajaan. Gelaran-gelaran pejorative seperti “*deep state*” yang dilemparkan kepada perkhidmatan awam bagi menggambarkan sabotaj yang dilakukan terhadap kerajaan PH turut memanjangkan lagi titik permusuhan antara anggota birokrasi dengan menteri-menteri dari DAP. Parti tersebut begitu selesa dengan pendekatan “cakap dahulu, minta maaf kemudian”. Selain daripada beberapa kes yang telah dijelaskan sebelum ini, diperturunkan beberapa peristiwa yang mendapat perhatian meluas masyarakat.

1. Dakwaan kes rogol pembantu rumah yang dihadapi oleh ADUN Tronoh, Paul Yong. Bukan sahaja beliau enggan meletakkan jawatan dan berkeras meneruskan tugas sebagai Exco Negeri Perak, namun memaparkan sikap hipokrasi DAP yang enggan memberikan tekanan kepada beliau untuk meletakkan jawatan.
- ii. Sikap *combative* ADUN Pengkalan Batu Melaka, Norhizam Hassan Baktee yang beberapa kali bertengkar dengan penduduk kampung dan setempat.
- iii. Keputusan mahkamah yang melucutkan kelayakan ADUN Pujut Sarawak Ting Tiong Choon kerana mempunyai dua kerakyatan iaitu Australia dan Malaysia.
- iv. Tindakan ahli perniagaan dan juga pengasas syarikat Gamuda, Koon Yew Yin yang menghina anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Beliau merupakan penyumbang kepada PH dalam kempen PRU-14 termasuklah kepada DAP. Selain itu, beliau juga mengkritik tindakan Sultan Perak yang menurutnya campur tangan dalam urusan eksekutif.
- v. Tindakan Pengurus DAP Jerantut, Loo Why Leong yang menghantar mesej berbau ugutan kepada Ketua Polis Daerah Jerantut.
- vi. Tindakan Setiausaha Akhbar kepada Menteri Pengangkutan, Anthony Loke iaitu Lim Swee San yang menyelar stesen penyiaran kerajaan, RTM kerana tidak menyiarkan ucapan menterinya dalam

- satu liputan langsung. Sambil menyifatkan ia sebagai tindakan sabotaj, beliau menggesa Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh untuk menyiasat RTM.
- vii. Tindakan M. Kulasegaran yang melemparkan dakwaan “Melayu pendatang” dalam sebuah ucapannya di Nilai.
  - viii. Sikap *combative* dan keangkuhan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, P. Ramasamy yang banyak menyerang kerajaan, Mahathir dan ahli BERSATU secara terbuka dalam beberapa isu seperti tangkapan pensimpati LTTE, hubungan Malaysia dengan India, isu peralihan kuasa dan isu Zakir Naik.
  - ix. Penerusan dominasi pengaruh Nga Kor Ming dan Ngeh Koo Ham dalam pentadbiran Perak. Situasi ini telah berlaku sejak penguasaan Pakatan di Perak selepas PRU 2008 di mana kedua-dua ahli politik sering kali didakwa merupakan kuasa sebenar dalam perjalanan DAP di Perak. Kedua-duanya bukan saja menjengkelkan rakan gabungan Bersatu dan juga ahli-ahli DAP yang lain, namun didakwa terlibat dalam cubaan menggulingkan Menteri Besar Perak pada ketika itu, Ahmad Faizal Azumu. Nga juga mengemukakan ugutan bahawa DAP bersedia untuk keluar dari kerajaan PH sekiranya kerajaan tidak meluluskan *Unified Examination Certificate* (UEC).

Sebulan sebelum berlangsungnya Langkah Sheraton, tokoh wartawan veteran, Johan Jaafar turut menulis satu artikel bertajuk “*Why DAP is a liability to PH?*” (2020). Baginya:

*Barisan and UMNO need not use the race card any more. DAP leaders are helping them do it. Some of the DAP leaders are not even bothered to engage with Malay groups. Their PR is bad. Their officers are barricading their bosses in their own cocoons of comfort believing that by “working hard” they can help the people... The Malays and Muslims have reacted to the so-called DAP controlled government in more ways than one. One needs only to read the vitriolic attack on DAP in the social media. There have been furious discussions among the Malay groups (not necessarily among the Malay ultras) raising concerns about the issue.*

Dalam nada yang selari, Chandra Muzaffar (2020) turut melihat:

[Saya] nampak [DAP] sentiasa mengulangi amaran dari masa ke masa agar kita jangan mainkan isu kaum dan agama, seolah-olah mereka tujukan perkara itu kepada masyarakat Melayu.

## DAP dalam Krisis Tujuh Hari

Bukan menjadi rahsia bahawa sejak sekian lama DAP (dan juga AMANAH) memberikan sokongan penuh kepada Anwar Ibrahim untuk dilantik sebagai PM. Kemesraan hubungan DAP dan Anwar sejak tokoh tersebut dipecat pada 1998 turut menyebabkan golongan konservatif Melayu melihat Anwar akan bertindak sebagai “PM proksi” kepada DAP. Menjelang krisis Sheraton, golongan ultrakonservatif dalam DAP seperti Ronnie Liu, Charles Santiago, P. Ramasamy tidak putus-putus mengenakan tekanan kepada Mahathir agar mematuhi janji peralihan kuasa kepada Anwar yang seharusnya berlaku pada Mei 2020. Dengan khabar-khabar mengenai “kerajaan pintu belakang” yang berterbangan dari semasa ke semasa dan bukan lagi merupakan satu khabar liar, peralihan kuasa kepada Anwar bukan sahaja dilihat oleh golongan ultrakonservatif DAP akan menyelamatkan kerajaan PH tetapi juga kelangsungan politik DAP di peringkat persekutuan. Desakan-desakan seperti ini memberi tiga implikasi penting. Pertama, biarpun tidak semua golongan Melayu-Muslim menyokong atau menyenangi Mahathir, mereka pada masa yang sama lebih terusik apabila ia adalah parti bukan Melayu seperti DAP yang menggesa seorang pemimpin Melayu turun dari kekuasaan. Kedua, ia lebih menyerlahkan sikap oportunistik DAP yang mahu bernaung di bawah kepimpinan Anwar yang disifatkan “lebih Malaysia” dan “lebih boleh diharapkan” berbanding Mahathir bagi memastikan kelancaran kesemua reformasi institusi dan struktural yang telah dirancang. Ketiga, ia turut meningkatkan tekanan dalam BERSATU yang merupakan peneraju dalam PH. Golongan bergaris keras dalam parti tersebut menuntut agar Muhyiddin bertindak terhadap DAP (lihat perbincangan Muhamad Takiyuddin Ismail dalam Bab 2). Selepas kekalahan di Tanjung Piai, Majlis Presiden PH mengadakan mesyuarat pada 23 November dan antara ketetapan yang digariskan Muhyiddin ialah keperluan untuk menangani isu kaum dan agama secara lebih berhemah dan mengikis imej bahawa DAP merupakan anti-Melayu dan BERSATU pula merupakan anti-Cina (Liew Chin Tong 2020).

Apabila Krisis Sheraton bermula, Muhyiddin dan faksinya dalam BERSATU menggunakan tekanan DAP sebagai antara alasan mengapa BERSATU perlu keluar dari PH. Walaupun selepas selesainya krisis, Mahathir sentiasa mempertahankan DAP dan menganggap ia merupakan satu tafsiran yang berlebihan, kenyataan ini dapat dianggap

sebagai kenyataan *afterthought* (berdasarkan fakta bahawa Mahathir telah pun mengetahui plot Langkah Sheraton lebih awal dan beberapa isu lain seperti yang telah dijelaskan sebelum ini). Selepas peletakan jawatan Mahathir, DAP mengekalkan sokongannya pada Mahathir dan berikrar mencalonkan semula Mahathir sebagai Perdana Menteri bersama-sama PKR dan AMANAH. Apabila Mahathir enggan menghadiri Mesyuarat Majlis Presiden PH kemudiannya, PH menamakan Anwar sebagai calon PM untuk dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong. Kebanyakan anggota DAP juga menolak cadangan kerajaan perpaduan yang dianjurkan Mahathir kerana ia disifatkan tidak realistik, tidak praktikal dan seterusnya akan meminggirkan mandat yang diberikan pengundi kepada DAP. Apabila berlangsungnya undian kali kedua yang menyaksikan PN telah pun mencalonkan Muhyiddin sebagai calon PM, PH bagaimanapun bertemu semula Mahathir dan memujuknya menjadi calon PM. Dalam pertemuan terakhir ini, Lim Guan Eng memaklumkan bahawa beliau sanggup berundur daripada jawatan Menteri Kewangan dan DAP sanggup mengurangkan bilangan menteri mereka jika ia dilihat sebagai punca penolakan orang Melayu terhadap PH.

Apa yang tidak disedari DAP ialah pada ketika ini, mereka telah pun menjadi “mangsa” kepada plot yang berubah dengan begitu pantas (lihat tulisan Muhamad Takiyuddin Ismail dalam Bab 2). Orang Melayu melihat DAP dan rakan-rakan mereka yang lain turut melakukan “pusingan U” apabila kepentingan mereka terjejas dan hanya menggunakan Mahathir apabila diperlukan. DAP Sarawak contohnya menyatakan kesanggupan untuk bekerjasama dengan GPS dalam menghalang pelantikan Muhyiddin sebagai PM namun kesediaan ini dibidas oleh GPS yang menyifatkan mereka tidak akan bekerjasama dengan parti yang angkuh. Pengakuan Lim Guan Eng dalam pertemuan akhir beliau dengan Mahathir turut menyarankan bahawa DAP menyedari sentimen kejengkelan yang berlaku dalam kalangan majoriti orang Melayu terhadap parti tersebut. Ironinya, kesanggupan Lim Guan Eng untuk mengakui dan membetulkan perkara tersebut hanya dilakukan pada saat yang sudah begitu terlewat.

## Kesimpulan

Barangkali kerana terlalu lama mempunyai status pembangkang, DAP sukar menyesuaikan diri apabila berada dalam kerajaan. Mereka tetap

mengekalkan sifat “pejuang jalanan” seperti yang dijelaskan sebelum ini. Hasilnya, DAP bukan sahaja menjengkelkan majoriti masyarakat Melayu-Islam namun juga sebahagian penyokong mereka dan segmen masyarakat civil progresif. Walaupun tidak adil menyalahkan DAP sebagai sebab tunggal terhadap kejatuhan kerajaan PH, artikel ini telah menghujahkan bahawa keangkuhan dan kerenah yang dipaparkan DAP sepanjang menjadi sebahagian daripada kerajaan PH selama 22 bulan merupakan sebab penting yang merangsang kuat gerakan menjatuhkan kerajaan PH oleh gabungan PN. Keangkuhan DAP telah menyuntik perasaan tidak puas hati yang menebal dalam kalangan majoriti Melayu-Islam dan membuka jalan kepada penyekutuan tidak dijangka UMNO-PAS di atas tiket Muafakat Nasional. Selebihnya adalah sejarah.

Penulis yang sempat menemu bual seorang bulatan dalaman Anwar Ibrahim menyifatkan Langkah Sheraton semata-mata merupakan isu peralihan kuasa membabitkan Mahathir dan Anwar dan isu DAP hanya cubaan “menyedapkan plot” (Informan ‘H’ 2020: temu bual telefon). Artikel ini bagaimanapun tidak bermaksud untuk mengambil pendekatan simplistik dan populis dengan menebalkan naratif “semua salah DAP” seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Apalagi, naratif yang sama telah dikemukakan oleh beberapa individu dan tokoh PN selepas berakhirnya Krisis Sheraton. Sudah tentu, kedudukan mereka sebagai pihak yang berkepentingan tidak memungkinkan mereka melontarkan kritikan yang sama kepada parti sendiri. Seperti yang telah penulis tegaskan, artikel ini tidak mengecualikan saham yang dipunyai oleh semua parti gabungan PH dalam menyumbang kepada kejatuhan gabungan tersebut. Namun ia hanya menumpukan kepada satu faktor terbesar yang menjadi konsensus banyak pihak.

Dalam buku “*Projek Pascaetnik*”, penulis mengemukakan hujah bahawa “DAP dilihat masih terperangkap dengan kerangka besar politik Malaysia dan sering kali terjebak dalam kesukaran untuk menyesuaikan realpolitik parti itu dengan trajektori dan grid pengalaman Melayu-Islam” (Muhsin Irham, Muhamad Takiyuddin, Aizul Fahmi 2018:195). Dua puluh dua bulan di dalam kerajaan, DAP kelihatan masih gagal untuk belajar daripada pengalaman ini dan tidak keterlaluan untuk dinyatakan, orang Melayu umumnya berasa serik untuk mempercayai DAP atas apa juu justifikasi. Sebahagian mereka mungkin bukan merupakan penyokong PN, Muhyiddin serta tidak bersetuju dengan pembentukan kerajaan PN melalui kaedah “penajaran semula”. Namun ketidaksenangan mereka

pada masa yang sama dipampas dengan kegembiraan menyaksikan pemergian DAP dari koridor kuasa persekutuan.

## Penghargaan

Penyiapan artikel ini dibantu oleh geran GUP 2020-059.

## Rujukan

- Ahmad Suhaei Adnan. 2019. Guan Eng sahkan prakata komik propaganda daripada pihaknya. *Berita Harian Online*, 30 Oktober. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/623008/guan-eng-sahkan-prakata-komik-propaganda-daripada-pihaknya>
- Chandra Muzaffar & Mohd Hafiz Ismail (temu bual). 2020. Anwar, Dr Mahathir lebih baik berundur. *Sinar Harian Online*, 8 Mac. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/72931/BERITA/Politik/Anwar-Dr-Mahathir-lebih-baik-berundur>
- Free Malaysia Today*. 2016. Penjawat awam membebankan, kata Tony Pua. 25 Oktober. Diakses di <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/25/tony-pua-operasi-kerajaan-akan-lumpuh-jika-kurangkan-penjawat-awam/>
- Ida Lim. 2018. Pakatan needs Goldilocks approach to reforms, says academic. *The Malay Mail Online*, 2 Jun. Diakses di <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2018/06/02/pakatan-needs-goldilocks-approach-to-reforms-says-academic/1637743>
- Informan 'A'. 2020. 18 Mei. Temu bual.
- Informan 'H'. 2020. Anggota Kumpulan Pemikir Anwar Ibrahim. 20 April. Temu bual telefon.
- Jeyakumar Devaraj. 2020. Bagaimana tumbangnya Pakatan Harapan?- Satu analisis tentang pergolakan politik di Malaysia 2020. 4 Mac. Di akses di <https://sosialis.net/2020/03/04/bagaimana-tumbangnya-pakatan-harapan-satu-analisis-tentang-pergolakan-politik-di-malaysia-2020/>
- Johan Jaafar. 2020. Why DAP is a liability to PH?, *The Star Online*, 21 Januari. Diakses di <https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2020/01/21/why-dap-is-a-liability-to-ph>
- Koh Jun Lin. 2018. Tony Pua reveals why he was not appointed minister. *Malaysiakini*, 21 Julai. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/435307>
- Liew Chin Tong. 2020. The Strange Case of Muhyiddin Yassin (Part II). 15 Mei. Diakses di <https://www.liewchintong.com/2020/05/15/the-strange-case-of-muhyiddin-yassin-part-ii/>

- Malaysiakini*. 2019. Harapan ministers – how do they fare?. 31 Disember. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/505408>
- Mohd Fahim Mohd Farid. 2020. DAP – pandangan saya sebagai pemuda Bersatu. *Malaysiakini*, 4 Mac 2020. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/letters/513179>
- Muhamad Takiyuddin Ismail. 2019. Pakatan Harapan dan Badi Kuasa. *Sinar Harian*, 4 Mac 2019. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/16084/KHAS/Pendapat/Pakatan-Harapan-dan-badi-kuasa>
- Muhd Irham Abdul Aziz, Muhamad Takiyuddin Ismail, Aizul Fahmi Abdullah. 2018. *Projek Pascaetnik: Melayu dalam DAP*. Bangi: Penerbit UKM.
- Serina Rahman. 2018. Was it a Malay Tsunami? Deconstructing the Malay Vote in Malaysia's 2018 Election. *The Round Table: The Commonwealth Journal of International Affairs* 107 (6): 669-682.
- The Shawshank Redemption*. 1994. Castle Rock Entertainment.
- Today Online*. 3 April 2020. DAP tripled number of Malay reps to burnish multiracial image. Diakses di <https://www.todayonline.com/world/dap-tripled-number-malay-reps-burnish-multiracial-image>
- ZF Zamir. 2019. Kisah sebuah parti politik yang terlalu gopoh mahukan perubahan. *The Malaysian Insight*, 3 Mac. Diakses di <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/224643>

# 08

## MEDIA SOHOR KINI SEBAGAI PENYELESAI TEKA-TEKI POLITIK TUJUH HARI PANJANG

MOHD SHAZWAN MOKHTAR<sup>1</sup>

### Pengenalan

**M**enurut pengertian yang umum media ialah alat atau perantara komunikasi seperti radio, televisyen dan akhbar yang digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai (Kamus Dewan 2020). Manakala, apabila dikecilkkan kepada skopnya, pengertian media sosial tidak boleh dipisahkan dengan penggunaan teknologi komputer, khususnya internet. Perbincangan Trottier dan Fuchs (2015) merumuskan media sosial ialah kesemua sistem komputer dan aplikasi web dan semua bentuk media atas talian yang dapat menyampaikan pengetahuan kepada hubungan sosial dalam masyarakat. Sehubungan itu, perbincangan awal kajian ini cuba menjelaskan peranan media sebagai alat perakam bagi peristiwa lepas atau lebih tepatnya sejarah masa lampau. Namun, perkembangan pesat teknologi masa kini turut mempengaruhi evolusi media yang dicipta dalam pelbagai bentuk. Malah, media turut dilihat memainkan peranan sebagai sumber maklumat dalam peristiwa politik penting masa kini, terutamanya isu-isu yang menjadi sohor kini (*trending*) dalam perhatian masyarakat.

<sup>1</sup> Mohd Shazwan Mokhtar merupakan Pensyarah di Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal-Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau boleh dihubungi di [msm@ukm.edu.my](mailto:msm@ukm.edu.my)

Berdasarkan situasi tersebut, Malaysia telah muncul sebagai antara negara di Asia Tenggara yang mempunyai kadar penembusan yang tinggi dalam media sosial, dengan sekurang-kurangnya 80 peratus pengguna menggunakan perkhidmatan internet sehingga lapan jam dalam talian (*New Straits Times* 2019). Berdasarkan justifikasi ini, kajian dilakukan terhadap trend sohor kini dalam carian *Google* oleh pengguna media di Malaysia. Ini kerana, kebelakangan ini berlakunya penurunan trend pengguna terhadap media cetak, terutamanya beberapa akhbar tempatan yang mula menutup operasi. Kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada naratif krisis politik yang berlaku memandangkan kebebasan media di Malaysia dianggap dapat menghirup udara baharu apabila kerajaan Pakatan Harapan (PH) sebelum ini telah menggantung Akta Berita Tidak Benar. Justeru, artikel ini dapat menjadi permulaan kepada kajian lanjutan bagi menguji tahap kebebasan bermaklumat dalam kalangan pengamal media sebelum dan pasca kejatuhan PH (*Astro Awani* 2019).

Penulisan ini cuba merekonstruksikan krisis politik yang berlaku dalam tempoh tujuh hari tersebut berdasarkan sudut pandang data populariti dalam carian Google. Penggunaan data ini dapat menyediakan naratif di dunia media digital semenjak peletakan jawatan Mahathir Mohamad hinggalah pelantikan Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri Malaysia yang Kelapan. Analisis data ini dapat menunjukkan tahap populariti aktor-aktor politik sepanjang tempoh krisis, seperti Anwar Ibrahim yang dikatakan sebagai calon menunggu bagi jawatan Perdana Menteri dan Azmin Ali yang dikaitkan dengan isu pembelotan sehingga menyebabkan runtuohnya kerajaan PH. Di samping itu, analisis populariti turut dijalankan terhadap parti-parti politik yang dianggap sebagai pemain dalam mendapatkan sokongan majoriti untuk membentuk kerajaan. Berbanding dengan laporan media arus perdana yang menumpukan peranan *United Malays National Organisation* (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sejak awal krisis, data menunjukkan carian terhadap Bersatu atau Parti Peribumi Bersatu (BERSATU) lebih mendominasi. Dapatankajian menemukan bahawa Mahathir Mohammad mempunyai tahap populariti signifikan dalam carian pengguna ‘*Google Search*’ di Malaysia, berbanding tokoh politik lain iaitu Anwar Ibrahim dan Azmin Ali. Namun, populariti Mahathir merosot setelah Muhyiddin Yassin dilantik sebagai Perdana Menteri. Manakala, parti politik yang menjadi sohor kini pula ialah BERSATU dan UMNO berbanding PAS

yang berada pada kedudukan kedua selepas DAP berdasarkan peratusan dalam *Google Trends* (2020). Tumpuan terhadap BERSATU dan UMNO ini juga selari dengan tahap populariti melebihi 40 peratus bagi kata kunci Islam dan Melayu dalam *Google Trends* (2020). Keadaan ini menunjukkan faktor Islam dan Melayu tetap mendominasi corak politik masyarakat Melayu di Malaysia. Peningkatan signifikan populariti terhadap tokoh dan parti politik ini juga menunjukkan kedudukan media sebagai sumber utama bagi penduduk Malaysia untuk memahami krisis politik yang berlaku. Walau bagaimanapun, sumber media mempunyai batasannya iaitu cenderung kepada spekulasi berbanding dengan fakta sebenar disebabkan faktor keterbatasan sumber maklumat rasmi. Oleh sebab itu, naratif yang dibawakan sama ada media sosial mahupun elektronik berubah-ubah setelah kenyataan rasmi Istana Negara dikeluarkan.

## Konstruksi Peristiwa Lepas Berdasarkan Sumber Media

Sumber media merupakan salah satu sumber utama atau sumber primer yang boleh digunakan sebagai rujukan dalam membina historiografi bagi peristiwa lepas yang tertentu. Sumber ini termasuklah media dalam bentuk audio visual, akhbar atau sebarang bentuk bahan bercetak yang lain (Muhd. Yusof 2016: 179). Dalam kajian sejarah politik Malaysia, sumber media sering mendapat perhatian pengkaji bagi mendapat gambaran keseluruhan terhadap sesuatu peristiwa yang dikaji, misalnya reaksi penduduk Tanah Melayu dalam menentang rancangan Malayan Union. Sumber media juga turut memaparkan pengalaman krisis politik di Tanah Melayu ketika era penjajahan British (Mohd Shazwan 2019). Bahkan, sumber media turut dijadikan data bagi kajian terhadap propaganda sama ada daripada pihak kerajaan, parti politik mahupun persaingan antara negara (Muhammad Aslah Akmal & Mohd 2018). Isu ini boleh dikaitkan dengan situasi semasa yang dihadapi Malaysia dalam menangai kempen pengharuman minyak sawit oleh media-media di Eropah (Shahril 2018). Justeru, sebelum meneliti peranan media dalam merekonstruksikan peristiwa masa kini, wajar difahami latar belakang sejarah media di Malaysia sebagai penghubung kefahaman masa lampau dengan hari ini.

Perkembangan awal media di Malaysia boleh disorot kembali sejak tahun 1821 iaitu ketika majalah *Bustan Arifin* diterbitkan dalam tulisan jawi yang turut dibantu oleh Abdullah Munsyi. Pada peringkat

perkembangan ini, akhbar dan majalah yang diterbitkan memberi tumpuan terhadap penambahan ilmu dan penyampaian dakyah agama kepada pembacanya. Selepas itu, menjelang tahun 1850, perkembangan akhbar mula berperanan sebagai penghubung antara kerajaan kolonial dengan penduduk tempatan. Tambahan lagi, bentuk media ini digunakan sebagai alat persaingan pengaruh antara Syarikat Hindia Timur Inggeris dengan Kompeni Hindia Timur Belanda. Dalam pada masa yang sama, perkembangan penerbitan akhbar ini juga turut dipengaruhi dengan trend penggunaan mesin cetak oleh mubaligh Kristian dalam menyampaikan risalah dakwahnya (Ahmat 1994: 20-21). Walaupun begitu, pada peringkat awal perkembangannya, isu-isu akhbar hanya terbatas terhadap isu-isu tempatan tempat penerbitannya. Namun, setelah penerbitan *Utusan Melayu* pada tahun 1939 sebagai akhbar bersifat nasional, isu yang dilaporkan turut melibatkan berita dari seluruh negara. Perkembangan ini juga telah mempengaruhi gerakan politik nasionalis dalam kalangan masyarakat tempatan menerusi penyebaran aspirasi kebangsaan menerusi penulisan akhbar dan bentuk media yang lain. Tokoh-tokoh penting dalam gerakan ini termasuklah Abdul Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad dan A. Samad Ismail (*Berita Harian Online* 2018).

Selain itu, media turut memainkan peranan sebagai penghubung antara kerajaan dengan rakyat (Mazlan 2009: 22-23). Malah berdasarkan pengalaman sejarah politik Tanah Melayu, akhbar telah digunakan bagi mengkritik pentadbiran kolonial yang boros berbelanja pada tahun 1920-an. Tambahan lagi, medium yang sama turut digunakan pertubuhan dari luar negara. Misalnya, tindakan Persatuan British Malaya di London yang mengkritik secara terang-terangan krisis kewangan yang berlaku di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu selepas Perang Dunia Pertama (Mohd Shazwan 2019b).

Kedudukan media pascakemerdekaan Malaysia ialah sebagai institusi signifikan bagi pihak pemerintah untuk memperkuatkan kedudukannya. Khususnya penerbitan akhbar yang mula dikuasai oleh ahli dan kumpulan yang rapat dengan ahli politik yang memerintah. Peristiwa penting penguasaan parti politik terhadap institusi akhbar ialah pengambilalihan syarikat akhbar *Utusan Melayu* oleh ahli dan kumpulan yang rapat dengan UMNO pada tahun 1961. Kesannya *Utusan Melayu* mula menjadi instrumen politik UMNO sebagai parti pemerintah. Di samping itu, pengukuhan kuasa politik pemerintah UMNO berlaku menerusi kawalan kebebasan media pascaperistiwa 13

Mei 1969. Peristiwa rusuhan ini dijadikan antara alasan oleh kerajaan ketika itu untuk mengetatkan kawalan kebebasan media khususnya akhbar, menerusi undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan ada daripadanya warisan daripada undang-undang ketika penjajahan British seperti, Ordinan Mesin Cetak 1948, Ordinan Hasutan 1948 dan Ordinan Kawalan Penerbitan yang Diimport 1958 (Mohd. Safar 1996: 241-295).

Dominasi parti pemerintah dalam media sebagai kuasa politik terus berlaku hingga PRU 2018. Dominasi ini berlaku menerusi kawalan kewangan oleh Barisan Nasional (BN) terhadap media-media utama di Malaysia seperti kumpulan *Media Prima* dan penerbitan akhbar utama seperti *New Straits Times*, *Harian Metro*, *Berita Harian*, *Utusan Malaysia*, *Kosmo* dan *Mingguan Malaysia* (Mustaffa 2002; Tapsell 2013). Seterusnya, kawalan kebebasan media ketika pemerintahan BN mencapai klimaksnya pada tahun 2016, apabila Jabatan Keadilan (DOJ), Amerika Syarikat mengkritik masalah hak asasi Malaysia yang turut melibatkan sekatan kerajaan terhadap kebebasan akhbar dan media sejak tahun 2014 iaitu ketika bermulanya isu skandal kewangan kerajaan, ugutan dan siasatan Polis serta dakwaan jenayah. Dalam laporan tersebut juga DOJ turut mengiktiraf kedudukan media atas talian yang dikatakan lebih bebas dan mempunyai perspektif yang kritikal. Namun, jenis media ini juga sering berhadapan dengan tindakan undang-undang (Department of Justice 2016). Keadaan ini boleh dikaitkan dengan peranan media elektronik yang menyampaikan isu-isu utama seperti 1MDB, lantikan politik dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC), kerajaan tempatan dan juga perubahan kerajaan. Namun, berbanding dengan pengalaman sejarah yang lepas, peranan media dalam konteks hubungan antara kerajaan dengan rakyat pada hari ini ialah lebih bersifat kritikal. Dengan kata lain, walaupun terdapat kumpulan media yang dikawal oleh parti pemerintah dan wujudnya kawalan kebebasan media menerusi undang-undang, kritikan terhadap kerajaan tetap boleh disampaikan menerusi media alternatif atau media baharu. Situasi ini sebenarnya memberi kelebihan kepada rakyat khususnya pengundi atas pagar dalam menilai sesuatu naratif isu yang dibawa sama ada media pro kepada kerajaan ataupun media yang pro kepada pembangkang. Malah, ahli-ahli politik turut menggunakan kemudahan media alternatif sebagai ‘sidang media’ peribadi mereka tanpa bergantung kepada media arus perdana yang mempunyai batasan atau kawalan tertentu. Tambahan lagi, keupayaan

tular atau sohor kini yang dimiliki dalam sistem media baharu menjadi kelebihan bagi pengamal politik untuk menyampaikan propagandanya atau menjawab sebarang isu yang ditimbulkan oleh pihak lawan (Fahmi 2020: temu bual whatsapp).

Eksplorasi media baharu oleh parti pembangkang telah mempengaruhi kemerosotan pengaruh BN sebagai parti pemerintah sejak PRU 2008. Penggunaan media baharu seperti *YouTube* dan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* yang dekat dengan masyarakat secara langsung mempengaruhi persepsi penggunanya terhadap kerajaan BN (Yahya 2017). Namun, setelah PH mengambil alih pentadbiran kerajaan menerusi PRU 2018, penguasaannya terhadap media baharu ini dikatakan merosot yang menjadi antara faktor penting mersosotnya kepercayaan awam terhadap pentadbiran PH (Zee How Tai 2020: temu bual skype; Mohamad Firdaus 2020: temu bual facebook). Kelemahan ini turut diakui Mahathir sendiri berkaitan prestasi kabinet kerajaan yang sering menjadi propaganda dalam media sosial oleh pihak lawan. Tambahan pula, beliau juga mengakui kerajaan PH turut mempunyai masalah komunikasi dengan rakyat, apabila kejayaan dan pencapaian kerajaan PH tidak disampaikan dengan baik (Nurhidayah 2019; Rohaniza, Mohd Azrone, Mohd Nasaruddin & Ahmad Suhael 2019). Kelemahan ini boleh dikaitkan dengan dasar kerajaan PH sendiri yang terlalu berjimat dalam kempen penerangan atau propaganda media, berbanding dasar kerajaan BN sebelumnya yang berbelanja besar untuk kempen 1Malaysia (Mohamad Firdaus 2020: temu bual facebook). Selain itu, perubahan kebebasan media yang cuba dibawa oleh pentadbiran PH, terutamanya pemansuhan Akta Berita Tidak Benar 2018 yang diperkenalkan kerajaan BN secara tergesa-gesa menjelang PRU 2018, turut memberi kesan terhadap persepsi masyarakat terhadap PH (Chamil 2020; Mohamad Firdaus 2020: temu bual facebook). Kebebasan media ini turut melibatkan sikap kerajaan PH yang dipimpin Mahathir dianggap tidak bersifat membala dendam terhadap isu kritikan media terhadap pentadbirannya (Fahmi 2020: temu bual whatsapp).

Perkembangan revolusi perindustrian turut mempengaruhi perkembangan peranan media secara global. Berdasarkan pengalaman sejarah, revolusi industri yang berlaku di Eropah sejak abad ke-18 turut mempengaruhi kelahiran sumber media baharu yang dikenali sebagai kewartawanan moden. Pada ketika ini, fungsi media tidak terhadap isu-isu masyarakat dan politik setempat sahaja, bahkan isu

ekonomi global dan maklumat komersial antarabangsa mula menjadi bahan laporan dalam media. Ini termasuklah penubuhan syarikat media terkemuka dunia iaitu *Reuters* yang bukan sahaja berperanan sebagai pemain media dalam empayar British, malah berperanan sebagai pembekal perkhidmatan komunikasi telegram (Unwin, Tucker, Unwin 2020). Namun, perkembangan lebih pesat berlaku pada masa kini iaitu era Revolusi Perindustrian keempat (4IR) telah meluaskan lagi peranan media. Aplikasi teknologi dalam pengamalan media telah menjadikan peranannya lebih bersifat global dalam mengintegrasikan kerjasama antara sektor perniagaan, kerajaan dalam masyarakat awam (*World Economic Forum* 2020). Perkembangan ini sebenarnya turut memberi kelebihan kepada persaingan politik dalam menjadikan media sebagai strategi untuk mendapatkan sokongan awam mahupun untuk menjatuhkan pihak lawan. Misalnya, penggunaan media sosial ketika Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat pada tahun 2008. Peristiwa ini telah menyaksikan rekod penggunaan lebih satu ribu kumpulan *Facebook* telah dibuka sebagai platform sokongan politik kepada Barack Obama dari Parti Demokratik dan juga John McCain yang merupakan calon Parti Republikan. Manakala, perkhidmatan media sosial yang sama turut digunakan pada tahun 2011 oleh aktivis dalam protes terhadap kerajaan Mesir ketika pemerintahan Presiden Hosni Mubarak pada tahun 2011 (Hall 2019). Situasi yang hampir sama berlaku di Malaysia, tetapi trend menggunakan media sebagai alat serangan peribadi dan propaganda seperti telah menjadi kelaziman dalam lapangan politik negara.<sup>2</sup> Penggunaan media ini menjadi cabaran kepada ahli politik dan juga masyarakat awam dalam menilai keabsahan atau autentisitinya, kerana maklumat seumpama ini mampu disebarluaskan dalam masa singkat dengan hanya menggunakan aplikasi media komunikasi yang rapat dengan pengguna seperti *WhatsApp*, *YouTube*, *Facebook* dan *Twitter*.

Masalah ini juga merupakan cabaran yang bakal dihadapi oleh pengkaji pada masa depan dalam menentukan kebenaran maklumat dari sumber-sumber teknologi media. Ini bermakna, jika pada hari ini pengkaji berhadapan masalah dalam mengasingkan mitos daripada teks-teks klasik Melayu dalam mencari kebenaran terhadap fakta sesuatu peristiwa, tidak mustahil pengkaji pada masa hadapan akan

<sup>2</sup> Contohnya isu video intim yang dikaitkan dengan seorang Menteri Kabinet (Fareez 2020) dan isu gambar intim yang dikaitkan dengan seorang Ahli Parlimen (Hasbullah 2020)

berhadapan dengan masalah yang sama dalam menilai sumber-sumber maklumat daripada media elektronik. Ini kerana kedudukan media elektronik yang dekat di hujung jari masyarakat menjadikannya sebagai sumber untuk mendapatkan maklumat tentang keadaan politik semasa. Kajian Ali Salman et al. (2018) membuktikan penggunaan aplikasi *Facebook* dan *Whatsapp* merupakan perkhidmatan media sosial tertinggi yang digunakan untuk mendapatkan maklumat di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Berdasarkan tahap ini sebanyak 65.5% sumber akhbar digunakan bagi mendapatkan maklumat politik, manakala 63.5% pula merupakan penggunaan sumber aplikasi media sosial. Namun, pengamatan terhadap sejarah perkembangan media elektronik, khususnya media sosial masih boleh dikatakan masih muda ataupun baru lagi memandangkan kebanyakan platform atau penyedianya hanya mula berkembang dengan pesat pada awal tahun 2000-an.

## Situasi Media Ketika Tujuh Hari Panjang

Keputusan Mahathir Mohammad meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia pada 24 Februari 2020 merupakan titik permulaan kepada krisis politik negara yang berlaku selama tujuh hari. Sepanjang tempoh ini terdapat dua kumpulan media yang berperanan menyampaikan situasi semasa politik negara kepada masyarakat awam. Pertamanya ialah media arus perdana yang mempunyai lesen penyiaran daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan yang kedua ialah media alternatif yang dihasilkan oleh individu atau organisasi tertentu sama ada menerusi platform akses terbuka mahupun terhad (Zee How Tai 2020: temu bual skype; Atkinson 2017: 175-176). Dalam tempoh ini juga, kedua-dua kumpulan media ini mempunyai hubungan saling kebergantungan antara satu sama lain. Keadaan ini berlaku kerana media-media arus perdana seperti *Astro Awani*, *Kumpulan Media Prima* dan akhbar tempatan hanya melaporkan data mentah atau maklumat rasmi sahaja kepada masyarakat awam. Justeru, persoalan-persoalan lanjut hanya dibincangkan atau diinterpretasi oleh media alternatif, malah ada pada kalanya media arus perdana terpaksa bergantung dengan media alternatif seperti media sosial bagi mendapatkan maklumat berkaitan situasi semasa (Zee How Tai 2020: temu bual skype; Fahmi 2020: temu bual whatsapp).

## Trend yang Menjadi Sohor Kini dalam *Google Trends*

Bagi menggambarkan situasi sohor kini sepanjang tempoh hari krisis politik di Malaysia, analisis dilakukan terhadap data yang disediakan oleh *Google Trends* bagi menilai tahap perhatian penggunaan *Google* di Malaysia dan global terhadap situasi politik yang berlaku sepanjang tempoh hari selepas jatuhnya kerajaan Pakatan Harapan (PH). Penggunaan data yang disediakan oleh *Google* dipilih disebabkan tahap penggunaannya yang signifikan dalam kalangan pengguna internet di Malaysia. Pada tahun 2018, sebanyak 31.3 peratus rakyat Malaysia telah menggunakan *Google Plus* iaitu rangkaian sosial yang menghubungkan sumber media baharu lain seperti *Blogger* dan *YouTube* yang digunakan oleh 48.3 peratus rakyat Malaysia (*Malaysian Communications and Multimedia Commission* 2018). Di samping itu, data yang disediakan oleh *Google Trends* juga dapat memberi gambaran bagi tahap populariti tokoh atau parti politik dalam kalangan pengguna *Google Plus* di Malaysia. Justeru, tumpuan diberikan kepada trend carian keseluruhan yang dilaporkan oleh *Google Trends* (2020) yang menunjukkan berlakunya peningkatan carian terhadap pemimpin politik dan isu-isu yang berlaku sepanjang tempoh tersebut seperti Perdana Menteri Interim, Langkah Sheraton, Melayu dan Islam. Analisis ini juga dapat menghubung kait situasi politik semasa dengan sikap atau trend penggunaan rakyat Malaysia terhadap media khususnya melalui enjin carian *Google*.

**Jadual 8.1: Perbandingan Trend Carian ‘Mahathir’, ‘Pakatan Harapan’ ‘Anwar Ibrahim’ dan ‘Azmin Ali’ di Malaysia**

Wilayah	Mahathir: (2/24/20- 3/2/20)	Pakatan Harapan: (2/24/20 - 3/2/20)	Anwar Ibrahim: (2/24/20 - 3/2/20)	Azmin Ali: (2/24/20 - 3/2/20)
W. P. Kuala Lumpur	67%	8%	15%	10%
Selangor	65%	7%	18%	10%
W. P. Putrajaya	66%	8%	21%	5%
Pulau Pinang	63%	8%	16%	13%
W. P. Labuan	64%		36%	
Sabah	67%	9%	16%	8%
Sarawak	61%	10%	19%	10%
Melaka	63%	13%	15%	9%
Perak	64%	11%	16%	9%
Pahang	64%	8%	16%	12%
Johor	65%	7%	17%	11%

**Jadual 8.1: Perbandingan Trend Carian ‘Mahathir’, ‘Pakatan Harapan’ ‘Anwar Ibrahim’ dan ‘Azmin Ali’ di Malaysia (Sambungan)**

Wilayah	Mahathir: (2/24/20- 3/2/20)	Pakatan Harapan: (2/24/20 - 3/2/20)	Anwar Ibrahim: (2/24/20 - 3/2/20)	Azmin Ali: (2/24/20 - 3/2/20)
Terengganu	73%	6%	10%	11%
Kelantan	68%	8%	16%	8%
Negeri Sembilan	63%	7%	17%	11%
Kedah	54%	17%	17%	12%
Perlis	64%	18%	18%	

Sumber: Data diekstrak daripada <https://trends.google.com>

Jadual 8.1 membandingkan peratusan sohor kini dalam tempoh 24 Februari hingga 2 Mac 2020 berkaitan kata kunci ‘Mahathir’, ‘Pakatan Harapan’ ‘Anwar Ibrahim’ dan ‘Azmin Ali’ menerusi enjin carian *Google*. Data ini menunjukkan wujudnya perhatian yang tinggi oleh pengguna media terhadap Mahathir berbanding tiga kata kunci yang lain. Tambahan pula, data ini turut menunjukkan berlakunya trend populariti yang rendah terhadap PH dan Anwar Ibrahim di seluruh negeri-negeri dalam Malaysia. Kemerosotan trend PH boleh dikaitkan dengan masalah kepercayaan antara parti komponen dan tahap kepuasan rakyat terhadap pentadbiran kerajaan PH sebelum ini (Zee How Tai 2020: temu bual skype). Sementara itu, perhatian terhadap tahap populariti Mahathir boleh dikatakan mapan di setiap negeri. Jika ditinjau di peringkat global pula, trend carian yang tinggi terhadap Mahathir juga berlaku di berberapa negara, malah peratus kadarnya lebih tinggi iaitu 79.1 peratus berbanding di Malaysia yang hanya mencatatkan kadar peratusan di bawah 70 peratus. Ini menunjukkan bahawa tahap populariti Mahathir ialah lebih tinggi di peringkat global berbanding di Malaysia. Antara negara yang mencatatkan peratusan carian tinggi terhadap Mahathir ialah Brunei, Singapura, Kembboja, Indonesia, Myanmar, Pakistan, Australia, Hong Kong, Kuwait, New Zealand, Bangladesh, Arab Saudi, India, United Kingdom, Korea Selatan, Kanada, Taiwan, Vietnam, Amerika Syarikat, Jerman, Perancis, Brazil dan Jepun (*Google Trends 2020*).

Namun, populariti Mahathir mula merosot apabila, trend peratusan cari bagi kata kunci ‘Mahathir’ mengalami penurunan pada 28 Februari 2020, iaitu setelah beliau selaku Perdana Menteri Interim mengumumkan tiada majoriti untuk membentuk kerajaan dan menyerahkan mandat tersebut kepada Dewan Rakyat (*Astro*

*Awani* 2020). Walaupun tindakan Mahathir ini dikritik *UMNO Online*, pihak Istana Negara melalui Datuk Pengelola Bijaya Diraja telah memaklumkan bahawa Yang di-Pertuan Agong masih belum yakin mengenai Ahli Parlimen yang boleh meraih sokongan majoriti bagi membentuk kerajaan baharu (Iwan 2020). Sementara itu, kata kunci ‘Muhyiddin Yassin’ mula mencatatkan peningkatan berbanding kata kunci yang lain setelah media arus perdana mula melaporkan Muhyiddin Yassin yang juga merupakan Presiden BERSATU telah mendapat jumlah majoriti yang cukup untuk membentuk kerajaan (Joceline 2020). Kemuncak kepada carian tertinggi ‘Muhyiddin Yassin’ berlaku pada 29 Februari 2020 apabila Yang di-Pertuan Agong, telah berkenan untuk melantik Muhyiddin sebagai Perdana Menteri Malaysia kelapan (*Google Trends* 2020; *The Star Online* 2020).

**Jadual 8.2: Perbandingan Trend Carian ‘Azmin Ali’, ‘Muhyiddin Yassin’ ‘Mahathir’, ‘Islam’ dan ‘Melayu’ di Malaysia**

Hari	Azmin Ali: (Malaysia)	Muhyiddin Yassin: (Malaysia)	Mahathir: (Malaysia)	Islam: (Malaysia)	Melayu: (Malaysia)
2020-02-24	14	2	100	85	58
2020-02-25	6	1	28	55	65
2020-02-26	4	1	23	49	59
2020-02-27	2	1	18	55	64
2020-02-28	2	8	14	54	59
2020-02-29	4	43	22	42	63
2020-03-01	3	23	23	45	70
2020-03-02	2	12	10	53	61

Sumber: Data diekstrak daripada <https://trends.google.com>

Jadual 8.2 pula menunjukkan perbandingan trend carian bagi tiga tokoh politik yang menjadi aktor utama dalam krisis politik yang berlaku dalam tempoh yang sama. Secara keseluruhannya, ‘Melayu’ lebih popular dan mendominasi carian *Google* di Malaysia berbanding Islam, Azmin Ali, Muhyiddin Yassin dan Mahathir. Data ini sebenarnya menyokong pandangan terhadap politik Malaysia yang sebenarnya ditunjangti dengan isu Melayu dan Islam. Sebagai contoh, Mohd Izani (2020) menganggap tamatnya krisis politik Malaysia menerusi pembentukan kerajaan baharu oleh Muhyiddin merupakan permulaan kepada kerajaan yang didominasi faktor Melayu, Islam dan Bumiputera. Walaupun

begitu, apabila diteliti dengan lebih mendalam, data dari ‘*Google Trends*’ menunjukkan carian tertinggi bagi kata kunci Melayu hanya berlaku di negeri Sabah, Sarawak, Johor, Kuala Lumpur, Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Analisis lanjut ‘*Google Trends*’ terhadap kata kunci ‘malaysiakini bahasa melayu’ merupakan carian tertinggi yang diasosiasikan oleh pengguna *Google* dengan kata kunci ‘Melayu’. Manakala, bagi kata kunci ‘Azmin Ali’ pula dikaitkan dengan kata kunci ‘pengkhianat’, ‘Muhyiddin Yassin’ dengan kata kunci ‘biodata’ dan ‘*malaysia prime minister*’ serta ‘Mahathir’ yang dikaitkan dengan kata kunci ‘anwar ibrahim, tun Mahathir news’. Di samping itu, carian tertinggi bagi kata kunci Islam hanya didominasi negeri Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Perlis.

**Jadual 8.3: Perbandingan Trend Carian Parti Politik di Malaysia**

Wilayah	Bersatu: (2/24/20- 3/2/20)	UMNO: (2/24/20 - 3/2/20)	DAP: (2/24/20 - 3/2/20)	Keadilan: (2/24/20 - 3/2/20)	PAS: (2/24/20 - 3/2/20)
W. P. Putrajaya	57%	17%	17%		9%
Perlis	40%	13%		13%	34%
Melaka	44%	24%	11%		21%
Kedah	36%	22%	6%	8%	30%
W. P. Labuan	50%	50%			
Terengganu	22%	32%	9%	10%	27%
Pulau Pinang	38%	18%	24%	1%	19%
Selangor	35%	25%	21%	3%	16%
Negeri Sembilan	27%	31%	25%	3%	14%
Kelantan	24%	26%	14%	6%	30%
Perak	31%	24%	25%	8%	14%
W. P. Kuala Lumpur	31%	24%	24%	3%	18%
Pahang	20%	33%	19%	4%	24%
Sabah	26%	27%	27%	4%	16%
Johor	36%	24%	28%	2%	10%
Sarawak	21%	26%	24%	11%	18%

*Sumber:* Data diekstrak daripada <https://trends.google.com>

Jadual 8.3 pula memaparkan perbandingan peratusan trend carian *Google* bagi parti-parti politik utama iaitu BERSATU, UMNO, Democratic Action Party (DAP), Parti Keadilan Rakyat (Keadilan) dan PAS. Secara keseluruhannya *Google Trends* (2020) merekodkan

tiada jumlah carian yang signifikan direkodkan bagi parti-parti tertentu seperti DAP di negeri Perlis dan Labuan, Keadilan di Putrajaya, Melaka dan Labuan serta PAS juga di Labuan. Manakala, selaras dengan trend carian yang tinggi bagi kata kunci Melayu dalam Jadual 8.2, BERSATU mencatatkan peratusan carian yang tinggi berbanding UMNO. Ini selaras dengan jumlah peratusan carian tertinggi bagi parti di peringkat negeri, apabila carian terhadap BERSATU mencatatkan peratusan yang tinggi di negeri Johor, Melaka, Selangor, Kuala Lumpur, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Terengganu dan Sabah. Peratusan carian tertinggi bagi UMNO hanya dicatatkan di Negeri Sembilan, Pahang dan Sarawak. Manakala PAS hanya mendapat perhatian di Kelantan.

Data ini juga menggambarkan tumpuan majoriti pengguna *Google* terhadap BERSATU dalam mencari jawapan teka-teki sepanjang krisis politik yang berlaku. *Google Trends* (2020) turut melaporkan isu ‘bersatu keluar PH’ merupakan kata kunci yang diasosiasikan dengan carian tertinggi bagi kata kunci ‘bersatu’. Trend ini mendapat perhatian hampir di seluruh Malaysia kecuali negeri Terengganu, Melaka, Perlis, Putrajaya, Labuan dan Sarawak. Manakala, carian lain yang berkaitan ialah kata kunci ‘Muhyiddin Yassin’ dan ‘setiausaha politik bersatu’. Situasi berlainan berlaku dalam analisis data carian kata kunci ‘UMNO Online’ apabila *Google Trends* (2020) melaporkan UMNO menjadi tumpuan carian oleh media-media cetak seperti *Harian Metro*, *Harakah*, *Berita Harian* serta media penyiaran *Astro Awani*. Walaupun begitu, carian terhadap *UMNO Online* tidak mencatatkan peratus signifikan di Perlis, Labuan dan Putrajaya. Sementara terdapat lima negeri yang mencatatkan peratusan di bawah 60 peratus iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Sarawak, Sabah, Johor dan Pulau Pinang.

Secara keseluruhannya, Mahathir Mohamad dan BERSATU menjadi carian sohor kini dan popular sepanjang tempoh krisis politik Malaysia sehingga Muhyiddin Yassin dilantik sebagai Perdana Menteri. Namun, data sohor kini ini tidak dapat menggambarkan keadaan sebenar yang berlaku sepanjang tempoh tersebut. Malah, data ini juga tidak memberikan gambaran siapakah sebenarnya ‘*kingmaker*’ dalam penubuhan kerajaan baharu? Persoalan ini sebenarnya meragukan pendirian PAS sebelum ini yang yakin bahawa parti tersebut mempunyai kelebihan sebagai ‘*kingmaker*’ bagi membentuk kerajaan baharu menggantikan PH (Zulaikha 2018). Sedangkan, situasi sebenar yang berlaku ialah tindakan BERSATU keluar daripada PH telah membuka

peluang kepada kerjasama politik Perikatan Nasional untuk membentuk kerajaan baharu. Malah, *Google Trends* (2020) turut menunjukkan bahawa tumpuan terhadap BERSATU dan UMNO lebih dominan berbanding PAS, sementara Parti Keadilan Rakyat (PKR) seolah-olah hilang populariti dalam tumpuan carian *Google* di Malaysia ketika tempoh krisis.

## **Tafsiran Media Terhadap Isu dalam Krisis Politik Tujuh Hari**

Perbincangan sebelum ini hanya memberi tumpuan terhadap trend pengguna enjin carian *Google* sepanjang tempoh krisis politik tujuh hari. Data *Google Trends* (2020) tersebut hanya menunjukkan tahap populariti dan sohor kini bagi kata kunci tokoh dan parti politik tertentu yang terlibat dalam krisis politik tujuh hari. Ironinya, walaupun data tersebut telah membuktikan wujudnya kemerosotan populariti PH, data *Google Trends* (2020) turut menunjukkan tahap populariti terhadap Mahathir yang mapan, sedangkan media arus perdana lebih menumpukan Langkah Sheraton sebagai faktor utama kejatuhan kerajaan PH. Trend ini juga menunjukkan berlakunya ketidakselaruan antara tumpuan pengguna *Google* dengan naratif yang dibawa oleh media arus perdana. Oleh itu, topik ini cuba menilai naratif dibawa oleh media arus perdana yang dianggap sebagai jawapan bagi teka-teki krisis politik yang berlaku. Ini kerana, media arus perdana dikatakan berperanan sebagai sumber rujukan oleh pengguna media di Malaysia ketika mencari jawapan terhadap teka-teki krisis politik yang berlaku setelah jatuhnya kerajaan PH (Zee How Tai 2020: temu bual skype). Di samping itu, perbincangan ini turut menjelaskan lagi trend yang berlaku dalam *Google Trends* (2020), khususnya mengapa Mahathir menjadi sohor kini dan peranan Istana Negara dalam menyelesaikan teka-teki yang sebenarnya lahir daripada spekulasi media.

Peristiwa keruntuhan kerajaan PH masih diselubungi pelbagai andaian dan teori sama ada daripada penganalisis politik mahupun masyarakat awam. Bahkan, isu ini tetap menjadi tumpuan media arus perdana walaupun setelah seminggu kerajaan baharu dibentuk. Walau bagaimanapun, keretakan kerajaan PH bukan sesuatu yang disembunyikan, kerana sejak awal tahun 2020 lagi, media dan penyokong-penyokong Anwar Ibrahim mula menggesa isu peralihan kuasa. Kemuncaknya ialah ketika Mesyuarat Majlis Presiden pada 21

Februari 2020, apabila media melaporkan Majlis Presiden PH bersetuju agar Mahathir sendiri yang akan menentukan tarikh peralihan kuasa. Persoalan timbul, mengapa berlakunya perjumpaan dalam kalangan ahli parliment selang sehari kemudian di Hotel Sheraton? Adakah sebenarnya wujud desakan agar Mahathir menyerahkan kuasa sebelum Persidangan APEC seperti yang dijanjikan dalam mesyuarat Majlis Presiden PH? Malah, adakah benar sememangnya wujud konspirasi dalam kalangan ahli parliment PH untuk mengadakan undi tidak percaya terhadap Mahathir sehingga mewajarkan Langkah Sheraton? Persoalan-persoalan yang dilaporkan oleh media ini seterusnya menjadi teka-teki kepada berlakunya krisis politik negara. Contohnya, laporan berkaitan wujudnya usaha UMNO dan PAS mengumpulkan akuan bersumpah sebagai langkah untuk menyekat sebarang usaha undi tidak percaya kepada Mahathir dan sebagai tanda sokongan supaya Mahathir dapat menjalankan tugas Perdana Menteri sehingga akhir penggal (Mohd Anwar 2020).

Teka-teki juga timbul terhadap tujuan sebenar Langkah Sheraton kerana tindakan anggota Langkah Sheraton yang mendiamkan diri dan tiada sidang media rasmi yang diadakan. Justeru, pelbagai jawapan penyelesaian cuba diberikan oleh media bagi menjelaskan situasi sebenar yang berlaku dalam perjumpaan ahli parliment di Hotel Sheraton. Contohnya, laporan *Malaysiakini* yang merujuk Langkah Sheraton sebagai perhimpunan 11 ahli parliment yang meninggalkan PKR untuk bergabung dengan BERSATU, BN, PAS, Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan WARISAN (Nigel & Zikri 2020). Namun, pendirian WARISAN yang tetap menyokong Mahathir tetapi boleh bekerjasama dengan kerajaan baharu meragukan tafsiran media tersebut. Malah, laporan media terhadap tindakan GPS yang mengumumkan sokongan kepada Mahathir dan seterusnya disampaikan kepada Yang di-Pertuan Agong juga meragukan, apabila media turut melaporkan perubahan pendirian GPS yang menyokong Muhyiddin kerana Mahathir tidak tegas (Mohd Roji 2020; Larissa 2020). Justeru, timbul persoalan sejauh mana kejujuran pendirian ahli parliment yang dilaporkan oleh media sebelum mereka bertemu dengan Yang di-Pertuan Agong? Dalam kes ini, hanya pihak istana sahaja yang mengetahui pendirian sebenar mereka. Walau bagaimanapun, analisis data *Google Trends* (2020) tidak menunjukkan sebarang peratusan signifikan bagi carian kata kunci ‘Langkah Sheraton’ dan hanya menunjukkan tumpuan cariannya di negeri Selangor. Trend

yang sama berlaku dengan carian bagi kata kunci ‘kerajaan pintu belakang’ yang hanya tertumpu di negeri Selangor dan Johor. Situasi ini menunjukkan isu Langkah Sheraton tidak menjadi tumpuan pengguna media di Malaysia pada masa tersebut.

Pelantikan Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Interim pada hari yang sama beliau meletakkan jawatan merupakan peristiwa sejarah baharu bagi Malaysia kerana ia tidak pernah dilakukan sebelum ini. Kenyataan Ketua Setiausaha Negara yang hanya menyebut keputusan pelantikan tersebut ialah selaras Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan telah menimbulkan pelbagai persoalan dalam kalangan ahli politik juga masyarakat awam dengan alasan tiada istilah Perdana Menteri Interim dalam perlembagaan (*UMNO Online* 2020). Pada peringkat awal, rata-rata media menyampaikan sudut pandang dan spekulasi yang pelbagai terhadap bidang kuasa dan kedudukan Perdana Menteri Interim. Antaranya, sebagai Perdana Menteri Interim, Mahathir tidak boleh mengadakan dasar dan keputusan baharu sehingga pelantikan Perdana Menteri yang baharu (Afiq 2020). Namun, ada juga yang berpandangan bahawa, Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk mengehadkan skop kuasa dan arahan berkaitan kuasa Perdana Meteri Interim (Muhammad Fathi 2020). Sungguhpun begitu, pihak media tetap dilihat tidak mempunyai maklumat yang muktamad tentang isu kedudukan Perdana Menteri Interim kerana pandangan yang disampaikan ialah berdasarkan tafsiran individu atau responden terhadap Perlembagaan Persekutuan berkaitan isu tersebut. Bahkan, dalam satu sesi wawancara, Kamarul Bahrin Haron yang merupakan penyampai, wartawan, penerbit dan Timbalan Ketua Pengarang *Astro Awani* mengakui wujudnya kekurangan maklumat ketika Mahathir dilantik sebagai Perdana Menteri Interim (*Astro Awani* 2020b). Walau bagaimanapun, teka-teki ini dianggap selesai pada akhir Februari, apabila media mula melaporkan Warta Kerajaan yang menyatakan kedudukan sebenar Perdana Menteri Interim yang bertanggungjawab terhadap semua jabatan kerajaan persekutuan termasuk perkara yang dipertanggungjawab di bawah bidang kuasa jabatan sehingga pelantikan Menteri lain dalam Jemaah Menteri (RTM 2020).

Kemuncak kepada teka-teki krisis politik tujuh hari ialah berkaitan isu pembentukan kerajaan baharu yang menggantikan kerajaan PH. Bagi mendapatkan jawapan bagi ini, media arus perdana menjadikan sidang media Istana Negara oleh Datuk Pengelola Bijaya Diraja sebagai

sumber maklumat untuk disampaikan kepada rakyat. Hubungan media ini merupakan faktor signifikan bagi membentuk pandangan umum terhadap peranan institusi raja dalam menyediakan sumber jawapan autentik dan penyelesaian muktamad bagi krisis politik yang berlaku. Ini termasuklah pendirian parti politik seperti UMNO yang mengeluarkan kenyataan berdasarkan keputusan dari Istana Negara walaupun telah ada keyakinan pakatan baharu antara UMNO dengan BERSATU, PAS, GPS dan sebelas orang bekas ahli PKR dapat membentuk kerajaan baharu (Luqman Arif & Ahmad Suhael 2020; *Berita Harian Online* 2020). Selain itu, kenyataan media oleh Datuk Pengelola Bijaya Diraja juga menjadi jawapan muktamad bagi teka-teki pencalonan bakal Perdana Menteri oleh ketua-ketua parti politik dan Ahli Dewan Rakyat dalam temu duga peribadi mereka bersama-sama Yang di-Pertuan Agong. Kenyataan ini menjadi dokumen penting yang merekodkan proses pemilihan Perdana Menteri menerusi proses temu duga peribadi yang kali pertama dilakukan di peringkat kerajaan persekutuan (*Pejabat Perdana Menteri* 2020). Bahkan, kenyataan ini turut digunakan bersama-sama kenyataan sidang media Istana Negara yang lain bagi menjawab kritikan tidak tepat oleh media antarabangsa. Contohnya, tuduhan akhbar *The Guardian* dari United Kingdom yang mentafsir perkenan Yang di-Pertuan Agong melantik Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri sebagai satu langkah rampasan kuasa oleh raja (*royal coup*). Walaupun, Wisma Putra dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London telah menyanggah penulisan ini, kenyataan media Istana Negara oleh Datuk Pengelola Bijaya Diraja tetap menjadi jawapan muktamad terhadap isu tersebut, termasuklah teka-teki berkaitan kerajaan pintu belakang yang diutarakan sendiri oleh media arus perdana (Raja Kamarul Bahrin Shah 2020).

## Kesimpulan

Analisis terhadap data sohor kini ‘*Google Trends*’ (2020) membuktikan berlakunya peningkatan populariti bagi kata kunci Mahathir, Islam, Melayu, BERSATU dan UMNO sepanjang tempoh krisis politik tujuh hari. Walaupun krisis tersebut membawa kepada berakhirnya pemerintahan PH dan tamatnya tempoh Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia Ketujuh, trend dalam capaian *Google* membuktikan Mahathir tetap menjadi perhatian pengguna media berbanding Muhyiddin yang hanya menjadi perhatian pada hari beliau diumumkan

sebagai Perdana Menteri Kelapan. Suguhpun begitu, isu Melayu dilihat menjadi perhatian utama sepanjang tempoh krisis berlaku berbanding isu Islam. Justeru, boleh dirumuskan bahawa faktor ini turut sedikit sebanyak menyumbang kepada peningkatan terhadap BERSATU dalam carian *Google*. Malah, peratusan carian terhadap UMNO dilihat tidak melepas carian BERSATU, sementara peratusan carian bagi DAP lebih tinggi berbanding PAS dan PKR. Kedudukan peratusan carian bagi BN yang tidak signifikan pula menunjukkan parti tersebut tidak menjadi perhatian pengguna media pada waktu tersebut. Justeru, persoalan timbul adakah trend krisis politik tujuh hari panjang ini merupakan gambaran sebenar perhatian pengguna media di Malaysia terhadap fenomena politik negara?

Selain itu, kedudukan media arus perdana ketika tempoh krisis juga menunjukkan bahawa wujudnya limitasi sumber maklumat yang tepat dan sahih untuk disampaikan kepada khalayak umum. Di samping faktor perubahan sikap dan pendirian ahli politik, masalah tindakan berdiam diri dalam kalangan mereka juga menyumbang kepada kekeliruan laporan media. Selain itu, wawancara atau temu ramah yang diadakan dengan responden tertentu juga menyumbang kepada masalah kekeliruan laporan media apabila jawapan yang diberikan untuk menjawab teka-teki yang wujud hanya bersandarkan sudut pandang peribadi dan tidak kepada sumber yang benar-benar autentik. Oleh sebab itu, berlakunya perubahan pandangan responden setiap kali pengumuman rasmi Istana Negara disampaikan. Masalah teka-teki krisis politik yang kebanyakannya diwujudkan sendiri oleh media arus perdana ini seterusnya telah diselesaikan dengan mukammad menerusi kenyataan media Istana Negara oleh Datuk Pengelola Bijaya Diraja.

## Rujukan

- Afiq Ariffin. 2020. #Malaysia2020: Apa itu Perdana Menteri Interim? Ini fakta yang anda perlu tahu. *Astro Awani*. 26 Februari. Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia2020-apa-itu-perdana-menteri-interim-ini-fakta-yang-anda-perlu-tahu-231703>
- Ahmat Adam. 1994. *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad ke Sembilan Belas*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ali Salman, Mohammad Agus Yusoff, Mohd Azrul Mohamad Salleh & Mohd Yusof Hj Abdullah. 2018. Penggunaan Media Sosial untuk Sokongan Politik di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies* 3(1): 51-63.

- Astro Awani.* 2019. Apakah kebebasan akhbar sudah bermula di Malaysia ? 13 Mei. Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/apakah-kebebasan-akhbar-sudah-bermula-di-malaysia-207542>
- Astro Awani.* 2020. Awani Pagi: Berita menarik 28 Feb 2020. 28 Februari. Diakses di <http://www.astroawani.com/video-malaysia/awani-pagi-berita-menarik-28-feb-2020-1836063>
- Astro Awani.* 2020b. Perdana Menteri interim tidak perlu sokongan majoriti. 25 Februari. Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-politik/perdana-menteri-interim-tidak-perlu-sokongan-majoriti-231622>
- Atkinson, J. D. 2017. Alternative Media. Dlm. *Journey into Social Activism: Qualitative Approaches*, 173-96. New York: Fordham University Press.
- Berita Harian Online.* 2018. Sejarah, nilai kewartawanan negara. 5 April. Diakses di <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2018/04/407832/sejarah-nilai-kewartawanan-negara>
- Berita Harian Online.* 2020. PH hilang majoriti jadi Kerajaan Pusat. 24 Februari. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/658690/ph-hilang-majoriti-jadi-kerajaan-pusat>
- Chamil Waria. 2019. Kebebasan media pada zaman PH berkuasa. *Sinar Harian*. 9 Mei. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/27245/KHAS/Kerajaan-PH/Kebebasan-media-pada-zaman-PH-berkuasa>
- Department of Justice. 2016. Malaysia human Right Report. Diakses di [https://www.justice.gov/sites/default/files/pages/attachments/2017/03/06/dos-hrr\\_2016\\_malaysia.pdf](https://www.justice.gov/sites/default/files/pages/attachments/2017/03/06/dos-hrr_2016_malaysia.pdf)
- Fahmi Fadzil. 2020. Ahli Parlimen Lembah Pantai dan Pengarah Komunikasi Parti Keadilan Rakyat. Temu bual Whatsapp, 19 Mei.
- Fareez Azman. 2020. Ini rangkuman kes video intim yang dikaitkan dengan seorang Menteri Kabinet. *Astro Awani* 10 Januari. Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ini-rangkuman-kes-video-intim-yang-dikaitkan-dengan-seorang-menteri-kabinet-227610>
- Google Trends.* 2020. Providence: Google. Diakses di <https://trends.google.com>
- Hall, M. 2019. Facebook, American Company. *Encyclopaedia Britannica* 29 May. Diakses di <https://www.britannica.com/topic/Facebook>
- Hasbullah Awang Chik. 2020. Cleopatra nafi gambar intim dengan Syed Saddiq. *msn news* 31 Mac. Diakses di <https://www.msn.com/en-my/news/hiburan/cleopatra-nafi-gambar-intim-dengan-syed-saddiq/ar-BB11XnU8>
- Iwan Shu-Aswad Shuaib. 2020. Agong belum yakin MP raih kepercayaan majoriti, istana beri peluang ketua parti calon nama bakal PM. *MStar*. 28 Februari. Diakses di <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/02/28/agong-ahli-parlimen>
- Joceline, Tan. 2020. Big comeback for Muhyiddin. *The Star*. 28 Februari. Diakses di <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/analysis/2020/02/28/big-comeback-for-muhyiddin>

- Kamus Dewan. 2020. Ed. ke-4. Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Diakses di <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=media>
- Larissa Lumandan. 2020. GPS sokong Muhyiddin kerana Dr M ‘tidak tegas’, kata Abang Johari. *Free Malaysia Today*, 1 Mac. Diakses di <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/03/01/gps-sokong-muhyiddin-kerana-dr-m-tidak-tegas-kata-abang-johari/>
- Luqman Arif Abdul Karim & Ahmad Suhael Adnan. 2020. Tunggu keputusan istana. *Berita Harian Online*. 27 Februari. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/660037/tunggu-keputusan-istana>
- Malaysian Communications and Multimedia Commission. 2018. Internet Users Survey 2018. Diakses di <https://www.mcmc.gov.my/en/resources/statistics/internet-users-survey>
- Mazlan Nordin. 2009. *Tokoh dan Akbar Melayu: Penebus Peminggiran Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohamad Firdaus Mat Azahar. 2020. Beliau merupakan Exco Armada Nasional, Parti Peribumi Bersatu Malaysia. Temu bual Facebook, 19 Mei.
- Mohd Anwar. 2020. PAS dakwa perjanjian peralihan kuasa bercanggah Perlembagaan, cabar kuasa Yang di-Pertuan Agong. *BHOnline*. 16 Februari. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2020/02/656084/pas-dakwa-perjanjian-peralihan-kuasa-bercanggah-perlembagaan-cabar>
- Mohd Izani Mohd Zain. 2020. Permulaan teras politik Melayu, Islam. *Berita Harian Online*, 1 Mac. Diakses di <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/03/660869/permulaan-teras-politik-melayu-islam>
- Mohd Roji Kawi. 2020. GPS sokong penuh Tun M. *BHOnline*. 25 Februari. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/659067/gps-sokong-penuh-tun-m>
- Mohd Shazwan Mokhtar. 2019. Agenda Imperialis dalam Krisis Pentadbiran Kolonial di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (1909-1913). *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 46(2): 28-55.
- Mohd Shazwan Mokhtar. 2019b. Di Sebalik Krisis Kewangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1920-1924. *Kajian Malaysia* 37(2): 95-119.
- Mohd. Safar Hasim. 1996. *Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Aslah Akmal Azmi & Mohd Samsudin. 2018. Propaganda British di Tanah Melayu pada Zaman Perang Dunia Pertama (1914-1916). *Jurnal Komunikasi* 34(4): 19-41.
- Muhammad Fathi Yusof. 2020. Kuasa Perdana Menteri Interim ditentukan Agong. *Berita Harian Online*. 25 Februari. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/658924/kuasa-perdana-menteri-interim-ditentukan-agong>
- Muhd. Yusof Ibrahim. 2016. *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, Kaedah dan Pensejarahan*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mustafa K Anuar. 2002. Defining Democratic Discourses: The Mainstream Press. Dalam Loh, F.K.W & Khoo Boo Teik (pnyt), *Democracy in Malaysia:Discourses and Practices*, hlm. 138-164. Surrey, Curzon Press.
- New Straits Times*. 2019. Malaysia ranks top 5 globally in mobile social media penetration, highest in region. 31 January. Diakses di <https://www.nst.com.my/lifestyle/bots/2019/01/456119/malaysia-ranks-top-5-globally-mobile-social-media-penetration-highest>
- Nigel, Aw & Zikri Kamarulzaman. 2020. ‘Langkah Sheraton’ bawa Malaysia ke jalan buntu: Apa seterusnya ?. *Malaysiakini*, 26 Februari. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/512353>
- Nurhidayah Hairom. 2019. Pakatan Harapan lemah dalam komunikasi: Dr Mahathir. *Sinar Harian*. 20 November. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/58300/BERITA/Nasional/Pakatan-Harapan-lemah-dalam-komunikasi-Dr-Mahathir>
- Pejabat Perdana Menteri*. 2020. Kenyataan Media Istana Negara 29 Februari 2020. Diakses di <https://www.pmo.gov.my/2020/02/kenyataan-media-istana-negara-29-februari-2020/>
- Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad. 2020. Kerajaan pintu belakang membelakangi rakyat. *Malaysiakini*, 8 Mac. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/513752>
- Rohaniza Idris, Mohd Azrone Sarabatin, Mohd Nasaruddin Parzi & Ahmad Suhael Adnan. 2019. Kerajaan akan baiki kelemahan pentadbiran – Dr Mahathir. *Berita Harian Online*, 11 Mac. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/539634/kerajaan-akan-baiki-kelemahan-pentadbiran-dr-mahathir>
- RTM. 2020. Perdana Menteri Interim bertanggungjawab terhadap semua jabatan persekutuan. 28 Februari. Diakses di <https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/16001-perdana-menteri-interim-bertanggungjawab-terhadap-semua-jabatan-persekutuan>
- Shahril Abdul Samad. 2018. Kempen halang haram minyak sawit di Eropah. *Berita Harian Online*, 16 Januari. Diakses di <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/01/376105/kempen-halang-haram-minyak-sawit-di-eropah>
- Tapsell, R. 2013. The Media Freedom Movement in Malaysia and the Electoral Authoritarian Regime. *Journal of Contemporary Asia* 43 (4), 613-635.
- The Star Online*. 2020. Malaysia King names Muhyiddin as Premier to succeed Mahathir. 29 Februari. Diakses di <https://www.thestar.com.my/news/regional/2020/02/29/malaysia-king-names-muhyiddin-as-premier-to-succeed-mahathir>
- Trottier, D. & Fuchs, C. 2015. Theorising Social Media, Politics and the State: An Introduction. Dlm. Trottier, D. & Fuchs, C. (pnyt). *Social Media, Politics and the State: Protests, Revolutions, Riots, Crime and Policing in the Age of Facebook, Twitter and YouTube*, hlm. 3-38. New York: Routledge.

- Tucker, D.H., Unwin, P.S. & Unwin, G. 2020. History of publishing. Encyclopaedia Britannica, 2 April. Diakses di <https://www.britannica.com/topic/publishing/Era-of-the-Industrial-Revolution>(check balik.. betul ke ada pengarang artikel ni?)
- UMNO Online. 2020. Istilah Perdana Menteri Interim Tiada Dalam Undang-Undang. 27 Februari. Diakses di <https://www.youtube.com/watch?v=KpIAWWIBZJM>
- World Economic Forum. 2020. Shaping the Future of Media, Entertainment and Culture. Diakses di <https://www.weforum.org/platforms/shaping-the-future-of-media-entertainment-and-culture>
- Yahya Abdul Rahman. 2017. Impak Kawalan State Terhadap Kebebasan Media di Malaysia. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* Special Articles (December): 1-19.
- Zee How Tai (Ulasan Apek Cina). 2020. Pengulas isu-isu politik semasa yang mempunyai 262,434 orang pengikut di Facebook. Temu bual Skype, 2 April.
- Zulaikha Zulkifli. 2018. Pas kekal jadi ‘kingmaker’. *Malaysiakini*, 2 Ogos. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/437046>

09

# MUAFAKAT NASIONAL DALAM LANGKAH SHERATON SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS

SHAH MOHD AKMAL<sup>1</sup> & ASHRAF AHMAD HADI<sup>2</sup>

## Pengenalan

**L**atar politik Malaysia beberapa tahun kebelakangan ini sering kali menunjukkan trend yang mengejutkan dengan pelbagai variasi peristiwa. Ia dimulai dengan kejutan dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) pada 2018 yang memperlihatkan Barisan Nasional (BN) jatuh buat julung kali selepas memerintah lebih 61 tahun. Dua tahun selepas itu, politik Malaysia sekali lagi menghadapi senario luar jangkaan melalui pertukaran kerajaan tanpa melibatkan pilihan raya. Krisis yang digelar sebagai “Langkah Sheraton” ini pada dasarnya lebih ditumpukan kebanyakannya pemerhati kepada Pakatan Harapan (PH) dan Mahathir Mohamad; protagonis yang meletakkan jawatannya secara mengejut sehingga memunculkan negara tanpa kerajaan selama seminggu. Walau bagaimanapun, keterlibatan Muafakat Nasional (MN) dalam langkah Sheraton juga amat signifikan dan tidak boleh

<sup>1</sup> Shah Mohd Akmal merupakan graduan Sarjana Sains Politik, Program Sains Politik, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau boleh dihubungi di shah\_akmal10@yahoo.com.sg

<sup>2</sup> Ashraf Ahmad Hadi merupakan graduan Sarjana Sains Politik, Program Sains Politik, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau boleh dihubungi di ashraf.hadi93@gmail.com

dikesampingkan memandangkan MN memainkan peranan konstruktif dalam memastikan keberhasilan langkah Sheraton. Meskipun MN sekadar bertindak sebagai watak sampingan dalam menjayakan peralihan kuasa ini, tetapi MN secara teknikal memainkan watak “*kingmaker*” dalam menentukan sang penguasa seterusnya melalui sumbangan kerusinya.

Penulisan ini secara khusus melihat peranan yang dimainkan MN di dalam langkah Sheraton melalui tiga telusuran masa, iaitu pra, semasa dan pasca krisis Sheraton. Ia menumpukan kepada lorongan yang dibuka Muafakat Nasional menerusi pengajuran Kongres Maruah Melayu (KMM) yang diadakan pada Oktober 2019. KMM dapat dianggap merupakan paksi penting dalam memahami perencanaan Langkah Sheraton kerana ia menjadi simbolik retorik “penyatuan” parti politik Melayu melalui perkongsian pentas MN dengan BERSATU. Walau bagaimanapun, Muafakat Nasional (MN) berhadapan dengan dilema pasca langkah Sheraton sama ada untuk mengukuhkan kedudukan MN dalam PRU-15 atau membina persefahaman tuntas dengan Perikatan Nasional (PN). Dalam konteks jangka panjang, permuafakatan politik PN dilihat akan menimbulkan beberapa masalah, seperti pembahagian kerusi parlimen UMNO dan BERSATU dalam PRU-15. Hal ini kerana kedua-dua parti dilihat menggunakan pendekatan dan ideologi politik yang sama. Hala tuju MN dilihat semakin samar apabila termeterainya memorandum persefahaman (MoU) PN. Hal ini kerana identiti dan naratif politik MN yang dibentuk oleh PAS dan UMNO dilihat terlarut dalam permuafakatan PN, selepas mereka menyertai kabinet Muhyiddin.

## Kewujudan Muafakat Nasional

Sebagai subjek tumpuan penulisan ini, adalah tidak lengkap tanpa menjelaskan serba sedikit tentang latar pembentukan MN. Kejatuhan UMNO/BN dalam PRU-14 setidaknya memberikan parti tersebut sebuah “pengajaran politik” untuk tidak terus angkuh dibuai alunan kekuasaan seolah-olah kebal daripada kekalahan. Pasca kesungkuran UMNO/BN dalam PRU-14, antara strategi yang digerakan dalam memulihkan reputasinya adalah melalui strategi penjenamaan semula imej. Memasuki era pemerintahan PH, proses penjenamaan imej UMNO ini seakan dilorongkan oleh kelemahan-kelemahan pentadbiran PH, yang turut gagal mengawal selia naratif politik lama yang semakin rancak dipentaskan UMNO di era pemerintahan PH. Sebelumnya, tanggapan

bahawa UMNO/BN “telah lemas” seakan berasas apabila dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Kandis, PRK DUN Balakong, PRK DUN Seri Setia dan PRK Port Dickson kesemuanya tidak memihak kepada UMNO/BN. Rantai kekalahan ini akhirnya ditebus melalui PRK Parlimen Cameron Highlands sekali gus menjelmakan talian hayat yang amat diperlukan oleh parti itu. Jika sebelumnya, PAS sekadar menyokong di belakang tabir, kini di PRK Cameron Highlands, PAS secara terang-terangan mengisyitiharkan sokongan ke atas calon UMNO/BN. Natijah daripada kerjasama UMNO-PAS ini telah membawa kemenangan berturut-turut buat UMNO dalam PRK DUN Semenyih dan PRK DUN Rantau.

Dengan mengambil kira keberhasilan kerjasama dalam beberapa PRK - di samping menilai aspek pendominasian DAP yang disifatkan keterlaluan dari kaca mata pejuang-pejuang ultrakonservatisme, maka tertubuhlah MN di Himpunan Penyatuan Ummah yang diadakan pada 14 Disember 2019 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Jika dahulu, British pernah menggunakan ungkapan ‘*The White Man’s Burden*’ untuk menjustifikasi kependudukannya di negara-negara jajahan, kini situasi seakan menujukkan bahawa UMNO dan PAS pula yang akan memikul “Beban orang Melayu-Islam” di era PH. Bagi Timbalan Presiden UMNO, Mohamad Hasan (2020 temu bual), faktor utama penubuhan MN ini adalah berkait rapat dengan kuasa politik Melayu dalam berperanan untuk menjaga hak-hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera. Pada hematnya, orang Melayu kini terancam dan dikawal oleh DAP sesuai dengan objektif silam parti tersebut untuk menyamaratakan hak-hak semua kaum sebagaimana yang terkandung dalam Deklarasi Setapak. Objektif kekuasaan Melayu-Islam melalui MN turut dinyatakan sama oleh Mursyidul Am PAS, Hashim Jasin (2020: temu bual) yang berpandangan bahawa strategi pakatan ini akan menguatkan pengukuhan kuasa politik Melayu-Islam menjelang PRU-15. Namun, ahli DAP Liew Chin Tong (2020: temu bual), pula melihat bahawa MN ini sekadar merupakan satu strategi yang tidak lebih bertujuan untuk rampasan kuasa dan objektif jangka panjang MN ini bukanlah tertumpu kepada PRU-15. Baginya, untuk memenangi sesebuah PRU, parti politik memerlukan kerjasama yang progresif terdiri daripada pelbagai kaum.

Walau bagaimanapun, kejayaan naratif yang dibawa oleh PAS-UMNO ini sebahagian besarnya dilorongkan PH yang gagal menangkis

naratif politik Melayu-Islam secara efektif dalam era pemerintahannya. Taktikal PH dilihat tidak strategik dengan melantik jawatan-jawatan kritikal negara daripada kalangan orang bukan Melayu. Misalnya, seperti pelantikan Lim Guan Eng sebagai Menteri Kewangan dan pelantikan Tommy Thomas sebagai Peguam Negara. Pelantikan ini secara tradisinya bertentangan dengan norma biasa ketika pada era BN dan tindakan tidak strategik ini menjadi nilai tambah dalam memperkuat dilema keselamatan etnik orang Melayu terhadap DAP. Lain-lain hal lagi yang gagal ditangani dengan baik oleh PH ialah isu kematian anggota bomba, Muhammad Adib, isu meratifikasi *International Convention on Elimination of All Forms of Racial Discrimination* (ICERD), isu Statut Rom, isu pengiktirafan sijil peperiksaan *Unified Examination Certificate* (UEC), isu ekstradisi pendakwah India, Zakir Naik dan isu pembebasan anggota Liberation Tigers of Tamil Elam (LTTE). Inilah sebahagian besar perkara yang menjayakan pembawaan politik UMNO-PAS melalui penerimaan baik orang Melayu dan lantas menjurus kepada penubuhan MN.

## Terowong Masa: Pra Sheraton

Kongres Maruah Melayu (KMM) di Stadium Malawati Shah Alam pada Oktober 2019 adalah relevan untuk dijustifikasikan sebagai akar penting kepada langkah strategik Mahathir terhadap kesinambungan Sheraton. Kongres ini membawa “mesej” penting tentang “penyatuan” Melayu. Konteks ini tidak sekadar berkisarkan kepada Mahathir semata-mata, tetapi tumpuan juga turut terarah kepada kehadiran MN yang diwakili Setiausaha Agung UMNO Annuar Musa dan Presiden PAS, Abdul Hadi Awang untuk berkongsi pentas dengan seteru politiknya, Mahathir. Antara yang menjadi simbolisme penting dalam kongres ini adalah melalui satu gambar ikonik melibatkan Azmin Ali, Abdul Hadi Awang, Mahathir dan Annuar Musa yang secara bersama mengangkat tangan yang memberi bayangan tentang simbol “penyatuan” antara orang Melayu. Dari naratif tersuratnya, ia tentulah berkisarkan tentang intipati ucapan Mahathir dan maruah Melayu sebagaimana yang diperjuangkan MN. Namun, dari segi tersiratnya kongres ini menimbulkan persoalan tentang apakah ia mempunyai faktor domino kepada kelangsungan rundingan belakang tabir yang hangat diperkatakan pascakongres

tersebut? Kongres ini umumnya tidak lari seperti wayang kulit yang memerlukan pentafsiran mendalam untuk mendapatkan intinya.

KMM yang dihadiri oleh Mahathir dan MN bersama parti-parti Melayu lain (kecuali Anwar) seakan memberi indikator bahawa tindakan ini mempunyai satu simbolisme penting bahawa wujudnya perundingan kelunakan hubungan antara Mahathir dan juga MN melalui kongres ini. Dari satu sudut, ini juga boleh dinilai dari sisi ‘naratif termendap’ sebagai sebuah langkah *deterrence* (atau setidaknya *preemptive*) daripada persaingan kuasa antara Mahathir dengan Anwar juga DAP yang sering kali mendesak pengundurannya. Walau apa jua penafian yang dilakukan Mahathir terhadap dakwaan motif politik, di akhirnya ia tetap memberi mesej jelas kepada Anwar dan DAP bahawa kini Mahathir mempunyai satu gabungan sekutu yang kukuh melalui kelunakan hubungan yang dibina bersama MN. Perkongsian pentas dalam politik bukan perkara calang-calang, tetapi ia mempunyai satu unjuran mendalam yang boleh ditafsirkan secara tersirat. Di sisi MN sendiri, wujudnya penentangan suara-suara yang tidak bersetuju mengenai perkongsian pentas ini, seolah-olah memberi bayangan bahawa MN tidak perlu untuk menjalinkan sebarang hubungan kelunakan bersama Mahathir. Individu tersebut ialah Naib Presiden UMNO, Khaled Nordin yang melihat kongres tersebut tidak lari daripada objektif politik tungangan Mahathir atas penilaian terhadap ketidakhadiran Anwar dalam kongres tersebut (Mohamed Khaled Nordin 2019).

Justifikasi kepada kritikan ini seakan disahkan oleh Anwar Ibrahim yang tidak menunggu lama untuk melakukan ‘serangan balas’ kepada Mahathir melalui Seminar Pembinaan Bangsa Malaysia. Dalam tidak ketinggalan untuk menjadi ‘permata’ di mata orang Melayu, Anwar turut menyelitkan naratif Melayu dalam seminar tersebut melalui sentuhan terhadap Perkara 152, meskipun perbincangan selebihnya lebih tertumpu kepada skop ‘bangsa Malaysia’ yang merentasi kaum (*Bernama* 2019). Durasi latar masa antara kongres Melayu dan seminar yang dibawakan Anwar ini seakan-akan memberi bayangan bahawa wujudnya perang senyap antara Mahathir dengan Anwar dalam persaingan untuk menduduki tampuk pemerintahan utama negara. Namun, melingkari semua itu, tindakan strategik Mahathir dalam merunding ‘talian hayat’ bersama MN setidak-tidaknya menjadi langkah substantif dalam mengekang Anwar dan DAP daripada berterusan mendesak

pengundurannya. Ini juga memberi mesej bahawa MN bila-bila masa sahaja bersedia untuk menyokong Mahathir berbanding Anwar.

Passa daripada ‘persaingan program’ antara Mahathir-Anwar, media-media tempatan sepertinya telah mula melaporkan berita-berita hangat yang menjadikan subjek ‘kerajaan pintu belakang’ sebagai tajuk utama laporan akhbar (lihat Khairil Anwar 2019; *Malaysiakini* 2019; *Malaysiakini* 2019b; Nur Hasliza 2019). Memandangkan status kini MN yang kelihatannya berada dalam kedudukan “*kingmaker*” dalam menentukan kekuasaan sesebuah pakatan politik, maka laporan berita-berita tersebut tidak lari daripada mengaitkan keterlibatan MN dalam rundingan tersebut. Walau bagaimanapun, sebahagian besar pemimpin-pemimpin MN seperti Ahmad Zahid tetap berada dalam sindrom penafian dengan menyatakan “...Kerajaan ‘pintu belakang’ hanya spekulasi” (Nur Hasliza 2019). Laporan juga turut bertiup kencang menyatakan bekas Naib Presiden UMNO, Hishammuddin Tun Hussein bertindak sebagai watak penting dalam menjayakan rundingan ‘pintu belakang’ ini. Namun, beliau segera menafikan hal tersebut dan turut memetik nama Mahathir dalam satu kenyataannya (Khairil Anwar 2019):

...[P]emimpin PH sepatutnya bertanya terus kepada Tun Mahathir mengenai dakwaan penubuhan kerajaan baharu melalui ‘pintu belakang’, bukan saya... Sekarang mereka tuduh saya mahu tubuh kerajaan pintu belakang, saya tidak faham maksudnya dan hendak buat macam mana pun tidak pasti... Kalau ada bukti pun, apa yang saya boleh buat sebab saya mana ada pegang sebarang jawatan penting?

Penafian yang bersifat defensif oleh Zahid dan Hishammuddin ini tidak bertahan lama, sebaliknya secara tiba-tiba muncul pula pendedahan oleh ahli Majlis Tertinggi UMNO, Lokman Noor Adam yang mendakwa Zahid berbohong tentang rundingan belakang tabir (Borhan Ahmad 2019). Menurut Lokman, Zahid lebih daripada tahu bahawa Hishammuddin sedang mengatur gerakan bersama dengan Azmin Ali dalam melakukan rundingan yang berpotensi mewacana kekuasaan sebagai natijah akhir. Di sisi lain, “cakap-cakap mulut” ini pada dasarnya telah pun melalui satu proses pembuktian fizikal dilorongkan oleh tindakan beberapa pemimpin MN yang menyatakan

sokongan ke atas Mahathir untuk kekal sebagai Perdana Menteri sehingga akhir penggal. Misalnya, daripada UMNO memperlihatkan enam orang ahli parlimen yang terdiri daripada Mohd Shahar Abdullah (Paya Besar), Adham Baba (Tenggara), Mastura Mohd Yazid (Kuala Kangsar), Abdul Rahman Mohamad (Lipis), Ismail Abdul Muttalib (Maran), dan Ahmad Nazlan Idris (Jerantut). Ini disokong lagi dengan ikrar yang dijanjikan oleh Setiausaha Agung PAS, Takiyuddin Hassan bahawa kesemua ahli parlimennya berjumlah 16 orang turut memberi sokongan kepada Mahathir sekiranya beliau memerlukannya (Firdaus Azil 2019). Ini seterusnya diperakui secara terang-terangan oleh PAS melalui Abdul Hadi Awang pada November 2019 bahawa sememangnya mereka ada ditawarkan untuk menyertai pembentukan kerajaan baru (Diyana Ibrahim 2019).

Di blok PH sendiri, sejak awal lagi ramai telah menyedari wujudnya cubaan rundingan ‘pintu belakang’ ini. Anwar Ibrahim seawal 15 Oktober 2019 melontarkan dakwaan bahawa wujudnya rundingan belakang tabir oleh Hishammudin ketika berlangsungnya sidang parlimen. Antara pemimpin PH lainnya yang memberi reaksi pantas ialah Saifuddin Abdullah, Saifuddin Nasution Ismail, Marzuki Yahya, Anuar Tahir dan Anthony Loke. Namun, satu-satunya ahli PH yang menafikan hal tersebut ialah Azmin Ali. Pada dasarnya, anomali ini bukanlah sesuatu hal yang janggal, memandangkan sebelumnya Azmin telah pun bertelagah dengan Anwar Ibrahim sehingga PKR terbahagi kepada dua faksi. Konteks ini turut menjelaskan bahawa setidaknya Azmin Ali berpotensi besar untuk berada seiringan dalam perancangan rundingan belakang tabir memandangkan wujudnya ura-ura beliau merupakan watak utama yang signifikan. Hubungan rapat antara Azmin dengan Mahathir merupakan rahsia terbuka antara kedua aktor ini yang secara tiba-tiba menunjukkan hubungan yang begitu erat. Konteks yang menjelaskan perkara ini dapat dilihat melalui tindakan ‘pelik’ Azmin menghadiri acara ulang tahun BERSATU. Malah, Azmin juga pernah mengikuti rombongan Mahathir ke New York. Melalui KMM juga, kehadiran Azmin yang menggantikan Anwar sebagai wakil PKR setidaknya memberi satu petunjuk penting dalam menjustifikasi keterlibatan Azmin-Mahathir dalam rundingan secara belakang tabir dengan MN.

## Langkah Sheraton: Dilema Muafakat Nasional

Dalam krisis Sheraton ini, MN kelihatannya begitu mengenakan strategi “main selamat”. Meskipun begitu, taktikal ini pada suatu ketika turut menghimpit MN dan mengheretnya ke dalam jerlusam “dilema kekuasaan” - sama ada untuk memperoleh kekuasaan secara segera hasil lorongan daripada BERSATU atau memperoleh kekuasaan bersama MN menerusi pilihan raya. Di awal desas-desus rundingan belakang tabir ini, dapat dilihat betapa Ahmad Zahid enggan menundukkan mukanya kepada barisan-barisan konspirator apabila pada Oktober 2019 beliau dengan nada “tinggi” menyatakan “...Tak perlu terhegeh-hegeh cari orang ikut pintu belakang” (*Malaysiakini* 2019b). Kemudian, dalam ucapan Perasmian Perhimpunan Agung UMNO 2019 pada Disember, Ahmad Zahid sekali lagi mengukuhkan gambaran seolah-olah menolak rundingan belakang tabir dan tetap memilih kekuasaan melalui lunas demokrasi. Tidak semena-mena, konteks ini bercanggah dengan kenyataan setiausaha Agung PAS, Takiyuddin Hassan yang mengeluarkan kenyataan:

Seperti di Parlimen, ada pintu depan, pintu belakang dan ada juga pintu tepi. Kita boleh masuk dari mana-mana pintu, asalkan kita masuk ke pintu itu. Saya okay. Ia seperti bermain bola sepak, sebarang kelemahan dari pihak lawan, asalkan dapat menjaringkan gol, jadi tidak kisah (dipetik daripada Adam Abu Bakar 2019).

Sisi penting dalam menjelaskan perilaku yang ditonjolkan MN ini adalah melibatkan dilema kekuasaan melalui dua pilihan terbentang. Pertama, kekal dengan MN dan memperoleh kuasa melalui PRU-15 dan kedua, menerima pelawaan belakang tabir dan memperoleh kekuasaan segera. Kedua-duanya jika dinilai tidaklah begitu memberi kerugian kepada MN. Namun, dari sudut pandang keterhadapan, salah satu daripada pilihan tersebut bakal menentukan *political mileage* MN dalam PRU-15. Dari satu sisi, jika MN memilih untuk mendapatkan kekuasaan melalui PRU-15, mereka kini telah pun berada dalam landasan positif menjelang PRU-15. Melalui kelemahan-kelamahan yang ditonjolkan PH, ia secara tidak langsung memberi populariti percuma kepada MN yang berada dalam “kelas tersendiri” memainkan retorik Melayu-Islam di era PH. Keberhasilan MN dalam mengembalikan era konservatisme yang

kian dilupakan memastikan MN berada dalam satu kedudukan selesa berbanding PH menjelang PRU-15.

Jika MN memilih pilihan kedua, pelbagai risiko yang perlu dihadapi melalui ketidaktentuan hala tuju berbanding pilihan pertama. Hujahnya mudah; apabila berada ‘sekapal’ dengan pihak konspirator tersebut, sudah tentu MN perlu mengikut hala tuju mereka memandangkan MN tidak lebih daripada sekadar tetamu yang disorongkan kekuasaan oleh sang perencana. Dengan sebahagian pimpinan PAS dan UMNO yang menyatakan persetujuan terhadap pengekalan Mahathir sehingga PRU-15, ini setidak-tidaknya mengendurkan sedikit kepopularitian MN akibat tempias daripada kelemahan kerajaan Mahathir yang tidak lagi popular di sisi pandang massa. Pemerintahan kali kedua Mahathir juga tidaklah segah pemerintahan pertamanya memandangkan PH gagal untuk menyelesaikan pelbagai isu yang melanda; daripada isu kos sara hidup rakyat sehingga kepada isu kestabilan kaum yang gagal ditangani secara efektif oleh barisan kabinet PH. Apabila MN telah menjadi sebahagian daripada Mahathir, maka secara tidak langsung ketidakpopularitan tersebut bakal dipindahkan kepada MN yang tentunya amat tidak sihat untuk objektif kekuasaan menjelang PRU-15.

Semasa berlangsungnya krisis Sheraton, dilema MN sememangnya jelas terpancar apabila wujudnya pertukaran-pertukaran keputusan secara sekelip mata. Di sebelah paginya begitu dan tidak semena-mena di petang hari lain pula kisahnya. Apabila Mahathir tiba dengan idea pembentukan kerajaan perpaduan, MN nyata tidak bersetuju dan segera meminta untuk parlimen dibubarkan. Salah satu yang menjurus kepada hal ini ialah faktor DAP. Dari sisi tersurat ia pastinya menjurus kepada pertentangan ideologi memandangkan DAP sememangnya sebuah parti yang dikenali dengan sikap kritikal terhadap orang Melayu. Manakala, sisi tersiratnya pula lebih terarah kepada *political mileage* yang tidak memberi sebarang manfaat kepada kelangsungan MN. MN yang berlatarkan identiti Melayu-Islam pastinya menjadikan DAP sebagai prospek signifikan untuk memastikan perjuangan ideologi Melayu-Islam dapat diteruskan. Apabila idea kerajaan perpaduan diwujudkan, ia sedikit sebanyak menjadikan MN hilang medium ‘pertengkaran’ yang semestinya memerlukan mereka untuk setidaknya bertindak lunak terhadap DAP selaku parti komponen yang membentuk kerajaan secara bersama. Maka, atas penilaian risiko ini, MN sebulat surat meminta

parlimen dibubarkan dan mematikan idea pembentukan kerajaan Perikatan Nasional (PN).

Dari satu segi, MN dalam krisis Sheraton ini juga amat memerlukan kekuasaan segera, terutamanya melibatkan kepimpinan tertinggi UMNO, iaitu Ahmad Zahid. Keperluan kuasa segera ini juga bertitik tolak daripada 87 kes mahkamah Zahid yang masih belum dituntaskan. Dilema ini nyata menghantui Zahid, terutamanya selepas pendedahan yang dibuat oleh Lokman Noor Adam melalui satu video berdurasi 3 minit 14 saat yang memaparkan suara Zahid dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Perhimpunan Muafakat Nasonal. Video tersebut mendedahkan Zahid memberi empat sebab untuk menerima tawaran Mahathir (*Free Malaysia Today* 2020). Antara sebab diberikan Zahid ialah UMNO perlu mengikut tindakan PAS yang telah terlebih dahulu bekerjasama dengan Mahathir supaya tidak ketinggalan, selain ia merupakan salah satu cara untuk menyelesaikan masalah dihadapi bekas presiden parti itu Najib Razak serta untuk mengelakkan pengharaman UMNO. Sejurus sahaja berakhirnya krisis Sheraton tersebut, perkara sama diperkuuhkan lagi oleh Timbalan Setiausaha Akhbar Mahathir, Abdul Muhammin Mohd Muhyiddin yang mendedahkan intipati syarat yang dikemukakan Zahid Hamidi semasa melalui proses rundingan di kediaman Mahathir:

Masa inilah Zahid keluarkan syarat-syarat dia, antaranya jawatan kanan Kabinet, kena ambil semua sekali atau tak nak terus, dan minta buat keputusan sekarang juga... Mereka mahu Mahathir membuat keputusan segera kerana kes mahkamah membabitkan bekas Perdana Menteri, Najib Razak dan Zahid sendiri (*Free Malaysia Today* 2020b).

Maka, dengan peluang keemasan yang ditawarkan para perencana, Zahid berada dalam kedudukan dilema yang kronik. Dari satu sudut, beliau terpaksa berhadapan dengan ketidaksetujuan beberapa pemimpin UMNO yang menolak untuk melakukan kerjasama dan di sisi sebelahnya pula memperlihatkan ini sahaja peluang keemasan yang ada dalam melakukan ‘pelan’ penyelamatan yang amat diperlukannya. Perbezaan politik dalaman UMNO yang tidak seperti rakan pakatannya dalam MN, iaitu PAS yang sebulat suara menerima Mahathir akhirnya menjadikan UMNO terbahagi kepada dua faksi berbeza, iaitu faksi pro-Mahathir dan faksi anti-Mahathir. Meskipun pertentangan pemikiran ini tidak seperti pertelagahan terang-terangan yang berlaku di dalam PKR melibatkan

Anwar Ibrahim dan Azmin Ali, percanggahan pemikiran di dalam UMNO sekadar berlangsung dalam mod senyap. Segala ketidaksetujuan faksi anti-Mahathir hanyalah ditonjolkan melalui kritikan terhadap Mahathir dan bukannya Zahid. Pada dasarnya, ini dapat difahami berdasarkan norma biasa di dalam UMNO yang menjadi satu *taboo* untuk mengkritik presiden. Maka, dalam mengelakkan pertembungan dengan presiden, pemimpin tertinggi UMNO seperti Khaled Nordin yang sememangnya dari awal kelihatan tidak bersetuju dengan kerjasama ini sekadar menonjolkan protes senyap melalui kritikannya terhadap Mahathir. Ini dapat dilihat menerusi kritikannya ke atas Mahathir dalam Kongres Maruah Melayu 2019 yang disifatkannya sebagai tidak lebih daripada sekadar medium politik. Selain daripada Khaled, Mohamad Hasan atau dikenali sebagai Tok Mat turut menggunakan pendekatan yang lebih lunak dalam memberikan isyarat tentang perasaan tidak senangnya untuk bekerjasama dengan Mahathir. Pada 6 Februari, Tok Mat yang dilihat sebagai calon paling popular dalam kalangan rakyat untuk menerajui UMNO menyatakan:

Semua ini perlu diperhalusi sedalam-dalamnya. Janganlah kita gopoh. Berhikmahlah dalam perhitungan kita. Sesuatu yang kelihatan dan kedengaran terlalu baik itu, boleh jadi perkara yang sebaliknya... Sekalipun ingin menarik rambut dalam tepung, tepung jangan berselerak, jangan pula putus rambutnya. Jangan hanya baru mendengar guruh di langit, air di tempayan kita curahkan. Takut-takut, yang dikejar tak dapat, yang dikendong pula keciciran (*Free Malaysia Today* 2020).

Di akhirnya, sama ada taktikal Mahathir tersalah langkah ataupun merupakan pelan ‘B’ dalam memberhentikan peralihan kuasa kepada Anwar, Muhyiddin secara tiba-tiba muncul sebagai antagonis baharu untuk turut bersaing merebut jawatan Perdana Menteri. Namun, kejutan ini akhirnya telah pun terjawab pasca berakhirnya Krisis Sheraton ini, melalui pendedahan Liew Chin Tong (2020) yang jelas menggambarkan bahawa wujudnya “keinginan lama yang terpendam” jauh di dalam sanubari Muhyiddin untuk menjadi Perdana Menteri. Di pihak MN pula, kehadiran Muhyiddin nyata menjadi ibu kepada penawar terhadap dilema yang kian menebal di dalam kerangka pemikiran pemimpin MN. Berbanding Mahathir yang tidak popular, Muhyiddin lebih sesuai untuk duduk bersama MN memandangkan beliau merupakan satu muka

baharu yang masih ‘suci’ daripada tindakan-tindakan tidak popular. Tambahan pula, Muhyiddin juga menjadi wajah penting sebagai salah seorang aktor di dalam BERSATU yang berani mempertahankan sultan apabila wujudnya pertembangan antara Mahathir dengan Monarki Johor tentang pelantikan Menteri Besar di Johor. Kesudahannya, pada 28 Februari 2020, kesemua 57 ahli parliment MN bersetuju untuk menyokong Muhyiddin sebagai Perdana Menteri. Ini juga secara tidak langsung merehatkan dilema MN buat seketika yang pada akhirnya memilih untuk berkongsi kuasa bersama-sama BERSATU di bawah kepimpinan Muhyiddin dalam pakatan yang dinamakan sebagai Perikatan Nasional.

## **Muafakat Nasional Dalam Langkah Sheraton: Penolakan Mutlak ke Atas DAP**

Dalam usaha untuk menamatkan krisis Langkah Sheraton yang dilihat semakin berpanjangan, Perdana Menteri Interim, Mahathir mencadangkan agar menujuhkan kerajaan perpaduan yang tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Ini bermaksud Mahathir mahu membentuk kerajaan tanpa oposisi yang membolehkannya melantik sesiapa sahaja daripada kalangan ahli Parlimen PH atau MN yang dikira layak untuk mengisi jawatan menteri kabinet. Meneliti sisi pandang Mahathir, beliau beranggapan, dengan menujuhkan kerajaan perpaduan ini merupakan langkah yang terbaik untuk mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan politik, terutamanya dalam menghadapi masalah ekonomi dan kesihatan negara yang semakin kronik. Namun, idea dan cadangan kerajaan perpaduan ini ditolak sepenuhnya oleh PH dan MN seolah-olah berada dalam mod menang-menang untuk saling menolak antara satu sama lain. Antara reaksi awal yang ditonjolkan MN untuk memprotes cadangan kerajaan perpaduan ini adalah dengan menarik balik sokongan akuan bersumpah (SD) kepada Mahathir sebagai Perdana Menteri yang dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong (YDPA).

Pendirian tersebut terpaksa diambil kerana MN sekeras-kerasnya tidak bersetuju untuk menujuhkan kerajaan perpaduan bersama DAP. Hal ini dapat difahami melalui sidang media Setiausaha Agung UMNO, Annuar Musa yang menyebut secara jelas pendirian MN sebagai berikut:

...[K]ita telah membuat ketetapan iaitu sokongan yang kita berikan kepada Tun Dr Mahathir untuk membentuk satu pakatan alternatif tanpa DAP itu terpaksa kita tarik balik. Dan statutory declaration (SD) yang telah kita persembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memberikan sokongan kepada Tun Dr Mahathir hanya terhad kepada membentuk pakatan baru tanpa DAP. Apa-apa yang selain daripada itu maka sokongan kita tidak valid... (dipetik daripada Mohd Nasaruddin Parzi 2020):

Kenyataan ini setidak-tidaknya menunjukkan bahawa MN secara mutlaknya menolak sebarang kerjasama bersama DAP. Bertitik tolak dengan keputusan tersebut, MN turut mencadangkan agar Dewan Rakyat dibubarkan dengan menyerahkan kembali mandat kepada rakyat untuk memilih pemimpin yang baharu. Namun, pada saat-saat akhir MN dengan pantas membuat ‘pusingan U’ untuk mengemukakan sokongan SD kepada Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri, bagi menggantikan sokongan SD kepada Mahathir Mohamad yang ditarik balik oleh MN. Sokongan MN kepada Muhyiddin Yassin dianggap penting untuk mewujudkan kerajaan PN tanpa perlu mendapatkan sokongan daripada DAP. Oleh itu, melihat reaksi ketegasan MN yang menolak untuk bekerjasama dengan DAP dalam Langkah Sheraton ini, cita-cita MN untuk menubuhkan kerajaan Melayu-Islam yang kuat seakan-akan terbentang luas tanpa adanya penguasaan DAP dalam kerajaan.

Umumnya, penolakan MN ke atas DAP dalam Langkah Sheraton ini dapat difahami dengan melihat perbezaan ideologi dan pendekatan politik yang dibawa oleh MN dan DAP. Sebagai contoh, pendekatan politik MN yang diwakili UMNO adalah berasaskan nasionalis Melayu, manakala PAS pula membawa pendekatan agama Islam yang sinonim dengan pengamalan masyarakat Melayu. Hal ini berbeza dengan DAP, yang lebih cenderung membawa pendekatan politik multi-etnik dengan prinsip dan slogan ‘*Malaysian Malaysia*’. Melalui prinsip ‘*Malaysian Malaysia*’, DAP boleh dijustifikasi sebagai menolak ketuanan kaum atau *racial supremacy* yang hanya mengutamakan sesuatu kaum, agama, atau gender sehingga pada hemat DAP mengetepikan pihak yang lain (Wan Hamidi 2017). Dari perspektif yang lain, pendekatan politik yang dibawa oleh MN ini merupakan parti yang mengutamakan nilai-nilai politik konservatif daripada budaya dan agama yang termendap di dalam pengamalan dan pemikiran masyarakat Melayu-Islam. Manakala,

pendekatan politik DAP pula dilihat mengutamakan nilai-nilai politik keterbukaan tanpa mengira kaum dan agama. Lanjutan itu, keterbukaan ini sering diterjemahkan oleh sebahagian masyarakat Melayu sebagai liberal yang dianggap berlawanan dengan nilai-nilai konservatif. Malah, konotasi liberal di Malaysia juga adalah tersimpang jauh daripada makna asalnya yang sering disinonimkan dengan pengertian yang berkontradik dengan norma Melayu-Islam yang semestinya dikaitkan dengan pesongan daripada ajaran, prinsip dan nilai agama Islam. Oleh itu, perbezaan ideologi dan pendekatan politik menjadi faktor utama penolakan MN ke atas DAP dalam Langkah Sheraton.

Selain itu, Langkah Sheraton ini merupakan peluang yang amat signifikan untuk MN kembali berkuasa sebagai parti pemerintah. Penolakan MN untuk berkerjasama dan berkongsi kuasa dengan DAP dilihat sebagai strategi utama MN bagi mengekalkan popularitinya dalam kalangan orang Melayu. Kepentingan untuk mengekalkan populariti MN ini juga berasaskan kepada politik pemasaran (*political marketing*) iaitu mengaplikasikan alat, konsep, dan teknik pemasaran dalam politik. Ringkasnya, ahli politik menggunakan alat, konsep dan teknik pemasaran untuk memahami, menganalisis, memposisi dan mempromosikan ideologi, imej, kepimpinan dan kredibiliti yang terdapat di dalam partinya kepada pasaran iaitu pengundi. Menurut Wring (1997), asas utama ahli politik menggunakan konsep pemasaran politik ini adalah untuk menilai dan menganalisis pasaran dengan menghasilkan satu tawaran yang kompetitif kepada penyokong bagi meraihkan undi dan sokongan kepada parti. Ini menunjukkan bahawa strategi menubuhkan kerajaan tanpa DAP adalah langkah yang tepat bagi mengekalkan populariti dan sokongan, terutamanya orang Melayu kepada MN.

Langkah Sheraton juga boleh dilihat sebagai klimaks untuk menubuhkan kerajaan tanpa DAP. Hal ini kerana - menurut Liew Chin Tong (2020: temu bual), strategi yang diguna pakai adalah membangkitkan kemarahan orang Melayu dan orang bukan Melayu melalui isu perkauman. Caranya adalah apabila berhadapan dengan orang Melayu, MN memainkan isu DAP sebagai ancaman kepada orang Melayu. Namun, bila mana berada dalam kalangan orang bukan Melayu, MCA berperanan dalam memainkan isu Mahathir menguasai PH (Liew Chin Tong 2020: temu bual). Tujuan ini adalah untuk membangkitkan isu dengan melaga-lagakan kemarahan antara kaum. Penolakan ke atas DAP oleh MN dalam Langkah Sheraton ini dilihat sebagai kesinambungan

daripada usaha gerakan untuk menubuhkan kerajaan tanpa DAP yang telah bermula sejak Oktober 2019. Maka, Langkah Sheraton dikatakan sebagai klimaks penubuhan kerajaan tanpa DAP yang dirancang dengan awal secara teliti, termasuklah mengetepikan AMANAH.

Selain itu, sokongan daripada orang bukan Melayu juga tidak diketepikan oleh MN. Hal ini selaras dengan Piagam Muafakat Nasional yang menyatakan kerjasama MN dalam membentuk perkembangan naratif Islam dan bangsa Melayu, tidak sesekali menafikan kepelbagaiannya agama, kaum dan budaya sebagai paksi kestabilan politik. Oleh itu, untuk membuktikan perkara tersebut, MN dilihat lunak menjalinkan kerjasama dengan MCA dan MIC, juga tidak terkecuali dalam Langkah Sheraton. Kelunukan hubungan MN dengan MCA dan MIC adalah berpaksikan kepada landasan pensejarahan melalui kerjasama kedua-dua parti ini yang terbina sejak dari awal penubuhan lagi. Menurut Presiden MCA, Wee Ka Siong, MCA adalah parti yang pertama berkerjasama dengan kaum Melayu dan India untuk menuntut kemerdekaan negara. Walaupun keanggotaan MCA terdiri daripada orang Cina, matlamat penubuhannya adalah untuk membantu seluruh rakyat Malaysia. Penglibatan MCA dalam Langkah Sheraton ini adalah disebabkan kelemahan kerajaan PH yang tidak stabil dengan masalah dalaman dan negara. Justeru, dengan momentum kemenangan BN dalam PRK Rantau, Tanjung Piai, dan Kimanis yang menolak PH, ia menjadi pemangkin kepada keutuhan kerjasama antara MN dengan MCA dan MIC berbanding DAP, terutamanya dalam krisis Sheraton untuk bekerjasama membentuk kerajaan dengan BERSATU.

Dari sudut perspektif yang lain, kedudukan kerusi parlimen yang dimenangi oleh MCA, MIC dan DAP turut menjadi pertimbangan MN dalam pembuatan keputusan untuk menyertai PN. Hal ini kerana, MCA yang sekadar mempunyai dua kerusi parlimen dan MIC pula mempunyai satu kerusi parlimen menyebabkan hubungan kerjasama dengan MCA dan MIC lebih mudah untuk dikawal dan didominasi oleh MN sebagai parti dominan. Berbanding dengan mengadakan kerjasama bersama DAP yang mempunyai 42 kerusi parlimen menyebabkan kesukaran MN untuk mengawal tindak-tanduk dan tuntutan mereka. Justeru, penolakan MN secara mutlak ke atas DAP dalam menghadapi krisis Sheraton ini boleh disimpulkan adalah disebabkan perbezaan ideologi dan fahaman politik antara satu sama lain. Selain itu, ini juga penting buat MN dalam mengekalkan popularitinya kerana kelangsungan politik

mereka di Malaysia adalah sebagai pelindung orang Melayu. Akhir sekali, pengawalan MN sebagai parti yang dominan dilihat lebih berpotensi dengan menjalinkan hubungan bersama MIC dan MCA berbanding bekerjasama dengan DAP.

## Pasca Langkah Sheraton: Apa Hala Tuju Muafakat Nasional?

Pasca Langkah Sheraton memperlihatkan MN merupakan parti yang dominan dalam kerjasama politik PN. Pakatan ini memperlihatkan MN mempunyai 57 ahli parlimen yang terdiri daripada 39 ahli parlimen UMNO dan 18 ahli parlimen PAS. Dengan jumlah kerusi yang dominan, tanggapan MN pastinya memperlihatkan bahawa mereka dengan mudahnya mengungguli barisan jemaah menteri kabinet berbanding parti politik yang lain. Menyorot kembali pelantikan jemaah menteri kabinet yang diumumkan oleh Muhyiddin adalah seperti Jadual 9.1 dan Jadual 9.2.

**Jadual 9.1: Senarai Menteri Kabinet Perikatan Nasional**

Parti	Nama Menteri	Kementerian
BERSATU	Muhyiddin Haji Mohd Yassin	Perdana Menteri
	Mohamed Azmin Ali	Menteri Kanan - Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
	Mohd Radzi Md Jidin	Menteri Kanan - Menteri Pendidikan
	Mustapa Mohamed	Menteri di Jabatan Perdana Menteri - Ekonomi
	Mohd Redzuan Md Yusof	Menteri di Jabatan Perdana Menteri - Tugas-tugas Khas
	Rina Mohd Harun	Menteri Wanita dan Keluarga
	Hamzah Zainuddin	Menteri Dalam Negeri
	Ronald Kiandee	Menteri Pertanian dan Industri Makanan
	Abd Latiff Hj Ahmad	Menteri Pembangunan Luar Bandar
	Saifuddin Abdullah	Menteri Komunikasi dan Multimedia

<b>Parti</b>	<b>Nama Menteri</b>	<b>Kementerian</b>
BERSATU	Zuraida Kamaruddin	Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
UMNO	Ismail Sabri Yaakob	Menteri Kanan - Menteri Pertahanan
	Annuar Musa	Menteri Wilayah Persekutuan
	Noraini Ahmad	Menteri Pengajian Tinggi
	Shamsul Anuar Hj Nasarah	Menteri Tenaga dan Sumber Asli
	Adham Baba	Menteri Kesihatan
	Hishammuddin Tun Hussein	Menteri Luar Negeri
	Khairy Jamaluddin	Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
	Halimah Mohamed Sadique	Menteri Perpaduan Negara
	Reezal Merican Naina Merican	Menteri Belia dan Sukan
PAS	Takiyuddin Hassan	Menteri di Jabatan Perdana Menteri - Parlimen dan Undang- undang
	Tuan Ibrahim Tuan Man	Menteri Alam Sekitar
	Mohd Khairuddin Aman Razali	Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi
MCA	Wee Ka Siong	Menteri Pengangkutan
MIC	Saravanan A/L Murugan	Menteri Sumber Manusia
GPS	Fadillah Yusof	Menteri Kanan - Menteri Kerja Raya
	Alexander Nanta Linggi	Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
	Wan Junaidi Tuanku Jaafar	Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi
	Nancy Shukri	Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan
PBS	Maximus Johnity Ongkili	Menteri di Jabatan Perdana Menteri - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak
BEBAS	Zulkifli Mohamad Al-Bakri	Menteri di Jabatan Perdana
	Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz	Menteri - Hal Ehwal Agama Menteri Kewangan

*Sumber:* Jabatan Perdana Menteri 2020

**Jadual 9.2: Senarai Timbalan Menteri Kabinet Perikatan Nasional**

Parti	Nama Timbaan Menteri	Kementerian
BERSATU	Ikmal Hisham Abdul Aziz	Timbalan Menteri Pertahanan
	Abdul Rahim Bakri	Timbalan Menteri Kewangan I
	Shahruddin Md Salleh	Timbalan Menteri Kerja Raya
	Muslimin Yahaya	Timbalan Menteri Pendidikan II
	Eddin Syazlee Shith	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri - Parlimen dan Undang-undang
	Mansor Othman	Timbalan Menteri Pengajian Tinggi
	Ali Anak Biju	Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli
	Jonathan Yassin	Timbalan Menteri Dalam Negeri II
	Noor Azmi Ghazali	Timbalan Menteri Kesihatan I
	Santhara Kumar A/L Ramanaidu	Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan
	Kamaruddin Jaffar	Timbalan Menteri Luar Negeri
	Rosol Wahid	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
	Mas Ermieyati Hj Samsudin	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi
	Willie Anak Mongin	Timbalan Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi II
	Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal	Timbalan Menteri Belia dan Sukan
UMNO	Mohd Shahar Abdullah	Timbalan Menteri Kewangan II
	Mastura Yazid	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri -Tugas-tugas Khas
	Ismail Haji Mohamed Said	Timbalan Menteri Dalam Negeri I
	Ahmad Hamzah	Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I
	Abdul Rahman Mohamad	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I
	Zahidi Zainul Abidin	Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia
	Ismail Abd Mutalib	Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia

Parti	Nama Timbaan Menteri	Kementerian
UMNO	Ahmad Masrizal Muhammad	Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air
PAS	Ahmad Marzuk Shaary	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri - Hal Ehwal Agama
	Awang Hashim	Timbalan Menteri Sumber Manusia
	Siti Zailah Mohd Yusoff	Timbalan Menteri Wanita dan Keluarga
	Hj. Ahmad Amzad Mohamed @ Hashim	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
	Che Abdullah Mat Nawi	Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II
MCA	Lim Ban Hong	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
	Wee Jeck Seng	Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi II
	Mah Hang Soon	Timbalan Menteri Pendidikan I
	Ti Lian Ker	Timbalan Menteri Perpaduan Negara
GPS	Hanifah Hajar Taib	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak
	Hasbi Haji Habibollah	Timbalan Menteri Pengangkutan
	Aaron Ago Dagang	Timbalan Menteri Kesihatan II
	Henry Sum Agong	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II
PBS	Arthur Joseph Kurup	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri - Ekonomi
	Jeffrey G. Kitingan	Timbalan Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan

Sumber: Jabatan Perdana Menteri 2020

Berdasarkan Jadual 9.1 dan Jadual 9.2 - melewati tanggapan MN, ternyata BERSATU lebih dominan dalam mengungguli kedudukan jemaah menteri kabinet yang terdiri daripada 11 menteri termasuk Perdana Menteri dan 15 timbalan menteri. UMNO pula diberikan sembilan kerusi menteri dan lapan timbalan menteri. Begitupun, sebahagian besar kementerian kritikal diletakkan di bawah tanggungjawab menteri BERSATU seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri,

Kementerian Pembangunan Luar Bandar, serta Kementerian Kewangan yang dilantik secara *apolitical* dan berkecuali, tetapi mesra Muhyiddin. Manakala, UMNO hanya menguasai satu kementerian penting iaitu Menteri Kanan - Kementerian Pertahanan. Selain itu, barisan kabinet buat pertama kalinya menyaksikan kepimpinan tertinggi UMNO seperti Presiden, Timbalan Presiden dan dua orang Naib Presiden tidak dilantik dalam kabinet kerajaan. Malah, jawatan Timbalan Perdana Menteri turut dikosongkan oleh Muhyiddin dengan menggantikan empat jawatan Menteri Kanan yang mana dua daripada empat Menteri Kanan tersebut adalah daripada BERSATU.

Melihat pelantikan kabinet PN yang didominasi BERSATU, hal ini menimbulkan rasa ketidakpuasan hati sebahagian pemimpin UMNO yang beranggapan UMNO diketepikan daripada mengisi kementerian penting, walhal UMNO merupakan parti yang dominan dalam PN. Pertikaian tersebut secara tidak langsung turut memberi kesan terhadap hala tuju MN dalam PN. Hal ini dapat dilihat apabila beberapa pemimpin UMNO menunjukkan reaksi tidak ‘berminat’ untuk meneruskan kerjasama dengan PN natijah daripada agihan kerusi yang seakan mengetepikan UMNO selaku parti komponen terbesar PN. Sebagai contoh, kenyataan Timbalan Presiden UMNO, Mohamad Hasan menyatakan bahawa:

...[U]MNO tidak pernah menyertai PN kerana PN bukan entiti politik yang berdaftar seperti BN. Hubungan UMNO dengan PN hanya satu persefahaman untuk menyelamatkan Malaysia kerana kemelut politik yang dicetuskan sendiri oleh kelompok tertentu dalam Pakatan Harapan (PH)... (*Malaysiakini* 2020a).

Pada masa yang sama, Mohamad Hasan turut menolak pelantikan beliau sebagai Pengurus Tenaga Nasional Berhad (TNB), yang menjadi simbol penting dalam bentuk ‘psikologi’ dalam menggambarkan bahawa tiadalah yang lebih utama berbanding kepentingan terhadap kelangsungan jangka panjang MN. Malah, dari awal lagi, Mohamad Hasan dilihat secara konsisten mengutamakan pengukuhan kerjasama MN berbanding PN. Selain Mohamad Hasan, beberapa pemimpin UMNO yang lain seperti Najib Razak turut menyatakan bahawa sokongan MN untuk PN hanyalah setakat PRU-15 sahaja (*Malaysiakini* 2020b). Kenyataan ini dilihat sebagai respons terhadap Muhyiddin

yang dikatakan lebih mengutamakan BERSATU berbanding UMNO. Nada yang sama turut disuarakan beberapa pemimpin UMNO yang lain seperti Khaled Nordin, Shahrir Samad, Tajuddin Abdul Rahman dan Azalina Othman yang turut mempertikaikan komposisi kabinet Muhyiddin dengan menyatakan pembahagian komposisi kabinet ini dilihat memberi manfaat yang lebih kepada BERSATU dan faksi Azmin Ali sahaja. Sehubungan itu, mereka menyarankan supaya manfaat dan tumpuan yang lebih seharusnya diberikan kepada UMNO, kerana ahli Parlimen UMNO yang menyokong PN secara en bloc dianggap mewakili kepentingan terbesar bangsa Melayu (*Astro Awani* 2020). Manakala, Muhyiddin pula mengambil langkah drastik dengan melantik beberapa orang pemimpin MN untuk mengisi jawatan di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi mengukuhkan kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri.

Melalui tindakan tersebut, ia masih tidak dapat menutup mulut sebahagian pertikaian pemimpin MN terhadap PN. Ketua Pemuda UMNO, Asyraf Wajdi menyatakan pembentukan MN tidak sama dengan PN walaupun kedua-dua permuafakatan tersebut masih belum berdaftar. Hal ini kerana, pembentukan MN telah melalui proses yang panjang termasuklah proses *mind-conditioning* dalam kalangan ahli seperti mengadakan ratusan siri ceramah di semua peringkat selama lebih setahun. Selain itu, cadangan permuafakatan MN ini turut dibahaskan di Persidangan Agung parti masing-masing, serta diperhalusi oleh Majlis Kerja Tertinggi dan Majlis Syura sebelum dimuktamadkan dalam Piagam Muafakat Nasional. Maka, cadangan untuk menubuhkan PN secara rasmi seharusnya melalui proses yang sama, khususnya UMNO dan BERSATU yang dilihat sama dalam pendekatan dan ideologi politik. Malah, permasalahan dalaman yang dihadapi BERSATU seperti pertembungan antara Muhyiddin dengan Mahathir seharusnya diambil kira secara mendalam tentang kedudukan sebenar BERSATU sebelum termeterainya permuafakatan PN secara rasmi.

Meninjau dari kaca mata yang lain, pertikaian yang berlaku antara pemimpin UMNO dengan PN ini adalah berkaitan kelangsungan politik MN pasca Langkah Sheraton. Hal ini kerana, UMNO yang merupakan parti komponen terbesar dalam PN dilihat tersisih berbanding BERSATU yang lebih mendominasi kabinet Muhyiddin. Terutamanya, apabila BERSATU diberi tanggungjawab yang lebih untuk memegang

portfolio kementerian kritikal, berbanding UMNO yang hanya diberi tanggungjawab “picisan” untuk menjaga satu kementerian penting sahaja. Selain itu, usaha memperkuatkannya MN yang dimeterai oleh UMNO dan PAS bagaikan hilang arah tuju apabila kedua-dua parti itu kini berada dalam koridor kuasa. Secara tidak langsung, momentum MN untuk menghadapi PRU-15 dilihat semakin berkurangan. Dalam konteks jangka panjang, permuafakatan politik PN dilihat akan menimbulkan beberapa masalah, seperti pembahagian kerusi parlimen UMNO dan BERSATU dalam PRU-15. Hal ini kerana, UMNO dan BERSATU dilihat menggunakan pendekatan dan ideologi politik yang sama berpotensi untuk berbalah disebabkan pertindihan kerusi parlimen di kawasan Melayu.

Justeru, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Tajuddin Abdul Rahman mencadangkan agar Muhyiddin kembali semula ke pangkuan UMNO untuk mengelakkan berlakunya persaingan antara BERSATU dengan UMNO dalam PRU-15 (Haspaizi Zain 2020). Dengan kata lain, jika Muhyiddin kembali semula ke pangkuan UMNO, secara tidak langsung BERSATU dapat dibubarkan. Konteks ini seakan-akan menggambarkan pengulangan sejarah melalui parti Semangat 46 (S46) yang akhirnya dibubarkan pada tahun 1996 apabila Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah kembali semula ke pangkuan UMNO. Walau bagaimanapun, Presiden UMNO Zahid Hamidi dilihat menggunakan pendekatan yang diplomasi dengan membuka pintu rundingan bersama PN. Berikutnya itu, enam parti yang terdiri daripada BERSATU, BN, GPS, PAS, Parti BERSATU Sabah (PBS) dan Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) bersetuju merangka memorandum persefahaman (MoU) bagi mengukuhkan kedudukan PN. Pendekatan Zahid Hamidi ini dilihat berbeza dengan sebahagian pemimpin UMNO yang lebih mengutamakan kepentingan jangka panjang MN berbanding PN. Maka, dalam konteks ini dapat dijelaskan bahawa, hala tuju MN dilihat semakin samar apabila termeterainya MoU PN. Hal ini kerana identiti dan naratif politik MN yang dibentuk oleh PAS dan UMNO dilihat terlarut dalam permuafakat PN, selepas mereka menyertai kabinet Muhyiddin.

## Kesimpulan

Tuntasnya, artikel ini menyorot peranan MN dalam krisis Sheraton melalui tigaunjuran waktu kritikal, iaitu sebelum, semasa dan selepas.

Melalui ketiga-tiga situasi tersebut, MN dilihat memainkan peranan penting dalam memastikan keberhasilan pembentukan kerajaan PN. Berbanding tumpuan yang diberikan secara khusus hanya kepada PH dan Mahathir, artikel ini turut menjelaskan bahawa MN mempunyai peranan substantif yang turut perlu diberikan perhatian khusus. Melingkari hal tersebut, artikel ini turut berhujah tentang lorongan yang dibuka MN dalam memastikan sokongan terhadap Mahathir kekal mengatasi Anwar melalui langkah Sheraton. Konteks ini turut menjelaskan bahawa strategi penting yang dijalankan Mahathir melalui KMM dalam memulakan langkah awal membina hubungan kelunukan dengan MN menjadi titik fokal yang menjurus kepada kesinambungan langkah Sheraton pada Februari 2020. Premis Melayu-Islam merupakan “pegangan” penting buat MN dalam menjustifikasi tindakan mereka dalam langkah Sheraton ini. Di akhirnya – pasca melalui pelbagai dilema ketidaktentuan, MN secara sukarela memilih memperoleh kekuasaan untuk bersama PN.

Naratif yang setidak-tidaknya cuba disampaikan oleh MN melalui langkah Sheraton ini adalah untuk mengeluarkan dominasi DAP daripada pentadbiran kerajaan. Walau bagaimanapun, dilema MN kelihatannya berterusan pascaclangkah Sheraton yang memperlihatkan sebahagian pemimpin MN berbelah bagi sama ada untuk mengukuhkan kedudukan MN dalam PRU-15 atau membina persefahaman tuntas dengan PN. Sisi kritikal yang lainnya adalah memperlihatkan pelbagai cabaran dan ketidaktentuan melalui hala tuju MN di dalam PN yang berpotensi tinggi untuk mencetuskan babit perbalahan, terutamanya aspek pembahagian kerusi melalui perkongsian kawasan Melayu yang perlu dibahagikan kepada tiga sekawan. Aspek perhubungan MN di dalam PN ini juga dapat dilihat berada dalam satu kedudukan goyah kerana persefahaman kerjasama politik yang baharu setidak-tidaknya perlu melalui proses *mind-conditioning* dengan penelitian yang mendalam, terutamanya kerjasama politik antara UMNO dengan BERSATU yang menggunakan pendekatan dan ideologi politik yang sama. Akhir sekali, hala tuju MN dilihat semakin samar dengan termeterainya MoU PN yang menjurus kepada penginstitusian PN untuk jangka masa panjang. Apabila terbentuknya penginstitusian PN secara rasmi, maka perjalanan MN berpotensi tinggi untuk terhenti setakat ini sahaja jika tiada sebarang pertelaghanan yang memecah-belahkan PN untuk kembali menghidupkan MN.

## Rujukan

- Adam Abu Bakar. 2019. PAS, Umno bercanggah mengenai kerajaan pintu belakang. *Free Malaysia Today*, ^ 6 Disember.  
Diakses di <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/12/06/pas-umno-bercanggah-mengenai-kerajaan-pintu-belakang/>
- Astro Awani*. 2020. UMNO wajar dapat agihan kerusi yang lebih adil - Khaled Nordin. *Astro Awani*, 14 Mac. Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-politik/umno-wajar-dapat-agihan-kerusi-yang-lebih-adil-khaled-nordin-233686>
- Bernama*. 2019. Ada pemimpin Melayu tak tegas angkat Perlembagaan Persekutuan: Anwar. *Sinar Harian Online*, 26 Oktober..Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/54193/BERITA/Politik/Ada-pemimpin-Melayu-tak-tegas-angkat-Perlembagaan-Persekutuan-Anwar>
- Borhan Ahmad. 2019. Presiden Umno berbohong, dakwa Lokman Nor Adam. *Malaysia Dateline*, 26 Oktober. Diakses di <https://malaysiadateline.com/presiden-umno-berbohong-dakwa-lokman-nor-adam/>
- Diyana Ibrahim. 2019. PAS ditawar kerajaan pintu belakang, kata Hadi. *The Malaysian Insight*, 24 November. Diakses di <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/199819>
- Firdaus Azil. 2019. Enam MP Umno, 16 MP PAS sokong Tun Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri hingga akhir penggal. *Astro Awani*, 24 Oktober. Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/enam-mp-umno-16-mp-pas-sokong-tun-mahathir-kekal-sebagai-perdana-menteri-hingga-akhir-penggal-220908>
- Free Malaysia Today*. 2020a. Umno perlu fikir masak-masak sebelum terima ‘lamaran’, kata Tok.Mat..6.Februari..Diakses di <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/02/06/umno-perlu-fikir-masak-masak-sebelum-terima-lamaran-kata-tok-mat/>
- Free Malaysia Today*. 2020b. Zahid minta jawatan kanan Kabinet, kata pembantu Dr M.1.Mac.Diakses di <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/03/01/zahid-minta-jawatan-kanan-kabinet-kata-pembantu-dr-m/>
- Hashim Jasin. 2020. Tuan Guru Dato Haji Hashim bin Jasin adalah Mursyidul Am PAS. Temu bual,
- Haspaizi Zain. 2020. Muhyiddin patut masuk Umno semula, kata Tajuddin. *Malaysiakini*, 3 Mei. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/523791>
- Jabatan Perdana Menteri. 2020. Ahli-Ahli Jemaah Menteri. *Laman Web Rasmi Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan*, 21 Mei.

- Diakses di <http://www.kabinet.gov.my/bkpp/index.php/anggota-pentadbiran/menteri>
- Jabatan Perdana Menteri. 2020. Timbalan Menteri. *Laman Web Rasmi Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan*, 21 Mei. Diakses di <http://www.kabinet.gov.my/bkpp/index.php/anggota-pentadbiran/timbalan-menteri>
- Khairil Anwar Mohd Amin. 2019. Kerajaan ‘pintu belakang’: Buat apa tanya saya, tanyalah.PM.mereka. *Sinar Harian Online*, 21 Oktober. Diakses. di.<https://www.sinarharian.com.my/article/53205/BERITA/Politik/Kerajaan-pintu-belakang-Buat-apa-tanya-saya-tanyalah-PM-mereka>
- Liew, Chin Tong. 2020. Kisah pelik Muhyiddin – Bhgn 2. *Malaysiakini*, 15 Mei. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/525898>
- Liew, Chin Tong. 2020. YB Liew Chin Tong adalah Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat DAP. Temu bual.
- Malaysiakini*. 2019a. Peralihan kuasa: Kenyataan terselindung Anwar, MP BN cetus lagi.tanda.tanya..15.Okttober..Diakses.di.<https://www.malaysiakini.com/news/495970>
- Malaysiakini*. 2019b. Tak perlu terhegeh-hegeh cari orang ikut ‘pintu belakang’ – Zahid. 27 Oktober. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/497560>
- Malaysiakini*. 2020a. ‘Selain Muafakat Nasional dan BN tak strategik buat kelangsungan Umno’ *Malaysiakini*, 25 April. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/522506>
- Malaysiakini*. 2020b. Najib: Sokongan kepada PN ada hadnya. *Malaysiakini*, 14 Mac. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/514646>
- Malaysiakini*. 2020c. ‘Pintu rundingan dengan PN sentiasa terbuka’ – Zahid. *Malaysiakini*, 11 Mac. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/525052>
- Mohamad Hasan. 2020. YB Dato’ Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan adalah Timbalan Presiden UMNO. Temu bual,
- Mohamed Khaled Nordin. 2019. Pengajur kongres beri alasan dangkal tak jemput Anwar. *Malaysiakini*, 5 Oktober. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/494526>
- Mohd Izani. 2020. Permulaan teras politik Melayu, Islam. *Sinar Harian Online*, 1 Mac. Diakses di <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/03/660869/permulaan-teras-politik-melayu-islam>
- Mohd Nasaruddin Parzi. 2020. BN, PAS tarik balik SD sokong Dr Mahathir. *Berita Harian Online*, 25 Februari. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/659208/bn-pas-tarik-balik-sd-sokong-dr-mahathir>
- Nur Hasliza Mohd Salleh. 2019. Kerajaan ‘pintu belakang’ hanya spekulasi, kata Zahid. *Free Malaysia Today*, 24 Oktober. Diakses di.<https://www.freemalaysiatoday.com.my/news/politics/111137/kerajaan-pintu-belakang-hanya-spekulasi-kata-zahid>

- freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/10/24/kerajaan-pintu-belakang-hanya-spekulasi-kata-zahid/
- Wan Hamidi. 2017. Mengapa Malaysian Malaysia?. *Roketkini.com*, 13 Mac. Diakses di <https://www.roketkini.com/2017/03/13/mengapa-malaysian-malaysia/>
- Wring, D. 1997. Reconciling marketing with political science: Theories of political marketing. *Journal of Marketing Management* 13: 651-663.

10

## DARI PETALING JAYA KE PUTRAJAYA

‘LANGKAH SHERATON’ DAN REAKSI  
MAHASISWA SAINS POLITIK UNIVERSITI  
KEBANGSAAN MALAYSIA

MOHD IRWAN SYAZLI SAIDIN<sup>1</sup>

### Pengenalan

Kajian ini meninjau pandangan mahasiswa sains politik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berhubung isu ‘Langkah Sheraton’ dan peralihan kuasa yang berlaku pada 23 Februari hingga 1 Mac 2020. Sepanjang tempoh peralihan kuasa ini, yang ditandai dengan pelbagai siri drama dan kejutan, penulis mendapati tidak banyak tumpuan diberikan kepada golongan belia di Malaysia, khusus kepada para pelajar universiti untuk menyuarakan pandangan berhubung polemik ‘Langkah Sheraton’ yang telah menatijahkan pembentukan kerajaan baru Perikatan Nasional (PN). Semasa berlangsungnya ‘tujuh hari panjang’ ini, penulis melihat kebanyakan media arus perdana seperti *Radio Televisyen Malaysia* (RTM), rangkaian *Media Prima*, *Bernama*, dan *Astro Awani* lebih cenderung untuk menjuarai perbincangan berhubung polemik peralihan kuasa yang berlaku dengan menampilkkan pandangan ‘penganalisis politik’ sama ada yang berjawatan akademik di institusi pengajian tinggi atau organisasi bebas seperti kumpulan pemikir dan NGO.

<sup>1</sup> Mohd Irwan Syazli Saidin (PhD) merupakan pensyarah kanan di Program Sains Politik, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau boleh dihubungi di [irwansyazli@ukm.edu.my](mailto:irwansyazli@ukm.edu.my).

Selari dengan polisi terbaru kerajaan pada Julai 2019 yang bersetuju untuk menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun, peranan dan pandangan anak muda sewajarnya dilibatkan secara maksimum setiap kali negara berhadapan dengan kemelut politik di peringkat nasional. Hal ini boleh dijadikan kayu ukur untuk melihat sejauh mana kematangan anak muda Malaysia dalam memahami landskap politik tanah air, sebelum membuang kertas undi yang bakal menentukan hala tuju negara. Majoriti golongan belia di institusi pengajian tinggi adalah berusia sekitar 19 hingga 23 tahun (bagi program prasiswazah) dan mereka dilihat sebagai bakal pengundi pertama kali untuk Pilihan Raya Umum ke-15 yang akan datang. Bagi para pelajar yang mempelajari ilmu politik di menara gading, kelebihan ini sewajarnya dimanfaatkan untuk proses pengaplikasian teori, konsep, syarahan dan kritikan berkaitan disiplin ilmu ‘sains politik’ yang dipelajari di bilik kuliah terhadap kajian kes ‘Langkah Sheraton’.

Untuk merealisasikan usaha ini, penulis telah menjalankan kajian secara tinjauan soal selidik (dalam talian) menggunakan aplikasi *Google Form* terhadap 114 responden dalam kalangan mahasiswa sains politik di UKM berhubung krisis peralihan kuasa Februari-Mac 2020. Pelbagai respons telah direkodkan antaranya persepsi berhubung polemik ‘kerajaan pintu belakang’ PN dan impak terhadap demokrasi, konspirasi parti politik pembangkang, konflik dalaman PH, prospektif idea kerajaan perpaduan Mahathir, pembubaran parliment, pilihan raya semula, keberkesanan peranan YDP Agong, pengajaran ‘Langkah Sheraton’ dan harapan kepada kepimpinan baru negara.

Dapatan utama kajian mendapati majoriti responden menolak proses pertukaran pemerintahan seperti yang berlaku semasa krisis politik Februari-Mac 2020 di samping menyokong kritikan terhadap pembentukan kerajaan PN sebagai tidak menghormati mandat rakyat dan bertentangan dengan amalan demokrasi pilihan raya (*electoral democracy*) di Malaysia. Rata-rata responden bersetuju bahawa YDP Agong telah memainkan peranan yang berkesan selaras dengan peruntukan kuasa baginda sebagai ketua negara semasa kemelut ‘Langkah Sheraton’. Responden turut mencadangkan agar pembubaran parliment dan pilihan raya semula dapat dilaksanakan untuk memberi keadilan kepada semua pihak yang bertelagah dan menjamin keabsahan kerajaan pemerintah untuk jangka masa panjang. ‘Langkah Sheraton’ memberi iktibar kepada responden bahawa pendekatan ‘matlamat menghalalkan cara’

dan realpolitik adalah tidak relevan dalam konteks amalan demokrasi moden, selain keperluan mengekalkan integriti dan semangat politik permuaafakan dalam kalangan parti politik di Malaysia. Kepentingan pendidikan politik dan asas demokrasi juga wajar disebar luas kepada golongan belia di Malaysia, khusus terhadap bakal pengundi baru sebagai persediaan PRU-15.

Penulisan ini terbahagi kepada tiga bahagian utama. Bahagian awal memfokuskan kepada latar belakang kajian, meliputi metodologi dan pemilihan sampel kajian manakala bahagian pertengahan menghuraikan kronologi peralihan kuasa yang berlaku sejak peristiwa majlis makan malam di Hotel Sheraton Petaling Jaya dan aktor-aktor utama yang terlibat. Bahagian akhir menganalisis dapatan kajian, hasil daripada tinjauan soal selidik terhadap responden. Beberapa tema yang relevan dengan disiplin ilmu sains politik seperti konsep kuasa, prinsip demokrasi, pilihan raya dan monarki berperlembagaan dikaitkan dengan senario yang berlaku semasa tempoh peralihan kepimpinan negara.

## Metodologi dan Sampel Kajian

Kajian dijalankan secara kuantitatif menerusi tinjauan soal selidik terhadap 114 responden yang terdiri daripada pelajar prasiswazah bidang sains politik di UKM. Mengapa pengkaji memilih UKM dan pelajar sains politik? Bersandarkan matlamat kajian untuk mengumpulkan pandangan anak muda yang cakna dengan hal ehwal politik di Malaysia, khususnya berhubung polemik ‘Langkah Sheraton’ 2020, pemilihan pelajar universiti adalah dilihat paling relevan. UKM merupakan di antara lima universiti awam di kawasan Lembah Klang yang menawarkan kursus pengajian formal berkaitan politik selain daripada Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Institut Teknologi Mara (UITM).

Sejarah dan tradisi program Sains Politik di UKM yang ditubuhkan seawal tahun 1976, khusus dalam melahirkan dan mengasah bakat para aktivis politik dan pemimpin mahasiswa yang kritikal terhadap rejim pemerintah sememangnya tidak diragui.<sup>2</sup> Kesinambungan aktivisme pelajar dan wacana politik ini tidak terhenti di kampus semata-mata.

<sup>2</sup> Maklumat lanjut berkaitan latar belakang program Sains Politik UKM boleh diakses secara atas talian di laman web rasmi, <http://www.ukm.my/ppsps/ms/program/sains-politik/> [4 Mei 2020]

Ia turut diteruskan menerusi hubungan yang terjalin di antara barisan lepasan pelajar tanpa mengira tahun graduasi dengan menjadikan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kumpulan pemikir seperti DISKOPI sebagai ‘*platform*’ untuk pertemuan dan diskusi. Di antara kes yang pernah menggemparkan seluruh Malaysia adalah pada tahun 2010 di mana empat orang pelajar telah disabit di bawah kesalahan seksyen 15(5)(a), Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) kerana didakwa terlibat dengan kempen parti pembangkang menjelang Pilihan raya Kecil Hulu Selangor.<sup>3</sup> Kes ‘UKM 4’ ini telah mendapat liputan yang meluas sehingga melibatkan campur tangan pengurusan tertinggi UKM, ahli parlimen pembangkang, NGO dan kerajaan di mana keputusan akhir Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memihak kepada plaintif (Mohd Ismail Aminuddin 2020: temu bual telefon; *Mstar* 2011). Peristiwa ini telah memberi kesan positif terhadap desakan pemansuhan AUKU yang akhirnya dipertimbangkan oleh kerajaan dan berkuat kuasa sepenuhnya bermula pada tahun 2019 (Mohd Iskandar Ibrahim 2018). Hal ini secara tidak langsung telah membuktikan bahawa mahasiswa sains politik di UKM sentiasa konsisten dan terkehadapan dalam mendepani perkembangan politik kontemporari nasional.

Pecahan komposisi responden mengikut tahun pengajian, kategori umur, jantina dan jaringan dengan politik luar kampus adalah seperti berikut: Seramai 44 orang responden (38.6 peratus) mewakili kelompok pelajar tahun pertama manakala 23 orang responden (20.2 peratus) adalah kelompok tahun kedua dan seterusnya 46 orang responden (40.4 peratus) adalah kelompok tahun ketiga atau tahun akhir pengajian. Hanya seorang responden mewakili pelajar tahun keempat, iaitu beliau merupakan pelajar lanjutan. Majoriti responden (87.7 peratus) adalah berusia sekitar 21 hingga 23 tahun iaitu seramai 100 orang. Selebihnya adalah kategori umur pelajar yang lebih muda dan lebih berusia iaitu 18-20 tahun (9.6 peratus atau 11 orang), 24-26 tahun (0.9 peratus atau seorang) dan 27 tahun ke atas (1.8 peratus atau 2 orang). Dari segi perbezaan jantina, responden daripada pelajar perempuan adalah lebih ramai berbanding pelajar lelaki. Seramai 70 orang pelajar perempuan

<sup>3</sup> Seksyen 15(5)(a) AUKU memperuntukkan larangan dan tindakan tatatertib kepada pelajar atau kumpulan pelajar untuk melibatkan diri dengan mana-mana parti politik atau kesatuan sekerja tanpa kebenaran bertulis Naib Canselor universiti.

(61.4 peratus) dan 44 orang pelajar lelaki (38.6 peratus) telah menyertai soal selidik kajian ini. Dari segi penglibatan langsung dengan politik luar kampus, hanya 13 responden (11.4 peratus) mempunyai pengalaman dan keahlian bersama beberapa parti politik seperti Berjasa, Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).

Proses kutipan data telah dijalankan pada penghujung April sehingga awal Mei 2020 secara atas talian iaitu menerusi aplikasi *Google Form*. Soal selidik yang diedarkan mengandungi dua bahagian iaitu Bahagia A tentang latar belakang responden dan Bahagian B yang mengandungi 13 soalan tertutup dan 15 soalan terbuka berkaitan dengan sikap responden terhadap peristiwa peralihan kuasa Februari-Mac 2020. Skala Likert 5 indeks jawapan iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju telah diaplakisikan di Bahagian B. Perancangan awal kajian adalah untuk mendapatkan sekurang-kurangnya separuh daripada bilangan keseluruhan pelajar prasiswazah sains politik di UKM iaitu seramai 87 daripada 173 pelajar. Walau bagaimanapun, disebabkan penyertaan yang memberangsangkan, jumlah data yang diperoleh telah melebihi daripada jumlah perancangan asal dan ia sangat membantu kajian ini dalam memastikan sumber data adalah bersesuaian untuk mewakili populasi kajian sebagaimana yang disarankan oleh kajian Krejcie dan Morgan.<sup>4</sup>

Data daripada aplikasi *Google Form* seterusnya dipindahkan ke perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 7.0 untuk proses analisis data secara penerokaan deskriptif (*exploratory descriptive*) melalui prosedur kekerapan (*frequency*) dan tabulasi silang (*crosstabulations*). Selain daripada tinjauan soal selidik, kajian ini juga mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan menjalankan temu bual tidak berstruktur terhadap dua individu, dan menggunakan teknik analisis kandungan bersumberkan maklumat di media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Youtube* dan *Instagram*. Kenyataan media rasmi aktor-aktor utama dan institusi yang terlibat dengan polemik ‘Langkah Sheraton’ dikumpul, dianalisis dan diolah

<sup>4</sup> Lihat jadual persampelan oleh Krejcie dan Morgan (1970) untuk menentukan saiz sampel yang relevan dengan populasi kajian. Krejcie, V.R. & Morgan, W.D. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.

untuk susunan kronologi lengkap sepanjang tempoh di antara 23 Februari hingga 1 Mac 2020.

## Muafakat Pakatan Harapan dan Isu Peralihan Kuasa Perdana Menteri

Kejayaan Pakatan Harapan (PH) mengambil alih kuasa daripada Barisan Nasional (BN) sebagai kerajaan pemerintah sememangnya telah mengejutkan banyak pihak. Sejak kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957, BN (dikenali sebagai Parti Perikatan sehingga tahun 1973) telah memenangi majoriti kerusi parlimen dalam kesemua 13 siri pertandingan pilihan raya umum yang bercirikan sistem majoriti mudah atau '*first past the post*'. Antara faktor yang dilihat menyumbang kepada kemenangan PH buat julung kalinya adalah keupayaan untuk menghimpunkan dua seteru utama politik di dalam 'kem' yang sama iaitu Mahathir dan Anwar Ibrahim (Lemière 2018). Jika dahulunya kedua-dua figura ini sentiasa 'bercakaran' di antara satu sama lain di bawah blok BN dan pembangkang (Barisan Alternatif dan Pakatan Rakyat), pasca PRU-14 telah menyaksikan Mahathir dan Anwar Ibrahim kembali bekerjasama untuk mengemudi kerajaan PH berdasarkan semangat Muafakat PH yang ditandatangani oleh wakil parti komponen PH pada 6 Januari 2018. Namun demikian, kerjasama ini dilihat mula goyah apabila isu peralihan kuasa Perdana Menteri mula diperdebatkan secara terbuka dalam kalangan parti komponen PH sehingga menimbulkan krisis dalaman. Parti pembangkang, khususnya PAS dan UMNO pada masa tersebut juga dilihat 'mengambil kesempatan' terhadap krisis ini dengan menyatakan sokongan terbuka kepada kepimpinan Mahathir sehingga tiba PRU-15. Perkara ini diakui sendiri oleh Anwar Ibrahim menerusi kenyataan rasmi beliau seperti berikut:<sup>5</sup>

Saya bertemu Perdana Menteri di Putrajaya sekembalinya saya dari Port Dickson. Dalam pertemuan tersebut saya dan Tun Dr Mahathir Mohamad membincangkan mengenai peralihan kuasa. Saya bangkitkan isu tersebut kerana ada usaha daripada PAS, sekumpulan dari UMNO dan sebilangan kecil dari KEADILAN sendiri yang dipercayai berusaha mendapatkan tandatangan menyokong

<sup>5</sup> Kenyataan rasmi Anwar Ibrahim bertarikh 13 Februari 2020 boleh diakses di pautan berikut: <https://www.facebook.com/anwaribrahim.keadilan> [4 Mei 2020]

kepimpinan Tun Dr Mahathir sehingga akhir penggal. Perdana Menteri tidak terlibat dalam usaha tersebut malah mengulangi kenyataan tegas bahawa beliau akan melepaskan jawatan seperti yang telah dijanjikan. Saya cenderung agar beliau terus menerajui negara sehingga selesai Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC). Namun perkara ini akan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) pada 21 Februari ini. Saya turut memaklumkan kepada Perdana Menteri bahawa memandangkan wujud muslihat licik sedemikian maka pimpinan PH dan beberapa rakan lain akan tetap mempertahankan perjanjian Muafakat PH yang dimeterai pada 7 Januari 2018, yakni tegas menyokong kepimpinannya selaku Perdana Menteri Ke-7 dan saya sebagai Perdana Menteri Ke-8. Saya juga ingatkan bahawa selama hampir dua tahun usia PH, muafakat yang termeterai tersebut tidak pernah digugat oleh mana-mana parti persekutu – KEADILAN, DAP, AMANAH dan PPBM

(Anwar Ibrahim: 2020).

Jika diamati secara dekat, kandungan perjanjian muafakat PH seperti yang dihujahkan Anwar Ibrahim dalam petikan di atas, sememangnya wujud kenyataan yang menyentuh isu peralihan kuasa PM secara khusus.<sup>6</sup> Namun demikian, perlu ditegaskan bahawa kandungan perjanjian tersebut tidak menyatakan jangkaan tarikh atau tempoh masa bagi perancangan peralihan kuasa PM seperti yang digembargemburkan. Perenggan kelima (bilangan kedua) dokumen tersebut telah menyatakan bahawa:

Untuk memperkuuh kepimpinan kerajaan Pakatan Harapan dan memperteguh muafakat antara parti-parti anggota, proses undang-undang untuk mendapatkan Pengampunan Diraja bagi membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dimulakan segera, selepas Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran negara, agar Datuk Seri Anwar Ibrahim dapat segera berperanan dalam Kerajaan Persekutuan dan kemudiannya diangkat sebagai calon Perdana

<sup>6</sup> Lihat butiran perjanjian Muafakat Pakatan Harapan di blog rasmi Rafizi Ramli di <https://rafiziramli.com/2018/01/muafakat-pakatan-harapan-catatan-perunding/> [4 Mei 2020].

Menteri ke-8 (Kandungan Perjanjian Muafakat Pakatan Harapan, dalam Rafizi Ramli: 2018).

Melihat kepada situasi ini, Mahathir telah memberikan reaksi yang berbeza semasa sidang media pasca Mesyuarat Majlis Presiden PH pada 21 Februari 2020. Beliau secara individu menegaskan bahawa peralihan kuasa PM akan ditetapkan selepas penganjuran Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada bulan November 2020, dengan keputusan mutlak adalah terletak di bawah pertimbangan peribadi beliau sepenuhnya (*Astro Awani* 2020). Perkara ini ternyata telah menimbulkan perasaan kurang senang dan kemarahan terhadap sebilangan besar ahli parliment PH, khususnya daripada PKR yang khuatir dengan kemungkinan bahawa Mahathir tidak akan menyerahkan kuasa kepada Anwar Ibrahim, sebagai mana yang dipersetujui dalam perjanjian Muafakat Nasional.

Isu ini telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh PAS dan UMNO dengan mengumpulkan wakil ahli parliment pembangkang dan sebahagian kecil daripada PKR pada 23 Februari 2020 untuk menurunkan tandatangan terhadap akuan bersumpah yang menyatakan sokongan terbuka terhadap kepimpinan Mahathir sebagai PM sehingga akhir penggal. Peristiwa ini, yang turut dilabel sebagai ‘Langkah Sheraton’ (istilah yang diadaptasi daripada kes ‘Langkah Kajang’ yang merujuk kepada krisis peralihan kuasa Menteri Besar Selangor tahun 2014) oleh netizen, media dan ahli politik di media sosial telah menjadi titik tolak bagi peralihan kepimpinan kerajaan yang berlaku tujuh hari selepas itu. Bahagian seterusnya memaparkan latar belakang di sebalik kontroversi yang tercetus ini dengan memuatkan kronologi fakta dan watak-watak penting yang terlibat sepanjang tempoh di antara 23 Februari hingga 1 Mac 2020.

## Kronologi ‘Langkah Sheraton’ 2020 dan Bermulanya Episod Tujuh Hari Panjang

Jadual 10.1 berikut menceritakan kronologi ringkas krisis politik yang berlaku bermula pada 23 Februari 2020 sehingga pelantikan Muhyiddin sebagai PM pada 1 Mac 2020.

### Jadual 10.1: Kronologi Krisis Peralihan Kuasa Mac 2020

Tarikh	Peristiwa
23 Februari 2020	<p>Beberapa kenderaan dilihat memasuki Istana Negara susulan desas-desus mengenai pembentukan gabungan kerajaan baru. Presiden BERSATU, Muhyiddin Yassin; Timbalan Presiden PKR, Azmin Ali; Presiden UMNO, Ahmad Zahid Hamidi; Presiden PAS, Abdul Hadi Awang dikatakan antara individu yang hadir menghadap YDP Agong. Turut kelihatan di Istana Negara adalah Presiden Parti Warisan Sabah, Shafie Apdal, Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dan Ketua Menteri Sarawak, Abang Johari Tun Openg.</p> <p>Pada sebelah malam, beberapa ahli parlimen daripada PAS dan UMNO telah mengadakan pertemuan dan menyertai majlis makan malam bersama Azmin Ali dan sebahagian ahli parlimen PKR di Hotel Sheraton Petaling Jaya.</p> <p>Anwar Ibrahim menerusi siaran langsung <i>Facebook</i> peribadi telah menyentuh isu 'khianat' bagi menjawab spekulasi pembentukan kerajaan baru semasa majlis di kediaman beliau.</p>
24 Februari 2020	<p>Berikutan spekulasi pembentukan kerajaan baharu, Mahathir telah meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan pengurus BERSATU, disusuli pengumuman keluar Pakatan Harapan oleh BERSATU yang dibuat menerusi kenyataan media rasmi Muhyiddin Yassin.</p> <p>Azmin Ali dan Zuraida Kamaruddin dipecat serta merta oleh Majlis Mesyuarat Pimpinan Pusat PKR.</p> <p>YDP Agong telah berkenan menerima peletakan Mahathir dan melantik beliau sebagai Perdana Menteri interim sehingga pelantikan baru dibuat.</p> <p>DAP dan AMANAH telah mengeluarkan kenyataan rasmi berasingan menyatakan sokongan terhadap kepimpinan Mahathir sebagai Perdana Menteri.</p>
25 Februari 2020	<p>Kabinet secara tidak rasmi telah terbubar, berikutan peletakan jawatan Mahathir sebagai ketua Jemaah Menteri.</p> <p>Pada sebelah pagi, Mahathir telah mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua parti politik di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya. Antara yang hadir adalah Anwar Ibrahim, Lim Guan Eng, Muhyiddin Yassin, Abdul Hadi Awang dan Mohamad Sabu. Azmin dan 11 ahli parlimen PKR menyatakan sokongan penuh terhadap Mahathir sebagai Perdana Menteri untuk sepenuh penggal parlimen ke-14.</p> <p>Mahathir mengumumkan cadangan kerajaan perpaduan tanpa pembangkang dengan menggabungkan parti komponen PH dan pembangkang dalam kabinet Jemaah Menteri.</p> <p>BN dan PAS memutuskan untuk menarik balik sokongan terhadap Mahathir berikutan cadangan pembentukan kerajaan perpaduan yang melibatkan DAP.</p>

**Jadual 10.1: Kronologi Krisis Peralihan Kuasa Mac 2020 (Sambungan)**

Tarikh	Peristiwa
25 Februari 2020	Di Istana Negara, kelompok pertama 90 ahli parlimen telah menghadap YDP Agong untuk proses temu bual peribadi berhubung sokongan terhadap calon Perdana Menteri.
26 Februari 2020	Kelompok kedua 131 ahli parlimen telah hadir ke Istana Negara untuk meneruskan proses temu duga bersama YDP Agong. Perutusan khas pertama sebagai Perdana Menteri interim telah dibuat oleh Mahathir berhubung krisis politik yang melanda sejak 24 Februari. Anwar Ibrahim, menerusi sidang media mengumumkan sokongan padu PH terhadap pencalonan <u>diri</u> beliau sebagai calon Perdana Menteri.
27 Februari 2020	Mahathir hadir ke Istana Negara pada sebelah pagi untuk pertemuan bersama YDP Agong bagi membincangkan pencalonan Perdana Menteri ke-8. Pada sebelah petang, setiausaha BERSATU Marzuki Yahya mengesahkan Mahathir telah menarik balik peletakan jawatan sebagai pengurus BERSATU.
28 Februari 2020	Satu pertemuan di antara ahli-ahli parlimen BERSATU bersama Mahathir telah diadakan di Yayasan Al-Bukhari. Majoriti ahli mencadangkan Muhyiddin Yasin sebagai calon Perdana Menteri. Mesyuarat khas Majlis Raja-Raja bersama YDP Agong telah diadakan di Istana Negara selepas solat Jumaat. Turut hadir sama adalah Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Affendi Buang dan Ketua Polis Negara, Abdul Hamid Bador.
29 Februari 2020	PH menerusi kenyataan media rasmi mengumumkan sokongan terhadap Mahathir sebagai calon Perdana Menteri baharu, selepas menamakan Anwar Ibrahim pada 26 Februari 2020. Istana Negara mengeluarkan kenyataan media berhubung titah perkenan YDP Agong terhadap pelantikan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri. Muhyiddin mengumumkan akan memangku jawatan pengurus BERSATU sehingga pemilihan baru dibuat. Pada sebelah malam, Mahathir telah mendedahkan senarai nama 114 ahli parlimen yang dikatakan menyokong pencalonan beliau sebagai Perdana Menteri ke-8.
01 Mac 2020	Muhyiddin hadir ke Istana Negara untuk istiadat mengangkat sumpah dan seterusnya dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-8. Mahathir menerusi sidang media rasmi bertempat di Yayasan Al-Bukhari mendedahkan bahawa YDP Agong telah menolak permohonan beliau untuk mempersembahkan senarai nama ahli parlimen PH yang menyokong pencalonan beliau sebagai Perdana Menteri ke-8.

*Sumber:* Dipetik daripada hantaran asal (*posting*) dan laporan di media sosial (*Facebook*) dan portal rasmi beberapa individu dan organisasi seperti Anwar Ibrahim, Muhyiddin Yassin, Mahathir Mohamad, Azmin Ali, Annuar Musa, Pakatan Harapan, Parti Islam Se-Malaysia, Parti Tindakan Demokratik, Parti Peribumi Bersatu, Istana Negara, Astro Awani, Sinar Harian, Malaysiakini dan Berita Harian di antara 23 Februari sehingga 1 Mac 2020.

## Dapatan Kajian: Polemik ‘Langkah Sheraton’ dan Reaksi Mahasiswa Sains Politik UKM

Melihat kepada kemelut krisis politik yang berlaku di tanah air sepanjang penghujung Februari 2020, kajian ini membangkitkan tiga persoalan utama. Pertama, sejauhmanakah peristiwa ‘tujuh hari yang panjang ini’ mendapat perhatian dalam kalangan anak muda di Malaysia, khusus terhadap mahasiswa dan mahasiswi di Program Sains Politik UKM? Kedua, apakah reaksi mereka terhadap spekulasi, polemik, implikasi dan tindakan ahli politik pembangkang dan kerajaan pasca ‘Langkah Sheraton’? Ketiga, bagaimanakah penerimaan dan apakah harapan mereka terhadap kerajaan Perikatan Nasional?

**Jadual 10.2: Sumber Maklumat Berhubung Peristiwa ‘Langkah Sheraton’**

Sumber	Kekerapan	Peratusan
Televisyen	63	55.3
Surat Khabar	31	27.2
Internet/Media Sosial	111	97.4
Pensyarah	78	68.4
Keluarga	24	21.1
Rakan	79	69.3
Laman Web Parti Politik	24	21.1
Forum/Seminar/Ceramah/Kuliah	31	27.2

*Sumber:* Tinjauan soal selidik 2020

Dengan menggunakan pelbagai jenis sumber maklumat, penulis mendapati kesemua 114 responden yang terlibat dalam kajian ini sememangnya telah mengikuti rapat perkembangan isu peralihan kuasa yang berlaku di antara tempoh 23 Februari sehingga 1 Mac 2020. Sumber maklumat yang menjadi pilihan utama responden dalam mendapatkan informasi berkaitan polemik ‘Langkah Sheraton’ adalah media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* (111 responden/ 97.4 peratus), diikuti oleh perbincangan bersama rakan sekuliah (79 responden/ 69.3 peratus) dan para pensyarah (78 responden/ 68.4 peratus). Lain-lain sumber seperti televisyen (63 responden/ 55.3 peratus), akhbar arus perdana, ceramah atau forum politik (31 responden/ 27.3 peratus), keluarga dan laman web parti politik (24 responden/ 21.1 peratus) turut merekodkan penggunaan signifikan, namun tidak sebanyak tiga sumber

utama yang dinyatakan di atas. Jadual 10.2 memaparkan kekerapan dan peratusan terperinci bagi setiap pilihan sumber maklumat berkaitan ‘Langkah Sheraton’ oleh responden.

Berbekalkan kepelbagaiannya sumber maklumat yang digunakan untuk memahami krisis politik Februari-Mac 2020, bahagian seterusnya membincangkan sikap dan pandangan responden berhubung tiga persoalan yang dinyatakan di atas.

## Pergelutan Kuasa, Krisis Dalaman PH atau Konspirasi Pembangkang?

“Politik adalah pergelutan untuk mendapatkan kuasa”. Ungkapan popular ini diperkenalkan oleh sarjana sains politik terkemuka, Hans Morgenthau di dalam buku beliau berjudul *Politics Among Nation: The Struggle for Power and Peace* (1949) yang memerihalkan tentang perilaku aktor aktor negara sebelum, semasa dan selepas Perang Dunia Kedua. Walaupun hujah beliau tertumpu kepada skop realisme politik di peringkat global, dengan aktor-aktor negara dilihat cenderung untuk menggunakan segala kaedah dan keupayaan untuk mencapai matlamat memperoleh, mengekal dan mengembangkan kuasa, ungkapan Morgenthau adalah sangat relevan apabila diaplikasikan dalam konteks politik tempatan, khususnya terhadap krisis peralihan kuasa di Malaysia. Natijah daripada krisis ini secara jelas memperlihatkan kuasa sebagai alat dan matlamat sebilangan besar ahli politik tanpa mengira parti dan kedudukan. Pelbagai strategi disusun dan dirancang oleh pemain-pemain politik sama ada bersifat jangka pendek mahupun jangka panjang, secara sulit mahupun terbuka untuk menarik sokongan rakyat dan supaya terus dilihat relevan di peringkat nasional.

Dalam usaha untuk memahami perkembangan krisis ‘Langkah Sheraton’, penulis mendapat beberapa ‘teori konspirasi’ yang berasaskan idea ‘pergelutan kuasa’ muncul dalam kalangan netizen di media sosial dan alam maya seperti berikut; Pertama, terdapat dakwaan bahawa krisis tersebut berpunca daripada rancangan sulit pembangkang untuk menjatuhkan kerajaan PH secara drastik sebelum Pilihan Raya Umum ke-15. Kedua, terdapat usaha dipihak BERSATU dan ‘kem’ Azmin Ali dalam PKR untuk menghalang Mahathir daripada melepaskan jawatan PM kepada Anwar Ibrahim. Ketiga, hubungan ‘bagai retak menanti belah’ di antara BERSATU dan DAP serta konflik dalaman

PKR sememangnya tidak dapat diselamatkan dan menyumbang kepada kejatuhan PH. Keempat, ‘Langkah Sheraton’ adalah strategi UMNO dan PAS untuk melemahkan DAP daripada terus ‘berkuasa’ dalam PH dan demi memelihara kepentingan agenda Melayu Islam. Kelima, dan yang terakhir, ‘Langkah Sheraton’ juga dikaitkan dengan usaha untuk ‘menyelamatkan beberapa pemimpin UMNO’ yang sedang dan akan dibicarakan di mahkamah berhubung tuduhan rasuah dan salah guna kuasa. Walau apa jua idea ‘konspirasi’ yang dibangkitkan berhubung sebab musabab berlakunya ‘Langkah Sheraton’, pastinya ia turut memberi kesan terhadap persepsi, sikap dan penerimaan masyarakat, terutamanya pengguna media sosial dalam memahami krisis ini.

**Jadual 10.3: Persepsi Responden bahawa ‘Langkah Sheraton’ Merupakan Rancangan Sulit Beberapa Ahli Parlimen dan Parti Politik untuk Menyatuhkan Kepimpinan Pakatan Harapan**

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	1	0.9
Tidak Setuju	12	10.5
Tidak Pasti	21	18.4
Setuju	64	56.1
Sangat Setuju	16	14.0
<b>Jumlah</b>	<b>114</b>	<b>100.0</b>

*Sumber:* Tinjauan soal selidik 2020

**Jadual 10.4: Persepsi Responden bahawa ‘Langkah Sheraton’ Merupakan Rancangan Sulit Beberapa Ahli Parlimen dan Parti Politik untuk Menggagalkan Usaha Peralihan Kuasa Perdana Menteri daripada Mahathir Kepada Anwar**

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	1	0.9
Tidak Setuju	8	7.0
Tidak Pasti	35	30.7
Setuju	52	45.6
Sangat Setuju	18	15.8
<b>Jumlah</b>	<b>114</b>	<b>100.0</b>

*Sumber:* Tinjauan soal selidik 2020

Menerusi soal selidik yang diedarkan dalam kajian ini, penulis meninjau pandangan serta ulasan responden terhadap dua idea pertama

tentang ‘konspirasi’ berkaitan krisis peralihan kuasa seperti yang dinyatakan. Secara keseluruhan, seramai 80 responden (70.1 peratus) menyokong idea bahawa ‘Langkah Sheraton’ merupakan rancangan sulit beberapa ahli parliment dan parti politik pembangkang untuk menjatuhkan kepimpinan PH. 21 responden (18.4 peratus) memilih untuk bersikap neutral manakala 13 responden (11.4 peratus) menolak idea tersebut. Bagi soalan kedua, iaitu sejauh mana ‘Langkah Sheraton’ merupakan suatu usaha terancang untuk untuk menggagalkan usaha peralihan kuasa PM daripada Mahathir kepada Anwar, responden telah memberikan maklum balas yang hampir sama dengan soalan pertama. Majoriti responden (70.1 peratus) bersetuju, diikuti oleh sebahagian responden yang tidak pasti (18.4 peratus) dan beberapa responden yang tidak bersetuju (11.4 peratus). Jadual 10.3 dan 10.4 berikut memperincikan butiran data yang diperoleh bagi kedua-dua soalan ini.

**Jadual 10.5: Ulasan bertulis Responden Berhubung idea konspirasi di sebalik ‘Langkah Sheraton’**

Pilihan Jawapan	Ulasan Responden
Sangat bersetuju	“Saya bersetuju kerana di dalam PKR terdapat perselisihan faham di dalam parti sendiri yang mana terdapat dua kem iaitu Azmin dan Anwar. Dalam pada itu, terlalu banyak desakan terhadap Tun Mahathir untuk meletakkan jawatan kepada Anwar Ibrahim, namun ada juga di antara mereka yang tidak bersetuju” – Responden 114, pelajar tahun 2, lelaki.
	“Langkah ini dilakukan bagi menghalang Anwar Ibrahim daripada menjadi PM bagi menggantikan Tun Mahathir pada ketika itu. Malahan langkah ini merupakan suatu pengkhianatan dalam kerajaan sendiri apabila sanggup berkomplot dengan pembangkang bagi mendapatkan kuasa” – Responden 110, pelajar tahun 2, lelaki.
	“Langkah Sheraton bermula selepas kegagalan dalam perbincangan bersama Majlis Presiden PH. Dalam majlis tersebut, beberapa orang pemimpin mendesak Tun Mahathir mengumumkan tarikh khusus peletakan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan memberi laluan kepada Anwar Ibrahim untuk menggantikannya” - Responden 90, pelajar tahun 1, lelaki.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Ulasan Responden</b>
Sangat bersetuju	<p>“Saya bersetuju mengatakan ia adalah langkah sulit untuk menjatuhkan PH. Perkara ini berpunca daripada pergolakan dalaman kepimpinan PH itu sendiri. Keadaan berpecah dalam PKR menjadikan kepimpinan PH bukan hanya tidak lagi mendapat kepercayaan rakyat, malahan turut tidak lagi mendapat kepercayaan sesama ahli parti komponen, akar umbi dan beberapa pucuk pimpinan. Mana mungkin sesebuah pakatan pemerintah yang mempunyai banyak masalah dalaman mampu mentadbir dengan baik. Ditambah keadaan Anwar Ibrahim yang terdesak ingin menjadi PM sehingga memuaskan banyak pihak termasuk ahli parti sendiri” – Responden 37, pelajar tahun 1, lelaki.</p>
Setuju	<p>“Saya berpendapat pada mulanya ‘Langkah Sheraton’ ini turut dirancang oleh sesetengah pemimpin PH untuk bersama-sama membentuk kerajaan baru bersama parti pembangkang. Kemudianya, keadaan ini berterusan seolah-olah menjadi plot twist demi menyelamatkan kerusi dan jawatan masing-masing. Rancangan sulit ini sebagaimanya turut untuk menjatuhkan Anwar Ibrahim daripada menjadi PM ke-8 oleh barisan pimpinan PH, dan sudah tentu disokong oleh parti pembangkang. Namun begitu, langkah Sheraton turut mengandungi asbab parti pembangkang untuk menjatuhkan PH kerana mereka beranggapan PH tidak lagi kompeten dalam memimpin kerajaan.” -Responden 29, pelajar tahun 1, perempuan.</p>
	<p>“Sekiranya ahli-ahli parlimen itu benar-benar jujur untuk mengubah kerajaan kerana hilang kepercayaan, mereka sepatutnya lebih berintegriti. Peralihan kuasa boleh mereka lakukan melalui pilihan raya dan bukan dengan kaedah yang tidak berintegriti, memalukan dan tidak seiring dengan semangat demokrasi negara ini” - Responden 19, pelajar tahun 1, perempuan.</p>
	<p>“Kerana sudah terbukti keretakan dalam PKR yang terbahagi kepada dua kem iaitu antara pro-Anwar dan pro-Azmin. Bermula daripada Kongres Nasional 2019 yang memperlihatkan sudah ada ura-ura bahawa Azmin akan bertanding jawatan presiden PKR melawan Anwar, namun ianya tidak menjadi kenyataan kerana sokongan padu akar umbi yang kebanyakannya masih bersama Anwar. Oleh itu tidak hairanlah apabila langkah Sheraton dilihat sebagai salah satu usaha untuk menghalang Anwar Ibrahim daripada menjadi PM” - Responden 18, Pelajar tahun 1, perempuan.</p>

**Jadual 10.5: Ulasan bertulis Responden Berhubung idea konspirasi di sebalik ‘Langkah Sheraton’ (Sambungan)**

Pilihan Jawapan	Ulasan Responden
Setuju	<p>“Langkah Sheraton merupakan rancangan sulit yang dihadiri oleh kepimpinan parti-parti politik daripada pihak pembangkang dan beberapa orang daripada parti kerajaan untuk menjatuhkan kerajaan PH kerana perebutan kuasa yang berlaku dalam kalangan parti kerajaan pada ketika itu” - Responden 17, pelajar tahun 1, lelaki.</p> <p>“Saya bersetuju dengan perkara ini kerana masalah bermula apabila pro-Anwar dalam PKR memaksa supaya peralihan kuasa PM dipercepatkan. Hal ini menyebabkan beberapa ahli parliment PH yang tidak bersetuju sekali gus merancang untuk menggagalkan usaha peralihan kuasa” - Responden 50, pelajar tahun 1, perempuan.</p> <p>“Langkah ini tidak seharusnya dilakukan kerana demokrasi yang sebenar adalah melibatkan rakyat untuk menentukan siapa yang akan mentadbir negara dan bukannya peranan elit politik yang menjatuhkan sesama sendiri” - Responden 87, pelajar tahun 3, perempuan.</p>
Tidak pasti	<p>“Bagi saya, masalah ini timbul oleh kerana dua faktor. Pertama, ada beberapa pihak yang menyalahkan isu perletakan jawatan Tun Mahathir sebagai PM yang menyebabkan jatuhnya kerajaan PH. Kedua, masalah dalam dalam kalangan ahli PKR yang tidak mahukan kepimpinan Anwar Ibrahim menggantikan Tun Mahathir” – Responden 93, Pelajar tahun 3, perempuan.</p> <p>“Sejurnya, saya tidak pasti kerana apa yang kita sedia maklum dalam kerajaan lepas terdapat juga pemimpin-pemimpin yang sama dalam PN. Maka, ‘Langkah Sheraton’ bukanlah semata-mata untuk menjatuhkan PH tetapi disebabkan oleh segelintir individu yang gila kuasa” – Responden 50, Pelajar tahun 1, perempuan.</p> <p>“Mahathir mempunyai hubungan perseteruan yang cukup lama dengan Anwar. Ia boleh dijadikan sebab kerana beliau juga didakwa sebagai arkitek utama merencanakan kejatuhan kerajaan PH yang baharu mentadbir selama 22 bulan” - Responden 13, pelajar tahun 1, lelaki.</p> <p>“Rancangan ini tidak jelas motifnya. Jika Tun Mahathir mahu menyerahkan jawatannya kepada Anwar Ibrahim beliau tidak perlu terus meletakkan jawatan kerana ia menunjukkan beliau hanya memikirkan siapa yang seterusnya akan memegang kuasa bukan siapa yang layak dan lebih bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas. Rancangan ini juga menyebabkan rakyat hilang kepercayaan kepada ahli politik yang terlibat” - Responden 77, pelajar tahun 3, perempuan.</p>

Pilihan Jawapan	Ulasan Responden
Tidak pasti	<p>“Terdapat beberapa pandangan yang menyatakan bahawa Anwar tidak layak menjadi PM meskipun perkara itu sudah dipersetujui oleh Majlis Presiden PH. Hal ini kerana beberapa isu yang terpalit oleh beliau seperti isu moral dan ideologi. Maka tidak mustahil sekiranya ada gerakan sedemikian tetapi ianya tidak dapat dipastikan dengan jelas dan terang” - Responden 71, pelajar tahun 3, lelaki.</p>
Tidak bersetuju	<p>“Kejatuhan PH bukannya dimulai oleh ‘Langkah Sheraton’ tetapi masalah dalaman yang sudah bermula sejak sekarang lama. ‘Langkah Sheraton’ hanyalah sekadar ‘final blow’ ataupun ‘nail to the coffin’ kepada kerjasama parti komponen PH yang bagai retak menanti belah” – Responden 71, pelajar tahun 3, lelaki.</p> <p>“Rancangan ini bagi saya tidaklah sulit sekiranya kita melihat kepada keadaan politik semasa pada ketika itu di mana pergolakan dalaman PKR membabitkan Azmin dan Anwar serta keengganan Tun Mahathir melepaskan jawatannya, seperti sudah dijangka. Cuma penglibatan Tun Mahathir dan Muhyiddin dalam ‘Langkah Sheraton’ ini agak mengejutkan” – Responden 38, pelajar tahun 1, lelaki.</p> <p>“Peralihan kuasa PM kepada Anwar Ibrahim tidak akan berlaku semasa peristiwa tersebut” -Responden 57, pelajar tahun 3, lelaki.</p>

Sumber: Tinjauan soal selidik 2020

Ketika disoal tentang justifikasi kepada pemilihan jawapan bagi kedua-dua soalan di atas, seramai 78 responden telah memberikan penjelasan bertulis ringkas yang boleh dikategorikan kepada tiga tema utama. Pertama, pandangan yang menyokong kepada krisis dalaman PKR dan kelemahan pemerintahan PH pasca PRU-14 sebagai punca kepada peralihan kuasa. Kedua, pandangan yang bertegas ‘menyalahkan’ tindakan pembangkang pada masa tersebut yang tidak melalui proses demokrasi untuk mendapatkan kuasa. Ketiga, pandangan yang tidak memihak kepada PH dan pembangkang tetapi melihat isu peralihan kuasa PM sebagai faktor utama yang menyumbang kepada krisis politik pra ‘Langkah Sheraton’. Ulasan terpilih oleh responden (berdasarkan pilihan jawapan) yang mewakili ketiga-tiga tema di atas boleh dilihat seperti dalam Jadual 10.5.

## “Politik adalah Seni Serba Mungkin”

Melihat kepada ulasan yang diberikan oleh responden dalam Jadual 10.5, amat jelas soal perebutan kuasa dan konflik dalaman PH menjadi

hujah utama kepada tanggapan ‘konspirasi’ yang berlaku di sebalik krisis peralihan kuasa Februari-Mac 2020. Dalam Sains Politik, konsep kuasa (definisi, ciri, kepentingan, manifestasi) banyak dibincangkan dalam penulisan beberapa ilmuwan terkemuka seperti Lord Acton (1834-1902), Joseph Schumpeter (1883-1950), Harold Lasswell (1902-1978), Robert Dahl (1915-2014) dan Samuel Huntington (1927-2008). Memetik pandangan Schumpeter (1961) dalam buku beliau berjudul *Capitalism, Socialism and Democracy*, matlamat utama parti politik adalah tidak lain dan tidak bukan untuk mengatasi parti-parti politik lawan demi mendapatkan kuasa dan untuk kekal berkuasa. Manakala Dahl (1957) dalam *The Concept of Power* menganalogikan definisi kuasa melalui hubungan manusia iaitu sebagai kemampuan seseorang untuk mengarahkan individu lain melakukan sesuatu yang tidak mungkin dilakukannya secara sukarela. Persoalannya adalah bagaimanakah kuasa diperoleh dalam politik? Adakah melalui pilihan raya yang sah? Perwarisan turun temurun? Peperangan? Kudeta? Manipulasi? Usaha dan persaingan untuk berkuasa ini merupakan sebab yang membawa kepada idea politik sebagai seni serba mungkin.

**Jadual 10.6: Persepsi Responden bahawa ‘Langkah Sheraton’ merupakan manifestasi bahawa politik adalah ‘seni serba mungkin’ sebagaimana yang di fahami dalam sains politik**

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	0	0.0
Tidak Setuju	6	5.3
Tidak Pasti	13	11.4
Setuju	58	50.9
Sangat Setuju	37	32.5
<b>Jumlah</b>	<b>114</b>	<b>100.00</b>

*Sumber:* Tinjauan soal selidik 2020

Majoriti responden (83.4 peratus) bersetuju bahawa ‘Langkah Sheraton’ adalah refleksi kepada ungkapan terkemuka bekas Canselor Empayar Jerman-Prussia, Otto von Bismarck (1815-1898) iaitu “*politics is the art of the possible*”. Perjalanan politik negara sejak PH mengambil alih kuasa pasca PRU-14 sememangnya sukar untuk diramal. Jika sebelum ini di media sosial, *hashtag* ‘kerajaan sepenggal’ yang ditujukan kepada PH agak popular dan mudah dilihat dalam ruangan komen

portal-portal berita politik tempatan, ‘Langkah Sheraton’ ternyata mengubah sama sekali *hashtag* tersebut kepada ‘kerajaan 22 bulan’ atau ‘kerajaan tidak sampai separuh penggal’ tanpa jangkaan mana-mana pihak. Kejutan peralihan kuasa ini secara tidak langsung menyokong pandangan Bismarck terhadap definisi politik sebagai satu seni yang penuh kebarangkalian. Hanya sebilangan kecil responden (5.3 peratus) yang tidak bersepakat dengan pandangan ini dan selebihnya (11.4 peratus) tidak pasti. Jadual 1.5 di bawah memperincikan maklum balas responden bagi soalan berkaitan polemik ‘Langkah Sheraton’ dan ‘seni serba mungkin’ dalam sains politik.

## “Kerajaan Rakyat, dari Rakyat, untuk Rakyat?”

Berbicara soal demokrasi, ungkapan popular “*government of the people, by the people and for the people*” oleh presiden Amerika Syarikat ke-16, Abraham Lincoln (1809-1865) sering kali menjadi panduan dalam menggambarkan bentuk pemerintahan demokratik yang diaplikasikan di seluruh dunia.<sup>7</sup> Demokrasi berasal daripada perkataan Greek, ‘*demos*’ yang bermaksud rakyat dan ‘*kratos*’ yang bermaksud pemerintahan. Gabungan kedua-dua perkataan ini membawa makna demokrasi sebagai kerajaan bagi pihak rakyat, kerajaan yang berdasarkan perwakilan dari rakyat dan kerajaan yang memerintah untuk kepentingan rakyat. Ringkasnya, demokrasi adalah satu sistem politik yang memberi peluang kepada rakyat ses sebuah negara menentu, membentuk dan mengawal pemerintahan negara.

Menurut James Chin, status demokrasi Malaysia pasca PRU-14 lebih sesuai dilihat sebagai ‘*hybrid*’ atau ‘*flawed*’, iaitu terdapat elemen autokrasi yang masih kekal di bawah pemerintahan Mahathir, terutamanya yang berkaitan dengan isu-isu sensitif yang melibatkan agama dan kedudukan Melayu (James Chin 2020: temu bual telefon). Walaupun Malaysia masih belum mencapai status demokrasi unggul, perlu diakui bahawa terdapat usaha untuk bergerak ke arah pemantapan demokrasi (*democracy consolidation*) menerusi langkah pembasmian korupsi dan penambahbaikan polisi kerajaan setelah berlaku perubahan

<sup>7</sup> Menurut PEW Research Centre, penghujung tahun 2017 telah merekodkan peningkatan ketara perubahan negara di seluruh dunia ke arah demokrasi. Sebanyak 96 daripada 167 negara dengan populasi minimum 500,000 diiktiraf sebagai demokratik. Lihat Silver, Drew. 2019. Despite global concerns about democracy, more than half of countries are democratic. PEW Research Centre. Diakses di <https://www.pewresearch.org/fact-tank/2019/05/14/more-than-half-of-countries-are-democratic/> [8 Mei 2020].

rejim pasca PRU-14.<sup>8</sup> Hasilnya, Malaysia telah berjaya memperbaiki kedudukan dalam ranking indeks demokrasi yang dikeluarkan oleh *Economist Intelligence Unit* pada Februari 2020 (Rashvinjeet Bedi 2020). Berikutnya penubuhan kerajaan PN pasca ‘Langkah Sheraton’, yang menggabungkan BERSATU, UMNO, PAS, MCA, MIC, Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Bersatu Sabah (GBS) dan Bebas (bekas PKR), timbul kritikan daripada ahli parliment PH terhadap keabsahan kerajaan baru ini. Anwar Ibrahim, Khalid Samad, Saifuddin Nasution dan Lim Guan Eng di antara individu yang tegas dan lantang menggelarkan gabungan tersebut sebagai ‘kerajaan pintu belakang’, tidak demokratik dan suatu bentuk pengkhianatan terhadap mandat rakyat (Kenyataan Media Majlis Presiden PH 2020). Tidak kurang juga terdapat ratusan penyokong PH dan organisasi Bersih 2.0 yang turun berhimpun pada malam 29 Februari di Dataran Merdeka dengan slogan “demokrasi mati, ayuh turun ke jalan” bagi membantah pelantikan Muhyiddin sebagai PM.<sup>9</sup>

Melihat kepada tekanan yang dihalakan kepada kepimpinan Muhyiddin pasca ‘Langkah Sheraton’, kajian ini cuba mendapatkan reaksi dan ulasan responden berhubung dua isu iaitu pertama kewajaran ‘Langkah Sheraton’ dalam konteks amalan demokrasi berparlimen di Malaysia dan kedua, isu ‘pengkhianatan mandat’ dan polemik ‘kerajaan pintu belakang’ yang dikaitkan dengan PN. Bagi isu pertama, 32 responden (28.1 peratus) berpendapat tindakan yang dilakukan oleh beberapa ahli parliment pembangkang dan sebahagian daripada PKR yang menandatangani akuan bersumpah menyokong kepimpinan Mahathir adalah sangat tidak wajar, di samping tindakan keluar PH oleh BERSATU. 37 responden (32.5 peratus), berkongsi pandangan yang senada iaitu tidak wajar manakala terdapat 20 responden (17.5 peratus) tidak mempunyai kepastian. Hanya 5 responden (4.4 peratus) yang bertegas menyokong kewajaran ‘Langkah Sheraton’ untuk menjatuhkan PH diikuti oleh 20 responden (17.5) yang merasakan ia adalah tindakan

<sup>8</sup> Sebagai contoh adalah keputusan kabinet pada Jun 2018 yang melarang para menteri dan timbalan menteri daripada mengeluarkan surat sokongan untuk projek-projek kerajaan dan perkara-perkara yang mempunyai implikasi kewangan. Lihat Malaysiakini. 2020. Menteri dilarang beri surat sokongan dengan implikasi kewangan. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/430681> [8 Mei 2020].

<sup>9</sup> Lihat sebagai contoh rakaman peristiwa bantahan jalanan terhadap pelantikan Muhyiddin sebagai PM. Diakses di <https://www.youtube.com/watch?v=8JMg5F1kJMA> [8 Mei 2020].

wajar. Bagi isu kedua, 28 responden (24.8 peratus) beranggapan bahawa kritikan yang dilemparkan terhadap kerajaan PN sebagai ‘pengkhianat kepada mandat rakyat’ adalah sangat relevan, diikuti oleh 38 responden (33.6 peratus) dengan jawapan relevan. 15 responden (13.3 peratus) pula memilih untuk bersikap neutral disebabkan ketidakpastian manakala baki 21 responden (18.6 peratus) menolak kritikan tersebut sebagai tidak relevan. Hanya 11 responden (9.7 peratus) berpendirian dengan jawapan sangat relevan. Jadual 10.7 dan 10.8 berikut memaparkan reaksi keseluruhan responden.

**Jadual 10.7: Persepsi Responden Berhubung Kewajaran ‘Langkah Sheraton’ dalam Konteks Amalan Demokrasi Berparlimen di Malaysia**

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Sangat tidak wajar	32	28.1
Tidak wajar	37	32.5
Tidak pasti	20	17.5
Wajar	20	17.5
Sangat wajar	5	4.4
<b>Jumlah</b>	<b>114</b>	<b>100.0</b>

*Sumber:* Tinjauan soal selidik 2020

**Jadual 10.8: Reaksi Responden Terhadap Kenyataan Beberapa Ahli Politik bahawa Penubuhan Kerajaan Perikatan Nasional adalah Pengkhianatan Terhadap Mandat Rakyat semasa PRU-14**

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Sangat tidak wajar	11	9.7
Tidak wajar	21	18.6
Tidak pasti	15	13.3
Wajar	38	33.6
Sangat wajar	28	24.8
<b>Jumlah</b>	<b>113</b>	<b>100.0</b>

*Sumber:* Tinjauan soal selidik 2020

Secara umumnya, kedua-dua statistik di atas menunjukkan bahawa majoriti para pelajar prasiswazah sains politik di UKM, iaitu sekitar 60.6 peratus menolak proses pertukaran pemerintahan seperti yang berlaku semasa krisis politik Februari-Mac 2020. Lebih daripada separuh pelajar (58.4 peratus) juga menyokong kritikan terhadap pembentukan kerajaan PN pasca ‘Langkah Sheraton’ sebagai tidak menghormati suara

dan mandat rakyat. Justifikasi responden disebalik data yang dicatatkan dalam Jadual 10.7 dan 10.8 adalah berkisar kepada soal nilai dan prinsip demokrasi, kedudukan pilihan raya, peranan YDP Agong dan kelemahan pentadbiran PH. Majoriti responden berhujah bahawa PH telah diberi mandat yang sah menerusi kemenangan dalam PRU-14 yang lepas. Meskipun pentadbiran PH dipalit dengan beberapa kelemahan, tindakan ‘sabotaj’ dilihat tidak wajar dan bertentangan dengan amalan demokrasi berparlimen negara. Rata-rata responden turut menyanjung tinggi komitmen rakyat yang turun mengundi pada Mei 2018 dan menyokong sepenuhnya mekanisme pemilihan pemimpin menerusi pilihan raya umum.

Terdapat juga ulasan yang mengaitkan peranan YDP Agong yang telah memberi peluang secara adil kepada PH dan Muafakat Nasional untuk menuahkan kerajaan berdasarkan pilihan calon ketua kerajaan masing-masing. Maka, adalah tidak adil untuk ‘melabel’ pentadbiran PN sebagai ‘kerajaan pintu belakang’. Jadual 10.9 memaparkan justifikasi dan ulasan terpilih responden berhubung kritikan terhadap kewajaran ‘Langkah Sheraton’ dan polemik pengkhianatan mandat oleh kepimpinan Muhyiddin.

**Jadual 10.9: Ulasan Bertulis Responden berhubung kritikan terhadap kewajaran ‘Langkah Sheraton’ dan Isu Pengkhianatan Mandat oleh Kerajaan Perikatan Nasional**

Pilihan Jawapan	Ulasan Responden
Sangat relevan	<p>“Tindakan yang dilakukan oleh PN dianggap mengkhianati mandat rakyat kerana pada PRU-14, PH telah mengalahkan BN dan PAS. Sekiranya sesebuah kerajaan itu boleh dibentuk dengan lompat parti dan khianat maka apa fungsi PRU? Jelas langkah ini memberi impak negatif terhadap anak muda yang mahu mengundi buat pertama kali” – Responden 110, pelajar tahun 2, lelaki.</p> <p>“Langkah Sheraton mengkhianati pengorbanan rakyat yang turun mengundi pada Mei 2018 yang lepas. Demokrasi itu adalah daripada rakyat, kepada rakyat dan pengakhirananya juga adalah untuk rakyat”. Responden 114, pelajar tahun 2, lelaki.</p>
	<p>“PN tidak dilantik untuk menjadi kerajaan oleh rakyat. Buktinya terpampang dalam ucapan ‘Makcik Kiah’ oleh Muhyiddin Yassin menyatakan bahawa kerajaan beliau bukan kerajaan yang diundi oleh rakyat” – Responden 6, pelajar tahun 2, lelaki.</p>

Pilihan Jawapan	Ulasan Responden
Sangat relevan	<p>“Kerajaan PN adalah kerajaan pintu belakang kerana tidak mengikuti proses formal pemilihan oleh rakyat. Rakyat tidak memilih mereka sebagai kerajaan dan tindakan mereka adalah satu bentuk pengkhianatan terhadap pengorbanan rakyat membuang undi pada Mei 2018 yang lepas” - Responden 29, pelajar tahun 3, perempuan.</p>
	<p>“Negara yang berpaksikan kepada demokrasi seharusnya memilih kepimpinan dalam kerajaan melalui pilihan raya dan bukannya melalui ‘pintu belakang’ yang telah menimbulkan ketidakpuasan hati sesetengah pihak mahupun masyarakat” - Responden 16, pelajar tahun 3, perempuan.</p>
Sangat relevan	<p><i>“Those politicians who had coordinated to form the current Perikatan Nasional government are really betrayers of the rakyat. This is a very special case for Malaysia. Never in our history to see a coalition of political parties which managed to form a government without going through general election. The rakyat has the rights to choose their representatives and government, based on the spirit of democracy but this situation has totally abandoned our rights in determining the government that we want”</i> - Responden 36, pelajar tahun 1, perempuan.</p>
Relevan	<p>“Langkah Sheraton adalah satu tindakan kemandulan demokrasi di Malaysia. Perubahan pemerintahan perlu melalui pilihan raya dan parliment, bukan di hotel atau pintu belakang” - Responden 69, pelajar tahun 2, lelaki</p>
	<p>“Langkah Sheraton sangat tidak wajar kerana seakan ‘menghina’ amalan demokrasi berparlimen di Malaysia. Kerajaan PH mungkin tidak kompeten, namun mandat dan undi rakyat terhadap mereka harus dihormati oleh parti pembangkang” Responden 29, pelajar tahun 3, perempuan.</p>
	<p>“Walau apa jua isu yang berlaku terhadap pentadbiran PH, kerajaan ini wajar diberi ruang dan peluang untuk mentadbir sehingga selesai penggal” Responden 69, pelajar tahun 1, lelaki.</p>
Tidak pasti	<p>“Penubuhan kerajaan PN adalah kerana kegagalan PH untuk meneruskan pentadbiran. Jelas sekali ada perbalahan di dalam parti yang menyebabkan Tun Mahathir sendiri meletakkan jawatan. Namun untuk menyatakan kerajaan ‘pintu belakang’ adalah tidak wajar kerana YDP Agong sendiri berkenan dengan penubuhan kerajaan PN. Walau bagaimanapun, dari segi mandat ia sememangnya menggecewakan kerana rakyat tidak berhak untuk memilih kerajaan yang mereka mahukan” – Responden 114, pelajar tahun 2, lelaki.</p>
	<p>“Penubuhan PN lebih kepada memenuhi kehendak rakyat Bumiputera untuk kerajaan Bumiputera memimpin, namun tidak mengikut solusi yang terbaik” - Responden 22, pelajar tahun 1, lelaki.</p>

**Jadual 10.9: Ulasan Bertulis Responden Berhubung Kritikan Terhadap Kewajaran ‘Langkah Sheraton’ dan Isu Pengkhianatan Mandat oleh Kerajaan Perikatan Nasional (Sambungan)**

Pilihan Jawapan	Ulasan Responden
Tidak pasti	“Walaupun kerajaan sekarang bukanlah kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui PRU, tetapi apa yang dilakukan dalam ‘Langkah Sheraton’ tidak menyalahi Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang tertinggi Malaysia” - Responden 71, tahun 3, lelaki.
Tidak relevan	“Langkah Sheraton mungkin dilihat tidak demokratik. Akan tetapi, pemerintahan PH pada ketika itu dilihat berada pada tahap yang sangat tidak memuaskan dan terdapat pengundi yang menyesal kerana telah memilih PH. Pelbagai janji dan manifesto masih belum tertuna” - Responden 16, tahun 3, perempuan.
Tidak relevan	“Meskipun langkah yang diambil dilihat kejam untuk menjatuhkan kerajaan sedia ada, YDP Agong tetap mendengar pandangan kedua belah pihak. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan tidak ada mana-mana pihak diketepikan dan boleh dikatakan sebagai manifestasi ‘check and balance’ dalam sistem demokrasi berparlimen dari Raja berperlembagaan di Malaysia” - Responden 106, pelajar tahun 1, perempuan. “Peralihan kuasa ini melibatkan peranan YDP Agong, maka ia bukanlah suatu bentuk pengkhianatan terhadap mandat rakyat” - Responden 50, pelajar tahun 1, perempuan.
	“Walaupun dikatakan sebagai kerajaan pintu belakang, majoriti rakyat tidak mengetahui isu sebenar yang berlaku. Kebanyakan rakyat hanya percaya terhadap apa yang dimuat naik di media sosial tanpa melakukan kajian secara mendalam” - Responden 36, pelajar tahun 1, perempuan.
	“Langkah Sheraton dilihat sebagai ‘turning point’ kepada perubahan politik negara apabila konflik dalaman dan pergelutan kuasa politik individu dalam PH semakin meruncing” - Responden 34, pelajar tahun 3, perempuan.
Sangat tidak relevan	“PN bukan kerajaan pintu belakang kerana Jemaah Menteri telah terbubar berikutan peletakan jawatan Mahathir. BERSATU dan sebahagian ahli PKR juga telah keluar daripada PH. UMNO dan PAS telah mengusulkan untuk pembubaran parlimen sebelum menujuhkan PN” - Responden 8, pelajar tahun 1, lelaki. “PN bukan kerajaan pintu belakang kerana gabungan ini telah diperkenan oleh YDP Agong dan Majlis Raja-Raja mengikut peruntukan dalam perlembagaan persekutuan” – Responden 106, pelajar tahun 1, perempuan.
	“Penubuhan kerajaan PN adalah berlandaskan perkenan YDP Agong dan tugas baginda adalah untuk menjamin kepentingan nasional dipelihara oleh kerajaan yang mendapat kepercayaan majoriti ahli dewan” – Responden 34, pelajar tahun 3, perempuan.

Pilihan Jawapan	Ulasan Responden
Sangat tidak relevan	“Langkah Sheraton adalah suatu kewajaran memandangkan majoriti rakyat sudah hilang kepercayaan terhadap PH disebabkan konflik dalaman dan kelemahan pentadbiran. Ia menunjukkan bahawa demokrasi itu tidak terhad dan tidak terikat. Ahli parlimen kerajaan berhak menunjukkan ketidakpuasan hati kepada barisan kepimpinan. Apabila parti gabungan tidak lagi mendapat kepercayaan parti komponen, ahli berhak meninggalkan parti. Keluar parti itu juga adalah sebahagian daripada elemen kebebasan yang terkandung dalam prinsip-prinsip asas demokrasi” - Responden 37, pelajar tahun 1, lelaki.

Sumber: Tinjauan soal selidik 2020

## “Siapa Dapat Apa, Bila dan Bagaimana?”

Pada tahun 1936, Harold Dwight Lasswell, saintis politik berpengaruh di Amerika Syarikat telah menulis buku bertajuk *Politics: Who Gets What, When, How* (Politik: Siapa Dapat Apa, Bila dan Bagaimana) yang dianggap sebagai *masterpiece* dalam memahami definisi politik. Tiga persoalan yang dibangkitkan oleh Lasswell iaitu siapa, bila dan bagaimana sememangnya sangat praktikal dalam konteks politik lokal dan antarabangsa. ‘Siapa’ merujuk kepada pelaku atau aktor yang terlibat dengan politik sama ada secara langsung atau tidak, dan daripada sekecil-kecil unit seperti individu, pengundi, penyokong, aktivis dan seterusnya kepada unit yang lebih signifikan seperti parti politik, gerakan sivil, pembuat dasar, pemerintah dan negara. Persoalan ‘bila’ lebih terarah kepada skop masa atau tempoh untuk mendapatkan ‘apa’ atau sesuatu dalam politik, yang selalunya dikaitkan dengan kuasa, pengaruh dan kedudukan manakala persoalan ‘bagaimana’ pula merujuk kepada cara atau modus operandi pelaku politik merealisasikan matlamat berpolitik.

Berpandukan definisi Lasswell, kajian kes ‘Langkah Sheraton’ sememangnya relevan untuk melihat aplikasi tiga persoalan utama yang dibincangkan di atas. Mahathir, Anwar, PH, Muafakat Nasional dan YDP Agong merupakan antara aktor-aktor yang menjadi perhatian terpusat (*central of attention*) hampir di seluruh negara sepanjang berlakunya krisis Februari-Mac 2020. Umum mengetahui bahawa peralihan kuasa telah berlaku dengan permulaan yang penuh kontroversi apabila Mahathir melekkkan jawatan PM dan kabinet PH terbubar sebelum genap separuh penggal. Namun demikian, ia disudahkan dengan prosedur yang begitu unik dan seumpamanya dalam sejarah negara apabila YDP

Agong telah melibatkan diri secara langsung sebagai ‘pemudah cara’ dan penentu calon PM pilihan terbanyak ahli dewan rakyat. Melihat kepada trajektori krisis peralihan kuasa ini, penulis meninjau pandangan responden terhadap solusi yang difikirkan relevan untuk menamatkan kemelut ‘Langkah Sheraton’ seandainya pelantikan Muhyiddin sebagai PM belum diputuskan.

Berdasarkan enam pilihan jawapan yang ditawarkan (responden dibenarkan memilih lebih daripada satu jawapan), pertimbangan dan budi bicara YDP Agong merupakan di antara pilihan tertinggi responden (54.9 peratus), diikuti oleh sokongan terhadap cadangan pembubaran parlimen dan pilihan raya semula (54 peratus). Terdapat juga responden yang berpandangan bahawa Mahathir wajar diberi peluang untuk terus menerajui kepimpinan negara sehingga PRU-15, sama ada melalui kerajaan PH sedia ada (27.4 peratus) atau menerusi kerajaan perpaduan gabungan pembangkang dan kerajaan (18.6 peratus). Memandangkan ‘Langkah Sheraton’ turut disensasikan dengan konflik dalaman PH, sebilangan kecil responden berpendapat Mahathir wajar melepaskan jawatan PM untuk memberi laluan kepada Anwar Ibrahim (17.7 peratus) sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian Muafakat PH, diikuti oleh baki responden yang memilih pemerintahan tentera (3.5 peratus) sebagai solusi terakhir untuk menamatkan krisis politik Februari-Mac 2020. Butiran lanjut pilihan responden boleh dilihat seperti dalam Jadual 10.10.

**Jadual 10.10: Pandangan Responden Terhadap Solusi Terbaik untuk Menamatkan Kemelut ‘Langkah Sheraton’ Sebelum Pembentukan Perikatan Nasional**

Cadangan Solusi	Kekerapan	Peratusan
Pembubaran parlimen dan pilihan raya semula	61	54.0
Mahathir terus menerajui kepimpinan negara melalui kerajaan Pakatan Harapan sehingga PRU-15	31	27.4
Mahathir melepaskan jawatan Perdana Menteri untuk memberi laluan kepada Anwar Ibrahim	20	17.7
Mahathir menerajui pentadbiran negara menerusi pembentukan kerajaan perpaduan sehingga PRU-15	21	18.6
Mengikut pertimbangan dan budi bicara YDP Agong Pemerintahan tentera	62	54.9
	4	3.5

Sumber: Tinjauan soal selidik 2020

Setiap pilihan jawapan yang dibuat responden mempunyai rasional tersendiri. Berdasarkan 60 ulasan bertulis responden dalam borang soal selidik, beberapa perkara telah menjadi pertimbangan dalam memilih solusi untuk menamatkan kemerdekaan politik ‘Langkah Sheraton’. Sebagai contoh, hujah kepada penolakan pembubaran parlimen dan pelaksanaan pilihan raya semula adalah berkisar kepada soal kos dan impak kewangan serta aspek keselamatan kesihatan (*health security*) berikutan penularan wabak covid-19. Responden berpendirian bahawa di sebalik krisis politik yang berlaku, adalah mustahak untuk pentadbiran negara, elit politik dan ahli dewan memaksimumkan sumber kewangan, tenaga dan khidmat sedia ada, khusus dalam membantu sektor kesihatan dan keselamatan negara. Oleh yang demikian, pembubaran parlimen dan pelaksanaan pilihan raya semula dianggap sangat membebankan, menjelaskan fokus melawan wabak yang melanda negara dan tidak sesuai dengan keadaan semasa.

Bagi yang responden yang menyokong pembubaran parlimen dan pilihan raya semula, kebanyakannya hujah tertumpu kepada penghormatan demokrasi dan peranan rakyat sebagai penentu jatuh bangunnya sebuah kerajaan. Meskipun memerlukan kos yang tinggi, mekanisme pilihan raya dilihat sebagai metod yang paling adil dan praktikal untuk mendamaikan pihak yang bertelagah dalam jangka masa panjang. Kerajaan yang dipilih melalui pilihan raya semula akan menerima penghormatan tertinggi rakyat, sekali gus dilihat mempunyai legitimasi untuk memerintah. Tanpa pembubaran parlimen, responden berpandangan rakyat akan terus dimomokkan dengan keabsahan kerajaan pimpinan Muhyiddin dan PN sebagai ‘kerajaan pintu belakang’ atau ‘pengkhianat’. Justeru, responden bertegas bahawa keperluan kepada pembubaran parlimen dan pilihan raya semula adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan, khusus bagi negara yang mendukung prinsip asas demokrasi.

Terdapat responden yang kurang yakin dengan keberkesanannya idea kerajaan tanpa pembangkang cetusan Mahathir atas alasan ia tidak membuka ruang kepada mekanisme semak dan imbang dan berpotensi untuk mewujudkan pemerintahan bercorak autoritarian atau ‘*one-man rule*’. Responden melihat pengalaman Malaysia di bawah pentadbiran ‘separa autokratik’ Mahathir selama 22 tahun (1981-2003) adalah berpuncak daripada ketiadaan pembangkang yang kuat. Justeru, kerajaan tanpa pembangkang adalah tidak praktikal selain mengurangkan rasa kebertanggungjawaban dalam kalangan ahli dewan untuk membawa

dan memperdebatkan usul-usul yang berkaitan dengan suara akar umbi dan kebijakan rakyat. Selain itu, saiz kabinet yang terlalu besar, dengan kepelbagaiannya penting dan matlamat oleh setiap parti politik akan memungkinkan berlaku konflik dalam dan perebutan kuasa yang tidak terkawal. Namun demikian, terdapat responden yang berhujah balas kepada alasan ini berpotensi untuk mengurangkan sentimen perkauman, agama dan perbezaan ideologi di antara parti-parti politik yang wujud di Malaysia, sekali gus memupuk kestabilan dan keharmonian negara.

Berbicara mengenai penglibatan YDP Agong, majoriti responden (86 peratus) bersetuju bahawa baginda telah menggunakan kuasa dan budi bicara yang diperuntukkan dalam perlembagaan persekutuan tanpa bersikap memihak untuk menamatkan krisis peralihan kuasa Februari-Mac 2020. Keberkesanan peranan beliau dilihat menerusi usaha untuk bertemu dengan kesemua ahli parlimen dan ketua-ketua parti politik bagi tujuan mendapatkan maklum balas langsung terhadap situasi semasa. Responden berhujah bahawa tindakan YDP Agong secara tidak langsung telah berjaya mengelakkan daripada berlakunya rusuhan dan huru-hara dalam negara sekaligus membuktikan kemampuan baginda untuk menjadi tonggak perpaduan negara. Selain itu, campur tangan YDP Agong sebagai salah satu cabang eksekutif juga dilihat berjaya menyelesaikan krisis politik negara dalam masa yang singkat, tanpa melibatkan pilihan raya semula yang bakal melibatkan impak kewangan, masa dan tenaga.

**Jadual 10.11: Reaksi Responden Terhadap Keberkesanan Peranan YDP Agong dalam Menamatkan Krisis ‘Langkah Sheraton’**

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Sangat tidak berkesan	1	0.9
Tidak berkesan	7	6.2
Tidak pasti	9	8.0
Berkesan	96	86.0
Sangat berkesan	0	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>113</b>	<b>100.0</b>

*Sumber:* Tinjauan soal selidik 2020

Meskipun keputusan baginda tidak memihak kepada Mahathir dan PH, rata-rata responden berhujah bahawa adalah signifikan untuk negara terus dipimpin oleh seorang ahli parlimen yang mendapat perkenan baginda sebagai wakil Majlis Raja-Raja dan majoriti ahli dewan rakyat.

Kebijaksanaan YDP Agong dalam usaha merungkai krisis politik itu juga telah membuka mata rakyat terhadap peri pentingnya Institusi Diraja bagi memastikan negara kekal aman, harmoni dan selamat. Jadual 10.11 berikut memaparkan reaksi responden terhadap keberkesanan peranan YDP Agong dalam menamatkan krisis ‘Langkah Sheraton’.

## Pengajaran ‘Langkah Sheraton’ dan Harapan Anak Muda di Malaysia

Sebagai kesimpulan, krisis politik yang berlaku pastinya memberi pengajaran terhadap aktor-aktor politik yang terlibat, sama ada di pihak PH, PN mahupun rakyat. Sebagai anak muda yang cakna dengan perkembangan politik tanah air, responden berpandangan bahawa iktibar peristiwa ‘Langkah Sheraton’ perlu dilihat daripada beberapa perkara seperti berikut.

Pertama, dalam politik tiada rakan dan musuh yang kekal, tetapi kepentingan. Setiap parti politik yang bersaing pasti mempunyai agenda, pendekatan, ideologi dan matlamat yang berbeza. Hanya kepentingan yang dikongsis bersama (yang selalunya bersifat sementara) dilihat menjadi tali pengikat untuk elit politik berkerjasama. Jika kepentingan tersebut terancam, maka tidak mustahil elit atau parti politik mula membelaangi dan mengkhianati antara satu sama lain. Isu ‘melompat parti’, ‘cantas mencantas’, keluar gabungan, pemecatan dan penubuhan gabungan baru seperti yang ditunjukkan semasa ‘Langkah Sheraton’ jelas membuktikan kenyataan ini. Oleh yang demikian, responden berpandangan bahawa kepentingan rakyat seharusnya menjadi perkara pokok yang menyatukan kerjasama elit dan parti politik, bukan agenda mahupun kepentingan peribadi. Setiap tindakan yang diambil perlu dilihat dari sudut implikasi terhadap kebijakan rakyat dan kestabilan negara kerana asas tadbir urus yang baik adalah kepimpinan yang mengutamakan kepentingan rakyat, bukan sekadar perebutan kuasa di antara parti politik.

Kedua, pendekatan *‘the end justifies the means’* (matlamat menghalalkan cara) atau *real politics* dilihat tidak relevan dalam konteks demokrasi moden. Meskipun elit politik berhujah bahawa tindakan yang dilakukan adalah bertujuan untuk memelihara kepentingan rakyat, atau sebahagian masyarakat, ia harus mengikut peruntukan yang terkandung dalam perlombagaan persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara. Rukun Negara, terutamanya prinsip kesetiaan kepada Raja dan negara,

keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang wajar dihayati, difahami, dihormati oleh segenap lapisan masyarakat di Malaysia, termasuk elit politik dan pemerintah. Krisis politik Februari-Mac 2020 juga telah membuktikan sistem raja berperlembagaan yang diamalkan di Malaysia, menerusi peranan YDP Agong masih berfungsi, relevan dan efektif dalam membantu negara mengekalkan kestabilan politik.

Ketiga, kelangsungan politik permuafakatan berpotensi untuk tergugat sekiranya elit politik berterusan memanipulasi isu agama dan sentimen kaum demi meraih simpati dan sokongan rakyat. Sebagai sebuah negara yang memiliki masyarakat plural dan rencam, formula perkongsian kuasa menerusi pembentukan pakatan unggul atau '*a grand coalition*' anjuran Arend Lijhpart (1977) sewajarnya dikekalkan dalam kalangan elit politik, sama ada PH atau PN. Kajian kes 'Langkah Sheraton' telah memperlihatkan dengan jelas bagaimana Muafakat Nasional gabungan UMNO dan PAS menjadikan agenda kepentingan 'Melayu-Islam' sebagai rasional kepada persetujuan menandatangani akuan bersumpah menyokong Mahathir dan BERSATU. Sama ada agenda tersebut benar-benar ingin dilaksanakan, atau sekadar bersifat retorik masih belum dapat diputuskan.

Keempat, gabungan parti politik perlu mempunyai orientasi dan perpaduan yang kukuh dalam usaha mengekalkan kuasa dan mandat yang diberi rakyat. Kelemahan PH dalam menguruskan kemelut di antara parti komponen telah membuka ruang kepada parti lawan untuk perancangan mengambil alih kuasa. Ungkapan "*the enemy of my enemy is my friend*" wajar menjadi iktibar kepada aktor-aktor politik supaya lebih berhati-hati dalam setiap tindak-tanduk dan kenyataan yang dibuat kepada umum. Merujuk kepada kes 'Langkah Sheraton, terdapat responden yang berpandangan bahawa sudah tiba masanya untuk parlimen menggubal undang-undang yang menghalang atau mengenakan hukuman kepada mana-mana ahli dewan rakyat dan dewan undangan negeri yang bertindak menukar parti atau gabungan parti sebelum tamat penggal pemerintahan. Hal ini bertujuan untuk memelihara kestabilan politik, mengekalkan mandat yang diberi rakyat selepas pilihan raya dan mengelakkan kejadian seumpama daripada berlaku lagi di masa hadapan.

Kelima, dan yang terakhir, disiplin ilmu politik yang menitikberatkan aspek pendidikan pengundi (*voter education*) dan prinsip asas demokrasi seperti penyertaan rakyat, pemerintahan majoriti, perlindungan hak minoriti, kebebasan memilih, keterbukaan media, keadilan pilihan raya dan sistem kehakiman wajar disebar luas kepada belia Malaysia,

terutamanya kepada bakal pengundi pertama kali. Memetik ungkapan popular Nikita Khrushchev (1894-1971), “*Politicians are the same all over. They promise to build a bridge when there is no river*”, yang jelas memberi peringatan kepada rakyat tentang keperluan untuk bersifat rasional dan bijak dalam membuat pilihan apabila dihidangkan dengan pelbagai janji dan manifesto oleh para politikus. ‘Langkah Sheraton’ memberi pengajaran kepada responden, sebagai golongan belia dan generasi ‘tech-savvy’ yang terdedah dengan lambakan maklumat di media sosial untuk sentiasa membezakan antara fakta atau fitnah, retorik atau rasional, hujah atau falasi. Usaha ke arah pemantapan demokrasi secara ‘top down’ juga seharusnya dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh oleh kerajaan PN untuk memastikan negara terus bergerak ke arah kontinum demokrasi yang lebih baik.

## Penghargaan

Penyiapan artikel ini dibantu oleh geran GGPM 2018-022.

## Rujukan

- Annuar Musa. 2020. Facebook rasmi. <https://www.facebook.com/Annuar.Musa>.
- Anwar Ibrahim. 2020. Facebook rasmi. <https://www.facebook.com/anwaribrahim.keadilan>.
- Astro Awani*. 2020. Dr Mahathir terima semula jawatan Pengerusi BERSATU – Marzuki. 27 Februari. Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-politik/dr-mahathir-terima-semula-jawatan-pengerusi-bersatu-marzuki-231896>.
- Astro Awani*. 2020. Mesyuarat khas Majlis Raja-Raja diharap rungkai kemelut politik negara. 28 Februari. Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/mesyuarat-khas-majlis-raja-raja-diharap-rungkai-kemelut-politik-negara-231991>.
- Astro Awani*. 2020. Malaysia2020: Raja-Raja Melayu hadiri mesyuarat khas di Istana Negara. 28 Februari. Diakses di <http://www.astroawani.com/video-malaysia/malaysia2020-raja-raja-melayu-hadiri-mesyuarat-khas-di-istana-negara-1836086>.
- Azmin Ali. 2020. Facebook rasmi. <https://www.facebook.com/Mohamed.Azmin.Ali>.
- Barisan Nasional. 2020. Facebook rasmi. <https://www.facebook.com/barisanasional>.
- Chin, J. 2020. Pakar politik Malaysia. Temu bual telefon, 8 Mei.

- Dahl, R.A. 1957. The Concept of Power. *Behavioral Science* 2(3): 201–15.
- Democratic Action Party. 2020. Facebook rasmi. <https://www.facebook.com/DAPMalaysia>.
- Faris Fuad. 2020. Kesiapsiagaan ATM di tahap tertinggi. *Berita Harian Online*, 28 Februari. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/660334/kesiapsiagaan-atm-di-tahap-tertinggi>.
- Hasimi Muhamad. 2020. Peralihan kuasa: Terpulang pada saya untuk melepaskan ataupun tidak - Tun M. *Astro Awani*, 21 Februari. Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-politik/peralihan-kuasa-terpulang-pada-saya-untuk-melepaskan-ataupun-tidak-tun-m-231372>.
- Harits Asyraf Hasnan. 2020. Tun M tiba untuk bertemu Ahli Parlimen Bersatu. *Astro Awani*, 28 Februari. Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-politik/tun-m-tiba-untuk-bertemu-ahli-parlimen-bersatu-232001>.
- Hasniza Hussain. 2020. Tun M jumpa ahli-ahli Parlimen Bersatu pagi ini. *Sinar Harian Online*, 28 Februari. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/71800/KHAS/Peralihan-Kerajaan/Tun-M-jumpa-ahli-ahli-Parlimen-Bersatu-pagi-ini>.
- Istana Negara. 2020. Facebook rasmi. <https://www.facebook.com/IstanaNegaraOfficial>.
- Krejcie, V.R. & Morgan, W.D. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Lasswell, H.D. 1936. *Politics: Who Gets What When and How*. New York: McGraw-Hill.
- Lemière, Sophie. 2018. The Downfall of Malaysia's Ruling Party. *Journal of Democracy* 29(4): 114-128. doi:10.1353/jod.2018.0067.
- Lijphart, Arend. 1977. *Democracy in Plural Societies: A Comparative Exploration*. USA: Yale University Press.
- Luqman Arif Abdul Karim & Ilah Hafiz Aziz. 2020. Dr Mahathir selesai menghadap Agong. *Berita Harian Online*, 27 Februari. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/659839/dr-mahathir-selesai-menghadap-agong>.
- Mahathir Mohamad. 2020. Facebook rasmi. <https://www.facebook.com/TunDrMahathir>.
- MalaysiaGazette TV*. 2020. MGTV LIVE : BERSIH 2.0 | Turun Ke Jalan: Demokrasi Mati. *Youtube*, 29 Februari. Diakses di <https://www.youtube.com/watch?v=8JMg5F1kJMA>
- Malaysiakini*. 2020. Menteri dilarang beri surat sokongan dengan implikasi kewangan. 21 Jun. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/430681>.
- Malaysiakini*. 2020. Amanah,DAP muah namakan semula Mahathir sebagai PM. 24 Februari. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/512048>.

- Mstar: 2011. Mahkamah Rayuan Putuskan Sekyen 15 (5) (a) AUKU Bertentangan Dengan Perlembagaan. 31 Oktober. Diakses di <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2011/10/31/mahkamah-rayuan-putuskan-sekyen-15-5-a--auku-bertentangan-dengan-perlembagaan>.
- Mohd Iskandar Ibrahim 2018. Pindaan Auku diluluskan sebulat suara. *Berita Harian Online*, 10 Disember. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/507721/pindaan-auku-diluluskan-sebulat-suara>.
- Muhammad Ismail Aminuddin 2020. Salah seorang aktivis UKM4. Temu bual telefon, 8 Mei.
- Morgenthau, Hans. 1949. *Politics Among Nation: The Struggle for Power and Peace*. New York: Knopf.
- Muhyiddin Yasin. 2020. Facebook rasmi. <https://www.Facebook.com/ts.muhyiddin>.
- Pakatan Harapan. 2020. Facebook rasmi. <https://www.Facebook.com/pakatanharapan.my>.
- Pakatan Harapan. 2020. Kenyataan media kenyataan media Majlis Presiden PH. 29 Februari.
- Diakses di <https://www.facebook.com/photo/?fbid=1118974785119759&et=a.202413380109242>.
- Parti Amanah Negara. 2020. Facebook rasmi. <https://www.Facebook.com/amanahnegara>.
- Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Pusat. 2020. Facebook rasmi. <https://www.Facebook.com/paspusat>.
- Parti Keadilan Rakyat. 2020. Facebook rasmi. <https://www.Facebook.com/KeadilanRakyat>
- Parti Peribumi BERSATU Malaysia. 2020. Facebook rasmi. <https://www.Facebook.com/pribumibersatuofficial>.
- Rafizi Ramli. 2018. Muafakat Pakatan Harapan: Catatan Perunding. Januari 8. Diakses di <https://rafiziramli.com/2018/01/muafakat-pakatan-harapan-catatan-perunding/>.
- Rashvinjeet S Bedi. 2020. Malaysia climbs up nine places in Democracy Index. *The Star Online*, 3 Februari. Diakses di <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/02/03/malaysia-climbs-up-nine-places-in-democracy-index/>.
- Silver, Drew. 2019. Despite global concerns about democracy, more than half of countries are democratic. PEW Research Centre. 14 Mac. Diakses di <https://www.pewresearch.org/fact-tank/2019/05/14/more-than-half-of-countries-are-democratic/>.
- Schumpeter, J.A. 1961. *Capitalism, Socialism and Democracy*. London: Allen & Unwin.



# 11

## KRISIS COVID-19 SELAMATKAN MUHYIDDIN YASSIN DAN PERIKATAN NASIONAL?

MUHAMMAD RAHIMI HASAN<sup>1</sup>

### Pengenalan

Tahun 2020 menyaksikan ironi Wawasan 2020 akibat krisis multidimensi yang tidak pernah dibayangkan. Peralihan kuasa peringkat kerajaan persekutuan yang selama ini dilangsungkan penuh tertib menerusi proses pilihan raya dalam tempoh lima tahun sekali telah dipercepatkan menerusi kaedah abnormal dalam tradisi amalan demokrasi di Malaysia. Krisis politik sepanjang seminggu terakhir bulan Februari 2020 menaikkan Perikatan Nasional (PN) pimpinan bekas Timbalan Perdana Menteri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri kelapan pada 1 Mac 2020. Serentak itu, pakatan politik baharu ini mengekalkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) yang disertai fraksi Parti Keadilan Rakyat (PKR) pimpinan Mohamed Azmin Ali di Putrajaya. Lebih menarik, ia mengembalikan United Malays National Organization (UMNO) dan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) ke tumpuk kekuasaan

<sup>1</sup> Muhammad Rahimi Hasan merupakan Pensyarah Sambilan di Program Sains Politik, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau sedang menyiapkan tesis kedoktorannya di Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS). Beliau boleh dihubungi di muhdrahimihasan@gmail.com.

yang terlucut semasa Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), pada 9 Mei 2018. Kembalinya UMNO bersama pakej Muafakat Nasional juga telah meletakkan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) buat pertama kali sebagai kerajaan persekutuan sejak tahun 1978.

Tujuh hari panjang ini sebenarnya telah mengalihkan lensa media dan perhatian masyarakat umum daripada isu krisis kesihatan dunia pandemik Covid-19. Oleh sebab kealpaan ini, rakyat Malaysia mengalami norma baharu untuk menyelamatkan negara daripada terus terjejas dan diancam krisis kesihatan global. Kerajaan baharu pimpinan Muhyiddin Yassin menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 yang mengakibatkan kegiatan harian rakyat dibataskan dengan arahan ‘duduk di rumah’. Pertembungan dua krisis serentak, krisis politik dan krisis kesihatan mencetuskan keresahan akan kemampuan kerajaan baharu untuk mengurus tadbir negara. Hal ini kerana imej buruknya yang diberi julukan ‘Langkah Sheraton’, ‘kerajaan pintu belakang’ dan *‘the return of kleptocrats’*. Selain itu, kestabilan kedudukan kerajaan PN berdepan dengan ketidaktentuan, lantaran usaha blok pembangkang Pakatan Harapan (PH) yang begitu bersungguh-sungguh berusaha mencabar keabsahan Perdana Menteri menerusi undi tidak percaya. Teka-teki kedudukan PN akhirnya terjawab menerusi sidang Parlimen pada 18 Mei 2020, setelah ura-ura undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri Muhyiddin Yassin bertiupek cengkang dua minggu sebelum berlangsungnya sidang Parlimen. Sidang ini secara rasmi mengesahkan kedudukan sebenar kerusi kerajaan PN yang diragukan oleh pakatan pembangkang PH.

Bab terakhir ini membincangkan situasi terkini imej dan populariti kerajaan pimpinan PN sejak penguatkuasaan PKP berikutan penularan wabak Covid-19 pada 18 Mac 2020 hingga persidangan Parlimen pertama di bawah kerajaan PN pada 18 Mei 2020. Sebagai kerajaan baharu, PN berhadapan dengan cabaran untuk membuktikan prestasi yang sekurang-kurangnya mestilah lebih baik berbanding populariti PH di mata rakyat dalam isu ekonomi. Penguatkuasaan PKP menjadi medan ujian pertama kerajaan di bawah PN dengan dimensi pengurusan isu kesihatan, ekonomi, keselamatan dan sosial. Imej buruk yang terpalit dengan PN dapat dibendung dan dikawal dengan baik selama tempoh PKP, hasil pakej rangsangan ekonomi, keupayaan mengurus wabak Covid-19, keterujaan terhadap pesona Perdana Menteri ketika tampil dalam media dan kegagalan membawa usul undi tidak percaya

di Parlimen. Buat masa ini, situasi abnormal krisis Covid-19 berjaya menyelamatkan imej PN tetapi tidak secara keseluruhan memandangkan masih terdapat sisi-sisi pembantaian imej oleh pembangkang dan awam, khususnya *netizen* terhadap simptom-simptom lama yang kembali timbul semasa tempoh pelaksanaan PKP. Selebihnya, setelah situasi kembali normal, PN perlu menghadapi padang yang sama rata dalam persaingan populariti PN-PH.

## Latar Peralihan Kuasa Kerajaan Perikatan Nasional

Mempertimbangkan *mood* politik semasa di Malaysia, kemungkinan peralihan kuasa sudah diramal berlaku kerana petunjuk-petunjuk awal yang dipamerkan dalam beberapa siri keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) yang memihak kepada kerjasama UMNO dan PAS, khususnya Muafakat Nasional. Sokongan rakyat terhadap PH mengalami defisit. Namun begitu, peralihan kuasa dijangkakan berlaku semasa Pilihan Raya Umum (PRU) berikutnya. Di media sosial, *netizen* mengkritik prestasi PH dengan tanda pagar #kerajaansepenggal bagi menyampaikan mesej bahawa mereka tidak lagi memberikan sokongan terhadap PH pada PRU akan datang. Di sebalik itu, kedengaran ‘cakap-cakap’ mengenai perubahan kerajaan menerusi perundingan untuk membentuk pakatan baharu melibatkan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Ia bagaimanapun tetap menjadi teka-teki sehingga akhir Februari 2020 kerana adanya penafian terhadap dakwaan tersebut yang kerap bertiup di media sosial dan mulut ke mulut. Penyerahan kuasa Perdana Menteri daripada Mahathir Mohamad kepada Anwar Ibrahim sebagai ‘*Prime Minister in waiting*’ mempunyai pemberatnya tersendiri dalam mempengaruhi peralihan kuasa. Timbul tekanan terhadap Perdana Menteri untuk menyatakan tarikh peralihan kuasa yang jelas bakal berlaku hanya setelah Persidangan Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) pada penghujung tahun 2020.

Iklim politik yang kurang menentu ditokok dengan situasi ekonomi yang kurang memberangsangkan. Isu ekonomi rakyat seperti kos sara hidup dan bantuan kebajikan, serta isu-isu ekonomi negara seperti komitmen para pelabur asing, hutang negara dan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang selama satu tahun sembilan bulan menjadi sasaran kritikan BN dan PAS terhadap kerajaan PH. Kegusaran ekonomi ini ditajamkan lagi dengan ‘panas-dingin’ hubungan etnik

yang membangkitkan politik identiti dalam landskap utama masyarakat Malaysia dengan pelbagai isu seperti ratifikasi *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* (ICERD), pengenalan seni khat dan tulisan jawi di sekolah, isu penggunaan bahasa selain bahasa kebangsaan dalam media rasmi kerajaan, ketidakfasihan menteri menggunakan bahasa kebangsaan dan isu-isu titik bengik yang sengaja disensasikan untuk menghangatkan sentimen perkauman. Keadaan politik, ekonomi dan sosial ini nyata merupakan ironi imaginasi Malaysia 2020. Ia menjadi latar peralihan kuasa kerajaan persekutuan.

## Imej dan Kredibiliti Kerajaan PN Dipersoalkan

*“First impressions are the most lasting”*. Imej PN dipengaruhi kritikan dan kecaman terhadap tindakan sekumpulan Ahli-ahli Parlimen yang berkumpul di Hotel Sheraton, Petaling Jaya, pada 23 Februari 2020 yang memulakan episod tujuh hari panjang dalam politik Malaysia. Kolaborasi politik yang diberi julukan ‘Langkah Sheraton’ melibatkan para pemimpin daripada BERSATU, UMNO, PAS dan sekumpulan pemimpin PKR. Ia bagaimanapun dikhabarkan tidak mendapat apapun *endorsement* daripada Perdana Menteri Mahathir Mohamad yang keesokan harinya tidak bertugas seperti biasa di Jabatan Perdana Menteri sebagai tanda ‘protes’ terhadap taktik pembentukan kerajaan baharu, malahan meletakkan jawatan Perdana Menteri buat kali kedua tetapi dilantik semula sebagai Perdana Menteri Interim. Babak-babak politik 24 jam selepas peristiwa di Hotel Sheraton ini secara rasmi mengakhiri era ‘Malaysia Baharu’ di bawah kerajaan PH. Tanggapan awal terhadap kerajaan PN sehubungan peristiwa ini melanjutkan persepsi negatif terhadap kredibiliti PN, sekali gus menimbulkan cabaran terhadap pembinaan populariti kerajaan baharu berbanding kerajaan PH dahulu.

## Masuk ‘Pintu Belakang’ atau ‘Tebuk Atap’?

Imej kerajaan PN tidak begitu baik semasa awal pembentukan. Hal ini kerana julukan ‘Langkah Sheraton’ yang digunakan secara meluas dalam media sosial memberi konotasi moral politik tidak baik seperti ‘Langkah Kajang’ pada tahun 2014. Sehubungan itu, pembentukan kerajaan PN dihentam dan dikecam sebagai ‘kerajaan pintu belakang’ atau ‘*backdoor government*’ kerana ia membelakangkan wahana pilihan

raya yang dari segi moralnya juga jelas mengetepikan mandat rakyat pada PRU-14. Meskipun keabsahan pembentukan kerajaan ini dari sudut Perlembagaan Persekutuan tidak dinafikan, istilah ‘kerajaan pintu belakang’ bermaksud pembentukan kerajaan PN dilaksanakan melalui saluran di luar norma amalan demokrasi di Malaysia. Masalah-masalah di kemudian hari berkemungkinan besar timbul daripada unsur negatif dalam ‘kerajaan pintu belakang’ seperti menebalnya unsur-unsur rasuah seperti sogongan wang ringgit, janji jawatan dan pembebasan tuduhan mahkamah (Muhammad Fathi 2020).

Kebimbangan mengenai ‘kerajaan pintu belakang’ tidak hanya berkisar soal moral politik pemimpin-pemimpin Malaysia. Pengumuman barisan kabinet yang agak lewat menimbulkan rasa resah kerana koordinasi antara kementerian, khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih belum diwujudkan untuk menangani pandemik Covid-19 yang menunjukkan simptom yang semakin serius menerusi peningkatan statistik saban hari. Percaturan politik Malaysia dikhawatir mengakibatkan langkah mundur kerajaan ketika negara-negara luar sudah melaksanakan pelbagai langkah strategik untuk membendung penularan wabak Covid-19. Sementara itu, di Malaysia, kabinet baharu masih belum diumumkan, bahkan masih tidak menamakan Menteri Kesihatan yang dianggap jawatan kritikal ketika itu. Perdana Menteri dilihat kurang responsif berbanding Yang di-Pertuan Agong yang menitahkan agar kes Covid-19 disiasat. Kepentingan politik dilihat telah membelakangi keselamatan rakyat (Raja Kamarul Bahrin Shah 2020).

Julukan ‘kerajaan pintu belakang’ ini bagaimanapun dinafikan oleh pemimpin-pemimpin dalam PN yang sedar keburukan gelaran tersebut ke atas imej kerajaan kini. Dalam perutusan khas oleh Presiden PAS, Abdul Hadi Awang, beliau menyanggah dakwaan tindakan PAS dan parti-parti politik lain mengambil alih kerajaan persekutuan sebagai tindakan yang membelakangkan rakyat menerusi ‘pintu belakang’. Sebaliknya, analogi ‘tebuk atap’ menggambarkan adanya cubaan daripada pihak dalaman PH untuk memecahkan diri sendiri dengan menggulingkan Perdana Menteri Mahathir Mohamad secara desakan. Oleh itu, PAS mengambil ikhtiar menyelamatkan kerajaan dan negara dengan hikmah penyatuan umat Islam dan masyarakat majmuk (Abdul Hadi 2020). Pelabelan ‘kerajaan pintu belakang’ turut dibidas oleh kepimpinan UMNO yang berada dalam kedudukan defensif untuk mempertahankan keabsahan penubuhan kerajaan PN. Ungkapan ‘kerajaan pintu belakang’ dianggap

sebagai istilah yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Propaganda ‘kerajaan pintu belakang’ bertujuan menyemai kebencian terhadap kerajaan yang dibentuk mengikut lunas Perlembagaan. Bagi Ahmad Said, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Terengganu, Perlembagaan Persekutuan membenarkan perkara ini berlaku. Ia bersifat *unprecedented* di peringkat kerajaan persekutuan tetapi pernah berlaku di peringkat kerajaan negeri di Terengganu, Kelantan dan Perak (*UMNO Online* 2020).

Sama ada kerajaan ini masuk ‘pintu belakang’ atau ‘tebuk atap’, polemik istilah bagi meleluconkan tindakan PN membentuk kerajaan terpulang kepada perspektif yang dikenakan atas pendapat masing-masing. Bagi mereka yang menggunakan hujah moral, etika politik dan demokrasi sebagai kuasa di tangan rakyat, kerajaan PN hari ini adalah merupakan ‘kerajaan pintu belakang’. Akan tetapi, dalam perspektif undang-undangnya pula, kerajaan PN tetap merupakan kerajaan yang sah. Pandangan sedemikian dikongsi oleh pakar perlembagaan Shad Saleem Faruqi bahawa pembentukan kerajaan secara lompat parti dan penggabungan baharu pakatan politik ialah amalan yang tidak bersifat *unconstitutional* tetapi tentu sahaja ia tindakan politik yang mengabaikan pertimbangan moral (Azril Annuar 2020). Dalam suara yang sama, Rohana (2020: temu bual e-mel dan mesej) menyatakan, “...Walaupun *backdoor government* legal dan sah, persoalannya adalah dari segi etika dan moral. Ahli politik di negara ini selalu pecah amanah seperti lompat parti dan mungkir janji tanpa perasaan malu dan beretika dalam politik...”.

## Kembalinya Kleptokrat dalam Kerajaan Malaysia?

Tumbangnya BN pada PRU-14 daripada kerajaan persekutuan adalah kerana permainan isu kleptokrasi oleh PH, selain faktor strategi pakatan pembangkang yang lebih ampuh bagi menghadapi jentera pilihan raya parti pemerintah. Dengan kemenangan PH, sosok-sosok yang didakwa terpalit dengan skandal rasuah dan penyelewengan kuasa seorang demi seorang dihadapkan ke muka pengadilan sebagai kes berprofil tinggi. Antaranya ialah mantan Perdana Menteri Najib Razak, mantan Timbalan Perdana Menteri Ahmad Zahid Hamidi, mantan Menteri Wilayah Persekutuan Tengku Adnan Tengku Mansor dan mantan Ketua Menteri Sabah Musa Aman. Proses mahkamah yang memakan masa menimbulkan pertanyaan awam terhadap kemampuan kerajaan PH

menangani persepsi bahawa para pemimpin BN ialah mangsa fitnah dalam PRU-14 lalu. Sehingga ketika kerajaan PH tersingkir dari Putrajaya pada 24 Februari 2020, para pemimpin BN ini masih dibicarakan dan belum dibuktikan bersalah atau tidak. Oleh itu, timbulah isu kerajaan PN bakal mengembalikan figura-figura yang didakwa sebagai kleptokrat.

Bagi menjamin keyakinan rakyat dan mengelakkan pertikaian masyarakat awam terhadap kredibiliti kerajaan PN, para pemimpin yang masih dibicarakan di mahkamah tidak disenaraikan dalam barisan kabinet yang diumumkan pada 9 Mac 2020. Anggota kabinet atau Jemaah Menteri terdiri daripada muka lama dan muka baharu yang ‘lulus’ tapisan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan pembentukan kabinet berintegriti (Muhyiddin 2020). Selain itu, kegusaran bahawa kerajaan PN akan menggugurkan kes-kes mahkamah melibatkan sekutu baharu mereka dalam PN berjaya dilegakan buat sementara. Ia berikutan seruan Presiden UMNO Ahmad Zahid Hamidi supaya para pemimpin UMNO membersihkan nama mereka di mahkamah dengan harapan Perdana Menteri Muhyiddin Yassin tidak menggugurkan kes seperti berlaku terhadap pemimpin utama kerajaan semasa kerajaan di bawah PH (Mohamad Fadli 2020). Inisiatif kerajaan untuk menjelaki dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di luar negara yang dikenal pasti berjumlah RM 6.9 bilion turut diarahkan oleh Perdana Menteri Muhyiddin Yassin untuk diteruskan (Muhammad Yusri 2020). Dengan perkembangan ini, imej dan kredibiliti kerajaan PN berkait unsur kleptokrasi, rasuah dan salah guna kuasa dapat diminimumkan dengan penyisihan sosok disyaki terlibat korupsion dalam kabinet, penerusan perbicaraan kes dan komitmen kerajaan terhadap penyelesaian kes 1MDB.

## **Kerajaan Melayu-Islam atau Milik Rakyat Malaysia?**

Inersia politik identiti Melayu-Islam yang digembar-gemburkan oleh UMNO dan PAS berkaitan isu-isu semasa di bawah PH menerbitkan keraguan mengenai identiti kerajaan PN. Sentimen maruah Melayu-Islam tercabar ketika di bawah PH masih tetap menebal ketika krisis politik dan pascakrisis. Komposisi Ahli-ahli Parlimen PN dan PH selepas krisis mewujudkan fragmentasi politik yang memperlihatkan Melayu-Islam di sebelah PN, manakala majoriti bukan Melayu dalam

PH. Keadaan ini semestinya menimbulkan rasa kurang selesa dalam masyarakat kerana amalan Demokrasi Berparlimen mengikut blok kerajaan dan blok pembangkang akan membentuk naratif Melayu-Islam dan bukan Melayu. Sedangkan kejayaan demokrasi Malaysia adalah kerana permuafakatan politik atau konsosiasionalisme yang dicirikan oleh perwakilan berkadar kumpulan-kumpulan etnik di Malaysia yang majmuk.

Kembalinya UMNO bersama rakan kongsi baharu PAS menimbulkan persoalan daripada sebahagian besar rakyat Malaysia yang mengimpikan citra ‘Malaysia Baharu’ yang lebih inklusif untuk semua kaum. Adakah komposisi kerajaan PN yang dominan Melayu-Islam bakal berpatah kembali kepada pendekatan institusi dan dasar berasaskan kaum? Pertanyaan ini diasaskan kepada bilangan kerusi yang mendominasi PN terdiri daripada BERSATU, UMNO dan PAS. Selain itu, pakatan PN disokong oleh Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Gabungan Bersatu Sabah (GBS). Kerajaan PN dipersoalkan kemampuannya untuk berperanan sebagai kerajaan bagi semua rakyat Malaysia. Dakwaan kerajaan PN cenderung menonjolkan imej kerajaan untuk masyarakat Melayu-Islam merupakan cabaran besar yang perlu ditangani. Sekiranya imej ini tidak dijernihkan, kredibiliti kerajaan PN sebagai milik rakyat Malaysia akan dipersoal dan diragui. Menerusi komentarnya, Tricia Yeoh (2020) berpendapat kerajaan baharu PN bakal mengembalikan dasar-dasar ala BN dan rencah konservativisme sosial bagi mengambil hati pengundi Melayu-Islam. Oleh itu, pandangan skeptikal dan pesimis terhadap komponen-komponen PN ini mencabar kredibilitinya sebagai kerajaan. Dakwaan kerajaan PN sebagai kerajaan Melayu-Islam mendapat respons balas daripada Menteri Pengangkutan Wee Ka Siong yang menafikan perkara tersebut. Ini kerana beliau sendiri menjadi wakil Malayan Chinese Association (MCA) sebagai Menteri dan tiga wakil MCA lain menjabat jawatan Timbalan Menteri bagi menggambarkan kemajmukan dan untuk membantu Perdana Menteri Muhyiddin Yassin sebagai peneraju kerajaan untuk rakyat Malaysia (*Malaysiakini* 2020).

Namun, soal dominasi Melayu-Islam dalam kerajaan PN akan tetap ditimbulkan oleh pihak tertentu. Portal berita *Asia Times* menerusi korespondennya di Malaysia dan Singapura menggambarkan imej kerajaan PN sebagai *‘Malay first’ government* dengan memetik kenyataan kontroversial Perdana Menteri Muhyiddin Yassin pada tahun 2010

yang menyatakan, “...*I am Malay first...*”. Bahkan, kabinet Muhyiddin Yassin hanya meletakkan seorang Menteri daripada komuniti Cina dan India yang merangkumi kira-kira 30 peratus populasi Malaysia (Bowie 2020). Hal ini tentunya menjadi cabaran besar buat kerajaan PN untuk menonjolkan imejnya sebagai kerajaan milik rakyat Malaysia.

## **BERSATU dan Rakan Komponen PN Tidak Bersatu?**

Sejarah politik Malaysia buat masa ini menunjukkan kekuatan pakatan politik sebagai faktor terpenting yang memastikan kelangsungan kerajaan persekutuan. Menggunakan ramuan politik permuafakatan model Parti Perikatan, BN berjaya mengekalkan tumpuk kuasa mereka di peringkat pusat selama enam dasawarsa. Ibarat ‘tidur sebantal, mimpi lain-lain’, PH ialah pakatan pembangkang paling padu dan terarah bagi menghadapi BN dalam pilihan raya umum, tetapi ia tidak disandarkan kepada mana-mana ideologi yang jelas. Hasilnya, kejayaan PH membentuk kerajaan persekutuan menemui titik noktahnya dalam krisis politik seminggu pada Februari 2020. Kelangsungan kerajaan PN tak dapat tidak bergantung kepada perpaduan dalam kalangan parti-parti komponennya. Soalnya, mampukah kerajaan pimpinan BERSATU mengimbangi kekuatan bilangan kerusi dalam Muafakat Nasional UMNO dan PAS, serta gabungan-gabungan lainnya? Maka, adakah PN pakatan politik yang benar-benar bersatu bagi menghadapi pembangkang dalam sesi Parlimen atau pilihan raya? Telahan untuk persoalan-persoalan ini dan perkara-perkara berkaitannya mungkin terlalu awal untuk dibuat. Akan tetapi, akhir nanti, secara realiti, persoalan inilah yang perlu ditangani PN.

Kini, pakatan politik PN berjaya menumbangkan PH, sekali gus membentuk kerajaan persekutuan dan empat buah kerajaan negeri di Johor, Melaka, Perak dan Kedah. Namun begitu, tindakan dan kenyataan oleh para pemimpin PN selepas pengumuman kabinet memberi gambaran awal tahap perpaduan parti-parti komponen PN. Kekuatan PN dapat dilihat berdasarkan kemampuannya untuk memaksimumkan ‘*give and take*’ antara pemimpin dalam pembahagian jawatan kabinet. Ia menimbulkan variasi sokongan, bangkangan dan kritikan. Kesemua Ahli Parlimen PKR daripada kem Mohamed Azmin Ali diberikan jawatan Menteri dan Timbalan Menteri kecuali Ahli Parlimen Batu Pahat Abdul Rashid Hasnon yang sedia ada memegang jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Pelantikan Ahli Parlimen bekas PKR dilihat

sebagai habuan dan jaminan sokongan terhadap PN. Akan tetapi, dakwaan ini dinafikan salah seorang Ahli Parlimen yang juga merupakan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin. Bagi beliau, jawatan yang mereka sandang bukanlah ‘habuan politik’ kepada kem Mohamed Azmin Ali kerana ia amalan yang sesuai dengan pembahagian jawatan kepada BERSATU sebagai salah satu komponen parti terbesar dalam PN (Mohd Azlim 2020).

Rasa tidak puas hati juga wujud dalam kalangan parti komponen sehubungan *line-up* kabinet PN. Presiden Progressive Democratic Party (PDP) Tiong King Sing menolak jawatan Timbalan Menteri Perpaduan Negara, namun telah dilantik sebagai Duta Khas Kepada Perdana Menteri ke Republik Rakyat China dengan taraf menteri. Sebelum itu, Presiden PAS Abdul Hadi Awang turut dilantik sebagai Duta Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah tetapi beliau sememangnya tidak tersenarai dalam kabinet (Raiham 2020). Isu pembahagian jawatan juga harus diuruskan dengan berhati-hati dan berkesan oleh PN kerana pembentukan kerajaan ini adalah atas sokongan parti-parti komponen. Situasi ini pada pandangan umum merupakan lantikan yang diasaskan pertimbangan politik. Ia tidak termasuk lantikan-lantikan Ahli Parlimen atau pucuk pimpinan parti komponen dalam syarikat berkaitan kerajaan atau *government-linked companies* (GLCs). Lantikan sedemikian mempengaruhi persepsi rakyat terhadap kredibiliti dan populariti kerajaan PN dan modal politik pembangkang kemudian hari, meskipun ia suatu amalan biasa dalam kerajaan.

Kritikan pemimpin UMNO terhadap barisan kabinet turut kedengaran. Kritikan secara terbuka oleh pemimpin-pemimpin utama UMNO menggambarkan bahawasanya masih ada sesuatu yang ‘tidak kena’ dengan gabungan politik PN. Kritikan terhadap pembahagian jawatan Menteri menjadi isyarat bahawa PN bukan pakatan yang mantap tetapi berhadapan kemungkinan perpecahan. Bagi Timbalan Presiden UMNO Mohamad Hasan, selaku blok Ahli Parlimen terbesar, UMNO diketepikan dengan cara yang sangat tidak adil oleh Perdana Menteri kerana komposisi kabinet menjadi berat sebelah dalam dua aspek. Pertama, portfolio yang disandang oleh UMNO ialah kementerian yang tidak kritisikal, justeru menafikan jumlah Ahli Parlimen yang disumbangkan oleh UMNO dan pengalaman luas mereka dalam kerajaan. Kedua, ia lebih memanfaatkan kepentingan BERSATU dan blok Mohamed Azmin Ali (Mohammad Fairuz 2020). Kritikan terhadap

isu komposisi kabinet disuarakan oleh Naib Presiden UMNO Mohamed Khaled Nordin berdasarkan kedudukan UMNO sebagai pendiri bersama PN dan bukannya sekadar ‘penumpang’. Oleh itu, jawatan dalam kabinet wajar diagihkan secara lebih adil mengikut perdekatan perkadaran (*Astro Awani* 2020). Lebih jelas lagi, secara berterus terang, Mohamad Hasan menyatakan kedudukan UMNO dalam PN hanya berasaskan persefahaman politik bagi menyelamatkan Malaysia daripada kemelut politik. Ia amat berbeza dengan kedudukan UMNO dalam BN, mahupun Muafakat Nasional bersama PAS (*UMNO Online* 2020b).

## **Pandemik COVID-19 dan PKP: Ujian Populariti, Kredibiliti dan Pengukuhan Kedudukan Kerajaan PN**

Persoalan-persoalan yang melingkari Kerajaan PN semasa awal pembentukannya iaitu pada dua minggu pertama tidak terhad semasa itu semata-mata. Ia akan terus dipersoal, bahkan menjadi polemik yang cuba dihidupkan oleh seteru politik PN, khususnya PH. Imej dan kredibiliti kerajaan PN pimpinan Muhyiddin Yassin sudah pun terpalit dengan pelbagai persoalan moral seperti ‘kerajaan pintu belakang’ dan penerimaan kleptokrat yang dahulunya beliau tentang sehingga tersingkir daripada kerajaan. PN turut diramal akan menebalkan lagi konservatisme berasaskan ideologi Melayu-Islam yang dominan dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia. Lebih penting lagi, bagi menjamin kestabilan politik Malaysia, PN diragui keupayaannya sebagai pakatan politik yang mampu bertahan dan mengimbangi kekuatan seteru politiknya PH.

Walaupun berhasil menubuhkan kerajaan, PN sentiasa berada dalam keadaan rapuh. Pertama, PN perlu memastikan persefahaman antara parti-parti komponen bagi mengelakkan mana-mana Ahli Parlimen yang berada dalam PN mengalihkan sokongan jika berlaku situasi ‘lompat parti’ untuk menubuhkan kerajaan baharu. Kedua, usul undi tidak percaya yang ingin dibawakan oleh PH terhadap Perdana Menteri perlu dikekang daripada berlaku atau digagalkan dengan sokongan majoriti Ahli Parlimen kepada Muhyiddin Yassin. Ketiga, PN perlu mengawal aktiviti-aktiviti kepembangkangan yang pastinya dimobilisasikan oleh parti-parti oposisi dan aktivis politik prodemokrasi yang akan mengheret kelompok massa simpatisan PH. Keempat, kerajaan PN mestilah cekap mengurus jentera kerajaan warisan PH

yang berkemungkinan meninggalkan ‘Napoleon kecil’ yang mensabotaj pentadbiran. Kelima, kerajaan PN berhadapan cabaran besar untuk memenangi hati rakyat agar penentangan secara ‘kecil-kecilan’ di peringkat akar umbi tidak mengganggu tatakelola kerajaan. Mampukah kerajaan PN mengharunginya?

## **Pelaksanaan PKP di Malaysia: ‘Penyelamat’ Kerajaan PN?**

Pengarah World Health Organization (WHO) Sylvie Briand mengeluarkan kenyataan rasmi pada awal Februari 2020 bahawa penyebaran wabak Coronavirus atau Covid-19 di wilayah Wuhan, China bukan pandemik tetapi masih bersifat epidemik. Ia berikutan pengesanan penularan wabak pada peringkat awal, selain langkah isolasi dan rawatan, serta pengesanan kontak dan penjarakan sosial telah dijalankan (Senthilingam 2020). Malaysia mencatatkan kes Covid-19 pertama pada 25 Januari 2020 menerusi kes import tiga warganegara China. Pada 4 Februari 2020, KKM mengesahkan mangsa Covid-19 pertama melibatkan warganegara Malaysia. Hasil usaha KKM, pencegahan kes Covid-19 dapat dilaksanakan dengan berkesan. Sehingga 24 Februari 2020, apabila kerajaan PH runtuh akibat peletakan jawatan Perdana Menteri, jumlah kes Covid-19 kekal pada angka 22 kes dengan 20 kes telah didiscaj.

Hari demi hari, berlaku peningkatan kes Covid-19 di Malaysia yang semakin membimbangkan. Ia bahkan konsisten meningkat di banyak negara sehingga pihak WHO akhirnya mengisyiharkan wabak ini sebagai suatu pandemik. Pada tahap ini, penularan Covid-19 melibatkan 135 buah negara yang mencatatkan 162,711 kes global dan 6443 rekod kematian. Malaysia sendiri mengalami peningkatan kes yang membimbangkan dengan angka kes sebanyak 553 pada 16 Mac 2020. Bagi menangani penyebaran wabak ini bertambah serius dan tidak terkawal, Perdana Menteri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan pelaksanaan PKP dari 18 Mac hingga 31 Mac 2020, selama 14 hari. Perintah ini dikuatkuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 (Muhyiddin 2020b). PKP dilaksanakan mengikut penelitian dan semakan terhadap kesesuaianya di satu-satu lokasi. Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dikenakan di kawasan yang dikesan menjadi pusat penyebaran dan

mencatatkan kes tinggi seperti Simpang Renggam; Kampung Sungai Lui, Hulu Langat; Menara City One, Kuala Lumpur; Flat Malayan Mansion dan Selangor Mansion, Kuala Lumpur; dan Selayang Baru, Gombak. PKP berlangsung dalam empat fasa iaitu; Fasa Pertama (18 – 31 Mac 2020); Fasa Kedua (1 – 14 April 2020); Fasa Ketiga (15 – 28 April 2020); dan Fasa Keempat (29 April – 12 Mei 2020). Pada 4 Mei 2020, Kerajaan Malaysia menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB / 13 Mei - 9 Jun 2020) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP / 10 Jun - 31 Ogos 2020) bagi menggerakkan semula ekonomi negara.

Kuatkuasa PKP di bawah kerajaan pimpinan PN telah memberikan kesempatan terbaik kepada Muhyiddin Yassin dan kerajaan baharu ‘menyelamatkan’ diri daripada kritikan yang berterusan, bahkan gerakan massa di ruang fizikal. Pergerakan fizikal yang terbatas, larangan perhimpunan awam dan prioriti orang ramai terhadap kepentingan kesihatan memberikan kelebihan terhadap kerajaan PN. Norma baharu yang disarankan mengetarkan aktiviti harian, penjagaan kebersihan yang kerap, penjarakan sosial dan arahan *stay at home* mempunyai sisi politiknya yang menyebelahi PN. Di sebalik arahan ini, terdapat kegusaran dalam kalangan rakyat, khususnya yang bekerja sendiri atau di sektor swasta. Pendapatan harian tentunya merosot, wang simpanan terpaksa dibelanja, sewa rumah, pinjaman bank untuk kenderaan dan kediaman perlu dijelaskan. Persoalan keselamatan bukan tradisional yang dicetuskan Covid-19 bukan sahaja melibatkan aspek ancaman kesihatan, bahkan ancaman kemiskinan. Kenaikan kes harian Covid-19 yang kekal pada tiga angka semasa awal pelaksanaan PKP menimbulkan keresahan rakyat.

Apakah tindakan pemimpin kerajaan untuk menyelamatkan negara dan rakyat? Bagaimanakah populariti PN semasa PKP? Imejnya adakah semakin baik atau semakin buruk? Adakah kredibiliti PN sebagai kerajaan baharu diyakini rakyat? Atas pertanyaan ini, selamatkah Muhyiddin Yassin dan kerajaan PN daripada aktiviti kepembangkangan dan cabaran yang dihadapinya? Sorotan ini tidak mungkin berjaya memberikan suatu kenyataan atau dapatan yang konklusif bagi pertanyaan tersebut. Ia hanya memberikan ulasan sewajarnya berdasarkan perkembangan semasa. Pandangan ini kemungkinannya tidak berubah, tetapi kebarangkalian untuk berubah sebenarnya lebih besar disebabkan kedinamikan politik Malaysia yang pantas berubah dan berbolak-balik seperti sepanjang seminggu krisis peralihan kuasa kerajaan. Hal ini ditambah dengan

persepsi rakyat yang sentiasa berubah per jam, malahan per minit, akibat pacuan media sosial. Ia “menjangkaui kelajuan bunyi” seperti yang digambarkan dalam Bab 1 tulisan Muhamad Takiyuddin & Suffian Mansor mengenai plot tujuh hari panjang. Sehubungan itu, beberapa aspek dibincangkan sebagai analisis awal kerajaan PN dalam medan ujian pertamanya sebagai sebuah kerajaan.

## Pengukuhan Kedudukan dan Pelemahan Penentangan

Lebih daripada sekadar strategi yang dirancang, pengukuhan kedudukan dan pelemahan penentangan terhadap Muhyiddin Yassin dan kerajaan PN pimpinannya adalah berupa pemanfaatan situasi krisis kesihatan yang dicetuskan oleh pandemik Covid-19. Di balik tumpuan media terhadap perkembangan krisis Covid-19, Muhyiddin Yassin mengambil peluang untuk mengukuhkan kedudukan dan menstabilkan dalaman parti BERSATU. Muhyiddin Yassin bertindak memecat Setiausaha Agung BERSATU Marzuki Yahya bermula 18 Mac 2020 dan digantikan dengan Hamzah Zainudin. Pemecatan ini dibantah oleh Penggerusi BERSATU Mahathir Mohamad yang pada masa tersebut dilihat masih menyebelahi PH. Keadaan ini tentunya memihak kepada pengukuhan kedudukan Muhyiddin Yassin dalam BERSATU kerana beliau berjaya menempatkan individu yang beliau yakini dalam jawatan penting dalam BERSATU, mengendurkan tekanan daripada Mahathir Mohamad yang tidak berpihak kepada PN kerana kerjasama dengan UMNO secara *en bloc*.

Dalam PN sendiri, kritikan para pemimpin UMNO seperti Mohamad Hasan dan Mohamed Khaled Nordin, serta veteran UMNO Shahrir Abdul Samad mengenai isu kabinet akan melemahkan PN. Komposisi kabinet ini merupakan isyarat kepada UMNO bahawa Muhyiddin Yassin berkemungkinan melaksanakan strategi dan taktik politik untuk melemahkan kedudukan UMNO yang semakin kuat dalam Muafakat Nasional bersama PAS, seterusnya menggantikan parti dominan Melayu dengan BERSATU. Isu Covid-19 telah meletakkan mod senyap terhadap kritikan UMNO, bahkan parti-parti lain terhadap kepimpinan Muhyiddin Yassin. Kritikan ‘dimatikan’ sepanjang tempoh PKP kerana ia dianggap sebagai *politicking* yang tidak perlu semasa negara berdepan dengan krisis kesihatan yang memerlukan suasana politik distabilkan.

Selain isu dalaman BERSATU dan PN, keperluan pencegahan Covid-19 telah melemahkan kepembangkangan daripada PH. Lebih awal lagi, Presiden PKR Anwar Ibrahim menyatakan bahawa Mahathir Mohamad bukan lagi Pengurus PH kerana beliau tidak menghadiri mesyuarat PH pada 13 Mac 2020. Mahathir Mohamad ialah sosok penting yang membuat gerak politik sepanjang kemelut peralihan kerajaan. Berikut kontak rapat dengan individu yang disahkan positif Covid-19, secara sukarela, beliau mengkuarantin diri selama 14 hari. Tindakan ini seolah-olah menandakan pengunduran rasmi beliau daripada babak politik pasca ‘Langkah Sheraton’, sekali gus melemahkan lagi kedudukan PH yang kini dianggotai PKR, Democratic Action Party (DAP), Parti Amanah Negara (AMANAH) dan sebilangan kecil BERSATU. Gerak kerja dalaman PH yang sebelum itu kerap kali bermesyuarat dan mengadakan perjumpaan dengan Mahathir Mohamad bagi menggagalkan PN seakan menemui jalan buntu kerana keperluan pencegahan Covid-19.

Selain itu, pengaruh dan sokongan yang cuba dibina oleh PH melalui jelajah jalanan bagi membantah tindakan PN merampas mandat rakyat di beberapa negeri seperti Jelajah Harapan di Selangor dan Jelajah Mandat Rakyat di Kedah tidak dapat dilonjakkan momentumnya. Rapat umum dan ceramah kelompok gagal diadakan secara konsisten bagi memenangi hati rakyat kerana keutamaan harus diberikan kepada penjarakan sosial dan kepatuhan larangan PKP yang menghendaki orang ramai untuk berada di rumah bagi mengelakkan risiko Covid-19. Di samping itu, perhatian rakyat terhadap isu politik mula beralih kepada masalah Covid-19 yang turut membataskan rakyat untuk keluar berdemonstrasi. Namun begitu, media sosial masih digunakan secara konsisten untuk mempertikaikan tindakan-tindakan Menteri yang sebenarnya tidak berkelayakan kerana ditempatkan dalam kabinet sebagai ganjaran politik. Sesetengah pihak dalam PH pula menggunakan *cybertroopers* seperti *FinanceTwitter* untuk menghentam kebaikan yang dilakukan kerajaan PN seperti gerak kerja oleh KKM (Rohana 2020: temu bual e-mel dan mesej).

Meskipun gerak kerja politik di ruang fizikal semakin terbatas akibat Covid-19, ruang siber masih lagi terbuka luas sebagai platform kemen, penerangan dan komentar oleh pendukung PH. Dalam hal ini, kerajaan PN tidak sepenuhnya terselamat daripada aksi politik pembangkang. Norma baru yang dibawakan oleh tempoh PKP menyebabkan lebih

ramai lagi menjadi celik dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Impak Revolusi Industri 4.0 kini benar benar memunculkan wajahnya. Sesi *live streaming* melalui *Facebook*, *Instagram* dan *Youtube* bukan lagi asing sebelum PKP lagi. Setelah tempoh pelaksanaan PKP, sesi sedemikian digunakan dengan lebih meluas untuk tujuan mesyuarat, perbincangan kerja atau berbual-bual kosong. Maka, ia pastinya suatu ruang yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan politik, bukan sahaja oleh PH, malah PN. Sesi *live streaming* ceramah seperti siri Ceramah Harapan bertajuk *Kembalikan Mandat Rakyat* dan *Hidupkan Harapan Rakyat* menampilkan para pemimpin utama PH. Begitu juga dengan pihak PN melalui UMNO TV yang dikelola oleh Penerangan UMNO Malaysia dan TV PAS turut merangkumi pengisian mengenai isu politik semasa. Platform media sosial menerusi *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* menyediakan padang sama rata untuk persaingan yang lebih sihat, justeru kerajaan PN tidak akan selamanya boleh berasa selesa dengan keadaan selama PKP dilaksanakan.

## Pesona Imej Perdana Menteri Muhyiddin Yassin

Pembawaan diri Muhyiddin Yassin sebagai seorang ahli politik yang berkredibiliti tidak menjadi satu masalah memandangkan beliau berpengalaman luas memegang pelbagai jawatan dalam kerjaya politik. Sebelum ini, beliau pernah menduduki kerusi Menteri Besar Johor, Menteri Belia dan Sukan, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Menteri Perdagangan dan Industri, Menteri Pendidikan, Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Perdana Menteri. Selama ini, Muhyiddin Yassin membawa perwatakan seorang yang tegas, tidak banyak bercakap, kurang tersenyum dan kurang diperhatikan pidato-pidatonya. Beliau sering kali dilihat dalam tembakan lensa kamera sebagai seorang yang sentiasa tampil dengan imej yang kemas, *suii* lengkap dengan tali leher dan sapu tangan. Adalah terlalu sukar untuk melihat Muhyiddin Yassin tampil dengan imej berbeza.

Walau bagaimanapun, apabila beliau menampilkan diri di kaca televisyen sepanjang tempoh PKP, imej Muhyiddin Yassin yang selama ini agak rigid mula diperhatikan sehingga diulas oleh cara berpakaian beliau oleh perunding imej sebagai cara beliau ‘berbahasa’ dengan khalayak yang menonton siaran perutusan Perdana Menteri. Adakalanya

beliau mengenakan *suit* lengkap, adakalanya tampil agak santai dengan menyingsing lengan dan tidak memakai *suit* lengkap seperti kebiasaan. Semasa awal kemunculan Muhyiddin Yassin, beliau menadah tangan mendoakan keselamatan dan kesejahteraan Malaysia daripada ancaman wabak Covid-19. Sebenarnya tindakan ini mampu menyentuh psiki orang Melayu yang mempunyai ikatan rohani yang kuat terhadap tindakan tersebut, sekali gus memberi persepsi baik terhadap kredibiliti beliau.

Kelainan yang dibawakan oleh Muhyiddin Yassin turut mencuit hati rakyat Malaysia sehingga digelar oleh *netizen* sebagai ‘Abah Muhyiddin’ kerana pembawaan watak seorang bapa yang bertanggungjawab menasihati anak-anaknya rakyat Malaysia yang masih degil kerana tidak mematuhi peraturan semasa PKP, supaya tidak berterusan ‘... bergerak ke sana, ke sini...’ dan ‘...duduklah diam-diam di rumah...’. Potongan petikan video beliau mengucapkan kalimat-kalimat tersebut telah meningkatkan populariti Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri bagi kerajaan yang beliau sendiri akui sebagai; “...[T]his government may not be the government that you voted for. But I want all of you to know that this government cares for you...” (Muhyiddin 2020c). Dalam Temu Bual Khas Perdana Menteri yang disiarkan di saluran rasmi Radio Televisyen Malaysia (RTM) TV1, Muhyiddin Yassin menyatakan beliau menggunakan analogi bagi memudahkan kefahaman umum seperti Makcik Kiah dan Pak Salleh. Beliau juga menyelitkan gelagat suami memakai baju kelawar isteri, *page Facebook* ‘Masak Apa Tak Jadi Hari Ni’ dan rentak *rap ucapan* Perdana Menteri ‘ke sana, ke sini’ untuk berseloroh dan *de-stress* keadaan semasa yang pastinya menguji ketahanan mental dalam kehidupan harian yang monoton.

Meskipun pesona yang cuba ditampilkan Muhyiddin Yassin berjaya mencuit hati kebanyakan *netizen* dalam media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan aplikasi *Whatsapp*, pengulangan skrip sedemikian secara berulang-ulang bukanlah satu jaminan untuk menarik sokongan. Kedinamikan dalam media sosial yang boleh berubah dengan drastik mungkin menjadikan pendekatan tersebut sebagai ‘senjata makan tuan’. Dimensi lain dunia media sosial iaitu budaya *troll* seperti yang dimainkan oleh *Tentera Troll Kebangsaan Malaysia (TTKM)*, *Amran Fans* dan *Troll Kerajaankini* berpangkalan di *Facebook* mempunyai pengaruhnya tersendiri. Ia berupaya menterbalikkan sokongan kepada bangkangan, khususnya para pengguna media sosial. Hal ini kerana Malaysia mencatatkan kadar penembusan media sosial tertinggi di Asia Tenggara

dan kelompok lima teratas dunia, selain tempat ke-16 tertinggi dunia bagi jumlah masa diperuntukkan penggunaan media sosial (*We Are Social 2020*).

## Keprihatinan Kerajaan PN dalam Pakej Rangsangan PRIHATIN

Setelah gelombang krisis kesihatan Covid-19, Malaysia dan masyarakat global bakal menghadapi gelombang kemelesetan ekonomi dunia. Hal ini kerana aktiviti ekonomi import dan eksport terhenti sementara dengan skala yang besar. Kejatuhan harga minyak dunia turut mempengaruhi Malaysia yang bergantung ekonominya terhadap industri petroleum. Semasa tempoh PKP, kegiatan ekonomi domestik Malaysia turut terhenti. Ia memberi kesan terhadap syarikat-syarikat swasta, industri berat, perusahaan kecil sederhana, bahkan mereka yang bekerja sendiri tanpa perlindungan jaringan keselamatan sosial.

Pelbagai inisiatif dianjurkan oleh kerajaan untuk menangani dampak Covid-19 terhadap ekonomi. Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) menjadi ‘buah tangan’ pertama kerajaan PN berjumlah RM 250 bilion. Bantuan Prihatin Nasional (BPN) memanfaatkan individu bujang dan isi rumah yang berpendapatan rendah dan sederhana dalam kumpulan B40 dan M40. Selain itu, pengecualian bayaran pinjaman Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN), sewa premis milik kerajaan persekutuan, moratorium sewa-beli di bank dan kemudahan pengeluaran wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dilaksanakan (Muhyiddin 2020c). Inisiatif ini memberikan kelegaan kepada peminjam, penyewa dan para pekerja. Ia secara tidak langsung menarik sokongan rakyat terhadap kerajaan PN yang dilihat begitu memahami kesulitan yang dihadapi berikutan tempoh PKP. Selain itu, kemampuan kerajaan PN mengumumkan pakej rangsangan tersebut menimbulkan kritikan terhadap kerajaan PH sebelum ini yang kerap kali mendendangkan keadaan kewangan negara yang meruncing.

Walau bagaimanapun, terdapat keputusan yang diumumkan oleh kerajaan PN menjadi sasaran kritikan seperti isu moratorium. Sebelum ini, pemberian moratorium tanpa faedah diberi secara automatik kepada peminjam yang layak. Akan tetapi terdapat pusingan U yang dibuat oleh pihak bank yang menghendaki para peminjam mengisi borang

dan dikenakan faedah selama moratorium tersebut. Isu ini diselesaikan apabila Kementerian Kewangan mencapai kata sepakat dengan industri perbankan melupuskan caj tambahan sepanjang penangguhan tersebut (Mahanum 2020). Selain itu, keputusan permohonan BPN mengundang rasa tidak puas hati para pemohon kerana isu keciciran golongan yang layak menerima tidak diluluskan (Mohd Iskandar & Alzahrin 2020). Kritikan orang ramai terhadap pelaksanaan pakej rangsangan ini menunjukkan kerajaan PN tidak sesekali boleh berasa selesa dengan populariti yang dibina hasil pengumuman pelaksanaan, tetapi perlu memastikan pihak kerajaan bersikap lebih responsif terhadap isu yang berbangkit agar ia tidak melemahkan sokongan rakyat ke atas PN.

## Gagalnya Usul Undi Tidak Percaya 18 Mei 2020

Setelah lebih dua bulan penantian, sidang Parlimen bagi Dewan Rakyat dilangsungkan selama satu hari pada 18 Mei 2020 dalam suasana berbeza akibat wabak Covid-19 yang masih belum reda. Sidang ini dinantikan kerana ia akan menentukan kedudukan sebenar Perdana Menteri Muhyiddin Yassin dan kerajaan PN. Apatah lagi, pada 1 Mei 2020 dan 4 Mei 2020, usul undi tidak percaya telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Muhyiddin Yassin tidak mendapat keyakinan majoriti Ahli-ahli Dewan Rakyat. Usul dengan maksud sedemikian dibawa oleh Ahli Parlimen Langkawi Mahathir Mohamad, Ahli Parlimen Semporna Mohd Shafie Apdal dan Ahli Parlimen Batu Sapi Liew Vui Keong. Sehubungan itu, Yang di-Pertua Dewan Rakyat Mohamad Ariff Md Yusof menerima usul yang dibawa di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) yang mempunyai maksud undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri (Parlimen Malaysia 2020). Tindakan usul undi tidak percaya bertujuan menyatakan pendirian PH yang masih lagi berkeinginan untuk mencabar kedudukan Perdana Menteri yang pada awalnya tidak mendapat sokongan majoriti, lalu boleh dipersoalkan keabsahannya. Di samping itu, usul undi tidak percaya tersebut disadurkan dengan hasrat *bona fide* mengembalikan mandat rakyat untuk PH pada PRU-14.

Begitu pun, usul ini tetap dikritik dan ditentang oleh mereka yang berpihak kepada PN atas pelbagai alasan termasuklah ancaman wabak Covid-19. Bagi Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU Wan Saiful Wan Jan, usul undi tidak percaya adalah tidak kena pada waktunya kerana

rakyat masih berhadapan ancaman wabak Covid-19, di samping isu kesulitan ekonomi (Roslinda 2020). Dalam nada sama, Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO Abdul Rahman Dahlan membangkitkan soal etika politik atau tanggungjawab moral Ahli Parlimen Semporna Mohd Shafie Apdal. Soal ini berikutan kegagalan usul yang beliau bawakan untuk menyatakan kepercayaan majoriti Ahli-ahli Dewan Rakyat terhadap Ahli Parlimen Langkawi Mahathir Mohamad. Kegagalan ini perlu dipampas dengan peletakan jawatan pembawa usul kerana ia undi percaya atau tidak percaya ialah usul yang mempunyai implikasi besar terhadap kestabilan politik negara (*UMNO Online* 2020c). Di samping itu, meskipun ada dalam kalangan parti-parti komponen BN seperti MIC yang kecewa dengan pucuk pimpinan PN yang mengagihkan jawatan tidak seperti diharapkan MIC, mereka tetap berdiri di belakang Muhyiddin Yassin sekiranya menghadapi undi tidak percaya. Usul sedemikian dianggap sebagai permainan politik yang tidak mengangkat kepentingan rakyat ramai, lebih-lebih lagi semasa ancaman wabak Covid-19 masih belum berlalu, sementara ekonomi negara berhadapan risiko untuk terjejas (Periasamy 2020).

Nasib Muhyiddin Yassin dan kerajaan PN pada 18 Mei 2020 terjawab apabila Yang di-Pertua Dewan Rakyat mengeluarkan kenyataan rasmi mengenai Aturan Urusan Mesyuarat pada 13 Mei 2020. Pindaan terhadap urusan mesyuarat 18 Mei 2020 dibuat atas dasar risiko ancaman wabak Covid-19. Kenyataan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dikeluarkan oleh pihak Parlimen Malaysia (2020b) yang menyatakan:

[S]aya telah menerima surat pemakluman yang ditandatangani YAB Perdana Menteri sebagai Ketua Majlis, memaklumkan disebabkan penularan wabak COVID-19 dalam negara yang masih belum reda sepenuhnya, pihak Kerajaan memutuskan Majlis Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Parliment ke-14 yang akan berlangsung selama satu hari iaitu pada Isnin, 18 Mei 2020 DIPINDA...

Maka, buat sekian kalinya krisis Covid-19 ini telah menyelamatkan Muhyiddin Yassin daripada usul undi tidak percaya yang berkemungkinan besar mengakibatkan keruntuhan kerajaan PN setelah mentadbir Malaysia kira-kira dua bulan. Sidang pada 18 Mei 2020 diadakan untuk

mendengar Titah Diraja Istiadat Pembukaan Penggal Parlimen oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan tiada sidang selepas Titah Diraja tersebut. Walau bagaimanapun, sidang ini menunjukkan bahawa Muhyiddin Yassin mempunyai majoriti tipis dalam blok kerajaan sebanyak 113 kerusi daripada 222 kerusi Parlimen. Kelebihan dua kerusi Parlimen membayangkan bahawa Muhyiddin Yassin mempunyai kepercayaan majoriti Ahli-ahli Dewan Rakyat tetapi berada dalam keadaan bahaya jika berlaku undi tidak percaya pada sidang akan datang. Apatah lagi, bekas Perdana Menteri Mahathir Mohamad masih belum lagi berputus asa untuk mengusulkan undi tidak percaya terhadap Muhyiddin Yassin yang menurut beliau mengetepikan pendirian politik sebelum ini dengan membelakangkan Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU dan mengadakan kerjasama dengan sekutu baharunya PN (*Astro Awani* 2020b).

## Kesimpulan

Krisis kesihatan Covid-19 membawa kepada penguatkuasaan PKP yang membataskan aktiviti harian rakyat Malaysia. Amalan normal baharu, bahkan abnormal baharu telah disyorkan bagi memerangi penularan pandemik Covid-19. Di Malaysia, krisis kesihatan global ini bertembung dengan kemelut politik negara yang menyaksikan pembentukan kerajaan PN setelah episod tujuh hari panjang. Kerajaan PN yang terbentuk di tengah-tengah kemelut politik dipersoalkan kredibilitinya, dicalarkan imejnya dan disangskakan popularitinya dalam kalangan rakyat kerana ia dianggap membelakangi mandat rakyat yang diperoleh kerajaan PH pada PRU-14. Begitu pun, situasi abnormal krisis Covid-19 sebenarnya berjaya buat sementara menyelamatkan Muhyiddin Yassin dan kerajaan PN pimpinan beliau. Terselamatnya kerajaan PN disandarkan kepada beberapa hujah. Pertama, imej, kredibiliti dan populariti Muhyiddin Yassin dan kerajaan PN sebagai ‘kerajaan pintu belakang’ yang mengabaikan prinsip moral politik telah digerhanakan oleh kejayaannya menangani krisis Covid-19 dengan baik. Pelaksanaan PKP berhasil untuk melandaikan lengkung jangkitan Covid-19 dengan pengurusan yang cekap dan berkesan oleh barisan hadapan jentera kerajaan seperti KKM, PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Selain itu, pengumuman pakej rangsangan ekonomi yang menangani golongan terjejas akibat pelaksanaan PKP melalui

PRIHATIN memberi kelegaan kepada rakyat bahawa sesuatu sedang dilaksanakan untuk membela nasib mereka. Kedua, penularan Covid-19 telah mengakibatkan perhatian rakyat tertumpu kepada perkembangan mengenai wabak ini berbanding isu politik yang diperhatikan dengan tekun sepanjang tujuh hari panjang. Kesempatan ini dimanfaatkan oleh Muhyiddin Yassin untuk memperkuatkan kedudukan beliau dalam parti dan kerajaan, selain melemahkan kepembangkangan terhadap beliau, baik daripada pemimpin PH maupun pemimpin parti komponen PN. Hal ini kerana permainan politik semasa negara menghadapi ancaman wabak Covid-19 yang berupaya meragut jiwa dilihat sebagai suatu yang tidak beretika. Di samping itu, perhatian rakyat terhadap isu Covid-19 secara tidak langsung meningkatkan populariti Perdana Menteri baharu Malaysia yang memiliki pesona imej warak, naluri kebapaan, berseloroh dan *on-trend* dengan media sosial. Ketiga, ancaman wabak Covid-19 yang melanda negara mematahkan cubaan untuk menjatuhkan Muhyiddin Yassin, sekali gus kerajaan PN. Sidang Parliment yang dijadualkan pada 9 Mac 2020 ditangguhkan ke 18 Mei 2020 menunda undi tidak percaya buat pertama kali. Pada 18 Mei 2020, wabak Covid-19 yang belum reda sepenuhnya telah menjadi rasional sidang tersebut diadakan tanpa sesi sidang dewan seperti kelazimannya. Sehubungan itu, undi tidak percaya sekali lagi dapat dielakkan untuk menyelamatkan Muhyiddin Yassin, selain majoriti Ahli-ahli Dewan dipercayai memihak kepada beliau.

Meskipun krisis Covid-19 dilihat berkecenderungan untuk menyelamatkan keadaan, kedudukan kerajaan PN dengan majoriti tipis meletakkannya ‘bagai telur di hujung tanduk’. Terdapat kritikan oleh pembangkang dan orang awam, khususnya *netizen* terhadap simptom budaya politik lama yang kembali timbul semasa tempoh pelaksanaan PKP. Kredibiliti dan prestasi PN tentunya dihakimi berdasarkan dasar-dasar yang dilaksanakan, terutamanya pemulihan ekonomi pasca PKP dalam landskap ekonomi global yang berhadapan kemelesetan. Lambat laun, apabila keadaan telah pun mengizinkan, Muhyiddin Yassin masih terdedah kepada kemungkinan undi tidak percaya. Gerak kerja politik menuju Pilihan Raya Umum ke-15 pasti lebih mencabar. PN perlu kekal sebagai satu entiti pada PRU-15 untuk menyaingi PH atau parti-parti komponen dalam PN akan menghadapi risiko perpecahan, justeru satu entiti baharu perlu diwujudkan. Setelah situasi kembali normal, PN perlu menghadapi padang sama rata dalam persaingan populariti PN-PH. Maka, Makcik Kiah, suami dan anaknya yang menetap di PPR Desa Tun Razak perlu menghitung semula pilihan politik mereka.

## Rujukan

- Abdul Hadi Awang. 2020. Perutusan Khas Presiden PAS: Kabinet Perpaduan Umat. *Berita PAS*, 10 Mac. Diakses di <https://berita.pas.org.my/perutusan-khas-presiden-pas-kabinet-perpaduan-umat/>
- Astro Awani*. 2020. UMNO wajar dapat agihan kerusi yang lebih adil - Khaled Nordin. 14 Mac 2020. Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-politik/umno-wajar-dapat-agihan-kerusi-yang-lebih-adil-khaled-nordin-233686>
- Astro Awani*. 2020b. Tun M teruskan usul undi tidak percaya terhadap Muhyiddin. 18 Mei. Diakses di <http://www.astroawani.com/video-malaysia/tun-m-teruskan-usul-undi-tidak-percaya-terhadap-muhyiddin-1850000>
- Azril Annuar. 2020. Shad Saleem: is a ‘backdoor govt’ proper? it may be constitutional, but still immoral. *The Malay Mail Online*, 4 Mac. Diakses di <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/04/shad-saleem-is-a-backdoor-govt-proper-it-may-be-constitutional-but-still-im/1843457>
- Bowie, N. 2020. ‘Malay first’ government takes hold in Malaysia. *Asia Times*, 11 Mac. Diakses di <https://asiatimes.com/2020/03/malay-first-government-takes-hold-in-malaysia/>
- Mahanum Abdul Aziz. 2020. Moratorium sewa-beli: Bank setuju tidak caj faedah, penalti lewat bayar - Tengku Zafrul. *Berita Harian Online*, 6 Mei. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/685904/moratorium-sewa-beli-bank-setuju-tidak-caj-faedah-penalti-lewat-bayar>
- Malaysiakini*. 2020. Saya tak mahu dengar orang kata PN kerajaan Melayu Islam. 15 Mac. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/514748>
- Mohamad Fadli. 2020. Jangan tarik kes, Zahid mahu pemimpin Umno bersih diri di mahkamah. *Free Malaysia Today*, 7 Mac. Diakses di <https://www.freemalaysia today.com/category/bahasa/2020/03/07/jangan-tarik-kes-zahid-mahu-pemimpin-umno-bersih-diridimahkamah/>
- Mohammad Fairuz Jumain. 2020. Komposisi Kabinet tak adil kepada UMNO, kata Tok Mat. *Sinar Harian Online*, 14 Mac. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/73820/KHAS/Peralihan-Kerajaan/Komposisi-Kabinet-tak-adil-kepada-UMNO-kata-Tok-Mat>
- Mohd Azlim Zainury. 2020. Jawatan diterima ahli Parlimen kem Azmin bukan habuan: Zuraida. *Sinar Harian Online*, 11 Mac. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/73430/BERITA/Nasional/Jawatan-diterima-ahli-Parlimen-kem-Azmin-bukan-habuan-Zuraida>
- Mohd Iskandar Ibrahim & Alzahrin Alias. 2020. Kerajaan akur ada golongan layak yang tercicir BPN. *Berita Harian Online*, 12 Mei. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/687948/kerajaan-akur-ada-golongan-layak-yang-tercicir-bpn>

- Muhammad Fathi Yusof. 2020. ‘Kerajaan pintu belakang’ ketepi mandat rakyat. *Berita Harian Online*, 7 Februari. Diakses di <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/02/653378/kerajaan-pintu-belakang-ketepi-mandat-rakyat>
- Muhammad Yusri Muzamir. 2020. Usaha kembalikan dana 1MDB diteruskan. *Berita Harian Online*, 17 Mac. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666195/usaha-kembalikan-dana-1mdb-diteruskan>
- Muhyiddin Yassin. 2020. Teks ucapan pengumuman pembentukan kabinet baharu kerajaan. *Pejabat Perdana Menteri Malaysia* 9 Mac. Diakses di <https://www.pmo.gov.my/2020/03/pengumuman-pembentukan-kabinet-baharu-kerajaan/>
- Muhyiddin Yassin. 2020b. Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai COVID-19 – 16 Mac 2020. *Pejabat Perdana Menteri Malaysia* 16 Mac. Diakses di <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-covid-19-16-mac-2020-2/>
- Muhyiddin Yassin. 2020c. Teks Ucapan Perutusan Khas Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). *Pejabat Perdana Menteri Malaysia* 27 Mac. Diakses di <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/03/teks-ucapan-perutusan-khas-pakej-rangsangan-ekonomi-prihatin-rakyat-prihatin/>
- Parlimen Malaysia. 2020. *Kenyataan Media oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat*, 8 Mei 2020.
- Parlimen Malaysia. 2020b. *Kenyataan Media oleh Yang di Pertua Dewan Rakyat*, 13 Mei 2020.
- Periasamy, M. 2020. Undi tidak percaya bukan ‘normal’ bagi budaya politik negara. *Astro Awani*, 12 Mei. Diakses di <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/undi-tidak-percaya-bukan-normal-bagi-budaya-politik-negara-242642>
- Raiham Mohd Sanusi. 2020. King Sing dilantik Duta Khas bertaraf menteri ke China. *Sinar Harian Online*, 20 April. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/79843/BERITA/Nasional/King-Sing-dilantik-Duta-Khas-bertaraf-menteri-ke-China>
- Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad. 2020. Kerajaan pintu belakang membelakangi rakyat. *Malaysiakini*, 8 Mac. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/513752>
- Rohana Ariffin. 2020. Mantan Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Ahli Jawatankuasa Gagasan Insan Progresif (GIP) dan bekas pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM). Temu bual e-mel dan mesej, 5 Mei.
- Roslinda Hashim. 2020. Undi tidak percaya PM tak kena masa: Wan Saiful. *Sinar Harian Online*, 9 Mei. Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/82729/BERITA/Politik/Ung-tidak-percaya-PM-tak-kena-masa-Wan-Saiful>

- Senthilingam, M. 2020. WHO says Wuhan coronavirus outbreak is not yet a pandemic. *CNN* 4 Februari. Diakses di <https://edition.cnn.com/2020/02/04/health/who-coronavirus-not-pandemic/index.html>
- Tricia Yeoh. 2020. Malaysia's new Perikatan Nasional government: a return of Barisan Nasional policies?. *Forces of Renewal Southeast Asia*, 2 Mac. Diakses di <https://forsea.co/malaysias-new-perikatan-nasional-government-a-return-of-barisan-nasional-policies/>
- UMNO Online. 2020a. Penggunaan ungkapan ‘kerajaan pintu belakang’ hasutan timbulkan kebencian – Ahmad Said. 14 Mac. Diakses di <https://umno-online.my/2020/03/14/penggunaan-ungkapan-kerajaan-pintu-belakang-hasutan-timbulkan-kebencian-ahmad-said/>
- UMNO Online. 2020b. UMNO tidak pernah sertai PN... PN bukan satu entiti politik – Tok Mat. 25 April. Diakses di <https://umno-online.my/2020/04/25/umno-tidak-pernah-sertai-pn-pn-bukan-satu-entiti-politik-tok-mat/>
- UMNO Online. 2020c. Usul percaya atau undi tidak percaya: sejauh mana Ahli Parlimen Semporna mempunyai etika politik – Rahman. 8 Mei. Diakses di <https://umno-online.my/2020/05/08/usul-percaya-atauundi-tidak-percaya-sejauh-mana-ahli-parlimen-semporna-mempunyai-etika-politik-rahman/>
- We Are Social. 2020. Digital 2020: global digital overview. 21 Mei. Diakses di <https://wearesocial.com/digital-2020>



# INDEKS

- 1Malaysia 168  
1MDB 145, 167, 251  
Aaron Ago Dagang 203  
Abang Johari 30, 41, 49, 53, 55, 103, 219  
Abd Latiff Hj Ahmad 200  
Abdul Aziz Abd Rahim 81  
Abdul Hadi Awang 6, 35, 56, 88, 150,  
    191, 219, 249, 254  
Abdul Hamid Bador 220  
Abdul Karim Rahman Hamzah 56  
Abdullah Ahmad Badawi 7, 10, 11, 37,  
    41, 105  
Abdul Muhamimin Mohd Muhyiddin 194  
Abdul Rahim Bakri 202  
Abdul Rahim Kajai 166  
Abdul Rahman Dahlan 264  
Abdul Rahman Mohamad 191  
Abdul Rashid Hasnon 253  
Abraham Lincoln 229  
Adenan Satem 58  
Adham Baba 191, 201  
Affendi Buang 220  
Ahmad Amzad Mohamed @ Hashim  
    203  
Ahmad Hamzah 203  
Ahmad Faizal Azumu 157  
Ahmad Marzuk Shaary 203  
Ahmad Masrizal Muhammad 203  
Ahmad Nazlan Idris 191  
Ahmad Said 250  
Ahmad Zahid Hamidi 8, 26, 31, 73, 194,  
    197, 206, 207, 219, 250, 251  
Akta Berita Tidak Benar 164, 168  
Akta Keselamatan Dalam Negeri 167  
Akta Pencegahan dan Pengawalan  
    Penyakit Berjangkit 1988 134, 256  
Akta Polis 1967 256  
Akta Universiti dan Kolej Universiti  
(AUKU) 214  
akuau bersumpah (SD) 32, 71, 176, 196,  
    218, 230, 240  
Alexander Nanta Linggi 201  
Ali Biju 58, 202  
Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-  
    Mustafa Billah Shah 11, 14, 35, 94,  
    104-105, 107, 111-114,  
    Peranan sebagai Yang di-Pertuan  
    Agong – 16, 32, 33, 71, 83, 94, 103,  
    106, 108-110, 117, 128, 129, 132,  
    159, 172, 177, 178, 196, 197, 212,  
    219-236, 238, 239, 249, 265  
Ambiga Sreenevasan 153  
*Annan Fans* 261  
Angkatan Perpaduan Ummah 3  
Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 156,  
    220, 265  
Annuar Musa 63, 103, 188, 196, 220  
Annuar Shaari 26  
anti-lompat parti 86  
Anuar Tahir 191

- Anwar Ibrahim 1, 4, 7, 11, 20, 26, 32, 39, 53, 61-62, 73, 102, 105, 106, 127, 144, 158, 160, 164, 171-173, 176, 189, 191, 195, 216-220, 222, 224-227, 230, 236, 247, 259
- Anyi Ngau 9
- Arend Lijhpart 240
- Arthur Joseph Kurup 204
- A. Samad Ismail 166
- Astro Awani* 49, 170, 175, 178, 211, 220
- Asyraf Wajdi 205
- Awang Hashim 203
- Azalina Othman 205
- Azhar Harun 153
- Aziz Bari 140
- Azmin Ali 5, 7, 19-20, 25, 26, 29, 30, 34-37, 41, 52, 58-60, 64, 71, 75, 102-103, 164, 171-173, 186, 188, 190-191, 195, 200, 205, 219-220, 222, 224, 225, 227, 245, 253, 254, 255, 264
- Azmi Sharom 82, 84
- Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 9, 262
- Barack Obama 169
- Barisan Alternatif 3, 216
- Barisan Nasional (BN) 3-7, 10, 13, 16, 29, 34, 47, 48, 50-52, 59, 62, 63, 65, 71, 73-74, 77, 81, 82, 87-89, 100, 103, 107, 115, 125, 127, 142, 145-146, 151, 167-168, 177, 179, 185-188, 199, 205, 207, 216, 219, 232, 245, 247, 250-253, 255, 264
- Baru Bian 9, 39, 58
- Berita Harian* 101, 167, 175, 220,
- Bernama* 211
- bona fide* 263
- Brexit 3
- Bryan Singer 42
- Bumiputera 125, 173, 233,
- Bung Mokhtar Radin 60
- Chan Foong Hin 60
- Charles Jauti 61
- Charles Santiago 158
- Che Abdullah Mat Nawi 203
- Chong Chi Jen 55, 57-58
- Covid-19 2, 9, 16, 35, 37, 114, 246, 249, 256-259, 261-266
- Craig Lockard 2
- Daim Zainuddin 4
- Dasar Ekonomi Baru (DEB) 149
- Datuk Pengelola Bijaya Diraja 83, 110, 172, 178-180
- Dean Keaton 22, 42,
- Deep Throat* 44
- Democratic Action Party/Parti Tindakan Demokratik (DAP) 4, 14-15, 18, 20, 24-29, 35, 38-41, 48-51, 55-60, 64, 65, 73, 101, 102, 125, 127, 139-145, 147-161, 165, 174, 179, 187-189, 193, 196-200, 207, 217, 219, 220, 222, 259
- Democratic Party of Japan (DPJ) 5
- demokrasi berparlimen 11, 72, 80, 81, 84, 87, 90, 97, 110, 119, 121, 230, 232-234
- Dewan Negara 121-124
- Dewan Rakyat 8, 12, 37, 47, 71, 72, 77-85, 89, 93, 100, 107-109, 111, 113, 120-126, 128, 130-135, 172, 178, 197, 247, 253, 263, 264,
- Diego Maradona 41
- DISKOPPI 214
- Donald Trump 3, 20,
- Dong Zong 148
- due process of law* 84, 85, 87
- Eddin Syazlee Shith 202
- Edry Faizal 140
- ENGAGE 154
- Facebook* 2, 168-170, 215, 219-221, 260, 261
- Fadillah Yusof 201
- Faisal Hazis 154
- Fixed-term Parliament Act 2011 134
- Gabriel Byrne 42
- Gabungan Parti Sarawak (GPS) 7, 13, 30, 48, 55, 71, 102, 103, 146, 177, 230, 252

- Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) 151, 153, 154  
 Gagasan Rakyat 3  
 George Soros 151  
 George W. Bush 143  
 Gobind Singh Deo 29, 152, 153, 157  
*Google* 15, 164, 165, 171-177, 179  
*Google Plus* 171  
*Google Trends* 165, 171, 173, 179  
 G.Saminathan 150
- Hajiji Mohd. Nor 60  
 Hamzah Zainudin 26, 28, 29, 41, 200, 258  
 Hanifah Hajar Taib 203  
 Hanif Omar 78  
 Hannah Yeoh 155, 156  
 Hans Morgenthau 222  
*Harakah* 175  
*Harian Metro* 167, 175  
 Harold Dwight Lasswell 235  
 Hasbi Haji Habibollah 203  
 Hashim Jasin 187  
 Henry Sum Agong 203  
 Hew Kuan Yau 148, 155  
 Hishammuddin Hussein 19, 25, 28, 29, 41, 75 190  
 Hosni Mubarak 169
- Ikmal Hisham Abdul Aziz 202  
*Inisiatif Jalur dan Jalan Meraih Manfaat Bersama* 155  
*Instagram* 168, 215, 221, 260-261  
*International Convention on Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD)* 188, 248  
 Iran-Kontra 20, 21  
 Isa Samad 26  
 Ishak Haji Muhammad 166  
 Ismail Abdul Muttalib 191  
 Ismail Haji Mohamed Said 202  
 Ismail Sabri Yaakob 31, 38, 201
- Jabatan Keadilan (DOJ) 167  
 Jahaberdeen Yunoos 129  
 Jamaliah Jamaluddin 140
- James Chin 229  
 James Masing 55  
*Janda Baik* 30  
 Jawatankuasa Reformasi Institusi (IRC) 153  
 Jawatankuasa Reformasi Pilihan Raya (ERC) 154  
 Jeffrey Kittingan 50  
 Jemaah Menteri (Kabinet) 80, 117, 120-123, 126-133, 169, 194, 219  
 Senarai Kabinet Perikatan Nasional 200-204  
 Jeyakumar Devaraj 28, 146  
 Joceline Tan 2  
 Jofri Jaraiee 56  
 Johan Jaafar 157  
 John F Kennedy 20, 43  
 John McCain 169  
 Johnson Chew 153  
 Jonathan Yasin 60  
 Jorge Burruchaga 41  
 Joseph Schumpeter 228
- Kamaruddin Jaffar 202  
 Kamarul Bahrin Haron 178  
 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) 134, 249  
 Kementerian Kewangan 147, 149, 204, 263  
 kerajaan pintu belakang 10, 29, 32, 79, 83, 85, 101, 109, 158, 177, 179, 190-192, 212, 230, 232-234, 237, 246, 248-250, 255, 265  
 Kerajaan tebuk atap 10, 85, 249, 250,  
 Kerajaan sementara 118-120, 124, 130, 131, 133  
 Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia 134  
 Kevin Spacey 42  
*Keyser Soze* 12, 19, 21-23, 39, 42, 43  
 Khairil Anwar 43  
 Khairy Jamaluddin 32, 151, 201,  
 Khaled Nordin 189, 195, 205  
 Khalid Samad 29, 41, 230  
*Kobayashi* 22-23, 42

- Kompeni Hindia Timur Belanda 166  
 Kongres Maruah Melayu (KMM) 15, 28,  
     186, 188, 195  
 Koon Yew Yin 156  
*Kosmo* 167  
 Krisis Perlombagaan Perak 81-82, 88.  
 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja  
     (KWSP) 262
- Langkah Kajang 11, 218, 248  
 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan  
     (FELDA) 26, 146,  
 Liberal Democratic Party Japan (LDP) 5  
 Liberal Democratic Party (LDP) 50  
 Liberation Tigers of Tamil Elam  
     (LTTE) 148, 150, 154, 157, 188,  
     195, 198  
 Liew Chin Tong 29, 142, 155, 187  
 Liew Vui Keong 263  
 Lim Ban Hong 203  
 Lim Guan Eng 49, 142, 144, 146-148,  
     150, 155, 159, 188, 219, 230  
 Lim Swee San 156  
 Lokman Noor Adam 190, 194  
 lompat parti 8-9, 23, 51, 60, 74, 86-87,  
     90, 232, 239, 250, 255  
 Loo Why Leong 156  
 Lord Acton 228
- Madhi Hassan 85  
 Mahamad Alamin 60  
 Mahathir Mohamad 3, 4, 7-9, 12, 14, 15,  
     19-21, 24-43, 53, 54, 56, 58-63, 65,  
     71-73, 75-79, 84, 87, 98, 101-108,  
     110, 113, 114, 117, 118, 127, 128,  
     130-134, 143-147, 151, 157-160,  
     164, 168, 170-173, 175-179, 185,  
     188-191, 193-198, 206, 207, 212,  
     216, 218-220, 222-224, 226, 227,  
     229, 230, 233-238, 240, 247-249,  
     258, 259, 263-265,  
 Mah Hang Soon 203  
 Majlis Media Malaysia 151, 152  
 Majlis Pengurusan Komuniti Kampung  
     Persekutuan (MPKKP) 54, 55
- Majlis Raja-Raja 14, 38, 72, 78, 93-95,  
     97, 104, 111, 121, 122, 125, 127,  
     220, 234, 238  
 Malayan Union 165  
*Malaysia Baharu* 4, 125, 248, 252  
*Malaysiakini* 151-153, 173, 177, 220,  
 Malaysian Chinese Association (MCA)  
     7, 9, 35, 38, 50, 73, 102, 125, 147-  
     148, 198-201, 203, 230, 252,  
 Malaysian Indian Congress (MIC) 50,  
     73, 125  
 Malaysian Malaysia 56, 197  
 Mandeep Singh 153  
 Mansor Othman 202  
 Maria Chin 153  
 Marina Mahathir 32  
 Marzuki Yahya 30, 191, 220, 258  
 Mas Ermieyati Hj Samsudin 202  
 Masir Kujat 49, 59  
 Mastura Mohd Yazid 191  
 masyarakat sivil 10, 11, 32, 36, 148,  
     150-154  
     establishment 150, 151  
 Maszlee Malik 38, 152,  
 Maximus Ongkili 63  
 Mazlan Bujang 34  
*Media Prima* 153, 167, 170, 211  
 Michael Tiang 57  
*Mingguan Malaysia* 167  
 M. Kulasegaran 29, 157  
 Mohamad Ariff Md Yusof 263  
 Mohamad Hasan (Tok Mat) 254, 255,  
     258  
 Mohamad Sabu 30  
 Mohamad Nizar 106  
 Mohd Izani 173, 182  
 Mohd Khairuddin bin Aman Razali 201  
 Mohd Radzi Md Jidin 200  
 Mohd Redzuan Md Yusof 200  
 Mohd Shafie Apdal 6, 50, 60, 61, 219,  
     263, 264  
 Mohd Shahar Abdullah 191, 202  
 Mohd Tajuddin Rasdi 154  
 Mohd Zuki Ali (juga Ketua Setiausaha  
     Negara/KSN) 104, 106, 107 133,

- Muafakat Nasional (MN) 6, 7, 15, 17, 25, 30, 35, 73, 160, 185-200, 204-208, 218, 232, 235, 240, 246, 247, 253, 255, 258,
- Muhammad Adib 150, 188
- Muhyiddin Yassin 6-9, 15-16, 19-21, 27, 29, 31-34, 36-41, 48, 53-56, 59-63, 71, 72, 76-79, 84-86, 89, 103, 105, 109-110, 146, 158-160, 164, 172-175, 177, 179, 186, 194-197, 200, 204-207, 218-220, 227, 230, 232, 236, 237, 245, 246, 251-253, 255-266
- Musa Aman 250
- Musa Hasan 78
- Muslimin Yahaya 202
- Mustapa Mohamed 200
- Najib Razak 5, 8, 35, 41, 73, 74, 81, 105, 142, 151, 194, 205, 250,  
*Malu Apa Bossku* 5
- Nancy Shukri 201
- Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 166
- Nelson Balang Rining 8
- New Straits Times* 167
- Nga Kor Ming 157
- Ngeh Koo Ham 157
- Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud 105, 130
- Nikita Khrushchev 241
- Noor Azmi Ghazali 202
- Noraini Ahmad 201
- Norhizam Hassan Baktee 140, 156
- Ong Kian Ming 142, 145, 155
- Onn Jaafar 3
- Ordinan Hasutan 1948 167
- Ordinan Kawalan Penerbitan 167
- Ordinan Mesin Cetak 1948 167
- Otto von Bismarck 228
- Pakatan Harapan (PH) 3-8, 10-11, 13, 14, 16, 19, 21, 25-40, 43, 47-61, 64, 65, 71-79, 83, 86-89, 101-103, 125-127, 133, 140, 142-146, 148-160, 164, 168, 171, 172, 174-176, 178, 179, 185-188, 190-193, 196, 198, 199, 205, 207, 212, 216-220, 222-228, 230, 232-236, 238-240, 246-251, 253, 255, 256, 258-260, 262, 263, 265, 266
- Majlis Presiden 27, 29-31, 36, 40, 75, 102, 158, 159, 176, 217, 218, 224, 227, 230,
- Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) 37, 262
- Parti Amanah Negara (AMANAH) 4, 35, 48, 101-102, 125, 127, 144, 158, 159, 199, 217, 219, 259,
- Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBSRS) 50, 51, 63,
- Parti BERSATU Sabah (PBS) 6, 50, 51, 201, 204, 207,
- Parti Demokratik 169
- Parti Islam Semalaysia (PAS) 3, 6, 7, 15, 20, 24-25, 28-30, 35, 38, 51, 52, 55-56, 63, 65, 71, 73, 77, 102, 103, 107, 125, 127, 141, 142, 146, 150, 153, 164, 174-179, 186-188, 191-194, 197, 200, 201, 203, 206, 207, 215, 216, 218, 219, 223, 230, 232, 234, 240, 246-249, 251-255, 258, 260,
- Parti Keadilan Rakyat (PKR) 4-5, 7, 25-26, 28, 35, 48-52, 57-60, 64, 71, 73, 75, 101-103, 125, 127, 144, 153, 159, 174, 175, 177-179, 191, 194, 215, 218-219, 222, 224-227, 230, 234, 245, 248, 253, 259,
- Parti Komunis Indonesia (PKI) 141  
Tragedi Lubang Buaya 43
- Parti Komunis Malaya (PKM) 155
- Parti Negara 3
- Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU/PPBM) 4, 6, 8, 15, 25-36, 38-39, 42, 50-52, 59, 60, 61, 65, 71, 73-75, 77, 78, 87, 102, 125, 127, 132, 133, 144, 151, 153, 155-158, 164, 165, 172, 174, 175, 177-179, 186, 191, 192, 196, 199, 200, 202, 204-208, 219-220, 222, 230, 234, 240, 245, 248, 252-254, 258, 259, 263, 265

- Parti Rakyat Sarawak (PRS) 8, 9, 48, 49, 55  
 Parti Republikan 169  
 Parti Sarawak Bersatu (PSB) 49, 58, 59,  
 Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) 50, 51, 62-64, 207,  
 Parti Sosialis Malaysia (PSM) 28, 146  
 Parti Warisan Sabah (WARISAN) 3, 8, 13, 35, 38, 47, 50-52, 60-62, 65, 71, 88, 102, 125, 177, 219,  
 Paul Yong 156  
 Perdana Menteri Interim 14, 35-36, 72, 76-78, 84, 106, 108, 117-121, 127-135, 171, 172, 177, 178, 196, 248,  
 Perikatan 3,  
 Perikatan Nasional (PN) 6, 8-10, 13-16, 28, 31-32, 40, 42, 48, 51-54, 57, 58-62, 64, 65, 71, 72, 76, 78, 86, 103, 109, 140, 146, 159-160, 175, 186, 194, 196, 197, 199, 200, 202, 204-208, 211, 212, 221, 226, 230-234, 236-237, 239-241, 245-260, 262-266  
 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2, 16, 246-247, 255-262, 265, 266  
 Perjanjian Malaysia 13, 57, 58, 62, 63, 65,  
 Persatuan British Malaya 166  
 Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 25, 102, 176, 217, 218, 247  
 Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) 8, 9, 48, 219  
 Pete Poslethwaite 42  
 P. Gunasekaran 150  
 Piala Dunia 41  
 Polis Diraja Malaysia (PDRM) 24, 148, 251  
     Cawangan Khas 24  
 politik hibrid 13, 72, 74, 88  
 P. Ramasamy 155, 157, 158  
 Premesh Chandran 151, 152  
 PRK DUN Balakong 187  
 PRK DUN Rantau 5, 73, 187, 199  
 PRK DUN Seri Setia 187  
 PRK Kimanis 3, 6, 51, 63, 73, 199  
 PRK Cameron Highlands 5, 73, 187  
 PRK Port Dickson 187  
 PRK Semenyih 5, 73, 150, 187,  
 PRK Sungai Kandis 187  
 PRK Tanjung Piai 5, 6, 29, 73, 148, 158, 199,  
 Progressive Democratic Party (PDP) 8, 9, 48, 254,  
 Projek Pan Borneo 54  
 Puteri Diana 20, 44  
*Radio Televisyen Malaysia (RTM)* 156, 178, 211, 261  
 Rais Yatim 27  
 Raja Azlan Shah 80, 84  
 Raja berperlembagaan 72, 80-82, 84, 87, 96-97, 110, 121, 234  
*rally round the flag effect* 9  
 Reezal Merican bin Naina Merican 201  
 Reformasi 1  
 Reuters 169  
 Revolusi Perindustrian keempat (4IR)/ Revolusi Industri 4.0 169, 260  
 Richard Nixon 44, 143  
 Richard Riot 9, 57  
 Rina Mohd Harun 200  
 Robert Dahl 228  
 Ronald Kiandee 200  
 Ronnie Liu 101, 155, 158  
 Rosol Wahid 202  
 Saifuddin Abdullah 191  
 Saifuddin Nasution Ismail 191  
 Samuel Huntington 228  
 Santhara Kumar A/L Ramanaidu 202  
 Saravanan A/L Murugan 201  
 Sarawak United People's Party (SUPP) 8, 9, 48, 57,  
 Semangat 46 (S46) 206  
 Shad Saleem Faruqi 80, 107, 108, 120, 133, 250  
 Shahruddin Md Salleh 202  
 Shahrul Aman 153  
 Shamrahayu Aziz 110, 113  
 Shamsul Anuar Hj Nasarah 201  
 Sheikh Omar Ali 156

- Sim Kui Hin 57, 58  
*Sin Chiew Daily* 29  
 Siti Zailah Mohd Yusoff 203  
 Statut Rom 188  
 Steven Gan 151  
 Steven Sim 156  
 Suffian Hashim 94  
 Suharto 141  
 Sultan Abu Bakar (Pahang) 112  
 Sultan Ahmad Shah (Pahang) 100, 112  
 Sultan Azlan Shah (Perak) 95, 97, 106,  
     107  
 Sultan Ibrahim (Johor) 37  
 Sultan Sharafuddin Idris Shah  
     (Selangor) 104, 109, 110  
 Suruhanjaya Komunikasi dan  
     Multimedia Malaysia (SKMM) 170  
 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah  
     Malaysia (SPRM) 251  
 Suruhanjaya Reid 96, 97  
 Syahredzan Johan 156  
 syarikat berkaitan kerajaan (GLC) 8,  
     167, 205, 254  
 Syarikat Hindia Timur Inggeris 166  
 Syed Saddiq 29, 33, 38, 79, 84-86, 181  
 Syerleena Rashid 140  
 Sylvie Briand 256
- Tajuddin Abdul Rahman 205, 206  
 Takiyuddin Hassan 36, 191, 192  
 Tan Kok Wai 155  
 Tan Seng Giaw 155  
 Tengku Adnan Tengku Mansor 250  
 Tengku Arif (Pahang) 99, 100  
 Tengku Razaleigh Hamzah 206  
 Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz 201  
 Tengku Zulpuri Shah 140  
 Tentera Troll Kebangsaan Malaysia  
     (PTKM) 261  
 teori konspirasi 12, 20, 21, 29, 34, 39,  
     43, 45, 176, 212, 222-224, 226,  
     228  
 teori R.A.H.M.A.N 2  
*The Guardian* 83, 110, 178  
*The Usual Suspect* 12, 21, 22, 42-43,  
 Ti Lian Ker 203
- Tindak Malaysia 154  
 Ting Tiong Choon 156  
 Tiong King Sing 8, 254  
*Tolak Individu Bernama Anwar Ibrahim  
     (TIBAI)* 26  
 Tommy Thomas 130, 133, 150, 151,  
     188,  
 Tony Pua 145, 149, 161  
*Troll Kerajaankini* 261  
 Tunku Abdul Rahman 80, 81, 100, 105,  
     119  
 Tunku Azizah (Permaisuri Agong) 112  
 Tun Rahah 42  
 Tun Razak 1, 42, 266  
*Twitter* 27, 168-169, 215, 221, 260, 261  
     *FinanceTwitter* 259
- ultrakonservatif 139, 149, 155, 158  
 ultrakonservatisme 187  
*UMNO Online* 172, 175  
 Unified Examination Certificate (UEC)  
     157, 188  
 United Malays National Organisation  
     (UMNO) 3, 4, 6-8, 15, 20, 24-26,  
     28-32, 35-38, 41, 50, 51, 53, 55,  
     56, 59-61, 63-65, 73-76, 86, 101,  
     102, 125, 141, 142, 146, 148, 151-  
     153, 157, 164-166, 172, 174-179,  
     186-197, 200-208, 215, 216, 218,  
     219, 223, 230, 234, 240, 245-255,  
     258, 260, 264,  
 United Progressive Kinabalu  
     Organization (Pertubuhan Pasok  
     Momogun Kadazandusun Murut  
     Bersatu (UPKO) 50, 51, 61, 62,  
     64, 65, 66, 101,  
 Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
     (UIAM) 120  
 Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)  
     54  
*Utusan Malaysia* 141, 153, 167  
*Utusan Melayu* 166
- Verbal Kint* 22, 42
- Wan Azizah 106

- Wan Junaidi Tuanku Jaafar 58, 201  
Wan Saiful Wan Jan 35, 263  
Watergate 20-21, 44  
Wawasan 2020 245  
Wee Jeck Seng 203  
Wee Ka Siong 199, 201, 252  
Wilfred Madius Tangau 61  
William Case 148  
Willie Mongin 58  
Wisma Putra 179  
World Health Organization (WHO) 256
- Zahidi Zainul Abidin 203  
Zahid Mat Arip 19, 26, 30, 32, 36  
Zairil Khir Johari 140  
Zakir Naik 157, 188  
Zambry Abdul Kadir 107  
ZF Zamir 149  
Zin Mahmud 11  
Zoe Randhawa 153  
Zulkifli Mohamad Al-Bakri 201  
Zulkifli Nordin 26  
Zuraida Kamaruddin 29, 200, 219, 254
- Young Syefura Othman 140  
Yusmadi Yusoff 77, 83  
Yusoff Rawther 78

Tahun 2020 dibuka dengan satu lagi episod bersejarah dalam politik Malaysia iaitu krisis penjajaran semula politik negara atau lebih dikenali umum dengan pelbagai nama seperti Krisis Sheraton, Langkah Sheraton, Operasi Sheraton atau Kudeta Sheraton. Pergolakan “tujuh hari panjang” tersebut menyebabkan tumbangnya kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang baru sahaja memegang tumpuk pemerintahan negara selama dua puluh dua bulan ke tangan gabungan politik baru yang dikenali dengan nama Perikatan Nasional (PN). Krisis Sheraton mencipta sejarah dan kontroversi apabila buat pertama kalinya, peralihan kuasa tidak dilakukan menerusi mekanisme iaitu pilihan raya umum. Tindakan Perdana Menteri ketika itu, Mahathir Mohamad yang meletakkan jawatan secara mengejut telah memulakan mega plot yang dipenuhi ketidaktentuan, pergelutan, keceluaran dan kekeliruan. Tidak terhenti di situ, krisis politik ini disusuli pula dengan krisis kesihatan paling mencabar selepas kemerdekaaan iaitu wabak Covid-19. Pertembungan krisis politik dan krisis kesihatan ini memberikan dimensi timbal balik yang mendalam terhadap trajektori politik Malaysia. Buku ini ditulis bagi merenung dan mentafsir perkembangan yang berlaku sebelum, sewaktu dan selepas berakhiri tujuh hari panjang tersebut. Ia memfokuskan kepada isu-isu utama yang banyak diperbahaskan masyarakat umum seperti apakah motif atau motivasi yang mendasari Krisis Sheraton? Siapakah “Keyser Soze” iaitu individu yang menggerak atau menjadi pencatur utama dalam menjayakan pembentukan kerajaan PN? Bagaimana pendirian dan peranan Sarawak dan Sabah dalam rancangan tersebut? Apakah implikasi Krisis Sheraton terhadap politik dan perundungan di Malaysia? Apakah keunikan peranan yang dimainkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan Institusi Raja dalam menyelesaikan krisis yang tidak pernah berlaku itu? Apakah perlantikan Perdana Menteri Interim yang disandang oleh Mahathir selama tujuh hari itu sah di sisi undang-undang? Bagaimanakah DAP berperanan dalam membuka jalan terhadap krisis tersebut? Sejauhmana media sohor kini memberikan jawapan terhadap teka teki yang wujud sepanjang berlangsungnya krisis? Apakah sumbangan yang dimainkan oleh gabungan Muafakat Nasional? Bagaimana golongan muda seperti mahasiswa memberi reaksi mereka terhadap krisis yang berlangsung dan tidak ketinggalan, bagaimana krisis Covid-19 dihujahkan menjadi ‘penyelamat’ kepada legitimasi Perdana Menteri baru, Muhyiddin Yassin dan kerajaan PN yang dipimpinnya. Ditulis dengan gabungan pendekatan akademik dan popular dan dibantu dengan maklumat-maklumat primer, buku ini di harap dapat menjadi rujukan preliminari mengenai saga yang telah mencipta enigma tersendiri.

---

MUHAMAD TAKIYUDDIN ISMAIL (Ph.D) merupakan Profesor Madya di Program Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran dan minat penyelidikan beliau ialah *Saga Neokonservatif*; beliau ialah Pendemokrasian dan Pemikiran Politik. Antara buku tulisan beliau ialah *Saga Neokonservatif*; *Abdullah Badawi, UMNO dan Konservatisme* (Penerbit UKM, 2014), *Projek Pascaetnik: Melayu dalam DAP* (Penerbit UKM, 2018) dan juga buku yang telah memenangi Anugerah Buku Negara 2019, *Bantuan Demokrasi dan Pendanaan Asing di Malaysia: Melewati Pertukaran Rejim* (Penerbit Universiti Malaya, 2019).

SUFFIAN MANSOR (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran dan minat penyelidikan beliau ialah sejarah politik Sabah dan Sarawak dan Sejarah China Moden. Antara buku tulisan beliau ialah *Tun Perak: Dalam Pemerintahan dan Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka* (Penerbit UKM, 2019), *Tema Baru Penulisan Sejarah* (Penerbit Universiti Malaya, 2012) dan *Sejarah China Moden* (Penerbit Universiti Malaya, 2009).



PENERBIT  
UNIVERSITI  
MALAYA

